2. Perbezaan aspek psikologi iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi berdasarkan lokasi (bandar dan luar bandar)
3. Hubungan antara salah laku disiplin dengan motivasi dalam kalangan pelajar.

4 Hubungan antara salah laku disiplin dengan asertif dalam kalangan pelajar.

5. Hubungan antara salah laku disiplin dengan empati dalam kalangan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6. Hubungan antara salah laku disiplin dengan harga diri dalam kalangan pelajar.

7 Hubungan antara salah laku disiplin dengan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar.

1.4.4 Objektif Kajian Eksperimental

Manakala kajian eksperimental satu modul KKPR berasaskan pendekatan REBT dibina sebagai intervensi untuk membantu pelajar salah laku disiplin;

1. Aspek psikologi iaitu; motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi berdasarkan ukuran praujian dan posujian antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.
2. Aspek psikologi iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi pelajar yang melakukan salah laku disiplin antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dengan kelompok kawalan.
3. Aspek psikologi iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi pelajar yang melakukan salah laku disiplin antara kelompok rawatan bandar, kelompok rawatan luar bandar dan kelompok kawalan.
4. Aspek salah laku disiplin antara kelompok rawatan lelaki dan kelompok rawatan perempuan dengan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5. Aspek salah laku disiplin antara kelompok rawatan bandar dan kelompok rawatan luar bandar dengan kelompok kawalan.

1.4.5 Objektif Khusus Kajian Eksperimental

Berdasarkan lima objektif umum di atas, objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

1 Untuk menguji kesan kelompok bimbingan KKPR dengan mengukur perbezaan min antara praujian dan posujian ke atas motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan;

1.1 Untuk menguji kesan KKPR dengan mengukur perbezaan min antara praujian dan posujian ke atas motivasi antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan.

1.2 Untuk menguji kesan KKPR dengan mengukur perbezaan min antara praujian dan posujian ke atas asertif antara kelompok rawatandengan kelompok kawalan.

1.3 Untuk menguji kesan KKPR dengan mengukur perbezaan min antara praujian dan posujian ke atas empati antara kelompok rawatandengan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Untuk menguji kesan KKPR dengan mengukur perbezaan min antara praujian dan posujian ke atas harga diri antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan.

1.5 Untuk menguji kesan KKPR dengan mengukur perbezaan min antara praujian dan posujian ke atas kecerdasan emosi antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan.

2. Untuk menguji kesan kelompok bimbingan KKPR dengan mengukur perbezaan antara min praujian dan posujian ke atas motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dengan kelompok kawalan mengikut gender.

2.1 Untuk menguji kesan KKPR dengan mengukur perbezaan min antara praujian dan posujian ke atas motivasi antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dengan kelompok kawalan yang melakukan salah laku disiplin.

2.2 Untuk menguji kesan KKPR dengan mengukur perbezaan min antara praujian dan posujian ke atas asertif antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dengan kelompok kawalan yang melakukan salah laku disiplin.

2.3 Untuk menguji kesan KKPR dengan mengukur perbezaan min antara praujian dan posujian ke atas empati antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dengan kelompok kawalan yang melakukan salah laku disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Untuk menguji kesan KKPR dengan mengukur perbezaan min antara praujian dan posujian ke atas harga diri antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dengan kelompok kawalan yang melakukan salah laku disiplin.

2.5 Untuk menguji kesan KKPR dengan mengukur perbezaan min antara praujian dan posujian ke atas kecerdasan emosi antara kelompok rawatan lelaki, kelompok rawatan perempuan dengan kelompok kawalan yang melakukan salah laku disiplin.

3. Untuk menguji kesan kelompok bimbingan KKPR dengan mengukur perbezaan min antara praujian dan posujian motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi antara kelompok rawatan bandar, kelompok rawatan luar bandar dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Untuk menguji kesan KKPR dengan mengukur perbezaan min antara praujian dan posujian ke atas motivasi antara kelompok rawatan bandar, kelompok rawatan luar bandar dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

3.2 Untuk menguji kesan KKPR dengan mengukur perbezaan min antara praujian dan posujian ke atas asertif antara kelompok rawatan bandar, kelompok rawatan luar bandar dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

3.3 Untuk menguji kesan KKPR dengan mengukur perbezaan min antara praujian dan posujian ke atas empati antara kelompok rawatan bandar,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelompok rawatan luar bandar dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

3.4 Untuk menguji kesan KKPR dengan mengukur perbezaan min antara praujian dan posujian ke atas harga diri antara kelompok rawatan bandar, kelompok rawatan luar bandar dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

3.5 Untuk menguji kesan KKPR dengan mengukur perbezaan min antara praujian dan posujian ke atas kecerdasan emosi antara kelompok rawatan bandar, kelompok rawatan luar bandar dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. Untuk menguji kesan kelompok bimbingan KKPR dengan mengukur perbezaan min antara skor praujian dan posujian aspek salah laku disiplin antara kelompok rawatan lelaki dan kelompok rawatan perempuan dengan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

5 Untuk menguji kesan kelompok bimbingan KKPR dengan mengukur perbezaan min skor praujian dan posujian aspek salah laku disiplin antara kelompok rawatan bandar dan kelompok rawatan luar bandar dengan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Hipotesis Kajian

Kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu kajian awal dan eksperimental. Melalui kajian awal hipotesis dibina bagi mendapat data secara statistik perbezaan dengan menggunakan analisis data secara t-test, anova dan mancova berdasarkan objektif kajian yang dibentuk. Data statistik yang berkaitan dengan tujuan kajian yang dinyatakan ini bagi menjelaskan fenomena salah laku pelajar di sekolah. Kajian awal melihat kepada demografi iaitu jantina dan tempat tinggal (lokasi) pelajar tersebut, manakala salah laku merujuk kepada pekeliling KPM (2010), menyenaraikan lapan salah salah laku iaitu jenayah; kekemasan diri; ponteng;kurang sopan;mengabaikan masa;merosakkan harta benda;tidak jujur dan kelakuan lucah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5.1 Hipotesis Kajian Awal

a) Kajian perbezaan salah laku disiplin dari aspek psikologi iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi mengikut gender (lelaki dan perempuan);

1. Tidak terdapat perbezaan motivasi mengikut gender dalam kalangan pelajar salah laku disiplin.
2. Tidak terdapat perbezaan salah laku disiplin daripada asertif mengikut gender dalam kalangan pelajar salah laku disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Tidak terdapat perbezaan salah laku disiplin daripada empati mengikut genderdalam kalangan pelajar salah laku disiplin.
4. Tidak terdapat perbezaan salah laku disiplin daripada harga diri mengikut gender dalam kalangan pelajar salah laku disiplin.
5. Tidak terdapat perbezaan salah laku disiplin daripada kecerdasan emosi mengikut gender dalam kalangan pelajar salah laku disiplin.

b) Kajian perkaitan perbezaan salah laku disiplin daripada aspek psikologi iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi berdasarkan lokasi (bandar dan luar bandar);

1. Tidak terdapat perbezaan aspek motivasi berdasarkan lokasi
2. Tidak terdapat perbezaan aspek asertif berdasarkan lokasi.
3. Tidak terdapat perbezaan aspek empati berdasarkan lokasi.
4. Tidak terdapat perbezaan aspek harga diri berdasarkan lokasi.
5. Tidak terdapat perbezaan aspek kecerdasan emosi berdasarkan lokasi.

c) Kajian perkaitan hubungan antara salah laku disiplin dengan aspek psikologi iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar;

1. Tidak terdapat hubungan antara salah laku disiplin dengan motivasi dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.
2. Tidak terdapat hubungan antara salah laku disiplin dengan asertif dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Tidak terdapat hubungan antara salah laku disiplin dengan empati dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.
4. Tidak terdapat hubungan antara salah laku disiplin dengan harga diri dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.
5. Tidak terdapat hubungan antara salah laku disiplin dengan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

1.5.2 Hipotesis Kajian Kuasi Eksperimental

Kajian ini dengan menggunakan modul KKPR berasaskan REBT sebagai intervensi untuk membantu pelajar yang bertingkah laku salah laku supaya memahami, menghayati dan menggunakan teknik-teknik yang dipelajari dalam kelompok bimbingan untuk mengubah salah laku disiplin. Pengkaji mengandaikan bahawa model kelompok bimbingan yang dijalankan dapat memberikan kesan terhadap perubahan salah laku disiplin ahli kelompok yang menjalani sesi sebagai rawatan kepada salah laku mereka.

Kajian ini menggunakan kelompok bimbingan berstruktur yang menjurus kepada perbincangan tentang pembentukan tingkah laku positif dan menghindarkan tingkah laku negatif, maka kesan pemboleh ubah bebas iaitu modul KKPR yang berteraskan teori REBT terhadap pemboleh ubah terikat motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi masih belum dapat diandai pasti. Walau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagaimanapun, ada kajian yang menunjukkan sesuatu tingkah laku boleh diubah atau dikurangkan kekerapan kejadiannya melalui melalui proses kelompok bimbingan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

Pembentukan hipotesis ini berasaskan tujuan kajian, iaitu untuk melihat keberkesanan kelompok bimbingan berstruktur bagi mengurangkan salah laku disiplin dan membantu pelajar bertindak untuk menyesuaikan diri dengan situasi positif. Kajian ini mengandaikan kelompok bimbingan berstruktur berupaya mencapai objektif kajian, iaitu bagi mengurangkan salah laku disiplin. Walau bagaimanapun, keberkesanan satu-satu rawatan kelompok bimbingan terhadap pemboleh ubah terikat masih belum diketahui.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesan rawatan kelompok bimbingan KKPR akan dilihat terhadap lima pemboleh ubah terikat kajian; motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

Hipotesis 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian antara motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi kelompok rawatan dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

1.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian antara motivasi kelompok rawatan dan kelompok kawalan pelajar sekolah yang terlibat dengan salah laku disiplin di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian antara asertif kelompok rawatan dan kelompok kawalan pelajar sekolah yang terlibat dengan salah laku disiplin di sekolah.

1.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian antara empati kelompok rawatan dan kelompok kawalan pelajar sekolah yang terlibat dengan salah laku disiplin di sekolah.

1.4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian antara harga diri kelompok rawatan dan kelompok kawalan pelajar sekolah yang terlibat dengan salah laku disiplin di sekolah.

1.5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian antara kecerdasan emosikelompok rawatan dan kelompok kawalan pelajar yang terlibat dengan salah laku disiplin di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hipotesis 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi antara kelompok rawatan (lelaki dan perempuan) dengan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

2.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian motivasi antara kelompok rawatan (lelaki dan perempuan) dengan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

2.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian asertif antara kelompok rawatan (lelaki dan perempuan) dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

2.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian empati antara kelompok rawatan (lelaki dan perempuan) dengan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

2.4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian harga diri antara kelompok rawatan (lelaki dan perempuan) dengan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian kecerdasan emosi antara kelompok rawatan (lelaki dan perempuan) dengan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

Hipotesis 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian aspek motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi antara kelompok rawatan bandar, kelompok rawatan luar bandar dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

3.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian motivasi antara kelompok rawatan bandar, kelompok rawatan luar bandar dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian asertif antara kelompok rawatan bandar, kelompok rawatan luar bandar dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

3.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian empati antara kelompok rawatan bandar, kelompok rawatan luar bandar dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

3.4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian harga diri antara kelompok rawatan bandar, kelompok rawatan luar bandar dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian kecerdasan emosi antara kelompok rawatan bandar, kelompok rawatan luar bandar dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

Hipotesis 4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian salah laku disiplin antara kelompok rawatan lelaki dan kelompok rawatan perempuan dengan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Hipotesis 5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian salah laku disiplin antara kelompok rawatan bandar dan kelompok rawatan luar bandar dengan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Bahagian ini akan menjelaskan kerangka konseptual kajian yang digambarkan dalam satu model serta perkaitan antara pembolehubah yang terlibat. Kerangka konseptual mengandungi idea asas "apa" yang hendak dikaji dan kepada "siapa" penyelidikan akan dilaksanakan (Shahabudin, Rohaizan & Mohd Zohir, 2007). Dapatan ini akan bertindak sebagai panduan kepada pengkaji untuk memfokuskan penyelidikan yang akan dilakukan. Kerangka konseptual kajian ditunjukkan pada Rajah 1.1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kerangka konseptual Rajah 1.1, menunjukkan kajian ini mengandungi dua fasa iaitu kajian tinjauan dan kajian kuasi eksperimental. Kajian fasa pertama adalah bertujuan melihat fenomena salah laku disiplin dan pemilihan 120 sampel berdasarkan skor terendah daripada 542 orang pelajar yang dikenal pasti melalui instrumen IRSLD.

Manakala fasa kedua kajian kuasi eksprimental yang melibatkan 60 sampel bandar dan 60 luar bandar bagi mengukur sama ada modul KKPR ini berkesan ke atas pemboleh ubah aspek psikologi iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi sampel kajian berdasarkan gender, lokasi, hubungan, dan perbezaan kelompok rawatan dan kelompok kawalan sampel kajian. Kajian ini dijalankan bagi mengukur kesan pemboleh ubah bebas iaitu aspek psikologi terhadap pemboleh ubah bersandar, iaitu kelompok bimbingan dengan menggunakan modul KKPR.

Modul KKPR merupakan pendekatan pencegahan dan perkembangan yang dibina oleh Mohammad Nasir (2006) bagi meningkatkan aspek psikologi iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi dan mengurangkan salah laku disiplin pelajar. Kelompok bimbingan KKPR yang berasaskan kepada teori REBT menekankan aspek proses perubahan pemikiran tidak rasional kepada pemikiran yang rasional dan seterusnya diikuti dengan proses penyesuaian dengan kelulusan dan bidang kerjaya yang sesuai dengan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian mendapati aspek psikologi iaitu tahap rendah motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi didapati mempunyai hubungan dengan salah laku disiplin pelajar di sekolah jika tidak ditangani dengan tegas akan menimbulkan gangguan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Pengaruh negatif ini tidak boleh dipandang ringan dan dibiarkan begitu sahaja. Selaian daripada itu pengaruh negatif juga boleh mengancam keselamatan dalam sistem persekolahan (Dake et.al., 2003;Glover et.al., 2000).

Dari perspektif perkembangan individu pula, tanpa rawatan yang berkesan pelajar yang bermasalah disiplin diramal akan terlibat dengan masalah yang lebih serius seperti penyalahgunaan dadah, jenayah, kegagalan akademik, perlakuan bunuh diri dan keberangkalian tinggi mengalami kematian pramatang (Berns 2004; Farrington, 1993).Kajian lalu menunjukkan impak salah laku disiplin berpunca daripada pelbagai faktor. Sherry, (2013) dalam kajiannya menyatakan bahawa pelajar-pelajar yang terlibat dengan salah laku sehingga di sekolah adalah ekspresi daripada pelbagai sebab, antaranya masalah penyesuaian di sekolah dan masalah psikologi, mereka mempamerkan pola tingkah laku devian dan pemikiran yang tidak rasional (Choi & Kim 2003). Isu ini tidak boleh dibiarkan berlarutan tetapi memerlukan jalan penyelesaian segera kerana isu ini melibatkan pelbagai faktor yang boleh mendatangkan kerosakan terutamanya kepada diri, agama dan negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memandangkan kemudaratan yang dibawa oleh masalah ini, maka kajian terhadap fenomena salah laku pelajar ini dirasakan penting. Maklumat tentang salah laku ini perlu diketahui, seterusnya rawatan dan pencegahan yang sewajarnya amat perlu diusahakan. Malahan Stephens et.al., (2010); Harel et. al.,2012) menyatakan penggunaan teknik kelompok bimbingan dalam suasana sekolah sangat sesuai kepada pelajar salah laku disiplin di sekolah.

Kajian ini akan memberi impak positif kepada pelbagai pihak khususnya kepada kepentingan kepada perkembangan ilmu dan teori. Didapati kajian tentang pembinaan modul yang bercorak ilmiah masih berkurangan di negara kita. Kebanyakan modul yang dibina hanya tertumpu kepada keperluan dan matlamat sesebuah organisasi tanpa memenuhi prosedur-prosedur pembinaan modul sebenar (Md Noor, 2012). Justeru sukar untuk mengukur keberkesanan sesuatu modul itu. Kesignifikan daripada kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran dan garis panduan kepada pengamal bimbingan dan kaunseling serta mereka yang terlibat dengan pembangunan manusia untuk membina sesuatu modul berdasarkan prosedur pembinaan modul. Seterusnya dapat mengukur keberkesanan modul berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bimbingan dan kaunseling berdasarkan pendekatan teori REBT masih kurang diterokai lagi oleh para sarjana, pengkaji dan pengamal kaunseling sama ada di dalam mahupun di luar negara. Sungguhpun kecenderungan pengamal bimbingan dan kaunseling terhadap isu salah laku ini ada, namun hanya berkisar tentang kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

survey sahaja tetapi kurang kepada pendekatan menggunakan modul (Mohammad Nasir, 2006). Kesignifikan kajian ini adalah untuk mengetengahkan satu model pendekatan bimbingan terhadap remaja salah laku disiplin dari aspek psikologi.

Kajian berkaitan salah laku kebanyakan hanya berkisar tentang fenomena berkenaan dan hubungannya dengan pemboleh ubah yang tertentu. Kajian ini mempertengahkan tentang sesi kelompok bimbingan berdasarkan modul bagi membina dan meningkatkan perkembangan dari aspek psikologi iaitu: motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar salah laku disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selaian daripada itu kajian ini juga boleh menyumbang kepada perkhidmatan dan amalan bimbingan dan kaunseling di negara kita. Kebanyakan pengamal kaunseling di negara kita kurang memberi tumpuan kepada penyelidikan bercorak rawatan (Abdul Malik, 2004). Kajian-kajian sedia ada lebih tertumpu kepada perkhidmatan, pola perkhidmatan, isu-isu keperluan dan permasalahan dan seumpamanya. Pelbagai masalah psikologikal dalam *pasca modenisme* memerlukan pendekatan rawatan yang praktikal. Diharapkan kajian ini dapat memberikan sumbangan terhadap memartabatkan profesion bimbingan dan kaunseling.

Berdasarkan perkembangan semasa, terlalu banyak isu yang dikaitkan dengan salah laku disiplin dan hubungan dengan aspek psikologi dalam kalangan masyarakat sekarang. Beberapa kajian mendapati terdapat hubungan tingkah laku negatif di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekolah dengan tekanan psikologi pelajar (Scheier et. al., 2000). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara salah laku pelajar dengan rendahnya motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi pelajar. Justeru, satu bentuk rawatan khusus yang berkait rapat dengan pendekatan modul yang sesuai amat perlu dijalankan.

Masalah sosial mendapat perhatian umum, khususnya dalam kalangan pelajar sekolah bukan sahaja membimbangkan ibu bapa, tetapi turut memberikan impak terhadap kredibiliti sekolah sebagai agen kawalan sosial yang seharusnya berperanan dalampembentukan moral dan tingkah laku generasi muda. Hasil-hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara sekolah dengan tingkah laku delinkuen pelajar. Berdasarkan faktor-faktor berlaku salah laku yang dinyatakan dapat menggambarkan bahawa apa-apa yang telah berlaku meninggalkan kesan yang negatif khususnya ke atas aspek psikologi dalam diri pelajar. Sekiranya fenomena ini memberikan impak positif kepada pelajar maka hasilnya pelajar ini akan berkelakuan baik dan dalam kawalan persekitaran. Oleh itu, perlu ada satu pendekatan khusus bagi membendung salah laku ini daripada terus menular kepada salah laku lain.

Selaian daripada kepentingan kepada pengamal-pengamal kaunseling, masyarakat dan institusi-institusi kerajaan dan NGO, diharapkan terutamanya Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi Unit Hal Ehwal Murid serta sekolah-sekolah akan dapat bertindak sebaik mungkin ke atas kumpulan pelajar yang melakukan salah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

laku disiplin, termasuk usaha-usaha mengenal pasti dan memahami keperluan, serta merancang langkah-langkah tertentu bagi membantu mereka.

Kajian-kajian dari barat telah mengorak langkah kepada intervensi pelbagai model dan menunjukkan keberkesanan dalam proses membantu. Intervensi berkonsepkan model dapat meningkatkan kesihatan mental, mengurangkan tekanan dan kebimbangan sosial, membantu mereka yang mengalami krisis emosi dan seumpamanya. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan pendekatan modul KKPR berdasarkan pendekatan teori REBT bagi merawat aspek motivasi, asetif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi pelajar salah laku disiplin di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Diharapkan modul KKPR yang berteraskan kepada teori REBT dapat membantu membuka jalan bagi menggarap pelbagai kemahiran secara langsung dalam merancang satu bentuk program bersepadu di peringkat sekolah untuk proses perkembangan dan proses pencegahan dalam kalangan pelajar salah laku disiplin. Selaian daripada itu modul KKPR juga dapat dijadikan garis panduan dalam pelaksanaan rawatan oleh pengamal kaunseling dan juga mereka yang terlibat secara langsung dalam pembinaan insan sama ada di jabatan kerajaan, swasta dan jabatan-jabatan lain serta pelbagai institusi.

Harapan pengkaji agar hasil kajian ini dapat merangsang pengkaji-pengkaji lain menjalankan kajian untuk melihat kesan pendekatan kelompok bimbingan terhadap aspek masalah tingkah laku atau masalah psikologi lain dalam kalangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar yang terlibat dengan masalah disiplin serta dalam kalangan sampel lain dalam seting yang lebih pelbagai.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama adalah kajian awal (*preliminary survey*) dalam bentuk tinjauan untuk mendapatkan maklumat deskriptif tentang perbezaan dan hubungan motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi dengan salah laku disiplin pelajar serta pemilihan sampel kajian. Bahagian kedua pula adalah berbentuk kuasi eksperimental melalui pendekatan kelompok bimbingan berasaskan modul KKPR sebagai satu alternatif untuk merawat aspek psikologi. Terdapat beberapa batasan kajian dalam kajian ini, iaitu meliputi aspek sampel kajian, skop instrumen salah laku, lokasi kajian, kesahan modul dan kebolehpercayaan modul. Bagi mendapatkan maklumat, kajian awal dan kuasi eksperimental akan dilakukan dan beberapa batasan dan had kajian dikenakan sebagai berikut:

Terdapat beberapa batasan dan had dalam kajian dikenakan seperti yang berikut; Sampel kajian awal hanya melibatkan 542 pelajar tingkatan dua, (275 bandar dan 267 orang luar bandar) dan sedang bersekolah di peringkat menengah rendah di negeri Kedah. Pemilihan sampel kajian awal dilakukan secara rawak berfokus yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melibatkan pelajar lelaki dan perempuan, terdiri daripada bangsa Melayu, Cina, India dan kaum-kaum lain.

Bahagian kedua pula berbentuk kuasi eksperimental yang memberikan tumpuan terhadap pelajar yang rendah motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi.120 orang pelajar dipilih berdasarkan kajian awal yang rendah aspek psikologi untuk tujuan rawatan. 60 orang di pilih dari sekolah menengah dalam bandar dan 60 orang pelajar luar bandar.

Kajian kuasi eksperimen ini melibatkan proses intervensi dengan menggunakan modul KKPR berasaskan teori REBT. Kajian ini dijalankan dalam tempoh jangka pendek sedangkan proses perkembangan individu terutamanya pada peringkat pelajar melibatkan masa yang panjang, justeru kesan intervensi hanya tertumpu kepada motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi dan proses penyesuaian dalaman dan dalam jangka pendek sahaja.

Manakala kesahan dan kebolehpercayaan instrumen dan modul adalah tinggi. kerana telah dinilai oleh enam orang pakar dari tiga universiti yang dipilih. Kesahan dan kebolehpercayaan ini dilakukan adalah untuk mengekalkan dari aspek ketekalan dan generalisasi kajian.

Bagi mengawal ralat dan mengelakkan berlakunya keraguan dalam kajian kuasi eksperimen, tiga orang kaunselor dipilih berdasarkan kelulusan dari universiti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tempatan menjalani sesi kelompok bimbingan. kaunselor ini dilantik sebagai fasilitator dan diberi *Train of treaners* (TOT). Selepas menguasai modul KKPR barulah sesi kelompok bimbingan berlaku.

1.9 Definisi Konsep Dan Operasional

Bahagian ini akan membincangkan tentang definisi konsep secara operasional dalam kontek kajian. Definisi Konsep dan operasional yang akan disentuh ialah kelompok bimbingan berdasarkan modul KKPR, pelajar sekolah, salah laku disiplin, bandar, luar bandar, motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.1 Kesan

Kesan merujuk kepada perubahan dalam skor pemboleh ubah bersandar yang dilihat daripada ujian pra dan ujian pos. Kesan rawatan juga dilihat dengan membandingkan skor yang diperoleh oleh kelompok rawatan dan skor yang diperoleh oleh kelompok kawalan bagi setiap pemboleh ubah bersandar yang dikaji daripada ujian pra dan ujian pos.

Dalam kajian ini kesan yang ingin dilihat ialah sama ada terdapat pengurangan dalam skor pemboleh ubah bersandar daripada ujian pra dan ujian pos bagi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.2 Kelompok Bimbingan

Bimbingan melibatkan pertolongan bagi menolong membuat keputusan ke arah matlamat yang dituju (Gladding, 2003),yang diberi kepada pelajar yang ke arah perkembangan atau pertumbuhan mental, sosial, intelek, fizikal, emosi, kejiwaan dan kerohanian (Shertzer & Stone, 1981).Ianya adalah satu proses membantu individu memahami persekitaran agar mampu menggunakan keupayaan dan bakat yang ada padanya (Abdul Malek, 2003).

Bimbingan boleh dilakukan dalam bentuk individu atau kelompok. Menurut Ida Hartina (2006), kelompok bimbingan banyak dilakukan di sekolah bagi membantu proses membimbing pelajar. Perkhidmatan bimbingan berbeza dengan kaunseling kerana tumpuan lebih kepada penyebaran maklumat berbanding penerokaan secara mendalam.

Bimbingan boleh dilakukan dalam bentuk individu atau kelompok. Menurut Ida Hartina (2006), kelompok bimbingan banyak dilakukan di sekolah bagi membantu proses membimbing pelajar. Perkhidmatan bimbingan berbeza dengan kaunseling kerana tumpuan lebih kepada penyebaran maklumat berbanding penerokaan secara mendalam.

Terdapat dua kelompok bimbingan iaitu kelompok bimbingan kecil dan kelompok bimbingan besar. Menurut Myrick (1993), jumlah ahli kelompok

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bimbingan kecil dalam sekitar 6 hingga 15 orang, manakala kelompok bimbingan besar pula melebihi 15 hingga 100 orang atau tiada had bilangan ahli. Namun perserta perlu dihadkan bergantung kepada jumlah fasilitator yang mengendalikannya.

Dalam konteks kajian ini kelompok bimbingan yang dijalankan berbentuk pencegahan dan perkembangan. Bentuk bimbingan digunakan adalah berdasarkan permasalahan kajian, iaitu untuk meningkatkan aspek psikologi iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi. Pendekatan bimbingan kelompok yang akan digunakan ialah KKPR pendekatan REBT. Pendekatan REBT menggunakan model kelompok bimbingan yang berstruktur dan model ini didapati amat berkesan dan kerap digunakan bagi tujuan meningkatkan psikologi. Antara teknik yang digunakan melalui modul KKPR dalam kelompok bimbingan untuk kajian ini ialah psikopendidikan, aktiviti pendedahan, perancangan akademik dan pengstrukturan semula kognitif yang dijalankan selama 10 sesi. Kesan KKPR dalam kelompok bimbingan diukur berdasarkan ujian pra dan ujian pos.

1.9.3 Teori Rational Emotive Behaviour Theraphy (REBT)

Terapi Rasional Emotif Tingkahlaku merupakan antara teori psikoterapi yang mengaitkan pemikiran tidak rasional dengan permasalahan emosi manusia, serta mempertengahkan pendapat bahawa manusia mempunyai pilihan untuk terus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyumbang kepada masalahan yang dihadapi atau mengambil langkah untuk menghentikan proses permasalahan (Aina Razlin, 2014).

Rasional Emotif Rasional Terapi (REBT) telah banyak digunakan dalam sesi-sesi perilaku maladaptif pelajar-pelajar. Terapi ini berfokus kepada ketidak rasional emosi yang menyebabkan tingkah laku negatif dan menggantinya dengan lebih rasional alternatif produktif. Terapi ini telah banyak digunakan dalam pengelolaan masalah maladaptif (Elizabeth, 2008). Teori ini membantu individu dan kelompok untuk menangani masalah emosi dan membaiki tingkah laku klien (Bernard, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.4 Penggunaan Teori REBT

Ellis (1980) menerangkan bahawa REBT bertujuan membantu individu atau kelompok memahami bahawa manusia hampir kebanyakkan masa mencipta sendiri gangguan emosi melalui kepercayaan tidak rasional dan kepercayaan mutlak (elemen mesti, harus atau sepatutnya). Selain itu manusia mempunyai pilihan untuk terus menyumbang kepada permasalahan (melalui pemikiran, emosi dan tindak tanduk tidak rasional) atau berhenti dari mengganggu diri sendiri. Ellis menyatakan untuk berubah seseorang individu perlu bertindak aktif dalam mengubah suai pemikiran dan tingkah lakunya. Sekiranya seseorang berjaya mengubah satu falsafah utama dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hidupnya, maka ia boleh memberi kesan kepada reaksi emosi dan tingkah laku yang lain.

Dalam kajian ini definisi penggunaan teori REBT berdasarkan Ellis (1980); Gladding (2003); Froggatt (1997) dan Ellis dan Wilde (2002). REBT ialah satu terapi yang berbentuk didaktik kognitif dan berorientasikan tindakan. Ia menekankan peranan fikiran dan sistem pemikiran sebagai punca masalah peribadi. Terapi kognitif adalah pendekatan *Rational-Emotive Behavior Therapy* (REBT) iaitu pendekatan *behavior* kognitif yang menekankan kepada hubungan antara perasaan, tingkah laku dan pemikiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaunselor/Fasilitator cuba mewujudkan suasana yang teraputik, kepercayaan, penerima anagar proses membantu dapat dijalankan dengan lancar dengan menggunakan pendekatan mencabar pemikiran tidak rasional. Andaian asas pendekatan tingkah laku bahawa kebanyakan tingkah laku bermasalah adalah dipelajari, yang berpunca daripada pembelajaran melalui kognitif dan emosi yang salah (Abdul Malek, 2004).

Peranan kaunselor/fasilitator dalam kajian dikenal pasti dan mengamalkan teori REBT dan berpengalaman melebihi 10 tahun pengkhususan Ijazah Sarjana Muda Bimbingan dan Kaunseling yang memahami pendekatan REBT cuba mengenal pasti Faktor (A) iaitu peristiwa atau berupa fakta, sebagainya merupakan faktor bagi seseorang. Bagaimana pula fasilitator melihat cara berfikir (B) terhadap suatu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peristiwa. Keyakinan yang rasional merupakan cara berfikir atau sistem keyakinan yang tepat, diterima akal, bijaksana. Keyakinan kepada yang tidak rasional merupakan keyakinan atau sistem berfikir seseorang yang salah atau menyimpang, tidak masuk akal dan emosional. Manakala *emotional consequence* (C) merupakan konsekuensi emosional sebagai akibat atau reaksi individu dalam bentuk perasaan senang atau tekanan emosi dalam hubungannya dengan peristiwa (A). Seseorang kaunselor/fasilitator harus mencabar/*dispute*; (D) kepercayaan tidak rasional itu agar kliennya dapat menikmati kesan-kesan (*effects*; E) psikologi positif dari kepercayaan yang rasional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui proses kelompok bimbingan berstruktur REBT juga, ahli kelompok boleh dibimbing dan diberi tunjuk ajar tentang cara-cara untuk berhadapan dengan masalah bagi menyelesaikannya (Ellis & Wilde, 2002). Hal ini diperkuatkan lagioleh Myrick (2001) yang menjelaskan bahawa kelompok bimbingan di sekolah digemari olehramai pelajar dan mereka dapat menikmati sokongan ahli kelompok tanpa syarat dan bekerjasama untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi mereka.

1.9.5 Kaunseling Kelompok Penyesuaian Remaja (KKPR)

KKPR adalah berteraskan pendekatan kaunseling Terapi Rasional Emotif Perlakuan (*Rational Emotive Behavior Therapy*) (*REBT*) dan latihan kemahiran sosial, iaitu kemahiran perancangan akademik dan kerjaya masa hadapan.Kaunseling Kelompok

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyesuaian Remaja (KKPR) telah dibangunkan oleh Mohammad Nasir (2006) akan digunakan dalam kelompok bimbingan pelajar salah laku disiplin. KKPR adalah satu model kaunseling kelompok yang bertujuan untuk proses penyesuaian dari aspek fikiran, perasaan dan perlakuan dalam kalangan pelajar salah laku disiplin. Modul ini mempunyai 6 tahap dan melibatkan 10 kali pertemuan. Huraian berkaitan modul ini boleh dirujuk dalam bab metodologi kajian.

Menerusi kajian ini, dengan menggunakan model KKPR merawat pelajar melalui kelompok bimbingan yang dikenal pasti berdasarkan data yang diperoleh melalui instrumen salah laku disiplin dari aspek psikologi iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi yang rendah. Fasilitator yang menjalankan KKPR kepada kelompok bimbingan ini terlebih dahulu mendapat bimbingan daripada pengkaji melalui TOT sebelum melaksanakan modul ini. Apabila fasilitator dapat menguasai kemahiran ini barulah sesi bimbingan dapat dijalankan kepada ahli kelompok. Penentuan penguasaan modul ini dibuktikan melalui kajian rintis yang dijalakan oleh fasilitator yang menunjukkan nilai alpha melebihi .60. Skor ini memberi gambaran bahawa fasilitator menguasai modul KKPR.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.6 Pelajar Sekolah

Pelajar bermaksud orang yang menerima pelajaran, pengajaran dan latihan di sesuatu Institut (JTM, 2010).Pelajar-pelajar sekolah terdiri daripada mereka yang berumur

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

antara 7 tahun hingga 18 tahun. Pelajar-pelajar sekolah rendah ialah mereka yang berumur antara 7 tahun hingga 12 tahun manakala pelajar sekolah menengah berumur antara 13 tahun hingga 18 tahun. Mengikut ahli-ahli psikologi, kanak-kanak atau pelajar-pelajar yang berada pada setiap peringkat umur mesti melaksanakan tugas perkembangan masing-masing. Kegagalan memenuhi tugas perkembangan pada sesuatu peringkat boleh menjejaskan perkembangan kanak-kanak atau pelajar-pelajar pada peringkat perkembangan seterusnya. Pengurus-pengurus di peringkat sekolah mestilah memahami diri pelajar sebagai *organisme* yang berkembang dan kompleks. Mereka menghadapi pelbagai masalah dan cabaran yang kompleks dalam proses perkembangan diri dan memerlukan bantuan serta bimbingan daripada guru-guru di sekolah (KPM, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sekolah sebagai organisasi yang didukung oleh golongan pendidik menjadi wadah terpenting dalam menjana modal insan yang berketerampilan, terpuji di samping melahirkan pelajar yang intelektual (Rosiah, 2012). Sekolah dikatakan bertanggungjawab menyediakan suasana pendidikan yang kondusif dari aspek sosial, fizikal dan kerohanian. Suasana sedemikian dikatakan begitu perlu untuk membina *`scholarship'* di sekolah. Pengurusan informal yang diberikan oleh guru biasa secara tidak formal dikatakan tidak lagi mampu diteruskan bahkan tidak lagi *`cost effective'*. Dengan rasional ini, diwujudkan pentadbiran hal ehwal murid atau pelajar di semua peringkat institusi pendidikan termasuk sekolah (Rosiah, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sekolah merupakan institusi pendidikan yang berbentuk formal yang dapat membentuk pemikiran, tingkahlaku dan sikap murid-murid bagi melahirkan generasi yang seimbang baik dari segi mental mahupun rohani (Mohd Salleh Lebar, 1997). Selain itu, sekolah juga akan berperanan membentuk pola budaya generasi pada masa akan datang. Hal ini demikian kerana sekolah merupakan wadah pendidikan yang sentiasa berusaha untuk memperkembang potensi individu dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual serta dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada pembangunan masyarakat dan negara. Semua pelaksanaan pendidikan yang mencakupi bidang kurikulum, kokurikulum, khidmat tolong bantu, profesionalisme guru, pengurusan tenaga kerja, kebajikan disiplin pelajar serta yang berkaitan adalah berpusat kepada institusi pendidikan. Untuk merealisasikan harapan, cita-cita dan matlamat negara, iaitu membina sebuah negara maju tanpa mengabaikan nilai agama dan moral, sekolah perlu menyediakan landasan disiplin yang berkesan kepada pelajar. Hal ini amat penting kerana pelajar merupakan elemen atau aset penting dalam negara dan bakal menjadi pemimpin negara pada masa hadapan. Merekalah yang akan terus melaksanakan program pembangunan negara untuk mencapai Wawasan 2020.

Dalam kajian ini pelajar sekolah yang terlibat berumur dalam lingkungan umur 14 tahun atau sedang belajar dalam tingkatan dua. Kriteria pemilihan pelajar yang belajar di sekolah harian lokasi bandar dan luar bandar yang dikenal pasti oleh Penolong PPD Kaunseling dan Kerjaya PPD, PK.Hem, guru disiplin dan kaunselor sekolah. Kajian fasa pertama melibatkan 542 orang pelajar, bagi lokasi bandar 275

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

orang dan luar bandar 267 orang. Sampel kajian dipilih berdasarkan sampel bertujuan. Kajian fasa kedua pula seramai 120 orang pelajar yang dipilih berdasarkan skor rendah yang dikenal pasti berdasarkan aspek psikologi rendah menjalani sesi kelompok bimbingan.

1.9.7 Salah Laku Disiplin

Salah laku disiplin membawa maksud orang yang tidak mengikut peraturan atau perlakuan seperti mana yang dikehendaki oleh kebiasaan masyarakat atau tingkah laku yang tidak selari dengan kehendak masyarakat di mana individu itu tinggal. Menurut Levin & Nolan (2004), tingkah laku kenakalan adalah tingkah laku yang tidak diterima oleh masyarakat.

Menurut Mohd Ismail (2006) disiplin sekolah mempunyai dua tujuan besar iaitu memastikan pelajar, guru dan kakitangan sekolah dalam keadaan selamat serta menyediakan suasana pembelajaran yang baik. Justeru, pembinaan disiplin di sekolah hendaklah digerakkan melalui kerjasama mematuhi peraturan-peraturan, menyedari hak dan tanggungjawab setiap warga sekolah, di samping setiap warga sekolah memberikan sumbangan untuk mewujudkan iklim yang harmoni.

Aminuddin dan Siti Noor (2010) menyatakan masalah disiplin mungkin juga boleh disama ertikan dengan salah laku pelajar, keruntuhan akhlak dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah disiplin begitu sinonim dengan golongan pelajar sekolah yang sedang mengalami proses menuju ke alam dewasa. Kejayaan sesebuah sekolah sama ada dalam pelbagai bidang akademik atau kokurikulum bergantung kepada pelbagai faktor. Disiplin dikenal pasti antara aspek penting dalam menentukan kejayaan itu, lebih-lebih lagi untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan di semua peringkat. Sekolah bukan sahaja berfungsi sebagai badan pengajar semata-mata, malahan bertujuan untuk memberikan pendidikan secara meluas. Selain pendedahan pengetahuan dan intelektual kepada pelajar, aspek disiplin merangkumi moral dan sosial pelajar juga harus diberi penekanan.

Menurut Mok Soon (2008), disiplin ini diwujudkan atas kesedaran bahawa mematuhi peratuan-peraturan sekolah adalah untuk kebaikan pelajar sendiri. Disiplin ini wujud secara tidak sedar apabila pelajar telah mencapai tahap kematangan, iaitu boleh berfikir secara rasional. Selain itu, nilai disiplin jenis ini juga dapat dibentuk oleh guru melalui latihan dan bimbingan seperti menerangkan kebaikan mematuhi peraturan yang ditetapkan, menerapkan nilai-nilai murni seperti adil, saling hormat-menghormati, bertimbang rasa, bertoleransi dalam sebarang aktiviti sama ada aktiviti pengajaran dan pembelajaran atau aktiviti kokurikulum. Masalah disiplin di sekolah dapat diturunkan ke paras minimum apabila mereka sedar akankepentingan mematuhi disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Levin dan Nolan (2004), salah laku disiplin boleh ditafsirkan dalam pelbagai definisi dan membawa pelbagai makna yang hampir sama serta membawa erti tingkah laku yang menyalahi peraturan yang ditetapkan oleh sesebuah organisasi.

Menurut Levin dan Nolan (2004) lagi, istilah salah laku ditakrifkan sebagai gangguan terhadap pelaksanaan proses pengajaran yang lancar. Berpegang kepada pengertian ini, maka apa-apa jua tingkah laku yang mengganggu pengajaran guru boleh dianggap sebagai masalah disiplin. Shrigley (dalam Levin dan Nolan 2004) menegaskan bahawa apa-apa jua tingkah laku yang mengganggu pengajaran guru atau yang bersifat tidak selamat dari segi psikologi mahupun fizikal boleh ditakrifkan sebagai tingkah laku disruptif/gangguan.

Menurut Abudullah Sani (2005), disiplin adalah suatu bentuk latihan bagi mengawal tingkah laku murid-murid melalui hukuman dan ganjaran. Disiplin ini mengandungi peraturan-peraturan dan undang-undang yang bertujuan untuk membentuk tingkah laku yang baik dalam kalangan pelajar.

Menurut Mohd Ismail (2006), disiplin sekolah mempunyai dua tujuan besar iaitu memastikan pelajar, guru dan kakitangan sekolah dalam keadaan selamat serta menyediakan suasana pembelajaran yang baik. Oleh itu pembinaan disiplin di sekolah hendaklah digerakkan melalui kerjasama mematuhi peraturan-peraturan, menyedari hak dan tanggungjawab setiap warga sekolah di samping setiap warga sekolah memberikan sumbangan untuk mewujudkan iklim yang harmoni.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran 1979 merumuskan pengertian 'disiplin' seperti berikut:

> *"Disiplin dimaksudkan dengan kesanggupan seseorang individu menghormati dan mematuhi undang-undang sama ada disiplin itu dikenakan dari luar atau dengan kerelaan sendiri. Disiplin juga bermakna kesanggupan seseorang itu bekerja atau membuat sesuatu dengan cukup tertib, kesanggupan menghormati hak individu lain, kesanggupan mengamalkan tingkah laku yang baik dan tidak mengganggu tingkah laku orang lain, kesanggupan hormat menghormati antara satu dengan lain dan mempunyai semangat tolong-menolong dan kesanggupan membina keadaan yang sedia ada menerusi usaha yang membina serta sanggup berkhidmat kepada masyarakat".*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Kementerian Pelajaran Malaysia 2012)

Hal ini menunjukkan disiplin sekolah yang terkawal melibatkan sikap positif dan keterbukaan untuk mematuhi undang-undang dengan kerelaan demi kebaikan diri pelajar itu sendiri. Sikap toleransi, tolong menolong, menghormati setiap warga sekolah di samping sentiasa mengamalkan tingkahlaku baik akan mewujudkan suasana sekolah yang aman.

Kementerian Pelajaran Malaysia dalam surat pekeliling iktisas bil.7/2003 telah memberikan garis panduan dengan mengkategorikan disiplin pelajar kepada tiga iaitu kategori berat, sederhana dan ringan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003). Setiap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kategori telah dikelaskan mengikut bentuk-bentuk kesalahan yang dilakukan oleh pelajar. Contoh-contoh kategori disiplin yang diberikan adalah seperti yang berikut:

1 Kesalahan berat; (kurang sopan dan melawan guru, menyimpan, membawa, mengedar, menghisap atau terbabit dalam kegiatan dadah, kelakukan zina, liwat dan hubungan luar tabii, *ragging* dan merosakkan harta benda awam)

2 Kesalahan sederhana; (bising dan mengganggu kelas, ponteng sebarang acara rasmi sekolah, bercakap bohong dan menconteng harta benda sekolah).

3 Kesalahan ringan; (datang lewat, tidak buat kerja rumah, tidak membawa buku dan tidak memakai pakaian sekolah secara lengkap).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Salah laku disiplin berfokus kepada pelajar yang melakukan kesalahan disiplin dalam kategori sederhana dan ringan sahaja. Hal ini disebabkan statistik salah laku disiplin dalam kalangan pelajar dari Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2007, 2008 dan 2009 menunjukkan jumlah pelanggaran disiplin oleh kebanyakan pelajar adalah dalam kategori sederhana dan ringan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Kesalahan disiplin pelajar kategori sederhana dan ringan adalah kesalahan atau perbuatannya yang boleh membawa kepada gangguan ketenteraman sekolah tetapi tidak sampai mendatangkan bahaya dan kemudaratan kepada diri atau pelajar lain. Kategori salah laku disiplin pelajar yang diukur adalah berdasarkan skor rendah aspek psikologi berdasarkan instrument IRSLD.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.8 Rendah Pencapaian Akademik

Walaupun para pelajar mempunyai tahap kebolehan yang hampir sama tetapi pencapaian akademik mereka adalah berbeza. Percanggahan ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor yang mempengaruhi kebolehan pembelajaran seseorang.

Menurut Mohammad Shatar (2005) konsep rendah pencapaian akademik pelajar di pengaruhi oleh empat faktor utama iaitu rendah kemahiran bahasa, rendah aktiviti sukan, rendah personaliti dan rendah imej diri dan rendah berpersatuan.

Ismail (1995) menyatakan murid yang rendah pencapaian akademik ialah murid yang kelihatan lemah, kurang bertenaga, tidak menumpukan perhatian di dalam kelas dan tidak mempunyai ramai kawan serta tidak dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran guru dengan baik.

Secara amnya pencapaian akademik adalah penentu kepada taraf pencapaian individu dalam sesuatu peperiksaan rasmi yang diambildan peperiksaan awam dibawah Kementerian Pelajaran. Menurut Carter V.Good (1973) dalam Abdul Jalil (1997), pencapaian akademik adalah sebagai penyelesaian dan kecekapan yang diperoleh dalam sesuatu kemahiran, pengetahuan atau kemajuan yang diperoleh secara semulajadi yang tidak terlalu bergantung kepada kecerdasan akal fikiran. Kerlinger (1973) menakrifkan pencapaian akademik secara operasional melalui suatu ujian berasaskan penilaian guru dalam sesuatu ujian. Selaras dengan itu, segala permasalahan yang berlaku dalam proses pembelajaran ini akan menggalakkan usaha

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan cita-cita sesebuah intitusi pengajian tinggi selain mempunyai minda yang cemerlang, terdapat faktor lain yang akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Manakala rendah pencapaian akademik merujuk kepada permasalahan yang berlaku dalam proses pembelajaran dan rendah pencapaian dalam ujian dan peperiksaan.

Dalam kajian ini rendah pencapaian akademik merujuk bagaimana kriteria pemilihan sampel bagi menduduki IRSLD. Pemilihan ini berdasarkan dalam kalangan pelajar yang belajar di dalam kelas tingkatan dua dan memenuhi ciri dalam definisi di atas. Kebiasaan pelajar ini berada dalam kelas yang sederhana dan sering mendapat markah rendah dalam ujian-ujian dan peperiksaan di sekolah. Kementerian Pelajaran Malaysia menetapkan markah 0 hingga 39 adalah gagal, 40 hingga 59 adalah pangkat C, 60 hingga 79 adalah pangkat B dan 80 hingga 100 lulus dengan pangkat A. Justeru dalam kajian ini kategori rendah pencapaian akademik ialah merujuk kepada skor purata dari 0 hingga 59.

1.9.9 Bandar dan Luar Bandar

Menurut Anuar (2004) mendefinasikan bandar dan luar bandar berdasarkan kriteria iaitu mengenal pasti, membezakan malah memisahkan petempatan bandar dan luar bandar. Perubahan-perubahan yang berlaku berdasarkan kemajuan teknologi, cara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hidup dan impak kemodenan menyebabkan ciri-ciri perbezaan antara petempatan bandar/luar bandar iaitu melihat saiz penduduk, densiti, dan jenis aktiviti ekonomi berbentuk primari. walaupun wujudnya '*complexity*' terhadap sistem petempatan manusia yang sentiasa mengalami perubahan. Penggunaan kaedah melihat petempatan bandar/luar bandar secara berlawanan dan terpisah telah lama diguna pakai di semua negara di dunia melibatkan hal-hal berkaitan pentadbiran, pembancian penduduk, malah dalam perancangan pembangunan. Fokus sebenar yang telah diberikan adalah terhadap kawasan bandar semata-mata berdasarkan kriteria-kriteria berikut:(i) Saiz penduduk; (ii) Densiti penduduk; (iii) Kawasan tepubina; (iv) Status pentadbiran; (v) Ratio penduduk melibatkan diri dalam aktiviti pertanian dan (vi) Kemudahan-kemudahan tertentu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pemakaian kriteria ini dapat mengenal pasti, membezakan malah memisahkan petempatan bandar dan desa. Perubahan-perubahan yang berlaku berdasarkan kemajuan teknologi, cara hidup dan impak kemodenan menyebabkan ciri-ciri perbezaan antara petempatan bandar/desa semakin kabur dan tidak sesuai (Anuar,2004).

Jabatan Perangkaan Malaysia, (2000) mentakrifkan kawasan bandar ialah kawasan yang diwartakan serta kawasan tepubina yang bersempa dan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini yang mempunyai penduduk seramai 10,000 atau lebih semasa banci penduduk dan perumahan 2000, manakala kawasan selainnya dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai jumlah penduduk kurang daripada 10,000 orang ditarifkan sebagai kawasan luar bandar.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (2010) mendefinisikan kawasan desa merupakan kawasan selain daripada kawasan bandar. Ia merupakan petempatan yang meliputi semua jenis kampung dan penempatan kecil yang kurang daripada 10,000 orang penduduk dan bercirikan kawasan pertanian serta kawasan sumber alam semulajadi. Faktor-faktor yang ditekankan dalam mendefinisikan kawasan desa adalah berikut: i. Saiz bilangan penduduk yang minima dan maksima; ii. Kepadatan penduduk; iii. Tahap urbanisasi; iv. Tahap kemudahan masyarakat dan kualiti hidup (contoh: jalan yang berturap, bekalan elektrik, bekalan air dan lain-lain). Ciri-ciri kawasan desa adalah meliputi semua jenis kampung atau petempatan kecil yang kurang dari 10,000 orang.

Kajian ini melibatkan lokasi pelajar yang memenuhi ciri-ciri seperti kajian-kajian di atas. Pelajar bandar seramai 275 orang manakala luar bandar ialah 267 orang. Lokasi bandar melibatkan Bandaraya Alor Setar dan bandar Sungai Petani. Manakala lokasi luar bandar terdiri pelajar-pelajar kampong di Pokok Sena dan Naka. Sebahagian kecil tinggal di perumahan kos rendah dan perkampungan keda. Seramai 267 orang pelajar terlibat. Keseluruhan sampel kajian pelajar bandar dan luar bandar ialah 542 orang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.10 Motivasi Pelajar

Menurut Lumsden (1994), motivasi pelajar merujuk kepada keinginan untuk terlibat dalam proses belajar. Pelajar termotivasi dalam dua keadaan: ekstrinsik dan intrinsik. Motivasi intrinsik berasal dari keinginan untuk belajar dalam diri setiap individu itu sendiri. Motivasi ini disebabkan oleh keinginan dalaman diri pelajar. Motivasi eksternal berasal daripada rasa berkeinginan untuk menghindari konsekuensi negatif. Faktor bermotivasi disebabkan faktor rangsangan luaran.

Menuruti Arlina (2006), motivasi ekstrinsik ialah kecenderungan meletakkan '*locus of control'* di luar diri dan berdasarkan kepuasannya yang datang dari luaran diri pelajar. Faktor luaran menurut Chalak dan Kassaian, (2010) adalah merujuk kepada motivasi yang terbina dan dipengaruhi oleh faktor luaran seseorang. Dalam kajian Rasidah (2008) pula, mengaitkan motivasi ekstrinsik dengan rangsangan melalui pujian, insentif, hadiah, gred dan membentuk sesuatu dan iklim persekitaran yang konduksi bagi mendorong pelajar untuk belajar. Oleh itu tindakan manusia adalah dimotivasikan secara ekstrinsik akibat sosialisasi atau kehendak diri sendiri.

Menurut Arlina (2006), motivasi intrinsik pula kebanyakannya didorong oleh hal-hal dari dalam dirinya sendiri, semakin tinggi tahap motivasi intrinsik pelajar, semakin tinggi juga kecenderungan pelajar meningkatkan pencapaian pelajarannya. Faktor intrinsik menurut Chalak dan Kassaian (2010), adalah merujuk kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

motivasi yang terbina di dalam diri seseorang. Dalam kajiannya menyatakan bahawa faktor intrinsik adalah sesuatu yang membuatkan seseorang berasa seronok.

Dalam kajian ini motivasi pelajar merujuk kepada pelajar yang mendapat skor rendah aspek motivasi keseluruhan berdasarkan instrument IRSLD. Rendah motivasi merujuk rendah motivasi ektrinsik dan intrinsik. Tahap motivasi ini dikenal pasti berdasarkan item-item instrumen motivasi.

1.9.11 Tingkah Laku Asertif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Townedd (1991), mendefinisikan tingkah laku asertif berlandaskan pemikiran dan tindakan proaktif dan positif terhadap diri sendiri demi membina keyakinan diri dan sikap positif terhadap kesejahteraan dan ketenangan emosi diri sendiri dan orang lain.

Menurut Alberti dan Emmons (1978) tingkah laku asertif adalah bertentangan dengan kedua-dua tingkah laku tidak asertif dan agresif. Individu yang asertif juga memiliki pendirian yang teguh dan tidak ragu-ragu di samping menghormati hak personal individu tersebut tanpa menjejaskan hak orang lain.

Asertif juga diertikan sebagai perlakuan mengambil berat terhadap diri sendiri dan juga diri orang lain serta menyatakan perasaan dan pandangan terbuka tanpa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyinggung perasaan orang lain. Individu yang asertif juga ialah individu yang bertanggungjawab terhadap sebarang reaksi bagi sesuatu situasi (Kermally,1999).

Mengikut Allan (1989), tingkah laku asertif boleh membantu seseorang menghilangkan rasa malu, sedih, dan menghormati hak-hak orang lain sewaktu berkomunikasi antara satu sama lain. Zuker (1989) pula berpendapat tingkah laku asertif memungkinkan seseorang melakukan sesuatu perlakuan mengikut cara yang paling disukai, mengemukakan sesuatu secara sendiri tanpa sebarang kerisauan, dan melahirkan perasaan kejujuran dengan selesa.

Begitu juga menurut Willis dan Daisley (1995), asertif merupakan satu bentuk perlaku yang dipamerkan oleh individu, khususnya dalam bentuk penghormatan terhadap diri sendiri dan orang lain. Hal ini bermakna tingkah laku asertif mempunyai perkaitan yang rapat dengan perasaan individu terhadap dirinya dan diri orang lain. Selain itu,menurut Manthei (1981); Back dan Back (1991); Fritchie dan Melling (1991) dan Myers, *et. al.* (1992) merumuskan tingkah laku asertif sebagai suatu tingkah laku mulia yang dilakukan oleh individu yang menyenangkan dirinya dan orang lain.

Menurut David (1985), asertif merupakan tingkah laku yang menyuarakan atau menyatakan hak-hak yang ada pada individu tersebut di samping menghormati perasaan dan hak individu lain. Manakala Burley dan Allen (1983) pula berpendapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa perilaku asertif juga didapati dapat meningkatkan keyakinan diri dan tahap profesionalisme individu.

Mengikut Caputo (1984) pula, asertif disifatkan sebagai perlakuan yang tenang, berfikiran rasional, mempunyai keyakinan dan konsep kendiri yang tinggi. Selain daripada itu, asertif turut dianggap sebagai;

a) Perlakuan paling baik bagi memenuhi keperluan individu
b) Mengelakkan individu melakukan sesuatu yang buruk terhadap orang lain.
c) Membolehkan individu berinteraksi dengan orang lain melalui cara yang produktif dan memuaskan kedua-dua pihak.
d) Membolehkan individu menangani konflik dengan penyelesaian yang menguntungkan kedua-dua pihak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Beliau seterusnya menyatakan asertif meliputi lima hak asas individu iaitu hak untuk dihormati, hak untuk saling berperasaan, hak untuk melakukan kesilapan, hak untuk menyatakan tidak dan akhir sekali hak untuk bertanya soalan serta berkomunikasi. Kesemua hak ini juga merangkumi tanggungjawab untuk menghormati orang lain, menerima luahan individu lain, menerima kenyataan bahawa individu lain juga membuat kesilapan, menerima kenyataan `tidak' sebagai jawapan dan menerima hakikat bahawa individu lain juga akan bertanyakan soalan. Asertif juga merujuk kepada kemampuan seorang individu itu untuk menyuarakan atau menyatakan hak-hak yang ada pada dirinya dengan tidak mengeksploitasi hak orang lain. Asertif juga merupakan perlakuan yang bebas daripada ancaman atau kritikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebaliknya, perlakuan ini akan mewujudkan satu suasana yang mesra dalam sesuatu perhubungan.

Menurut pandangan Islam dari kaca mata Mohd. Azhar (1999), tingkah laku asertif pada dasarnya melibatkan perlakuan manusia atau sikap individu. Namun begitu, perlakuan ini juga melibatkan kawalan minda atau akal kerana tingkah laku manusia berpunca dari penjanaan akal. Penjanaan akal secara radikal, sistematik, universal dan terkawal akan memungkinkan akal digunakan dengan secara menyeluruh dan bersepadu ke arah mencari dan memperoleh kesejahteraan di dunia dan di akhirat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Martin dan Pear (1978), tingkah laku asertif merupakan suatu perlakuan bagi individu melahirkan perasaan serta keperluan kepada orang lain dengan lebih jelas. Seseorang dikatakan mempunyai tingkah laku asertif apabila dirinya mampu bersikap jujur di dalam meluahkan apa-apa juga perasaan, fikiran atau pandangannya kepada pihak lain tanpa sedikit pun merugikan, mengancam atau merendahkan integriti pihak lain.

Setelah melihat pendapat sarjana dari timur dan barat, bolehlah disimpulkan bahawa tingkah laku asertif adalah merujuk kepada pencurahan semua jenis perasaan secara lahiriah. Ketegasan diri merupakan kelakuan yang mempunyai nilai-nilai berterus terang, terpuji dan menghormati perhubungan perseorangan dalam proses perhubungan sesama manusia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Konteks kajian ini, tingkah laku asertif adalah berdasarkan soal selidik *Rathus Assertiveness Schedule*. Tingkah laku asertif pelajar dilihat dari aspek kemampuan pelajar itu untuk bersikap tegas serta menzahirkan apa-apa yang diinginkan, dirasa dan difikirkannya dalam sebarang keadaan sama ada melalui percakapan atau perlakuan; pada masa yang sama, mereka akan tetap menjaga dan menghargai hak-hak serta perasaan pihak lain. Kajian ini juga akan melihat tahap tingkah laku asertif pelajar dalam menyuarakan pandangan mengenai hak, berani menyuarakan pendapat dan kebolehan untuk menyatakan `tidak' terhadap perkara yang pada pandangan mereka melanggar peraturan sekolah. Kajian ini juga mencakupi aspek cara-cara seorang pelajar itu berkemampuan untuk menghadapi serta berhadapan dengan fenomena salah laku sekarang. Skor terendah melalui IRSLD dipilih sebagai sampel kajian eksperimental.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.12 Empati

Menurut Eisenberg (1986), empati merupakan keupayaan seseorang memahami atau merasai apa-apa yang dirasai orang lain. Empati melibatkan seseorang untuk memahami dan menjiwai nilai dan norma-norma sosial (Hoffman, 2000). Empati adalah kesedaran kendiri, semakin terbuka seseorang itu kepada emosi diri sendiri, semakin terampil dia membaca perasaan dirinya dan juga perasaan orang lain. Orang yang tiada empati (aleksitimia) tidak tahu apa-apa yang mereka rasakan. Mereka tidak berupaya memahami dan merasai apa-apa yang dirasakan oleh orang di sekitarnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mereka tidak berupaya mengamati luahan lisan, seperti nada suara dan gerakan bukan lisan yang membawa sesuatu isyarat (Abdul Malik, 2004).

Penyesuaian emosional yang berlandaskan kemampuan berempati sangat penting dalam kehidupan seharian yang melibatkan interaksi interpersonal. Ketiadaan Empati boleh membawa seseorang bertindak tidak normal, iaitu bertingkah laku di luar daripada norma masyarakat (Abdul Malik, 2004). Menurut Hoffman (2000) dan Berns (2004), empati adalah sifat semula jadi yang diwarisi dan disuburkan melalui pendedahan kepada pengalaman mempelajari perasaan orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Kanak-kanak yang memperoleh kemahiran empati menunjukkan pencapaian yang lebih baik dalam bidang akademik berbanding dengan kanak-kanak yang lain (Ghosn, 2001). Kini, kanak-kanak didapati kurang berupaya untuk berunding, berempati dan bekerjasama. Mereka selalunya tidak mempunyai perasaan yang optimis tentang masa depan. Keadaan ini menyebabkan timbulnya kesan negatif terhadap pencapaian akademik dan perhubungan interpersonal mereka. Menurut Hairunnaja (2005), kegelisahan atau ketidakstabilan emosi terjadi akibat kegagalan seseorang pelajar yang mengendalikan sikap positifnya terhadap sesuatu peristiwa yang berlaku dalam kehidupan.

Berdasarkan definisi yang diberikan di atas, empati dapat diertikan sebagai kemahiran merasai perasaan orang lain. Seseorang yang mempunyai kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

empati yang tinggi berupaya menyelami dan memahami perasaan orang lain dan seterusnya bertindak selari dengan perasaan tersebut.

Dalam kajian ini pemilihan sampel merujuk kepada skor rendah instrumen IRSLD aspek empati. Empati pelajar diukur dengan menggunakan Skala Empati Perasaan Seimbang (*Balanced Emosional Empathy Scale*).

1.9.13 Harga Diri (*Self Esteem*)

Harga diri ditakrifkan sebagai satu orientasi positif atau negatif terhadap diri sendiri; satu penilaian keseluruhan bernilai atau nilai seseorang (*University of Maryland*, 2004). Harga Diri *(self esteem)* adalah suatu evaluasi terhadap diri sendiri, yang akan menentukan sejauh mana seseorang itu menyukai dirinya (Ritandiyono & Retnaningsih, 1996). Menurut Coopersmith (1967), Harga diri merupakan penilaian diri yang dilakukan oleh seorang individu dan biasanya berkaitan dengan dirinya sendiri, penilaian tersebut mencerminkan sikap penerimaan atau penolakan dan menunjukkan seberapa jauh individu percaya bahawa dirinya mampu, penting, berhasil dan berharga.

Branden (1999), mengemukakan bahawa harga diri merupakan persepsi diri seseorang tentang keberhargaannya yang diperoleh daripada hasil interaksi dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persekitaran yang mewujudkan penghargaan, penerimaan dan perlakuan orang lain terhadap dirinya.

Daripada definisi di atas maka dapat disimpulkan bahawa harga diri adalah suatu penilaian terhadap diri sendiri yang mencerminkan sikap penerimaan atau penolakan dan menunjukkan seberapa jauh individu percaya bahawa dirinya mampu, penting, berhasil dan berharga. Khera (2002) menyatakan individu dengan harga diri rendah mempunyai ciri-ciri :

1) Sering memikirkan keadaan diri sendiri dan berasa tidak puas akan keadaan dirinya.
2) Berasa tertekan dan takut dalam menghadapi keadaan yang tidak menyenangkan. Biasanya mereka suka membantah dan lebih suka mengasingkan diri daripada orang tua dan *figure* yang dianggap berkuasa.
3) Susah untuk tersenyum kerana memiliki keyakinan negatif terhadap dirinya, sehingga berasa tidak pernah mendapat penghargaanyang diharapkan dari diri sendiri, keluarga dan lingkungan mereka.
4) Tidak bersemangat, serta tidak memiliki keinginan dan kemampuan dalam menetapkan dan mencapai tujuan.
5) Suka menyendiri. Lebih suka menyendiri daripada bertemu dan bergaul dengan orang-orang baru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6) Mempunyai kesukaran bergaul dan menjalinkan hubungan persahabatan.

7) Mengelak daripada bersemuka dengan orang. Sukar untuk mempercayai orang lain dan menjalin hubungan kasih sayang dengan orang ramai.

8) Mengelak daripada risiko. Mereka kurang selesa untuk mencurahkan kasih sayang dan cenderung berpura-pura dalam hubungan dengan orang lain.

9) Memiliki hal-hal negatif. Tetapi kepada situasi yang ekstrem mereka dapat menjadi antisosial dan melakukan tindakan kekerasan.

10) Sering bercakap perkara negatif tentang diri sendiri, pertuturan tidak jujur , tidak dapat memaafkan kesalahan diri sendiri dan orang lain, dan kurang memiliki rasa empati terhadap orang lain.

Dalam kajian ini harga diri diukur dengan menggunakan Skala Soal Selidik Rosenberg (1965). Harga diri rendah dan kesan kepada salah laku disiplin dalam kalangan sampel yang dikaji diukur berdasarkan skor rendah aspek harga diri melalui soal selidik Selidik Rosenberg.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.14 Kecerdasan Emosi (EQ)

Menurut Stephen Covey (2004), kecerdasan emosi ialah seseorang yang berpengetahuan, mempunyai kesedaran, kepekaan sosial, empati dan keupayaan untuk berkomunikasi dengan baik dengan orang lain. Orang yang mempunyai kecerdasan emosi bukan sahaja dapat menguruskan diri mereka dengan baik, tetapi berkeupayaan untuk mengurus orang lain, kerana mereka faham bahawa emosi mereka sendiri adalah contohkepada orang lain (Boyatzis & McKee, 2005).

Mayer dan Salovey (1999) mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai satu bentuk kebolehan memantau dan meregulasikan emosi diri dan emosi orang lain, dapat membezakan antara keduanya dan boleh menguruskan maklumat itu untuk mengarah pemikiran dan tindakannya. Goleman (1998), melalui adaptasi model Kecerdasan emosi oleh Mayer dan Salovey mendapati bahawa kecerdasan emosi sangat penting dan berguna untuk memahami bagaimana setiap kemahiran ini berperanan dalam sesuatu bidang pekerjaan. Sehubungan dengan itu, Goleman mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai keupayaan untuk mengenal pasti emosi diri orang lain, untuk memotivasikan diri sendiri dan seterusnya mengurus emosi dalam perhubungan yang berkesan.

Menurut Goleman (1995), kecerdasan emosi bukan sahaja keupayaan kognitif untuk memahami mengenai emosi tetapi juga termasuk ciri-ciri personaliti seperti ketabahan dan keyakinan diri. Definisi yang diterima secara meluas adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"keupayaan untuk memantau diri sendiri dan emosi orang lain, bagi membezakan antara mereka, dan menggunakan maklumat untuk membimbing pemikiran dan tindakan seseorang "

Salovey dan Mayer (2000) menyatakan kecerdasan emosi adalah terdiri daripada empat kemahiran: *perceiving*, menggunakan, memahami, dan menguruskan emosi. Mayer dan Salovey, (1999); Petrides, Frederickson dan Furnham (2004) mengkaji kesan sifat emosi dan persepsi diri sendiri mengenai keupayaan seseorang untuk mengiktiraf, proses, dan menggunakan maklumat emosi kepada prestasi akademik. Kecerdasan emosi bertindak sebagai moderator antara keupayaan kognitif dan prestasi akademik yang dinilai. Pelajar-pelajar yang mempunyai kekuatan kecerdasan emosi mempunyai kelebihan untuk memahami tertentu.

Bar-On (1997), mendefinisikan model kecerdasan emosi yang telah diperkenalkannya sebagai satu keupayaan yang berkaitan dengan emosi dan pengetahuan sosial yang mempengaruhi kemampuan seseorang untuk menghadapi cabaran-cabaran persekitarannya dengan berkesan. Model kecerdasan emosi merangkumi lima aspek utama, iaitu Kesedaran terhadap diri *(Selfawareness*), Keupayaan mengurus emosi diri (*Selfregulation*), Motivasi (*Motivation*), Empati (*Empathy)* dan Kemahiran sosial (*Social skills*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Kesedaran Terhadap Diri *(Self Awarness*)

Kesedaran terhadap diri atau sedar emosi kendiri bermakna kebolehan mengawal diri (perasaan) dalam sesuatu situasi. Kebolehan ini seterusnya dapat membantu individu untuk membuat keputusan yang tepat dan bersesuaian dengan pegangan atau nilai dirinya. Secara tidak langsung, kesedaran ini membolehkan seseorang individu itu membuat penilaian realistik. Individu yang memiliki kelebihan ini akan sentiasa menyedari kekuatan dan kelemahan dirinya, bersikap terbuka apabila menerima maklum balas daripada orang lain dan bersedia untuk belajar daripada pengalaman yang dilalui. Keyakinan diri pula adalah satu sifat keberanian yang datang dengan penuh kepastian hasil daripada keupayaan terhadap kesedaran kendiri iaitu kebolehan, nilai dan matlamat diri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b) Keupayaan Mengurus Emosi Diri (*Self Regulation*)

Chan dan Rodziah (2012), menyatakan keupayaan untuk mengawal emosi diri sebenarnya terbina atas sebab kesedaran terhadap diri, emosi dan niat. Individu yang dapat mengawal emosinya mampu melaksanakan sesuatu tugas dengan mudah. Seseorang individu harus sentiasa berhati-hati dan mengelakkan sikap mudah puas hati dalam mengejar sesuatu matlamat. Keupayaan mengurus emosi juga membantu individu memulihkan kesedihan emosi dengan berkesan. Dengan keupayaan itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

individu yang berjaya mengurus emosi diri akan cepat bebas daripada kitaran emosi yang kritikal.

c) Kemahiran Sosial (*Social Skills*)

Chan dan Rodziah (2012) menyatakan bahawa kemahiran sosial melibatkan kebolehan mengurus emosi orang lain dalam perhubungan dengan berkesan dan sentiasa bersedia dengan situasi-situasi sosial serta interaksi yang mesra dengan orang lain. Kemahiran ini juga memberikan kelebihan kepada seseorang itu dari segi memujuk, berunding dan menyelesaikan perbalahan dengan individu lain supaya bekerjasama secara berpasukan dapat diwujudkan. Individu yang dapat menguasai kemahiran ini akan mencapai kepuasan dalam perhubungan sosialnya dan beroleh kejayaan dalam bidang yang diceburinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan model kecerdasan emosi Bar-On 1997. Model ini terbahagi kepada dua konstruk utama iaitu intrapersonal dan interpersonal. Pengkaji hanya memilih sampel berdasarkan skor rendah aspek kecerdasan emosi berdasarkan instrumen IRSLD.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Pengujian Hipotesis Kajian Eksperimental

Bagi memastikan agihan kumpulan memiliki jenis sampel yang sama secara statistik, analisis data praujian dijalankan. Kaedah ini bagi mengukuhkan lagi fakta bahawa tidak terdapat perbezaan signifikan dalam kalangan sampel berdasarkan kelompok. Kaedah ini boleh dilakukan dengan melihat perbezaan skor min setiap pemboleh ubah tidak bersandar pada peringkat pra ujian antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan. Data kajian dianalisis menggunakan ujian *t-test*, *ancova*, *mancova*, *post hoc* jenis tukey, analisis trend. Ujian-t bagi melihat perbezaan skor ujian pra dan pos antara aspek motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi kelompok rawatan dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ujian *mancova* untuk mengkaji perbezaan skor ujian pra dan pos motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi antara kelompok rawatan (lelaki dan perempuan) dengan kelompok kawalan dan analisis mancova digunakan untuk membezakan kelompok rawatan bandar, kelompok rawatan luar bandar dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

Mancova digunakan untuk menganalisis data praujian dan pos ujian dengan menggunakan data praujian sebagai *covariate* dan pos ujian sebagai *variate*. Ujian *post hoc-tukey* digunakan untuk mengkaji perbezaan kesan rawatan jenis kaunseling kelompok. Analisis trend bertujuan menggambarkan perubahan min skor setiap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemboleh ubah terikat. Untuk analisis data kuantitatif, sampel juga dipilih berdasarkan kaedah persampelan bertujuan. Pemilihan sampel berdasarkan kepada maklumat yang terbanyak dapat dikumpulkan oleh pengkaji sepanjang proses intervensi sehingga pengkaji merasakan data tersebut mencukupi untuk memenuhi fenomena yang berkait dengan aspek teoritikal dalam dalam kelompok bimbingan KKPR.

Ujian *mancova* digunakan untuk mengkaji perbezaan antara ketiga-tiga kumpulan pada peringkat praujian, iaitu mengkaji perbezaan skor ujian pra dan pos salah laku disiplin antara kelompok rawatan lelaki dan kelompok rawatan perempuan dengan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengujian hipotesis kajian eksprimental kelompok rawatan pelajar salah laku disiplin seperti urutan Jadual 1.2:

Jadual 1.2

Hipotesis dan Statistik Yang Digunakan

Bil	Hipotesis	Statistik
1	Hipotesis 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min ujian pra dan pos antara motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi kelompok rawatan dengan kelompok	T-TEST

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.	
2	Hipotesis 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor ujian pra dan pos motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi antara kelompok rawatan (lelaki dan perempuan) dengan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.	MANCOVA
3	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor ujian pra dan pos aspek motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi antara kelompok rawatan bandar, kelompok rawatan luar bandar dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.	MANCOVA
4	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor ujian pra dan pos aspek salah laku disiplin antara kelompok rawatan Lelaki dan kelompok rawatan perempuandengan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.	MANCOVA
5	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor ujian pra dan pos salah laku disiplin antara kelompok rawatan bandar dan kelompok rawatan luar bandar dengan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.	MANCOVA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11 Rumusan

Bab ini telah membincangkan latar belakang kajian dan permasalahan kajian yang menekankan aspek ciri-ciri pelajar yang terlibat dengan salah laku disiplin di sekolah. Kepentingan intervensi peringkat awal iaitu berbentuk perkembangan dan pencegahan bagi membantu pelajar berkenaan. Oleh itu, KKPR dalam kajian ini berteraskan kelompok bimbingan berteraskan REBT telah dibangunkan bertujuan untuk proses penyesuaian ke atas pelajar salah laku disiplin. Bab ini juga turut membincangkan tujuan kajian, objektif kajian awal dan eksperimental, kepentingan kajian dan batasan kajian. Perbincangan dalam bab ini juga turut menyentuh tentang limitasi kajian, definisi konsep dan hipotesis kajian. Akhirnya dengan berteraskan kepada tujuan dan objektif kajian, kerangka teoritikal dan tinjauan literatur, maka tiga hipotesis utama kajian awal dan lima hipotesis utama kajian eksperimental telah dibentuk dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

PENDEKATAN TEORITIKAL

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan teori yang berkaitan dengan fenomena salah laku disiplin berdasarkan Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura (1977). Menurut Bandura proses perlakuan salah laku dipelajari melalui pemerhatian, pengekalan, termasuklah pengkodan simbolik, penyusunan kognitif, latihan simbolik dan motor; dan yang ketiga, penghasilan semula motor, termasuklah kemampuan fizikal ketepatan tindak balas, dan motivasi yang diterima. Bab ini akan membincangkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerangka intervensi menerusi model kelompok bimbingan KKPR berasaskan teori REBT untuk membantu proses perkembangan pelajar salah laku disiplin.

Kajian ini memberi tumpuan terhadap membetulkan aspek kognitif atau pemikiran tidak rasional sampel kajian dengan meningkatan aspek motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi dalam diri pelajar salah laku disiplin. Pengkaji mengkonsepsikan salah laku disiplin daripada Teori Pembelajaran Albert Bandura. Teori pembelajaran melihat salah laku disiplin adalah dipelajari melalui pemerhatian dan pengalaman melalui kelompok sosial. Justeru, bahagian ini memaparkan cara salah laku dipelajari; peranan kognitif dalam tingkah laku; dan pendekatan kelompok KKPR. Bahagian ini juga menghuraikan kelompok berstruktur yang digunakan sebagai intervensi untuk merawat aspek psikologi pelajar salah laku disiplin.

2.2 Kerangka Teoritikal Teori Pembelajaran Sosial Sebagai Model Kajian

Salah laku disiplin tidak dapat dinafikan merupakan sebahagian daripada tingkah laku bermasalah. Teori Pembelajaran Sosial yang diperkenalkan oleh Albert Bandura sangat relevan dengan penyelesaian masalah perlanggaran disiplin. Menurut Bandura (1977), Teori Pembelajaran Sosial didefinisikan sebagai satu pembelajaran yang berlaku dengan memerhati orang lain melakukan sesuatu atau menjadikan seseorang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebagai model tingkah laku.Ini bererti persekitaran dan orang-orang yang signifikan akan mempengaruhi tingkah laku.

Bandura (1973) melalui teori pembelajarannya menerangkan tiga pengaruh utama yang beroperasi terhadap pelajar salah laku disiplin iaitu *origin*, *instigators* dan *maintainers*. Sungguhpun pembentukan salah laku ini berlaku pada tiga dekad yang lalu, tetapi teori ini masih digunakan oleh para ahli psikologi seperti Berns (2004), Reid et.al. (2002) Geen (1998) dan Abdul Malik (2004). Bjornebekk dan Gunnar (2007), menyatakan sepanjang 30 tahun yang lepas, teori pembelajaran sosial telah berada di barisan hadapan teori penyelidikan mengenai pembangunan tingkah laku antisosial. Selanjutnya, Bandura telah memadankan tiga faktor ini ke dalam teori kognitif sosialnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Albert Bandura (1925) mula membangunkan teori pembelajaran sosial dalam tahun 1960-an (Corey, 2005; McGuire, 1996). Bandura bersama teori pelaziman klasik operan dan perspektif teori baru bahawa tingkah laku boleh dipengaruhi melalui pemerhatian dan pembelajaran (Corey, 2005). Bandura percaya bahawa tingkah laku adalah hasil daripada pembelajaran dengan alam sekitar dan pengalaman yang lalu (di mana pembelajaran memainkan peranan yang besar) (Ryckman, 2004). Pendekatan ini menggabungkan prinsip-prinsip *behaviorisme* dengan teori-teori kognitif psikologi dengan menyokong proses-proses dan kesan ke atas tingkah laku sebagai persekitaran luaran (Corey, 2005). Idea bahawa model dan pembelajaran Albert Bandura merupakan teori yang popular dengan tingkah laku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bandura dan Walters menggunakan sekumpulan kanak- kanak tadika berumur 3- 6 tahun untuk menjalankan kajian dan berjaya membuktikan bahawa kanak- kanak keseluruhannya meniru model yang ditonton dengan gaya yang lebih agresif. Beliau merumuskan bahawa pelbagai tingkah laku sosial seperti keagresifan, salah laku persaingan, peniruan model dan sebagainya adalah hasil pemerhatian daripada gerak balas yang ditonjolkan oleh orang lain. Teori pembelajaran menekankan pembelajaran melalui proses permodelan iaitu pembelajaran melalui pemerhatian atau peniruan. Di dalam eksperimen yang pertama, mereka menggunakan dua kumpulan berikut iaitu kanak-kanak disuruh memerhati sekumpulan orang dewasa yang sedang menumbuk, menendang sebuah patung besar yang dinamakan Patung Bobo (Kumpulan Eksperimen), manakala (kelompok kawalan) kanak-kanak tersebut memerhati sekumpulan orang dewasa bemesra dengan patung Bobo tersebut. Kedua-dua kumpulan kanak-kanak tersebut kemudian dibawa ke tempat permainan yang serupa dengan situasi dengan eksperimen tersebut. Didapati kanak-kanak kumpulan eksperimen bukan sahaja memukul, menumbuk, menendang dan menjerit pada patung tersebut, bahkan juga menunjukkan tingkah laku yanglebih agresif daripada tingkah laku orang dewasa yang telah diperhatikan melalui video tersebut. Sedangkan kanak-kanak kumpulan kawalan tidak menunjukan sebarang tingkah laku agresif seperti yang terdapat dalam kumpulan eksperimen. Kesimpulannya, berdasarkan eksperimen ini menunjukkan bahawa teori Albert bandura merupakan teori pembelajaran yang signifikan dengan salah laku iaitu menunjukkan tingkah laku negatif atau negatif kanak-kanak adalah dipelajari melalui peniruan atau pemodelan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori pembelajaran sosial yang telah diperkenalkan oleh Albert Bandura ini menekankan tentang aspek interaksi antara manusia dengan persekitarannya. Terdapat beberapa faktor pelajar terlibat dengan salah laku disiplin, iaitu kelakuan pelajar itu sendiri, pengaruh persekitaran dan interaksi kognitif. Berdasarkan prinsip dalam teori Bandura pengaruh-pengaruh seperti gaya asuhan daripada ibu bapa, komunikasi berkesan ibu bapa, interaksi sosial rakan sebaya dan peranan guru merupakan model yang akan memberikan kesan dan dicontohi oleh pelajar. Menurut Bandura (1977) latihan pemerhatian atau modeling adalah amat penting dalam pembentukan tingkah laku pelajar. Bagaimanapun pengaruh persekitaran tidak bertindak secara automatik. Individu mesti menggunakan mekanisma berfikir atau proses kognitif yang menguruskan perlakuan agar dapat disaring dan disimpan. Seterusnya, individu juga berkeupayaan mental dan cara untuk melaksanakan sesuatu salah laku tersebut.

Berdasarkan Teori Pembelajaran Sosial yang dipelopori oleh Albert Bandura (1977), pemerhati akan meniru setiap tingkahlaku 'model' sekiranya tingkahlaku model tersebut mempunyai ciri-ciri seperti bakat, kecerdasan, kuasa, kecantikan atau pun popularity yang diminati oleh pemerhati. Kategori model adalah seperti yang pertama, model yang lebih tua, berkuasa, kekayaan dan kehormat. Kedua ialah model berstatus tinggi seperti berkuasa. Ketiga ialah model yang mempunyai kecerdasan tinggi dan yang keempat ialah model yang terkenal dalam bidang kepakaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fungsi kognitif mengatur perlakuan salah laku dan menyusun kaedah pelaksanaannya. Terdapat tiga cara utama individu memperoleh perlakuan salah laku melalui modeling. Pertama pengaruh orang yang lebih menarik, popular, cekap atau disanjungi seperti ibu bapa, abang atau kakak, guru-guru dan rakan sebaya. Bagi kalangan pelajar mungkin merujuk kepada rakan sebaya yang popular dan artis pujaan. Faktor-faktor yang mempengaruhi model termasuk mudah terikut-ikut atau terpengaruh dengan nilai, umur, jantina, status dan perhubungan dengan pemerhati (Gottfredson & McNeil, 1991). DiPerna (2006) dalam kajiannya menyatakan perubahan tingkah laku remaja adalah bagaimana remaja itu melihat dan meniru model, bimbingan, latihan tingkah laku, dan pengukuhan yang diperoleh. Menurut Mahmood (2001), tingkah laku negatif dipelajari daripada persekitaran sosial seperti interaksi dengan keluarga dan rakan sebaya. Kesan daripada persekitaran rumah merupakan faktor utama sebagai penyebab remaja cenderung untuk bergaul dengan sistem lain dalam kehidupan mereka (Jackson & Fondacaro, 1999).

Kedua, pengaruh subbudaya juga turut menyumbang. Individu yang tinggal di persekitaran masyarakat yang menggalakkan atau mengamalkan tingkahlaku antisosial dalam memperoleh sesuatu akan mempelajarinya dan memperoleh perlakuan salah laku tersebut. Menurut Bandura, keadaan seperti suasana atau persekitaran penyalahgunaan dadah dan menjadikan persekitaran sebagai perlakuan yang wajar dan seterusnya diterima.Roslee dan Mohamed Sharif (2006) menjalankan kajian bertujuan untuk mengenalpasti punca dan risiko merokok di Kelantan. Dapatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara faktor persekitaran dengan tabiat merokokoleh sampel kajian.

Ketiga, salah laku dipelajari melalui model simbolik, terutamanya melalui perlakuan salah laku yang ditonton melalui media visual seperti televisyen, video dan telefon bimbit. Individu akan meniru perlakuan tersebut dan menjadikan tindakan itu sebagai perlakuan yang wajar dan seterusnya diamalkan oleh individu dalam kehidupan sehariannya. Salah laku yang dilakukan dan diikuti dengan peneguhan akan bertambah kukuh atau mempunyai kecenderungan untuk diulangi. Begitu juga hukuman atau dendaan terhadap sesuatu perlakuan salah sebaliknya akan mengurangkan kemungkinan sesuatu tindakan tersebut itu diulangi. Bandura juga menyatakan bahawa modeling dan peneguhan kemungkinan saling berkait. Dalam situasi tertentu pembelajaran melalui peniruan yang menyumbang kepada perbuatan salah laku, kemudiannya diperkukuh dan dimantapkan melalui peneguhan. Peniruan ini menyebabkan individu berpotensi mengulangi salah laku yang dipelajari dan kemudiannya diperteguh.

2.2.1 Pendorong Salah Laku Displin (*instigators*)

Perbuatan salah laku itu berlaku kerana adanya pengaruh atau pendorongnya. Pendorong itu diperoleh melalui pembelajaran lampau, sindiran, ancaman status, kehadiran rakan sebaya sealiran dan peristiwa yang mengiktiraf perlakuan salah laku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semuanya merupakan pendorong yang dipelajari. Sekiranya individu itu menunjukkan perlakuan salah laku dengan melakukan tindakan dan melihat ada justifikasi dengan tindakan demikian, maka peneguhan terhadap tindakan tersebut berlaku. Sebaliknya jika bantahan atau penentangan terhadap perlakauan salah laku itu berlaku maka penghapusan atau pengurangan perlakuan langsung terjadi. DiPerna (2006) dalam kajiannya menyatakan bahawa perubahan tingkah laku remaja adalah bagaimana remaja itu melihat dan meniru model, bimbingan, latihan tingkah laku, dan pengukuhan yang diperoleh. Remaja merempit mempunyai hubungan dengan peniruan dan suka mengikut sahaja sikap dan tingkahlaku rakan-rakan, sekiranya tidak mengikuti mereka akan dianggap ketinggalan, mereka memilih untuk meniru aksi rakan-rakan dan tidak memikirkan bahawa perkara tersebut adalah salah dan ia menganggap perkara itu betul ekoran rakan-rakannya melakukan aktiviti sedemikian (Fadli Ismail, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Bandura, kebangkitan emosi mungkin turut berfungsi sebagai pendorong kepada perbuatan tersebut. Kehadiran emosi ini datang dari persekitaran, layanan yang negatif akan menjadi pendorong kepada perbuatan salah laku. Hal ini demikian kerana pendorong akan merangsang individu untuk mengatasi tekanan yang terhasil daripada layanan tersebut (Abdul Malik, 2004). Demikian juga dengan ancaman kognitif merupakan faktor yang boleh juga menghasilkan perbuatan salah laku. Bagaimanapun menurut Bandura, respon tindakan kepada perbuatan salah laku akan hanya terjadi jika individu beranggapan bahawa pengalaman lampau menjadi respon tindakan yang bersesuaian. Selanjutnya, Bandura menyatakan perlakuan salah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

laku terutamanya apabila dipadankan dengan model dan pengaruh akan mendorong berlaku perbuatan salah laku disiplin tersebut (Bandura, 1977).

2.2.2 Pengekalan Salah Laku Disiplin*(maintainers)*

Apabila sesuatu perlakuan salah laku terjadi dan diperoleh, sesuatu keadaan perlu wujud untuk memastikan perlakuan tersebut akan diulangi. Pengekalan luaran adalah sebagai peneguhan. Sebagai contoh status sosial adalah peneguhan fungsional kepada perlakuan salah laku. Status merupakan peneguhan terhadap anggota-anggota kelompok atau geng yang menyanjung dan mengiktiraf perbuatan salah laku rakan sebaya mereka. Peneguhan boleh memainkan beberapa peranan dalam pembelajaran pemerhatian. Seandainya individu mengharapkan untuk mendapat peneguhan dengan meniru tindakan seseorang model, individu mungkin menjadi lebih bermotivasi untuk menumpukan perhatian, mengingat dan menghasilkan semula tingkah laku tersebut (Bandura, 1977).

Peneguhan negatif juga boleh mengekalkan perbuatan salah laku. Lari dari masalah atau sesuatu yang berbahaya merupakan pengekalan luaran yang mengekalkan perlakuan salah laku. Sebagai contoh, pergaduhan disebabkan sesuatu krisis akan mengekalkan perlakuan salah laku. Si A bergaduh dan berjaya dalam perbalahan tersebut dan rakan-rakan memberi tepukan dan galakan. Kemenangan yang merupakan peneguhan yang akan mengekalkan perlakuan salah laku tersebut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerana kecederaan merupakan kejayaan kepada pihak yang bertindak. Justeru proses kognitif menyimpan maklumat untuk bertindak balas. Seseorang mungkin menjadi lebih bermotivasi untuk menumpukan perhatian, mengingat dan menghasilkan semula tingkah laku. Selain itu, peneguhan penting untuk mengekalkan pembelajaran. Seseorang yang mencuba menunjukkan tingkah laku baru tidak akan mengekalkanya tanpa adanya peneguhan (Bandura, 1977; Abdul Malik, 2004).

2.2.3 Peneguhan Kendiri dan Vikarious

Peneguhan vicarious *(vicarious reinforcement*) berfungsi apabila individu menyaksikan salah laku individu lain mendapat ganjaran atau peneguhan. Akibat daripada penyaksian ini dapat menimbulkan jangkaan individu ini akan mendapat peneguhan yang sama jika melakukan salah laku sedemikian. Peneguhan kendiri terjadi apabila seseorang merasai kepuasan daripada tindakan tersebut. Sebaliknya, kritikan diri akan mengurangkan perlakuan salah laku. Manakala, rasa kepuasan akan menghasilkan proses mediasi kendiri menggunakan kognitifnya yang akan menyebabkan sifat perlakuan salah laku individu bertambah dan terpisah daripada reaksi luaran (Abdul Malik, 2004). Akibat tindakannya yang terhasil daripada pertimbangan yang terjadi dalam dirinya sendiri, akan menyebabkan individu merasionalkan keputusannya untuk memperakukan tindakan yang telah dilakukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses mediasi kendiri yang lain daripada teori pembelajaran sosial adalah *self-efficacy*. Jika individu percaya sesuatu perlakuan ini boleh dilakukan dan lebih-lebih lagi jika individu itu percaya sesuatu hasil diingini akan diperoleh melalui salah laku tersebut, maka tindakan terhadap perbuatan salah laku akan berlaku. Justeru proses kognitif tersebut adalah suatu pemikiran yang mempengaruhi kemunculan perlakuan salah laku. Jika Individu itu menyatakan dia mampu menewaskan individu lain akan mempunyai keupayaan menghalang individu lain dari menyerang mereka. Selanjutnya individu ini berkecenderungan bertindak melakukan salah laku berbanding mereka yang berkata diri mereka lemah dan mereka sering melarikan diri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.4 Kerangka Konseptual Salah Laku Disiplin Mengikut Bandura

Menurut Bandura (1977), Teori pembelajaran sosial ialah satu pembelajaran yang berlaku dengan memerhati orang lain melakukan sesuatu atau menjadikan seseorang sebagai model tingkah laku. Bandura (1977) juga menyatakan seseorang individu akan memerhatikan sesuatu tingkah laku daripada orang lain yang signifikan dengannya dan menyimpan maklumat yang diperhatikan secara kognitif dan seterusnya memperlihatkan tingkah laku tersebut.

Kajian Abdul Malek (2004) menggunakan teori Pembelajaran Albert Bandura dalam teoritikal kajian tingkah laku langsang buli dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Perak. Azizi dan Gan Lui (2010) menyatakan Teori Pembelajaran Sosial

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

oleh Albert Bandura merupakan satu teori umum mengenai tingkah laku manusia. Teori ini digunakan dalam menghuraikan perlakuan lepak dalam kalangan remaja dan memahami terhadap gejala lepak di kalangan remaja.Tingkah laku agresif tidak dapat dinafikan merupakan sebahagian daripada tingkah laku berisiko remaja. Teori pembelajaran sosial yang diperkenalkan oleh Albert Bandura sangat relevan dengan penyelesaian masalah tingkah laku agresif dan keganasan (Azizi & Mohd Sofie, 2010).

Dalam kajian ini salah laku disiplin pelajar adalah masalah tingkah laku yang dialami oleh sampel kajian. Pengkaji berpegang kepada perspektif teori pembelajaran sosial, khususnya tingkah laku kognitif dalam menerangkan punca masalah tersebut. Perspektif ini menekankan salah laku disiplin pelajar adalah hasil daripada pembelajaran melalui persekitaran. Pengaruh persekitaran ini bertindak dengan mekanisme kognitif dan perasaan individu. Kognitif atau pemikiran selanjutnya berinteraksi dengan perasaan untuk membuat pertimbangan sebelum melakukan sesuatu tindakan. Justeru, kognitif akan mengurus mentafsir dan merancang untuk menghasilkan sesuatu tindakan. Ringkasnya, kognitif membuat keputusan dan pertimbangan yang rasional dan selanjutnya menghasilkan tingkah laku yang positif. Walau bagaimanapun pertimbangan ini memerlukan kepada ketiga-tiga komponen iaitu kognitif, perasaan dan tingkah laku tersebut, tetapi komponen ini bergantung kepada kemahiran sosial individu berkenaan. Individu yang mempunyai interaksisosial yang baik akan mebuat keputusan dan pertimbangan dengan mengambil kira kesan daripada setiap tingkah laku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kelemahan dalam interaksi sosial juga menyebabkan individu mudah dipengaruhi oleh model-model langsung. Masalah tingkah laku ini bersifat subjektif dan boleh berubah mengikut keadaan, tempat dan masa. Laporan yang disiarkan di dada akhbar, majalah dan media massa telah membuktikan kepada umum bahawa masalah salah laku telah melanda kaum pelajar di Malaysia (Yusof & Jamaluddin, 2008). Didapati pelajar yang berusia 14 tahun dan 15 tahun banyak terlibat dengan kenakalan dan salah laku (Jolien Vander et al., 2012). Penglibatan dalam jenayah delinkuen terus meningkat, melainkan kita dapat mengenal pasti faktor-faktor yang mempunyai potensi untuk mengurangkan kadar salah laku (Barnes et. al., 2006). Masalah yang dihadapi oleh pelajar berkemungkinan kerana individu tidak mempelajari kemahiran koping atau strategi kognitif dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Kajian lalu menunjukkan interaksi sosial kerap kali berjaya membaiki dan meningkatkan keterampilan sosial dan meningkatkan penerimaan rakan-rakan dalam kalangan pelajar salah laku. Mereka yang mengikuti latihan tersebut menunjukkan kemahiran berkomunikasi yang lebih baik dari sebelum mengikuti latihan (Glover et. al., 2000).

Melalui kajian ini, pemikiran salah klien yang membawa kepada salah laku disiplin yang akan diteroka dan dikenal pasti. Klien akan didorong untuk memahami dan menyedari pemikiran, perasaan dan tingkah laku yang salah. Selepas itu, mereka dilibatkan dalam proses belajar untuk membina perspektif baru. Melalui pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

baru ini ahli kelompok dibantu mempelajari komponen-komponen yang ada dalam tahap-tahap KKPR yang boleh menghindarkan ahli kepada tingkah laku antisosial dan mendorong ahli kelompok kepada tingkah laku prososial, iaitu tingkah laku yang bersesuaian dengan norma-norma masyarakat.

Kajian-kajian menyatakan pelajar yang terlibat dengan salah laku mempunyai hubungan dengan rendahnya motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi ada dalam diri klien. Aspek psikologi ini akan ditingkatkan melalui intervensi Kaunseling Kelompok Penyesuaian Remaja (KKPR) dengan tujuan selepas sesi tamat keseluruhan aspek ini akan berlaku peningkatan kepada klien. Berdasarkan kajian lalu pelajar terlibat dengan pelbagai salah laku kerana motivasi rendah (Wiesner et. al., 2007); Asertif rendah (Hamdan & Rahim (2012); Empati rendah (Jolien Vander et.al., 2012); Harga Diri rendah (Donnellan, et.al., 2005) dan Kecerdasan Emosi rendah (Siok Gim & Rodziah, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, klien bekerjasama dengan fasilitator secara aktif mengenal pasti pemikiran atau kepercayaan yang salah, seterusnya pemikiran baru dipelajari. Setelah klien menyedari dan memahami diri sendiri, mereka dilatih dalam kelompok yang tertumpu kepada peningkatan aspek motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi klien. Kaedah rawatan ialah intervensi kelompok bimbingan KKPR menerusi enam tahap mengikut model dalam modul tersebut. Dalam kajian ini faktor rawatan adalah pemboleh ubah bebas yang dilaksanakan secara kelompok bimbingan, manakala aspek psikologi adalah pembolehubah terikat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan perspektif teori pembelajaran sosial, khususnya salah laku koginitif yang digunakan bagi menerangkan terbentuknya salah laku disiplin dan dalam proses sesi dapat meningkatkan keseluruhan aspek motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi dengan cara membetulkan pemikiran tidak rasional pelajar salah laku disiplin, maka penyelidik telah membina sendiri kerangka konseptual yang dikenali sebagai kerangka pelajar salah laku disiplin mengikut Bandura seperti Rajah 2.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.2 Kerangka Konseptual Pembentukan, Pengekalan dan Penghapusan Salah Laku Displin Pelajar

2.3 Faktor-Faktor Persekitaran Sosial Yang Mempengaruhi Salah Laku Disiplin

Faktor-faktor persekitaran merangkumi kepada gaya asuhan, fungsi dan interaksi ibu bapa/keluarga, perhubungan, dan interaksi sosial rakan sebaya dan peranan dan komunikasi guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.1 Pengaruh Ibu Bapa atau Keluarga

Pelajar yang terlibat dengan salah laku belajar daripada pelbagai latar belakang dan tempat tinggal. Keluarga terbukti menjadikan pelajar lebih mudah terdedah dan terlibat dengan aktiviti yang bermasalah. Faktor-faktor seperti interaksi keluarga, ketidakcekapan keluarga, pengawasan yang tidak *konsisten* daripada ibu bapa atau penjaga, hukuman fizikal dan penganiayaan, konflik keluarga, perpecahan dan perceraian, ibu atau bapa tunggal. Ciri-ciri ini menggambarkan bahawa keluarga sangat berpengaruh dan merupakan penyumbang kepada salah laku pelajar (Judith, 2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Azizi et.al. (2013) menyatakan delinkuen berkait rapat dengan cara ibu bapa mengawal dan mendisiplinkan anak-anak. Kajian mendapati 80 peratus daripada pelajar delinkuen tidak mendapat pengawasan yang baik daripada ibu bapa mereka sementara, hanya 10 peratus daripada mereka yang bukan delinkuen tidak diawasi oleh ibu bapa. Ibu bapa hendaklah peka kepada setiap tindakan dan komunikasi mereka dengan anak-anak, terutamanya anak-anak yang sedang meningkat remaja. Dorothy et.al., 1982 dalam Azizi et.al. (2013) menyatakan bahawa: Jika anak sentiasa dikecam dia akan menjadi orang yang suka mengganggu orang lain; Jika anak sentiasa dimusuhi dia akan menjadi orang yang suka berkelahi; Jika anak sentiasa dikritik, anak ini akan pandai menghina; Jika anak hidup dalam ketakutan dia akan menjadi anak yang mudah cemas; Jika anak hidup dalam kedengkian dia belajar berasa bersalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kajian-kajian didapati faktor-faktor penyumbang kepada proses peniruan disebabkan oleh faktor komunikasi, fungsi keluarga dan gaya asuhan dalam keluarga yang tidak menjalankan fungsinya dengan sebenar. Kajian Barnes dan Olson (1985) mendapati komunikasi yang baik antara ibu bapa dengan remaja akan menyebabkan hubungan keluarga semakin rapat, wujud kasih sayang dan proses penyelesaian masalah akan berlaku dengan mudah. Jackson et. al., (1998) juga menjelaskan komunikasi yang tidak berkesan akan mendatangkan kesan yang negatif terhadap keluarga dan tingkah laku anak-anak.

Gaya asuhan dan pola interaksi dalam keluarga merupakan proses pembelajaran dalam linkungan rumah tangga. Ibu bapa ialah acuan kepada anak-anak, rumah pula ialah sekolah pertama anak-anak dan ibu bapa ialah model kepada anak-anak (Lilik, 2006). Anak-anak akan belajar dan meneladani apa-apa yang dilihat dan dipelajari. Teori pembelajaran sosial yang diaplikasikan oleh Bandura (1973) juga merumuskan bahawa perkara utama yang sering dipelajari oleh kanak-kanak dan remaja ialah melalui pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain, khususnya orang yang signifikan dengan mereka. Jika tingkah laku negatif ditunjukkan oleh ibubapa, anak-anak akan terikut-ikut kepada tingkah laku ibu bapa tersebut. Jika tingkah laku ditunjukkan oleh rakan sebaya, hal itu juga akan menjadi ikutan pelajar (Azizi & Muhamad Jumat, 2010). Hasil kajian menunjukkan bahawa tingkah laku antisosial pelajar berpunca daripada kegagalan cara gaya keibubapaan dan pengurusan keluarga (Jacobvitz & Bush, 1996; Vuchinich, 1992).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah-masalah yang timbul oleh pelajar pada kebiasaannya adalah kesan kesinambungan daripada masalah yang timbul semasa kanak-kanak (Block et. al.,1988; Caspi et. al., 1995; Fergusson & Horwood,1996; Fergusson et al.,1996a; Moffitt,1993). Kekecewaan terhadap keluarga dan persekitaran lain terus menyumbang kepada tingkah laku devian bagi mencapai maksud luahan perasaan **(**Nor Ba'yah, 2004). Oleh itu, cara ibu bapa berinteraksi, menilaidan menghargai anak-anak akan memberi kesan yang mendalam terhadap anak-anak mereka (Azizi et. al.,2005). Penyelidikan membuktikan bahawa teknik komunikasi keibubapaan memberikan kesan dan dapat dicontohi oleh anak-anak. Memperbaik komunikasi dan kemahiran mempunyai kaitan dengan cara penyelesaian masalah (Mark et. al., 2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Thabrani bahawa tiap-tiap anak yang lahir dalam keadaan fitrah, dan ibu bapa yang telah menjadikan anak itu Yahudi, ataupun Nasrani. Daripada hadis diatas, menandakan bahawa ibu bapa sangat berperanan dalam proses pembelajaran anak-anak. Di sinilah bermulanya titik tolakanak belajar memperhatikan keinginan orang lain, pengalaman-pengalaman dalam interaksi sosial dalam keluarga turut menentukan pula cara bertindak dan berinteraksi pergaulan sosial yang lebih besar seperti dalam masyarakat (Lilik,2006).

Sebelum seorang anak mengenal norma-norma dan nilai-nilai dari masyarakat umum, pertama kali ianya menyerap norma-norma dan nilai-nilai yang berlaku dalam keluarga untuk dijadikan sebahagian daripada pengaruh ibu bapa dan anak-anaknya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Lilik, 2006). Manakala Nooh Gadot dalam kertas kerjanya "Masyarakat, Pendidikan dan Pembentukan Keluarga Islam Berkualiti" menyatakan bahawa keluarga Islam menghadapi masalah pergaulan dan cara hidup seperti kelemahan komunikasi dalam keluarga. Ammar Fadzil (2009); Sarjit (2007) pula menegaskan bahawa golongan yang bertanggungjawab dalam membawa kewujudan budaya jenayah sama ada di sekolah mahupun di luar sekolah adalah keluarga, iaitu ibu bapa.

Keluarga telah dikenalpasti sebagai faktor pelindung kepada tingkah laku bermasalah kerana terdapat komunikasi yang berkesan dan perapatan antara ahli keluarga yang diekspresikan melalui sikap dan tanggungjawab ahli keluarga (Norulhuda, 2012). Pelajar yang mempunyai hubungan kukuh dengan ibu bapa, kurang mencuba untuk membentuk ikatan dengan rakan sebaya yang terlibat dengan salah laku (Calvert, 2002). Apabila pelajar mempunyai hubungan kekeluargaan yang longgar, mereka akan mengukuhkan hubungan yang lebih rapat dengan rakan sebaya. Hubungan ini akan mengembangkan kemahiran-kemahiran tertentu sama ada sedar atau tidak kepada aktiviti berada di luar rumah, mengikut rakan, meninggalkan rumah sehinggalah kepada aktiviti melakukan seks. Kebanyakan pelajar tersebut memiliki kemahiran yang belum cukup sempurna atau pramatang dalam meninggalkan rumah, mengikut pasangan dan melakukan salah laku sebelum kemahiran itu benar-benar dipelajari dengan sempurna dan diperlukan. Kesemua kemahiran ini terbentuk tanpa disedari oleh keluarga dan ia perlu diawasi (Calvert, 2002).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian turut menunjukkan bahawa pelajar cenderung untuk melakukan seks apabila ia kurang pengawasan selepas waktu sekolah (Barbara, 2006). Tingkah laku ini kurang berlaku apabila adanya pemantauan oleh ibu bapa (Wight et. al., 2006). Di Malaysia, kajian terhadap 102 orang pelajar hamil luar nikah menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara kehamilan pelajar dengan penglibatan dengan aktiviti yang tidak diawasi selepas waktu sekolah (Omar et. al., 2010). Oleh yang demikian, peranan ibu bapa terhadap anak-anak seharusnya lebih bersifat membimbing dan memantau berbanding dengan zaman kanak-kanak yang lebih bersifat mengajar dan mendidik. Pada waktu ini ibu bapa perlu menyediakan sokongan terhadap perubahan-perubahan fizikal, emosi dan seksual yang dihadapi oleh pelajar. Komunikasi adalah penting, walau bagaimanapun kebanyakan ibu bapa tidak berbincang tentang kesihatan seks dan reproduktif dan meninggalkan pelajar untuk mencari serta memahami sendiri pengetahuan yang kritikal ini bersendirian (Hindin & Fatusi, 2009). Fulkerson et. al. (2006) pula menyatakan kekerapan makan bersama keluarga turut memberikan kesan pengurangan tingkah laku bermasalah, namun kesempatan ini kurang diambil perhatian oleh ramai ibu bapa. Seharusnya ibu bapa perlu bijak memberi sokongan kepada pelajar apabila diperlukan terutama apabila memberikan maklumat tentang seks dan mengundur diri sedikit apabila tidak diperlukan kerana fitrah remaja memerlukan privasi dan kebebasan (Fulkerson et. al., 2006).

Pola asuhan menunjukkan kuasa (*power assertif*) adalah pola asuhan yang diterapkan oleh ibu bapa dalam mendidik anaknya dengan sentiasa memaksa kehendak ibu bapa untuk dipatuhi oleh anak meskipun sebenarnya anak tidak dapat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menerimanya (Lilik, 2006). Kecelaruan anak-anak terhadap fungsi keluarga merupakan pengaruh kuat peniruan anak-anak. Peranan dan tanggungjawab yang sepatutnya diserahkan kepada individu lain menyebabkan perkembangan remaja itu menjadi tidak seimbang (George, 1992).

Sikap lepas tangan ibu bapa dengan pelbagai komitmen menyebabkan anak-anak dibesarkan dalam keadaan tidak sempurna umpama tugas membesarkan diserahkan kepada amah, anak sulung memikul tugas bapa dan ibu menjadikan fungsi yang sebenarnya dipindahkan dan kesannya pelbagai reaksi negatif akan kelihatan, maka timbulah perasaan geram dan tidak puas hati dalam keluarga tersebut. Wujudnya emosi tidak gembira hasil daripada faktor ketidakfungsian dan kurang perhatian daripada keluarga atau ibu bapa menyebabkan mereka suka mengelakkan diri daripada mengambil tanggungjawab atas tindakan mereka dan seterusnya suka menyalahkan orang lain apabila mereka mendapat kesusahan (Mitchell 1989; Badrulzaman, 2006). Berdasarkan kepada ketidakfungsian keluarga, anak-anak menerima dan melihat peranan yang sepatutnya dilaksanakan oleh ibu bapa telah dipelajari oleh mereka. Ganjaran dan nilai yang sepatutnya diterima daripada ibu bapa dipelajari daripada individu lain akibat ketidakfungsian keluarga ini.

Menurut Eggen dan Kauchak (1994), ibu bapa yang mengamalkan gaya autoritatif akan melahirkan anak yang mempunyai harga diri yang tinggi, berkeyakinan, rasa selamat dan sanggup mengambil risiko. Sebaliknya ibu bapa yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengamalkan gaya asuhan autoritarian pula mempunyai sifat kawalan yang tinggi, tetapi kurang dalam tanggungjawab. Anak-anak yang dibentuk akan mempunyai ciri-ciri seperti berfikiran negatif, sering memberontak, pendendam, bimbang, cemas, khuatir, pendiam, pemalu, konsep kendiri rendah dan kurang motivasi untuk berdikari. Mereka akan bertindak bermusuhan sekiranya dikecewakan. Nilai-nilai negatif ini dipelajari dan kesannya mereka akan berasa rendah diri apabila berhadapan dengan masyarakat (Azizi & Mohd Sofie, 2010).

Bandura (1977) membuat perbandingan antara tingkah laku ibubapa yang mempunyai anak yang terlalu agresif dan anak yang terkawal. Teori Bandura (1977), mengatakan bahawa tingkah laku anak sepatutnya selari dengan tingkah laku ibu bapa. Kajian tersebut mendapati ibu bapa yang mempunyai anak yang terkawal, terdiri daripada ibu bapa yangtidak agresif dan boleh mengawal tingkah laku mereka, manakala ibu bapa yang mempunyai anak yang terlalu agresif adalah terdiri daripada mereka yang juga bersikap agresif. Donnellan et. al. (2005) menyatakan bahawa anak-anak yang terlibat dengan salah laku adalah berpunca daripada rendahnya harga diri dalam diri mereka.

2.3.2 Faktor Rakan Sebaya

Kumpulan rakansebaya ini mempunyai peranan dalam aktiviti sosial mereka. Ia adalah agensi tidak formal yang memberikan pembelajaran dan pengalaman yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tidak dapat diperoleh daripada keluarga dan juga di sekolah (Azizi, & Rosnah, 2007). Kajian-kajian menunjukkan pengaruh rakan sebaya merupakan penyumbang dan memberikan kesan kepada pembentukan peribadi dan salah laku negatif pelajar sekarang. Pada tahun 2004, 2.2 juta remaja telah ditangkap (Crosswhite & Kerpelman, 2008). Walaupun *trend* bahawa keseluruhan tangkapan juvana telah menurun, pelajar terus untuk melibatkan diri dalam tingkah laku jenayah (Wiesner & Silbereisen, 2003).

Kajian Sufian (2004), menyatakan bahawa pelajar yang merokok didorong oleh desakan rakan sebaya. Dalam perkumpulan rakan sebaya, seseorang pelajar diterima dalam sesuatu perkumpulan sekiranya mereka berani merokok, jika tidak mereka dipulaukan oleh rakan sebaya. Pengukuhan berlaku apabila segala tindakan tanpa ambil peduli oleh jiran tetangga atau masyarakat menyebabkan mereka bertambah bebas lagi. Sikap tidak kisah kepada persekitaran menyebabkan urusan keselamatan harta dan nyawa masyarakat diserahkan kepada polis dan mahkamah sepenuhnya (Azizi, 2008).

Piaget berpendapat, moral kanak-kanak lebih berkembang berdasarkan interaksi kanak-kanak dengan rakan-rakan mereka berbanding dengan interaksi ibu bapa mereka. Bagi Piaget, ibu bapa lebih kepada *level* yang kurang matang kerana hubungan ibu bapa dan anak-anak lebih kepada cara hadiah dan hukuman atau untuk mempromosikan kepercayaan bahawa penilaian moraliti bergantung kepada kuasa orang dewasa. Manakala rakan-rakan pula lebih mengutamakan pertukaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(*reciprocity*) dan hak kesamarataan antara mereka untuk mempertahankan perhubungan sosial mereka.

Selain pengalaman pembelajaran, proses pembentukan tingkah laku manusia juga boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor persekitaran, iaitu seseorang itu menjalani kehidupan (Zakaria et. al., 2012). Pendapat-pendapat ini memberikan gambaran salah laku dipelajari dan peniruan hasil daripada model-model yang dilihat dan interaksi sosial pelajar dengan persekitaran mereka dibesarkan. Lumrahnya, pelajar memerlukan kepada kawan, berinteraksi dan bersosialisasi, pelajar mudah terikut dengan suara majoriti, seandainya dalam kumpulan tersebut sealiran dan untuk diterima pelajar akan bersama-sama mempelajari untuk menyesuaikan diri dalam kumpulan berkenaan. Kajian yang dijalankan oleh sekumpulan pengkaji dari Universiti Putra Malaysia pula telah mengenal pasti bahawa faktor rakan sebaya merupakan antara faktor penting dan penyebab golongan pelajar terjerumus kepada perlakuan salah laku sosial. Rakan sebaya juga dikenal pasti mempunyai pengaruh terhadap masalah ketagihan rokok, dadah dan alkohol dalam kalangan pelajar berusia 18 tahun selain pengaruh ibu bapa dan persekitaran (Abdullah al-Hadi, Rorzumah, Rumaya, Mansor, Tan Jo, Asnarulkhadi & Amna, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.3 Faktor Guru

Guru-guru berinteraksi dengan pelajar secara individu hampir setiap hari. Komunikasi guru termasuklah komunikasi lisan dan bukan lisan. Komunikasi lisan merangkumi penggunaan bahasa, pertuturan dan suara manakala komunikasi bukan lisan pula melibatkan jenis-jenis interaksi seperti penggunaan bahasa badan, ekspresi muka, postur dan hubungan mata (Teven & Hanson, 2004).

Suasana persekolahan sekarang ini, kebanyakan proses pengajaran dan pembelajaran mencorakkan tingkah laku dan perbendaharaan kata pelajar (Syarifah Alawiah, 1988). Guru haruslah mempunyai sahsiah yang baik dan dapat dihormati serta boleh dicontohi *'role model'* oleh murid-murid. Aspek yang penting selain personaliti adalah komunikasi. Guru adalah seorang individu yang tidak boleh lari daripada berkomunikasi kerana komunikasi penting dalam menyampaikan maksud (Hashim, 2000; Fenstermacher & Richardson, 2005). Jika guru terlalu garang hingga murid terlalu takut kepadanya, maka pertentangan terus tidak dibuat, tetapi perasaan geram akan disalurkan kepada orang ketiga yang tidak bersalah (Gragey, 1970).

Kelemahan guru apabila memberikan respon negatif seperti guru suka membangkang, mengkritik, bahasa yang tidak jelas/sinis, menggunakan bahasa yang kasar, kesat dan lucah ketika memarahi pelajar. Manakala bahasa badan pula, penggunaan perlakuan mana-mana anggota badan secara sengaja untuk tujuan seperti penggunaan ekspresi muka yang tidak sesuai dan tidak selaras dengan perkataan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diucapkan sama ada sedih, marah dan kutukan, mengangkat kening dan dahi dikerutkan tanda sindiran, tanda atau isyarat menyakitkan, mata mengancam dan menghina dan sebagainya (Teven et al., 2004; Littlejohn, 2002; Tunku Mohani, 2005; Sungging Handoko, 2002: Mok, 2006; Abdul Sukor, 2008). Tindakan ini akan meninggalkan kesan negatif kepada pelajar. Interaksi guru sama ada semasa atau di luar pengajaran, para pelajar sentiasa memerhati kelakuan guru mereka. Justeru komunikasi penting kepada seseorang guru bagi menarik minat, menjadikan model dan meninggalkan kesan positif atau negatif kepada pelajar.

Kajian yang dijalankan oleh Gordon dan Lynn Melby (2001) terhadap 96 orang pelajar yang mempunyai minat belajar tinggi dan 93 orang guru sekolah mengenai kepelbagaian kemampuan kognitif, afektif dan faktor-faktor tingkah laku yang berkaitan dengan pengurusan bilik darjah dan disiplin pelajar yang bermasalah. Berdasarkan data kuantitatif dan kualitatif yang dikumpulkan, mendapati guru adalah simbol sebab-musabab bagi salah laku pelajar. Guru yang memiliki *self-esteem* tinggi mampu memberi contoh dan model terbaik kepada pelajar khususnya pengawalan bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memandangkan guru adalah contoh model yang paling dekat dengan pelajar selain daripada ibu bapa, maka wajarlah bagi seseorang guru untuk menyemai kualiti peribadi yang mulia dan membina personaliti yang terpuji agar dapat menjadi contoh tauladan yang terbaik kepada pelajar. Komunikasi adalah aspekyang penting dalam kerjaya seseorang guru kerana setiap hari guru perlu menyampaikan ilmu kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar, maka komunikasi yang diamalkan haruslah berkesan dan meninggalkan makna yang mendalam dalam jiwa seseorang pelajar (Khairul Anuar, 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 1.3 Kerangka Konseptual Salah laku Disiplin Pelajar Mengikut Teori Pembelajaran Sosial

Berdasarkan kerangka konseptual Teori Albert Bandura dalam Rajah 1.3, sumber salah laku pelajar dipengaruhi oleh ibubapa, rakan sebaya dan guru. Melalui sumber ini proses kognitif dan perlakuan pelajar berlaku. Proses pembelajaran dipelajari melalui empat peringkat iaitu proses peniruan berdasarkan perlakuan yang dimodelkan oleh mereka atau individu yang signifikan, melalui proses pemerhatian ini perlakuan tersebut diterima, pengkodan kognitif berlaku dan seterusnya tindakan remaja tersebut meniru, mengajuk dan memadankan hasil daripada tingkahlaku yang diterima atau dilihat. Nilai peneguhan yang diperoleh menyebabkan kesan tingkah laku itu berkekalan.

Implikasi daripada peniruan tersebut akan memberikan kesan kepada tingkah laku dan emosi pelajar berkenaan, sama ada positif atau negatif. Gaya asuhan dan interaksi ibu bapa, perhubungan sosial sesama rakan sebaya dan interaksi guru merupakan peristiwa yang berupa fakta dan pengalaman ini meninggalkan kesan kepada pelajar berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Kaunseling Kelompok Penyesuaian Remaja (KKPR)

KKPR adalah berteraskan pendekatan Terapi Rasional Emotif (*Rational Emotive Behavior Theraphy*) (REBT). Di samping latihan kecekapan sosial iaitu latihan kemahiran perancangan akademik dan kerjaya. KKPR berstruktur dan lebih berorientasikan kepada kelompok kaunseling *encounter*.

2.4.1 Sejarah Kelompok Secara Ringkas

Fitrah manusia, bahawa mengelompokkan diri bertujuan untuk mencapai matlamat masing-masing. Malah keluarga merupakan satu kelompok yang mungkin paling awal berbanding dengan kelompok-kelompok lain. Namun begitu, kehidupan berkelompok tidak dapat disamakan dengan pengalaman menjadi ahli kelompok dalam sesuatu organisasi dalam masyarakat. Dari segi sejarah perkembangan berkelompok ini dapat dilihat daripada pemikiran dan kajian yang dijalankan (Mizan, 2002).

Gibson dan Mitchell (2008) menyatakan bahawa kelompok bimbingan memberi tumpuan kepada memaklumkan dan menyediakan pelbagai maklumat atau pengalaman berdasarkan kepada perancangan dan pengendalian aktiviti kumpulan. Selain itu, kelompok bimbingan juga bertujuan mengatasi perkembangan pelbagai masalah atau isu berkaitan akademik, vokasional, personal atau maklumat-maklumat sosial dengan memberi maklumat yang tepat. Kelompok diadakan adalah bertujuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyampaikan pelbagai maklumat yang tepat sama ada berkaitan akademik, vokasional, personal dan sosial dengan harapan ahli kelompok mendapat kesedaran dan berupaya memilih alternatif yang tepat untuk kebaikan dirinya.

Terdapat dua aliran perkembangan kelompok, iaitu pertama ialah pandangan John Dewey yang menekankan aspek sosial dalam satu proses pembelajaran dan peranan sekolah dalam melatih pelajar untuk menguasai kemahiran untuk menguruskan masalah dan kehidupan yang berasaskan demokrasi. Manakala perkembangan kelompok dilihat daripada hasil penyelidikan Kurt Lewin dan perkembangan seterusnya oleh pengamal dinamika kelompok. Gerakan Lewin ini menekankan pengumpulan data saintifik yang menjadi asas kepada falsafah Dewey dan seterusnya Dewey telah memperkenalkan teknik dan proses kelompok (Mizan, 2002).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Salah satu dapatan penting yang dilakukan oleh Dewey ialah terbentuknya dinamika kelompok sebagai satu subdisiplin dalam psikologi sosial. Penggunaan kelompok dinamika ini telah berkembang dalam industri, organisasi kerajaan dan juga sekolah. Sejak tahun 1960an lagi penggunaan kelompok bimbingan telah menjadi trend dalam bidang persekolahan untuk membaiki pembelajaran, psikososial dan kesihatan organisasi pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di Malaysia, penggunaan kelompok dan kelompok bimbingan sama usianya dengan penggunaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Malah penggunaan kaedah kelompok bimbingan ini dikenal pasti sebagai kaedah yang berkesan dalam penggunaan sistem pendidikan kurikulum bersepadu sekolah menengah yang mengutarakan kaedah pengajaran secara kelompok kecil dan kelompok besar (Jamaluddin, 2008).

Kelompok bimbingan boleh dibahagikan kepada beberapa jenis. Jenis kelompok bimbingan ini dibahagikan bergantung kepada tujuan kelompok itu dibentuk, saiz kelompok, jangka masa kelompok itu berjalan, tanggungjawab pemimpin, tahap keseriusan masalah, kecekapan dan keterampilan pemimpin dan kandungan perbincangan kelompok (Mahler, 1971).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Corey (2000) mengklasifikasikan kelompok kepada kelompok psikoterapi, psikopembelajaran, kelompok bantu diri, kelompok brief dan kelompok orientasi tugas. Kajian ini akan memberikan perhatian kepada kelompok rawatan diadakan secara berkala mengikut persetujuan klien dan tempoh yang ditentukan iaitu dua hingga empat minggu dan berterusan yang membenarkan interaksi yang lebih mendalam bagi membina hubungan yang afektif, ahli bertemu dan menjalankan bersama-sama sepanjang harihingga tempoh kelompok tamat (Ida, 2006). Berdasarkan kelompok-kelompok ini pengkaji akan memberi fokus kepada jenis kelompok perkembangan atau pengalaman. Dalam kelompok perkembangan atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengalaman ini akan diberi tumpuan kepada sub kelompok bantu diri. Ida (2006) dalam bukunya secara am menyatakan kelompok bantu diri ini mempunyai ahli homogenous dan membincangkan kelompok yang mempunyai permasalahan yang sama. Ahli yang mempunyai masalah membantu dan menerima bantuan dari rakan yang lain. Kelompok ini terdiri dari sekumpulan individu yang berkongsi masalah yang sama, yang hadir bagi mendapat sokongan mutual dan respon konstruktif bagi membantu teraputik mereka menyelesaikan masalah yang sama. Bantuan yang diberi berdasarkan pengalaman dan daya tindak ahli pada masalah itu bukannya latihan ataupun tahap pendidikan yang dimiliki seseorang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kelompok dalam kajian ini tertumpu kepada pencegahan dan perkembangan dengan tujuan untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar meluahkan perasaan mereka tentang masalah dan konflik yang mereka hadapi. Kebiasaannya terdapat pelajar yang agresif iaitu suka bergaduh, susah untuk bergaul, panas baran, kurang perhatian di rumah, kelesuan dan keadaan diri yang terabai. Oleh yang demikian pelajar-pelajar yang mangalami masalah emosi dan tingkahlaku yang serius ini dibantu dengan diberi pemulihan awal untuk membantu mereka secara psikologi bagi menghadapi segala perkembangan hidup dengan lebih berkesan dan kanak-kanak ini dibantu bagi mengubah tingkahlaku mereka ke arah yang tingkahlaku normal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.2 Terapi Rasional Emotif Perlakuan (REBT)

Terapi Rasional Emotif Perlakuan (*Rational Emotive Behaviour Theraphy*) (REBT) telah dipelopori oleh Dr. Albert Allis 1955. Terapi ini lahir dan berkembang daripada pelbagai pendekatan terapi kognitif perlakuan. Sehingga sekarang, terapi ini menjadi salah satu pendekatan terapi yang sangat popular kerana ternyata berkesan serta menjimatkan masa dan kos (Mohammad Nasir, 2006). Terapi tingkah laku kognitif adalah berasal daripada teori pembelajaran. Teknik dan prosedur yang digunakan berasal daripada pelbagai teori pembelajaran. Oleh itu, tidak ada satu teori khusus yang mendasari amalan terapi tingkah laku kontemporari (Corey, 2004). Terapi tingkah laku merupakan amalan orientasi klinikal yang berdasarkan pendekatan eksperimental dalam mengkaji tingkah laku (Abdul Malik, 2004).

Andaian asas pendekatan tingkah laku bahawa kebanyakan tingkah laku bermasalah adalah dipelajari, yang berpunca daripada pembelajaran melalui kognitif dan emosi yang salah. Masalah ini boleh diubahsuai melalui pembelajaran yang baru. Mereka digalakkan mencuba tingkah laku, kognitif dan emosi baru yang sesuai. Faktor berlakunya salah laku berkemungkinan kekurangan kemahiran seperti tingkah laku adaptif atau strategi kognitif yang tidak pernah dipelajari. Justeru, penglibatan dalam kelompok, klien akan mempelajari dan menguasai pelbagai kemahiran sosial. Banyak teknik yang digunakan dalam kelompok dengan pelbagai orientasi dalam terapi kelompok ini, penekanan diberikan kepada nilai dalaman yang diterap melalui proses pembelajaran (Abdul Malik, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui kelompok ini masalah klien bukan dilihat kepada simptom-simptom tetapi melihat kepada masalah yang diperlihatkan oleh klien berkenaan. Pendekatan ini menyatakan bahawa kejayaan membetulkan pemikiran salah klien akan seterusnya menyelesaikan masalah tingkah laku berkenaan, ekoran daripada masalah baru ianya tidak timbul lagi. Pendekatan ini menekankan bahawa klien perlu mencapai kefahaman tentang masalahnya sebagai prasyarat bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi klien (Abdul Malik, 2004). Perubahan tingkah laku berlaku berasaskan kepada pemahaman seseorang terhadap dirinya sendiri, dan apabila perubahan tingkah laku itu berlaku maka berlakulah peningkatan kefahaman dalam dirinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terapi kognitif adalah pendekatan *Rational-Emotive Behavior Therapy* (REBT) iaitu pendekatan behavior kognitif yang menekankan kepada hubungan antara perasaan, tingkah laku dan pemikiran. Pendekatan *Rational-Emotive Behavior Therapy* (REBT) di kembangkan melalui beberapa tahap. Dasar pendekatan ini adalah individu itu memiliki tendensi untuk berfikir secara irasional yang diperoleh melalui interaksi dengan persekitaran sosial. Di samping itu, individu itu juga memiliki kemampuan untuk belajar kembali untuk berfikir secara rasional. Pendekatan ini bertujuan untuk mengajak individu mengubah pemikiran tidak rasionalnya kepada pemikiran yang rasional melalui teori REBT (Ellis, 1973).

Kajian ini pengkaji memilih teori REBT sebagai landasan untuk membantu pelajar dalam sesi-sesi kelompok yang dijalankan. Teori ini melihat bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perubahan atau perkembangan klien adalah berdasarkan pemikiran, tingkah laku dan perasaan. Teori ini memberikan penekanan kepada pemikiran, penganalisaan, penilaian, perlakuan dan seterusnya membuat keputusan. Pendekatan REBT bercorak deduktif atau mengajar, mengarah dan mengutamakan kepada pemikiran daripada kepercayaan yang tidak rasional. Terapi ini yakin bahawa setiap individu mempunyai sistem kepercayaan yang tidak rasional. Kepercayaan ini perlu dicabar dan diperbetulkan supaya dapat mewujudkan sistem kepercayaan yang baik dan rasional. Dalam konteks ini, terapi merupakan satu sistem pendidikan semula yang mengajar individu untuk melihat semula sistem kepercayaan yang membuatkan dirinya menderita dengan menggantikan semula dengan satu set kepercayaan yang membawa kesejahteraan dan kebahagiaan pada diri seseorang individu dan seterusnya kepada orang yang signifikan dengannya.

Kecelaruan dan ketidakseimbangan ini adalah berpunca daripada individu itu sendiri, kegagalan menggunakan pemikiran yang rasional menyebabkan dirinya muram, sugul dan sebagainya dengan mengada-adakan kepercayaan yang negatif sehingga mengganggu emosi dan seterusnya mempengaruhi tindakannya. Kecelaruan ini akan berpanjangan sekiranya kepercayaan ini tidak ditukar dengan pemikiran yang rasional. Berdasarkan pengamatanEllis individu tidak akan mencapai kemajuan kerana dia gagal mentafsir dengan tepat dengan peristiwa-peristiwa yang dialaminya (Ellis, 1973).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ellis berpendapat bahawa pendekatan REBT merupakan terapi yang sangat komprehensif bagi menangani masalah-masalah yang berhubung dengan emosi, tingkah laku dan kognetif remaja (Latipun, 2005). Kajian-kajian yang dilakukan di Amerika telah membuktikan bahwa teori REBT berkesan dalam membantu mengatasi masalah individu. Banks dan Zionts (2009) telah merekod beberapa ahli yang telah membuktikan bahwa pendekatan kaunseling REBT sangat efektif, seperti Ellis, Wilde, Knaus, La Conte, Shaw & Dunn, Snap & Farrel, Vernon, dan juga Zionts. Hal yang serupa juga dibuktikan dalam kajian yang dilakukan.

Terapi ini yakin bahawa setiap individu mempunyai sistem kepercayaan yang tidak rasional. Kepercayaan ini perlu dicabar dan diperbetul supaya dapat mewujudkan sistem kepercayaan yang baik dan rasional. Dalam kontek ini, intervensi ini merupakan satu sistem pendidikan semula yang mengajar individu untuk melihat semula sistem kepercayaan yang menyebabkan dirinya menderita dengan menggantikan semula dengan satu set kepercayaan yang membawa kesejahteraan dan kebahagiaan pada diri seseorang individu dan seterusnya kepada orang yang signifikan dengannya (Ellis, 1973).

Menurut pandangan REBT individu memiliki tiga tingkatan cara berfikir iaitu berfikir tentang apa-apa yang berlaku berdasarkan fakta dan bukti-bukti, mengadakan penilaian terhadap fakta dan bukti, dan keyakinan terhadap proses bukti-bukti dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

evaluasi (Froggatt, 1997). Justeru, dalam REBT aspek utama yang diberi perhatian ialah cara seseorang itu berfikir dan membentuk sistem kepercayaan seterus menghasilkan tindakan. Dalam teori Albert Ellis kesan emosi seseorang individu dapat dikaji melalui tiga konsep utama : pertama ialah *Antecedent event* (A), *Belief system* (B), dan *Emotional consequence* (C).

2.4.3 Kerangka Konsep Teori ABCDE

a. Faktor (A) semua segala peristiwa luar yang dialami atau peristiwa pendahulu yang berupa fakta, kejadian, tingkah laku, atau sikap orang lain. Ketidakfungsian dalam keluarga, kegagalan sesuatu peristiwa atau sebagainya merupakan faktor bagi seseorang.

b. Belief (B) yaitu keyakinan, pandangan, nilai, atau verbalisasi diri individu terhadap suatu peristiwa. Keyakinan seseorang terbahagi kepada dua bahagian, iaitu keyakinan yang rasional (rational belief (RB)) dan keyakinan kepada yang tidak rasional (irrasional belief (IB)). Keyakinan yang rasional merupakan cara berfikir atau sistem keyakinan yang tepat, diterima akal, bijaksana. Keyakinan kepada yang tidak rasional merupakan keyakinan atau sistem berfikir seseorang yang salah atau menyimpang, tidak masuk akal dan emosional.

c. *Emotional consequence* (C) merupakan konsekuensi emosional sebagai akibat atau reaksi individu dalam bentuk perasaan senang atau tekanan emosi dalam


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hubungannya dengan peristiwa (A). Konsekuensi emosional ini bukan akibat langsung dari A tetapi disebabkan oleh beberapa *variable*.

Selain itu, Ellis juga menambahkan D dan E untuk merumuskan ABC ini. Seorang terapis harus mencabar (dispute; D) kepercayaan tidak rasional itu agar kliennya dapat menikmati kesan-kesan (effects; E) psikologi positif dari kepercayaan yang rasional.

Kerangka konsep teori REBT ditunjukan dalam Rajah 1.4 di bawah:



Rajah 1.4 Kerangka Konsep Teori ABCDE

Menurut pandangan REBT individu memiliki tiga tingkatan cara berfikir iaitu berfikir tentang apa-apa yang terjadi berdasarkan fakta dan bukti-bukti, mengadakan penilaian terhadap fakta dan bukti, dan keyakinan terhadap proses bukti-bukti dan evaluasi (Froggatt, 1997).Justeru, Froggart (1997); Mohammad Nasir (2006) telah melihat dan membahagikan kepercayaan rasional itu kepada empat tema utama seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. *Demands* (Tuntutan) adalah tuntutan atau ekspekstasi yang tidak realiti dan *absolute* terhadap kejadian atau individu yang dapat dikenal dengan kata-kata seperti mesti/sepatutnya/ sebaiknya dan lebih baik.

2. *Awfulishing* adalah cara melebih-lebihkan atau membesar-besarkan kesan daripada sesuatu kejadian yang lalu dari suatu situasi hingga kepada tahap yang ekstrem sehingga kejadian yang tidak menguntungkan menjadi kejadian yang sangat menyakitkan, dahsyat, sangat teruk dan sangat ngeri.

3. *Discomfort intolerance* (tidak dapat menerima) fikiran tidak dapat menerima sesuatu peristiwa yang terjadi atau dialami. Fikiran tidak dapat menerima ini akan diikuti oleh desakan agar sesuatu itu semestinya berlaku atau tidak berlaku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4. *Poeple Rating*, iaitu penilaian kendiri dan orang lain. Hal ini bermakna bahawa individu itu cuba menilai diri sendiri atau menjatuhkan hukum seseorang atau dirinya dari sudut trait, perlakuan dan tindakan mengikut nilai tara yang diingini. Dengan menilai seseorang menyebabkan rasa rendah diri, murung, terlalu mempertahankan diri bongkak, dan terlalu risau tentang sesuatu (Wallen, 1992).

REBT melihat masalah yang membelenggu kehidupan manusia secara berantai, perhubungan antara peristiwa menyebabkan kesan kepada emosi dan tindak balas hasil daripada peristiwa tersebut. Rajah 1.5 menunjukkan urutan Peristiwa yang berlaku, sistem kepercayaan dan kesan emosi negatif terhasil

A ⟶ B ⟶ C.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.5: Carta Aliran Masalah Individu Mengikut Teori REBT

A Kejadian atau peritiwa yang berlaku adalah kejadian atau peristiwa sama ada berbentuk fakta, sikap atau perlakuan dalam kehidupan seseorang atau orang lain.

B Sistem kepercayaan yang dimiliki oleh seseorang itu.

C Kesan akibat emosi yang tidak stabil yang diperoleh hasil daripada salah suai daripada penilaian terhadap peristiwa yang dilalui/berlaku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Matlamat utama dalam sesi kelompok bimbingan mengikut teori REBT dapat merasionalkan kepercayaan tidak rasional klien implikasi daripada peristiwa yang dilalui dan mendapat tingkah laku baru. Kenakalan mereka berkemungkinan besar kisah-kisah atau peristiwa-peristiwa lampau yang melekat dalam pemikiran mereka tidak terungkai.

Teori REBT merupakan satu pendekatan yang optimistik kerana teori ini menjelaskan bahawa individu mencipta tekanan dalaman berdasarkan sistem kepercayaan sendiri, maka mereka juga boleh belajar untuk membuat penilaian kendiri dan mencabar pemikiran yang menghasilkan kerisauan, terutamanya kesan daripada tindakan keterlaluan yang bersifat emosi. Menurut Othman (2000) di dalam bukunya yang bertajuk "*Prinsip psikoterapi dan pengurusan dalam kaunseling" REBT* mengandaikan bahawa kecelaruan emosi berlaku apabila


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

individu berkecenderungan berfikir secara tidak rasional hasil daripada permintaan yang tidak munasabah.


Menerusi Rajah 2.5 ditunjukkan rantai masalah mengikut Teori REBT. Melalui rajah ini diterangkan kesan C disebabkan sistem kepercayaan kepada A menyebabkan klien bermasalah. Seterusnya mencabar pemikiran tidak rasional klien sehingga mendapat emosi baru. Dalam Rajah 1.6 di bawah ditunjukkan proses Rantai Masalah mengkut REBT terhadap sampel kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.6 Rantai Masalah dan Pelan Intervensi mengikut teori REBT.

Berdasarkan rantai masalah dan pelan intervensi dalam Rajah 1.6 adalah proses bagi membantu melakukan perubahan pada diri klien yang bermasalah mengikut REBT, (Froggatt, 1997) telah menggariskan beberapa langkah berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Fasilitator perlu membantu klien untuk memahami emosi dan perlakuan mereka yang berpunca daripada kepercayaan dan pemikiran yang tidak rasional. Langkah ini boleh diambil melalui penerangan daripada fasilitator dan seterusnya mungkin boleh diikuti dengan tugasan lain seperti melalui bahan bacaan yang disarankan.

ii. Klien menunjukkan betapa kuatnya pengaruh sistem kepercayaan dalam mempengaruhi kehidupan (perasaan dan perlakuan) seseorang. Justeru itu format rantai masalah A → B→ C boleh digunakan bagi membantu klien. Jadi klien perlu ditunjukkan hubungan antara B dengan A dan hubungan antara B dengan C, serta hubungan secara tidak langsung antara A dengan C yang berpunca daripada B.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Klien perlu didedahkan tentang perlunya sistem kepercayaan tidak rasional yang sedia ada dicabar dan dihujah agar dapat digantikan dengan pilihan lain, iaitu dengan membentuk satu sistem kepercayaan baru yang lebih terbuka dan realistik. Maka, berdasarkan kepada format rantai A →B →C→ D→ E→ F fasilitator boleh mengajar klien untuk mencabar B, dan seterusnya membincangkan bersama klien tentang E, iaitu emosi dan perlakuan yang lebih membina kesan daripada sistem kepercayaan baru yang lebih terbuka. fasilitator juga perlu mengajak klien merancang F, iaitu pelan tindakan seterusnya membina kehidupan yang lebih sihat (emosi dan perlakuan).

iv. Fasilitator perlu membantu klien untuk terus berani bertindak terhadap kepercayaan tidak rasional dengan melakukan pelbagai strategi tindakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk menarik minat klien dalam mengharungi kehidupan mereka. Dengan memberikan penekanan terhadap pemikiran semula dan berani melakukan tindakan, menjadikan ianya sebagai senjata utama dalam usaha untuk melakukan perubahan kepada seseorang.

Penggunaan pendekatan REBT, Froggartt (1997) mencadangkan agar menggunakan beberapa teknik yang biasa digunakan dalam REBT dipecahkan kepada tiga domain utama iaitu teknik-teknik kognitif, teknik-teknik imegeri dan teknik-teknik perlakuan. Teknik-teknik kognitif yang biasa digunakan seperti *rational analysis, double-standard dispute, catastrophe scale, devil's advocate* dan *reframing*. Teknik-teknik imegeri yang biasa digunakan pula ialah *time projection* dan *the blow up techniques*. Di samping itu, teknik-teknik perlakuan pula adalah seperti *exposure, shame attacking, risk-tacking, paradoxical behaviour, stepping out of character* dan *postponing gratification* (beberapa teknik tersebut terutamanya teknik analisis rasional akan digunakan secara meluas dalam kajian ini dan akan diterangkan dalam tajuk Prosedur kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebagai kesimpulan, REBT melihat hubungan antara sesama ahli dan fasilitator adalah penting. REBT lebih mementingkan aspek kognitif, iaitu ahli-ahli kelompok diperlukan berfikir dengan banyak manakala fasilitator perlu bertindak aktif membantu klien terutamanya sewaktu berhujah, dan menunjukkan pemikiran tidak rasional, ada kalanya fasilitator perlu bersikap mengarah dalam usaha untuk menimbulkan celik akal klien dalam aplikasi teknik-teknik yang digunakan. Oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebab itu, pengaruh pendekatan REBT ini semakin berkembang luas disebabkan lebih praktikal dan dapat menjimatkan masa dan kos.

2.4.4 Kemahiran Perancangan Akademik dan Kerjaya Pelajar Sekolah

Untuk memenuhi cabaran-cabaran ini, majoriti negara telah melaksanakan (melalui undang-undang negeri atau dasar pentadbiran) keperluan untuk memberi penjelasan kepada pelajar tentang pelan akademik dan kerjaya (Governor's Council, 2012). Kerjaya sangat penting dalam kehidupan seseorang individu. Pelan kerjaya adalah penting bagi pelajar untuk membangunkan kematangan kerjaya dan konsep diri dalam tempoh belajar di sekolah menengah (Skorikov, 2007). Justeru, kesedaran kerjaya merupakan kesedaran tentang perhubungan antarakendiri dengan pendidikan, mengenali kelompok pekerjaan serta kemahiran dalam membuat sesuatu pilihan.

Kajian oleh Jaamat (2010) menyatakan Modul Kesedaran Kerjaya (MKK) berkesan dan sesuai digunakan bagi meningkatkan tahap kesedaran kerjaya pelajar di sekolah menengah. Oleh itu, kesedaran kerjaya merupakan pengetahuan tentang konsep kendirinya dan pelbagai aspek dunia pekerjaan seperti jenis-jenis pekerjaan, persekitaran pekerjaan dan faedah-faedah yang diperoleh daripada sesuatu pekerjaan (Fadale, 1974).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masalah pemilihan kerjaya merupakan masalah paling besar yang sering dikemukakan oleh pelajar. Masalah utama berlakunya kesukaran membuat pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar ialah tidak boleh membuat keputusan, ketidaksempurnaan apabila membuat pilihan serta kekurangan pengetahuan dan maklumat tentang pekerjaan dan kerjaya (Wannoraini et. al., 2006).

Proses perancangan kerjaya perlu berlaku mengikut peringkat-peringkatnya. Pelajar tidak hanya perlu tahu apa-apa yang mereka mahu tetapi mereka perlu membuka apa-apa maklumat baru dan membuat pilihan kerjaya yang bermakna kepada mereka (Feller, 2003). Beliau menegaskan lagi bahawa, penerokaan kerjaya harus bermula dari sekolah rendah dan terus kepada sekolah menengah, aktiviti-aktiviti reka bentuk harus sesuai dengan perkembangan (Feller, 2003). Pandangan ini disokong oleh Jarvis dan Keely (2003) yang mendakwa bahawa kemahiran pengurusan kerjaya perlu dimulakan dari sekolah rendah, menengah dan *postsecondary* dan seterusnya ke alam dewasa.

Tiedeman dan O'Hara 1963 (Mohammad Nasir 2006) telah mengemukakan empat fasa dalam perancangan kerjaya iaitu fasa pertama penerokaan, fasa penapisan, fasa membuat pilihan dan terakhir fasa penjelasan (*exploration, crystallization, choice, andspecification).* Keempat-empat fasa ini yang telah digunakan dalam membuat perancangan pendidikan dan kerjaya dalam dalam kalangan pelajar bermasalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa ini ahli kelompok menyedari masalah yang dihadapi. Melalui perbincangan dalam kelompok bimbingan, pemikiran tidak rasional telah dikenal pasti. Tujuan kelompok bimbingan adalah bagi memperbaiki dan perubahan sikap, persepsi, cara berfikir, keyakinan serta pandangan-pandangan klien yang irasional dan tidak logik menjadi pandangan yang rasional dan logik agar klien dapat mengembangkan diri, meningkatkan *sel-actualization* melalui tingkah laku kognitif dan afektif yang positif. Menghilangkan gangguan-gangguan emosional yang merosakkan diri sendiri seperti rasa takut, rasa bersalah, rasa berdosa, rasa cemas, merasa was-was, rasa marah dan sebagainya. Pemikiran rasional ini menggambarkan klien mempunyai asertif diri mentafsir peristiwa-peristiwa atau fakta-fakta menjadi positif atau redha dengan ketentuan Allah (Akhmad Sudrajat, 2008).

Semasa dalam proses fasa penerokaan, individu membina kesedaran kerjaya pilihan dan meneroka cara yang mungkin untuk bekerja (Tiedeman, 1963). Mengikut Muhammad Nasir (2006) dalam peringkat penerokaan ini seseorang perlu menyemak semula pengalaman lalu dalam pelbagai situasi. Hal ini meliputi penilaian semula aspek kekuatan dan kelemahan diri, membina matlamat diri, membina imaginasi rancang tindakan dan meramal hasil tindakan. Pada masa yang sama, dalam fasa ini seseorang seharusnya meneroka tentang pelbagai maklumat kerjaya.

Menurut Sidek Noah (2002): Mohammad Nasir (2006) terdapat dua jenis maklumat utama dalam meneroka maklumat kerjaya iaitu maklumat akademik dan maklumat kerjaya. Pendedahan akan diberikan seluas mungkin tentang peluang akademik daripada peringkat menengah hingga kepada peringkat pengajian tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini meliputi pengetahuan tentang pakej mata pelajaran dalam pelbgai aliran selepas Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) di tingkatan empat, lima yang mempunyai kaitan secara langsung dengan pemilihan jurusan bidang pengajian tinggi selepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sama ada pada peringkat diploma dan ijazah. Di samping itu, penjelasan ditumpukan juga kepada maklumat mengenai peluang-peluang kerjaya. Dalam kajian ini, bidang kelulusan dan kerjaya akan dibincangkan mulai peringkat kelulusan SPM kepada yang tertinggi IPTA dan skop pekerjaan pula mulai peringkat buruh, sokongan dan golongan profesional.

Dalam fasa penapisan, dijangkakan bahawa seseorang itu sudah memiliki pemikiran yang stabil dan bersedia untuk melakukan tindakan (Mohammad Nasir, 2006). Tiedeman dan O'Hara (1963) menjelaskan apa-apa yang berlaku dalam fasa ini adalah proses penghabluran. Semasa penghabluran, keputusan dibuat untuk memberikan tumpuan kepada kerjaya tertentu, iaitu lahirnya pemikiran dan perasaan yang lebih teratur dalam membuat pemilihan. Dalam peringkat ini, proses menyusun berfokus kepada matlamat diri dan ganjaran yang diperoleh berdasarkan maklumat akademik dan peluang pekerjaan yang diteroka sebelum ini.

Teori Kerjaya Happockk (1976) menyatakan bahawa seseorang memilih pekerjaan adalah untuk memenuhi keperluan emosi dan nilai-nilai khas. Minat dan motivasi mempunyai hubungan rapat mengapa seseorang pelajar membuat pemilihan kerjaya (Happockk, 1976). Faktor pemilihan profesion ini amat penting untuk memastikan pelajar-pelajar yang mengikuti program-program pendidikan di institusi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengajian tinggi mendapat kursus yang betul-betul mereka minati atau hanya meneruskan pelajaran kerana ingin meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi (Mohamed Najib & M. Noor, 2008). Setiap individu mempunyai minat yang berbeza dengan individu yang lain. Apabila pelajar dapat memilih bidang kerjaya, minat merupakan aspek yang penting kerana dengan adanya minat,seseorang akan lebih bermotivasi untuk bekerja (Noor Azlan & Noridah, 2009).

Ganjaran atau gaji memainkan peranan penting dalam pemilihan kerjaya (Mohd Shamsuddin, 1999). Ini adalah kerana ia dapat memberikan semangat dan motivasi kepada seseorang individu untuk bekerja dengan lebih baik lagi. Melihat kepada aspek gaji dan elaun, ramai responden bersetuju bahawa keputusan mereka untuk menjadi guru adalah disebabkan oleh faktor tersebut.

Fasa berikutnya adalah fasa membuat pemilihan. Proses membuat pilihan sebenarnya bermula daripada sesuatu yang bersifat umum dan banyak pilihan kepada sesuatu kerjaya yang khusus dan pasti. Dalam fasa ini, dijangkakan telah timbul minat dan berkeyakinan terhadap sesuatu pilihan akademik dan kerjaya yang telah diputuskan. Fasa penjelasan pula melibatkan kemampuan seseorang membuat analisis terhadap pilihan kerjaya yang telah dibuat dalam masa yang sama menyemak semula perasaan dan fikiran yang masih belum jelas. Pada peringkat ini Tiedeman dan O'Hara 1963 mengandaikan bahawa seseorang itu akan dapat membuat penjelasan tentang pilihan kerjaya yang telah dibuat serta menerangkan bentuk tindakan yang sepatutnya dilakukan bagi mencapai pilihan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selaian daripada dapat meningkatkan motivasi diri melalui proses pemilihan kerjaya ini, Masyarakat biasanya menganggap bahawa pendidikan merupakan paspot atau tiket untuk mendapatkan pekerjaan. Tanpa pendidikan yang baik, seseorang akan mengalami kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan. Pendidikan mempunyai matlamat yang lebih mendalam dan luas daripada hanya melatih seorang murid atau pelajar untuk sesuatu bidang pekerjaan (Robiah,1998). Kenyataan ini bermaksud selain untuk tujuan kerjaya, ia bertujuan untuk memperkembangkan diri seseorang pelajar dari segi keupayaan jasmani (fizikal), emosi, rohani, intelektual dan sahsiah dan harga diri supaya dia menjadi individu dan masyarakat yang baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesedaran akademik sering dijadikan alat untuk mengukur sesuatu pencapaian. Apabila kitaingin mencari kerja, seringkali majikan akan melihat kelayakan akademik terlebih dahulu berbanding perkara lain. Terdapat ramai pelajar yang sedar tentang pentingnya pemilihan kerjaya ingin memperbaiki keputusan akademik yang lalu jika mempunyai peluang. Ini adalah kerana mereka melihat betapa pentingnya kerjaya dalam kehidupan (Noor Azlan & Noridah, 2009)

.

2.5 Kerangka Intervensi Pelajar Salah Laku Disiplin


Berdasarkan faktor berlaku salah laku dalam kalangan pelajar bermasalah disiplin di sekolah yang ditunjukkan dalam Jadual 2.6 adalah disebabkan i) kelemahan interaksi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sosial dalam kalangan ahli keluarga, ii) kegagalan peranan atau fungsi ahli keluarga, iii) amalan gaya asuhan yang dipraktikkan oleh ibu bapa, iv) kegagalan memperoleh interaksi sosial yang positif hasil dari pergaulan dengan rakan sebaya; serta v) peranan sekolah/guru. Kesan daripada peristiwa-peristiwa ini maka timbullah kesan psikologi negatif kepada pelajar seperti rendah motivasi, kurang asertif diri, rendah empati, rendah harga diri, dan rendah kecerdasan emosi.

Jika dianalisis berdasarkan teori REBT faktor-faktor berlaku salah laku disiplin pelajar adalah disebabkan peristiwa atau fakta yang berpunca daripada ibu bapa, rakan sebaya dan guru. (A) adalah peristiwa/kejadian yang berlaku sama ada berbentuk fakta atau sikap atau perlakuan dalam kehidupan pelajar atau orang lain. Manakala psikologi iaitu motivasi rendah, asertif rendah, empati rendah, harga diri rendah, dan kecerdasan emosi rendah (C). iaitu kesan daripada emosi negatif timbullah masalah salah laku disiplin adalah disebabkan kepercayaan tidak rasional terhadap sistem kepercayaan (B) terhadap peristiwa atau fakta yang diterima (A). Berdasarkan teori REBT (B) ialah sistem kepercayaan tidak rasional terhadap (A) menyebabkan masalah psikologikal dan kesannya terhasillah perlakuan salah laku disiplin dalam kalangan pelajar. Melalui kajian ini (B) dianalisis berdasarkan kepercayaan tidak rasional iaitu desakan, kedahsyatan, tidak menerima hakikat dan menilai individu.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

.

Rajah 1.7 Rantai Pelajar Melakukan Salah Laku Disiplin Mengikut REBT

Rantaian masalah salah laku disiplin pelajar dalam Rajah 1.7 menunjukkan bahawa pengaruh persekitaran iaitu peranan ibubapa/keluarga khususnya perolehan interaksi sosial, ketidakfungsian ahli keluarga dan gaya asuhan yang diterima, pengaruh interaksi sosial rakan sebaya di sekolah dan peranan guru menjadikan pelajar tidak dapat mensasarkan matlamat pembelajaran dengan jelas. Pengaruh-pengaruh hasil daripada peristiwa ini akan sentiasa membantut dan menghalang perkembangan positif psikologi pelajar tersebut. Kekecewaan adalah hasil daripada tafsiran negatif kepada peristiwa-peristiwa yang tidak diingini ataupun seseorang tidak mendapatkan sesuatu yang dikehendaki mereka (Ellis, 1973;Frogatt, 2006).

Rajah 1.7 ialah kerangka konseptual salah laku disiplin mengikut teori REBT. Kerangka ini memberi petunjuk urutan berlakunya salah laku dalam kalangan pelajar yang dikaji. Faktor-faktor berupa yang dilalui bersama-sama ibu bapa/keluarga, rakan sebaya dan persekitaran sekolah khususnya guru menyebabkan kesan kepada kognitif,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tingkah laku, dan afektif pelajar hasil daripada persepsi terhadap peristiwa, fakta dan pengalaman tersebut. Klien bermasalah hasil daripada pemikiran/kepercayaan tidak rasional yang ada pada diri mereka dan kesan dapat dilihat kepada emosi iaitu: Motivasi rendah; asetif rendah; empa tirendah; harga diri rendah dan kecerdasan emosi rendah, manakala aspek tingkah laku negatif pula ialah: perlakuan jenayah; kurang kekemasan diri; ponteng sekolah dan kelas; tutur kata kurang sopan; pengabaian masa; merosakkan harta benda sekolah; kurang kejujuran jujur dan berkelakuan lucah.

Berikutnya langkah penyelidik menggunakan intervensi bagi mencabar dan mengajar kepercayaan tidak rasional supaya dapat rasional dengan peristiwa, fakta dan pengalaman yang dialami dan strategi seterusnya ialah dengan bantuan penyelidik dapat merancang kemahiran intervensi akademik dan kerjaya klien.

2.6 Rumusan

Bab ini telah menerangkan salah laku disiplin pelajar mengikut teori pembelajaran Albert Bandura (1977) dimana satu proses meniru model dan menghasilkan tingkah laku hampir menyerupai tingkah laku model tersebut. Dalam satu kajian lain, Bandura (1977), membuat perbandingan antara tingkah laku ibubapa yang mempunyai anak yang terlalu agresif dan anak yang terkawal. Teori Bandura(1977), mengatakan bahawa tingkah laku anak sepatutnya selari dengan tingkah laku ibu bapa. Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut mendapati ibu bapa yang mempunyai anak yang terlalu agresif adalah terdiri daripada mereka yang juga bersikap agresif. Kajian menunjukkan kanak-kanak sebenarnya meniru tingkah laku orang dewasa. Oleh itu kawalan kendiri sangat penting dan menunjukkan situasi dimana seseorang telah mempunyai pendapat sendiri atau prinsip tentang tingkah laku yang patut dan tingkah laku tidak patut dalam sesuatu situasi dan tindakan yang diambil adalah melalui prinsip-prinsip yang dipegang.

Ini menunjukkan bahawa proses meniru ini akan berlaku atas sebab model yang ditiru tersebut mempunyai keunikan ataupun istimewa yang berlainan. Apabila model tersebut diperhati dengan lebih lama, maka ia akan ditiru oleh remaja dari segi tingkahlakunya. Ciri-ciri pemodelan dalam Bandura i. Unsur pembelajaran utama ialah pemerhatian dan peniruan. ii. Tingkah laku model boleh dipelajari melalui bahasa, misalan dan teladan. iii. Pelajar meniru sesuatu kemahiran daripada kecekapan demontrasi guru, tokoh, orang yang berpengaruh, orang yang lebih tua sebagai model. iv. Pelajar memperoleh kemahiran jika memperoleh kepuasan dan peneguhan yang berpatutan. Dan v. Proses pembelajaran meliputi pemerhatian, peringatan, peniruan dengan tingkah laku atau gerak balas yang sesuai, diakhiri dengan peneguhan positif.

Selaian daripada itu salah laku pelajar dalam bab ini juga menerangkan bahawa salah laku pelajar hasil daripada tindak balas terhadap persekitaran mereka sendiri. Peristiwa atau fakta-fakta ini merujuk kepada kelemahan interaksi sosial, ketidakfungsian dalam ahli keluarga serta gaya asuhan yang diamalkan oleh ibubapa,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengaruh rakan sebaya dan institusi merupakan implikasi daripada proses pembelajaran melalui peristiwa-peristiwa atau fakta-fakta memberi kesan kepada aspek psikologikal pelajar iaitu motivasi rendah, asertif rendah, empati rendah, harga diri rendah dan kecerdasan emosi rendah dalam diri mereka. Pelajar yang mengalami kekurangan dan rendah psikologikal ini memberi impak pula kepada pelbagai salah salah laku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

TINJAUAN LITERATURPELAJAR SALAH LAKU DISIPLIN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan latar belakang pelajar salah laku disiplin, pendekatan teori yang digunakan dan hubungan kajian-kajian lepas dengan pemboleh ubah serta kesan intervensi kelompok bimbingan ke atas motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi pelajar salah laku disiplin.

3.2 Latar Belakang Pelajar Salah Laku Disiplin

Pelajar yang terlibat dengan permasalahan salah laku sebenarnya mempunyai hubungan dengan negatif psikologi (Jessor & Jessor, 1977). Beberapa kajian telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dikaitkan ponteng dan masalah psikologikal dengan salah laku (Dryfoos,1990; Hawkins et; al, 1992;. Newcomb & Bentler, 1989; Newcomb et. al., 2002). Beberapa kajian perbandingan mendapati terdapat hubungan tingkah laku negatif di sekolah dengan tekanan psikologi pelajar (Bryant et. al.,2000; Bryant & Zimmerman,2002; Luthar & Cushing 1997; Orlando et. al., 2001; Scheier et. al., 2000).

Nilai-nilai tentang zaman persekolahan tersembunyi di sebalik tingkah laku mereka dan mempengaruhi mereka melalui ibu bapa, rakan sebaya dan institusi seperti sekolah. Keadaan ini berlaku disebabkan penentangan nilai yang diperoleh daripada keluarga serta diterima oleh rakan-rakan mereka. Born (2012) menyatakan ketika alam persekolahan, pengaruh persekitaran boleh menjadi positif atau negatif. Pelajar mendapat banyak perkara mengenai dunia daripada keluarga dan sekolah, tetapi kurang tentang kejiranan atau masyarakat (Bronfenbrenner & Morris, 1998).

Kimberly (2007) mengatakan bahawa menempuhi peringkat usia remaja selalunya digambarkan sebagai saat-saat yang paling kritikal dan mencabar bagi seorang remaja mahupun ibu bapa. Kajian menunjukkan bahawa remaja melalui proses penyesuaian dalam pembentukan diri sebagai seorang individu dari segi aspek biologikal, kognitif, emosi dan sosial disepanjang proses untuk menjadi dewasa. Didikan ibu bapa yang berkesan semasa usia remaja ini perlu mengambil kira segala keperluan-keperluan aspek-aspek perkembangan yang dinyatakan sebelum ini bagi mengimbangi proses penyesuaian diri yang dilalui oleh remaja ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1977) juga menerangkan bahawa salah laku remaja dipelajari hasil daripada tindak balas persekitaran dan menggunakannya untuk mencapai matlamat mereka. Proses perkembangan remaja ini dipelajari daripada apa-apa yang dilihat daripada persekitaran mereka, contohnya ibu bapa, ahli keluarga dan persekitaran mereka. Berdasarkan teori pembelajaran sosial menyatakan bahawa tingkah laku manusia adalah dipelajari melalui interaksi antara manusia dan alam sekitarnya. Teori ini berpegang kepada hukuman dan pujian yang diberikan dan juga peneguhan, yang menyebabkan tindakan yang diambil akan diteruskan Goode1989 (Mohammad Shahid &Mahmood Nazar, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Psikologi Albert Bandura, berpendapat bahawa kanak-kanak belajar tingkah laku negatif melalui pemerhatian. Kanak-kanak adalah imitators besar, dan mereka meniru model di sekeliling keluarga mereka, guru, rakan-rakan, media dan sebagainya. Pada masa yang sama, mereka melihat dan mendapat ganjaran, hukuman, dan keadaan emosi yang berkaitan dengan tingkah laku agresif dan antisosial. Apabila mereka melihat bahawa tingkah laku itu diperkukuh, mereka mungkin mencuba untuk diri mereka sendiri, apabila mereka mendapat pengukuhan secara langsung, mereka cenderung untuk mengulanginya (Bandura, 1977; Linda &Maria, 2011).

Pembelajaran awal bermula di rumah, banyak dipelajari melalui model yang dicontohi oleh ibu bapa. Ghafani (2007) menyatakan bahawa akhlak anak bermula di rumah. Anak sejak kecil dan sebahagian besar masanya berada dalam lingkungan keluarga. Pembelajaran ini menunjukkan perkembangan mental, fizikal dan sosial adalah di bawah kawalan ibu bapa atau tertakluk kepada skrip hidup yang berlaku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam sesebuah rumahtangga. Oleh yang demikian jika anak-anak menjadi nakal atau liar maka kemungkinan besar puncanya adalah berasal dari pembawaan keluarga itu sendiri. Gaya keibubapaan dalam mendidik anak-anak dilihat sebagai faktor penting yang memainkan peranan di dalam pembentukan sahsiah anak yang diingini. Gaya keibubapaan telah dikenalpasti menentukan hubungan antara gaya keibubapaan dan salah laku pelajar yang dilakukan ketika di sekolah **(**Asmah et. al., 2011).

Algi et. al., (2010) menjalankan kajian kepada pelajar berumur 13 tahun hingga 15 tahun, mendapati perkembangan pelajar yang positif lahir dari ahli keluarga yang harmonis, hubungan ahli keluarga yang baik dan saling menyayangi antara satu sama lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hubungan dan gaya asuhan ibu bapa dengan anak didapati mempunyai kaitan dengan kenakalan remaja. Gaya autoritarian dikaitkan dengan peningkatan risiko melakukan aktiviti bermasalah (Bronte et. al., 2006). Disiplin pelajar adalah tanggungjawab masyarakat dan ibu bapa. Pada tahap umur remaja, seseorang itu belum mampu menguasai strategi perhubungan sosial, penjelasan nilai dan prinsip serta pegangan hidup. Maka jalan mudah bagi seseorang pelajar untuk diterima oleh rakan sebaya ialah menjadi anggotakumpulan atau mempunyai kumpulan kesepakatan sendiri. Pada tahap ini mereka paling sensitif,mereka mahu diterima oleh rakan tetapi belum ada strategi perhubungan sosial yang matang dan menyerahkan kepada kumpulan tersebut (Asmah et. al.,2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahap ini sewajarnya orang dewasa menasihat dan memberi bimbingan serta memberikan tauladan kepada pelajar terbabit. Jika kita lihat pada masa dahulu kebanyakan pelajar bergaul dengan orang-orang tua di masjid walaupun dalam usia yang masih muda. Namun pada masa ini pergaulan pelajar dengan orang dewasa semakin renggang apatah lagi nilai kemasyarakatan juga semakin terhakis. Justeru, dunia pelajar hanya dalam kumpulan masing-masing dan mereka tidak dapa melihat dunia luar yang sebenar (Marzita, 2003).

Keluarga adalah sebuah institusi sosial yang memainkan peranan cukup penting dalam membentuk sahsiah dan tingkah laku moral pelajar. Ahli keluarga adalah penyumbang kepada perubahan tingkah laku anak-anak. Sarjit (2007) menyatakan bahawa golongan yang bertanggungjawab dalam membawa kewujudan budaya jenayah sama ada di sekolah mahupun di luar sekolah ialah ibu bapa.

Anak-anak gagal mendapat contoh yang terbaik daripada ibubapa. Kegagalan ibu bapa menekankan aspek agama sejak kecil menyebabkan jati diri mereka lemah dan mudah terpengaruh dengan persekitaran negatif. Semua ajaran agama mementingkan kebaikan dan menolak kejahatan. Tanpa ajaran agama bersifat fokus akan menyebabkan individu gagal memahami tuntutan agama dalam kehidupan dan mulai melanggar peraturan agama, sekolah mahu undang-undang Negara (Sarjit, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sikap anggota keluarga yang *devian* akan mempengaruhi anggota keluarga yang lain untuk mencontohi tingkah laku negatif tersebut. Ahmed et. al., (1984)dalam kajian mereka mendapati pengambilan alkohol dan marijuana dalam kalangan anggota keluarga akan meningkatkan kecenderungan seseorang kanak-kanak itu untuk menyalahgunakan bahan tersebut melalui peniruan tingkah laku anggota keluarganya.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang tegas di sekolah menunjukkan bahawa peranan guru menyumbang kepada salah laku disiplin pelajar. Kajian mendapati guru-guru secara tidak sengaja mengukuhkan tingkah laku negatif pelajar-pelajar sekolah melalui komunikasi lisan atau bukan lisan yang negatif. Peranan guru seperti kesan label, kekasaran interaksi lisan, soalan yang tiada jawapan sebenar, manakala ibu bapa pula melayan remaja secara acuh tak acuh, tidak menghormati mereka, tidak menerima mereka dengan sebaiknya dan tidak sensitif kepada keperluan pelajar, turut dibincangkan juga adalah kaedah *authoritarian* dalam kelas, penggunaan hukuman, tugasan sentiasa menyalahkan pelajar, kata-kata berbentuk ancaman, menghukum tingkah laku apabila memberi pelajar menunjukkan *respons*, menggunakan maklum balas secara negatif (Frederick& Barbara, 1990). Sekolah ditakrifkan oleh Goodenow (1993) sebagai 'sejauh mana pelajar berasa diterima secara peribadi, dihormati, dimasukkan, dan disokong oleh persekitaran sosial di sekolah.

Pertalian sekolah memainkan peranan yang luas dan penting dalam pembangunan pelajar sihat (Catalano et. al., 2004).Satu kajian telah di jalankan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

disalah sebuah daerah di Kelantan menunjukkan bahawa faktor sekolah terutamanya pengajaran guru dan penguatkuasaan disiplin mempengaruhi sampel untuk terlibat dalam kes salah laku ponteng sekolah. Hukuman merotan tidak memberikan kesan psikologi kepada para remaja, hasilnya salah salu ponteng masih kekal dan tiada perubahan yang positif berlaku.

3.2.1 Konsep Pelajar Salah Laku Disiplin

Terdapat pelbagai pendapat mengenai konsep salah laku disiplin dalam kalangan pelajar sekolah. Berikut adalah beberapa pendapat dan kajian berkaitan salah laku dalam kalangan pelajar sekarang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.2 Persekitaran Pelajar Salah Laku Disiplin

Persekitaran salah laku disiplin pelajar melalui kajian ini adalah merujuk kepada pengaruh persekitaran seperti keluarga, rakan sebaya dan peranan institusi seperti sekolah. Kajian-kajian membuktikan bahawa persekitaran merupakan faktor penyumbang kepada salah laku pelajar kini (Mohammad Shatar, 2010). Kebanyakan salah laku pelajar berpunca daripada kegagalan cara gaya keibubapaan dan pengurusan keluarga (Jacobvitz et. al., 1996; Vuchinich, 1992).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hargrave dan Brammer (2006) dalam artikel mereka, mengkaji isu-isu komunikasi dan sistem dalam keluarga dan kesan kepada salah laku pelajar. Kurang perhatian, sikap berkuasa dan berperasaan dendam adalah penyumbang kepada salah laku. Model pembangunan sosial menegaskan bahawa kanak-kanak lebih terikat dengan ibu bapa mereka, mereka lebih cenderung untuk meneladani norma-norma dan nilai-nilai ibu bapa mereka. Model ini menunjukkan ikatan ibu bapa yang baik mempunyai kaitan dengan prososial, tetapi apabila ikatan kekeluargaan negatif dikaitkan dengan tingkah laku *antisocial* (Haggerty, Kosterman, Redmond, & Spoth, 2004). Masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar pada kebiasaannya adalah kesan kesinambungan daripada masalah yang timbul semasa kanak-kanak dan konflik psikologikal disebabkan tekanan dalam kehidupan mereka (Block et. al., 1988; Caspi et. al., 1995; Fergusson & Horwood, 1996; Fergusson, et al., 1996a; Moffitt, 1993; Mahmood Nazar 1993).

Mohammad Shatar (2010) mendedahkan lebih 300 pelajar Melayu di bandar dan luar bandar berusia antara 13 tahun hingga 25 tahun mengakui terbabit dengan salah laku seksual dan gejala seks bebas, sehingga ada yang menggugurkan janin disebabkan tertarik dengan pengaruh rakan sebaya.

Bandura (1977) mendapati bahawa manusia belajar dengan cara memerhatikan tingkah laku orang lain. Pembelajaran pemerhatian, yang dinamakan juga sebagai pemodelan, terhasil apabila manusia atau anak-anak memerhatikan tingkah laku orang lain atau mereka yang signifikan dan mencatatkan konsekuen tingkah laku tersebut. Kebanyakan pola percakapan, gaya pakaian, tingkah laku negatif dan agresif dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelbagai tingkah laku dipelajari melalui pemodelan. Anak-anak biasanya menjadikan ibu bapa, pelakon filem, ahli sukan, guru dan seumpamanya sebagai model yang menjadi ikutan.

3.2.3 Ciri-ciri Pelajar Salah Laku Disiplin

Berdasarkan beberapa pendapat dan kajian-kajian berkaitan menyatakan proses pembelajaran pelajar berlaku melalui peniruan, mengajuk dan memadankan berdasarkan hasil yang diperhatikan. Pelajar akan menilai sesuatu perkara berasaskan kepada perkara yang pernah dilihat oleh mereka daripada orang-orang yang signifikan dan persekitaran. Pelajar cenderung meniru tingkah laku yang diberikan peneguhan positif berbanding dengan tingkah laku yang diberikan hukuman (Bandura,1977).

Pelbagai kajian telah menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang bertindak sehingga di sekolah adalah ekspresi daripada pelbagai sebab (Sherry, 2013). Hasil penyelidikan menunjukkan faktor salah laku pelajar datang daripada ibu bapa, penolakan dari rakan sebaya pelajar, masalah kesihatan mental, menonton model-model dan kesan interaksi dalam keluarga. *Subcommittee on Youth Violence of the Advisory Committee to the Social* (2013). Faktor gaya asuhan khususnya autoritarian juga dikaitkan dengan peningkatan salah laku (Bronte et. al., 2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Abdullah Sani (2005) mengatakan pelajar hari ini bersikap keras kepala dan membantah peraturan sekolah kerana mereka tahu mereka mendapat sokongan ibu bapa yang terlalu melindungi mereka. Kajian mendapati ibu bapa yang prihatin, memiliki kemahiran keibubapaan dan mampu melaku pemantauan dapat membantu mengurangkan peningkatan salah laku (Vitaro et. al., 2001).

Ciri-ciri salah laku pelajar seperti ponteng dan melanggar pelbagai disiplin sekolah adalah berpunca daripada pelbagai faktor. Guru-guru suka mengeluarkan kata-kata kesat dan kasar semasa memarahi pelajar, disisihkan oleh guru dan guru tidak prihatin telah menimbulkan kebencian pelajar terhadap guru dan kesannya mereka tidak suka datang ke sekolah. Persekitaran seperti guru merupakan model bagi pelajar untuk membina sahsiah dan meneruskan kerjaya mereka di masa hadapan. Jadi guru-guru haruslah sentiasa menunjukkan teladan dan contoh yang baik kepada semua pelajar bagi meneruskan harapan negara untuk melahirkan insan yang cemerlang. Menurut laporan disiplin pelajar tahun 2012, Bahagian Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan salah laku ponteng sekolah merupakan kes disiplin dengan peratusan tertinggi berbanding salah laku yang lain. Ponteng dan tabiat pengambilan bahan terlarang mempunyai hubungan yang rapat dengan motivasi rendah, asertif rendah dan harga diri rendah, (Johari &Nik Selma,2010;Wan Su,2008; Caroll, 1998).

Elizabeth, Susandan Asha (2008) menjelaskan dalam kajiannya, melihat hubungan antara peranan ibu bapa dengan tingkah laku antisosial dalam kalangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

remaja perempuan dan lelaki yang bermasalah. Sampel keseluruhan 1,354 berumur 14 tahun hingga17 tahun. 184 perempuan dan 170 lelaki. Dapatan menunjukkan bahawa pelajar lelaki lebih tinggi terlibat dalam salah laku berbanding remaja perempuan. Kebanyakan pelajar yang terlibat dalam salah laku mempunyai sejarah penolakan sosial. Penolakan berlaku dalam pelbagai bentuk dan dari pelbagai sumber. *Subcommittee on Youth Violence of the Advisory Committee to the Sosial* (2013). Pelajar ingin dirinya diterima oleh rakan-rakan. Oleh itu mereka sentiasa sanggup melakukan apa sahaja supaya diterima oleh ahli kumpulannya. Pelajar merokok, mengambil alkohol dan ganja adalah lebih cenderung untuk mempunyai rakan-rakan yang juga menggunakan bahan-bahan tersebut (Hawkins, Catalano & Miller,1992; Alison, 2003; Pomberi et., al.,1991). Semakin meningkat umur pelajar mereka mula mencari rakan sepermainan, mereka mula menghabiskan lebih banyak masa di luar pengawasan orang dewasa (ibu bapa) (Patterson et. al.,1984;Robert et. al., 2003).

Fenomena ini memberi gambaran bahawa ciri-ciri pelajar bermasalah disiplin datang daripada pelbagai faktor persekitaran mereka. Lipsey dan Derzon (1998) menyatakan bahawa umur pelajar 12 tahun hingga 14 tahun, adalah usia yang mudah terpengaruh dengan rakan-rakan antisosial. Pelajar yang gemar bergaul dengan dengan rakan sebaya delinkuen, akrab dengan rakan-rakan, menghabiskan masa dengan rakan-rakan dan dipaksa oleh pelajar bertingkah laku antisosial.

Berdasarkan kepada ciri-ciri pelajar salah laku yang telah dibincangkan di atas sebanyak lima pemboleh ubah terikat dikenal pasti dalam kajian ini. Daripada lima

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemboleh ubah ini pengkaji akan memilih skor pomboleh ubah terikat terendah untuk diberi rawatan kelompok. Pomboleh ubah terikat ialah: motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi.

3.3 Hubungan Pemboleh ubah Terikat Dengan Salah Laku Disiplin

Bahagian ini akan mengemukakan hasil kajian lepas tentang pemboleh ubah-pemboleh ubah utama kajian iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi dan hubungan dengan pelajar salah laku disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Terdapat banyak kajian menunjukkan bahawa aspek psikologikal mempunyai hubungan dengan salah laku pelajar. Pelajar yang didapati rendah aspek psikologi boleh menjejaskan kejayaan dan pembangunan yang sihat di sekolah. Sesungguhnya memahami tingkah laku manusia adalah salah satu teras dalam bidang psikologi. Oleh itu, tidak menghairankan ramai penyelidikan psikologi telah memberi tumpuan kepada mengenal pasti hubungan psikologi dan tingkah laku tertentu (Gazzaniga et. al., 2010). Konflik ini boleh dimanifestasikan sebagai masalah disiplin (Katherine, 2004).

3.3.1 Hubungan PembolehUbah Terikat Motivasi Rendah Dengan Salah laku Disiplin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fenomena pelajar ponteng berpunca daripada pelbagai faktor. Antara sebab mereka ponteng ialah hilangnya minat belajar, (motivasi rendah), kabur cita-cita, tidak dapat menyiapkan kerja sekolah yang diberi oleh guru (Hawkins et. al. 1998; Le Blanc et.al., 1991; Gail et. al., 2003). Satu kajian mendapati bahawa pelajar lelaki yang terlibat dengan salah laku adalah disebabkan kurang berminat (rendah motivasi) ke sekolah dan mereka mempunyai perancangan lain atau agenda tertentu (Le Blanc et. al., 1991).

Wilson dan Owens (2001); Gottfredson et., al. (2006) menyatakan cara pengurusan disiplin di sekolah, pengajaran guru dalam kelas, *streaming* pelajar salah satu faktor dapat mengurang salah laku disiplin pelajar. Sekolah membantu pelajar untuk membangunkan minda terarah dan bertujuan, membendung masalah psikologikal (Roeser et al., 2000), dapat meningkatkan motivasi (Hagborg, 1994) dan mengurangkan kemungkinan masalah tingkah laku dalam kalangan pelajar (Dornbusch et. al., 2001).

Proses perkembangan kognitif pelajar dipelajari daripada pengalaman dan persekitaran mereka, kajian mendapati faktor penyumbang kepada motivasi (intrinsik) pelajar ialah ibu bapa dan guru. Blumenfeld, Marx, dan Harris, 2006 (Cannard et. al., 2012). Justeru ibu bapa seharusnya menjalinkan hubungan kekeluargaan dan mempromosikan nilai-nilai positif mereka untuk memberi galakkan supaya pelajar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapat membangunkan autonomi daripada kaca mata sendiri. Dengan harapan pelajar dapat menyesuaikan diri dengan dunia sosial (Cannard et.al., 2012).

Hasil kajian Jenkins (1995), terdapat hubungan yang songsang antara komitmen pelajar dengan jenayah sekolah. Pelajar yang terlibat dalam salah laku jenayah adalah mereka yang kurang komitmen dengan sekolah dan pelajaran. Kurangnya komitmen dalam pelajaran sering dihubungkan dengan tidak wujudnya motivasi dalam diri pelajar untuk mencapai kejayaan.

Kajian yang dilakukan oleh Johnsondan Eric (1993) terhadap kajian pertama 298 sampel gred tiga dan 396 gred enam di sekolah menengah dan rendah diNew Orleans, LA. Kajian ini memberi tumpuan kepada menyalahkan diri sendiri dan motivasi diri. Instrumen yang digunakan berdasarkan kegagalan akademik dan salah laku. Konstrak item terdiri daripada skala bimbang, tertekan, malu, kecewa, marah pada diri mereka sendiri, sedih, marah kepada orang lain dan diaibkan oleh orang lain. Dalam kajian yang kedua pula, dengan menggunakan versi soal selidik yang sama, pelajar telah diberikan kepada satu konstruk sifat dan kumpulan motivasi dan apabila dianalisis menunjukkan bahawa pelajar yang terlibat dengan salah laku disebabkan rasa rendah diri dan rendah motivasi.

Kajian oleh Wiesner et. al. (2007) ke atas individu, keluarga dan rakan sebaya yang terlibat dengan salah laku dengan melibatkan sampel 318 pelajar Jerman (berumur lingkongan 14 tahun). Kategori pelajar yang terlibat dengan salah laku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diasingkan kepada empat kumpulan: kesalahan tahap tinggi, kesalahan tahap sederhana, kesalahan tahap rendah, dan kesalahan yang jarang berlaku. Pengaruh rakan sebaya dan kurang mendapat empati ibu bapa lebih tinggi pelajar itu terlibat dengan salah laku. Manakala rendah motivasi atau pencapaian akademik rendah juga didapati mempunyai korelasi dengan peringkat empat salah laku yang dinyatakan di atas.

Rhodes et. al. (2013) melakukan kajian ini bagi melihat kesan interaksi antara kendiri dan pendekatan motivasi membantu pelajar terlibat dengan salah laku dan gejala kemurungan. Sampel 387 remaja berusia 11 tahun hingga 13 tahun (55% wanita , 17 % minoriti) di Jabatan Psychology, University of Washington. Kajian ini bagi menilai kendiri dan pendekatan motivasi bagi mengukur gejala kemurungan dan kenakalan pelajar. Analisis menunjukkan bahawa tahap rendah motivasi dikaitkan dengan tahap yang tinggi melanggar peraturan sekolah.

Kajian oleh De Looze1 et. al., (2012) menyatakan bahawa ketidaksamaan tahap merokok dengan tahap pendidikan di antara tahun 2002 dan tahun 2010 di tujuh negara-negara Eropah. Analisis ke atas sampel seramai 32867 dari umur lingkongan 14 tahun yang masih belajar pada tahun 2002, 2006 dan 2010 di Belgium, Croatia, Perancis, Jerman, Hungary, Itali dan Belanda. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan tahap pendidikan dengan amalan merokok dalam kalangan sampel yang dikaji. Perbezaan yang besar dalam merokok setiap hari mengikut tahap pendidikan wujud dalam semua negara. Merokok dalam sehari menurun antara tahun 2002 hingga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tahun 2010 iaitu di Belgium, Perancis, Jerman dan Belanda. Trend merokok ini menurun kerana pelajar mempunyai kesedaran tentang pendidikan (motivasi). Tetapi berlaku peningkatan perokok harian di Croatia manakala stabil di Hungary dan Itali. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan tabiat merokok di negara-negara ini berkait rapat dengan tahap rendah motivasi.

Kajian oleh Tachelle Banks (2012) bertujuan bagi melihat keberkesanan kaunseling kelompok REBT khususnya kelompok bimbingan melebihi 15 orang (dalam kelas). berdasarkan kajian ini didapati bimbingan melalui pendekatan *REBT* ternyata berjaya meningkatkan tahap pencapaian akademik dan motivasi pelajar dalam kelas berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian dijalankan oleh Suryani dan Beny Ida **(**2013), bertujuan bagi melihat keberkesanan kaunseling kelompok REBT terhadap enam orang pelajar SMA Semesta Gunung Pati Semarang. Pengumpulan data dengan menggunakan kaedah wawancara, dokumentasi nilai siswa (leger) dan skala motivasi. Berdasarkan analisis data deskriptif dan uji *wilcoxon* dan *pre-test* skala motivasi menunjukkan terdapat empat orang pelajar berada pada tahap motivasi sedang dan dua orang yang lain rendah. Paratusan menunjukkan dua orang sampel mendapat 60,98 % (sedang). Hasil pos test menunjukkan bahwa setelah diberikan kaunseling kelompok *REBT* terdapat perubahan prestasi motivasi, keseluruhan sampel kajian iaitu enam orang berada pada tahap motivasi dengan prestasi 77,04% (tinggi).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Dryden, Windy, (2012) kajian eksperimental ini bertujuan bagi mengukur keberkesanan Terapi Kelakuan Emotif Rasional (REBT) ke atas 96 sampel kajian di Universiti Sabelus, Saskia. Hasil kajian mendapati kelompok rawatan berdasarkan *REBT* didapati telah berjaya meningkatkan tahap motivasi sampel yang dikaji.

Tom et. al., (2010) menjalankan kajian antara buli dan mangsa buli di Hong Kong. Sampel kajian seramai 670 lelaki dan 691 perempuan pelajar sekolah. Data tentang akademik pelajar ini telah diperoleh daripada penilaian guru dan rakan sebaya. Hasil kajian menunjukkan persekitaran dan rendah motivasi mempunyai hubungan dengan kes-kes buli.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.2 Hubungan PembolehUbah Terikat Asertif Rendah Dengan Salah Laku Disiplin

Hamdan dan Rahim (2012) telah melakukan kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Bentara Dalam, Segamat. Sampel kajian seramai 170 orang. Min skor digunakan untuk melihat tahap tingkah laku asertif. Hasil kajian menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan perbandingan tahap tingkah laku asertif mengikut aliran kelas. Didapati sembilan orang sampel yang berada pada tahap tingkah laku asertif rendah adalah daripada pelajar aliran sastera. Didapati juga majoriti sampel yang berada di aliran sains dan sastera adalah berada pada tahap tingkah laku asertif yang sederhana.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Apabila merujuk kepada salah laku pelajar didapati kecenderungan pelajar yang rendah asertif dihubungkan dengan kesalahan kurang sopan dan keperihatinan kepada mereka yang status yang lebih dewasa atau dewasa.

Kajian oleh Caroll (1998) menunjukkan bahawa tabiat menghidu gam dalam kalangan pelajar terutamanya adalah berpunca daripada ketidakupayaan untuk mengelakkan diri daripada pengaruh rakan sebaya. Hubungan yang akrab dalam kalangan rakan sebaya ini adalah disebabkan oleh sikap dan pengalaman yang dilalui mereka. Persamaan pengalaman ini ialah seperti terlibat dengan masalah ponteng sekolah, mengalami masalah dengan pihak polis serta kebanyakan mereka mempunyai sejarah keluarga yang terlibat dengan alkohol dan dadah. Dapatan daripada kajian yang dijalankan ke atas para pelajar di Australia ini menunjukkan bahawa 25% daripada pelajar sekolah pernah menghidu gam. Majoriti daripada responden mengaku bahawa mereka mula menghidu gam sejak berusia 14 tahun. Punca utama yang membawa kepada tingkah laku ini disebabkan oleh faktor rakan sebaya yang rata-ratanya dikatakan terdiri daripada ahli-ahli yang memiliki asertif diri yang rendah serta tidak pernah takut untuk mencuba sesuatu tingkah laku baru.

Tom et. al., (2010) menjalankan kajian ke atas 670 lelaki dan 691 perempuan mangsa buli dan pembuli, di Hong Kong. Hasil kajian menunjukkan rendah asertif atau rasa mengalah mempunyai hubungan dengan kes-kes buli.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Goldberg et. al., (2005) dalam kajian mereka membuktikan kadar kekerapan pengambilan alkohol di kalangan pelajar luar bandar lebih tinggi berbanding dengan pelajar bandar. Strategi bagi mencegah penggunaan alkohol pelajar ialah dengan meningkatkan kemahiran sosial untuk menentang pengaruh rakan sebaya; antara kemahiran sosial yang sering dicadangkan ialah asertif diri. Kajian ini melibatkan 470 orang pelajar luar bandar Binghamton yang telah mengambil alkohol. Berdasarkan perolehan data yang dikumpulkan faktor pengambilan alkohol pelajar luar bandar mempunyai hubungan rendah asertif diri.

Kajian oleh Maria, Santos dan Faustino, (2013) bertujuan bagi melihat kesan kelompok bimbingan Terapi Perlakuan *Emotive behaviour Theraphy* yang melibatkan pelajar (n = 298) dari sebuah universiti di Filipina yang sedang mengalami masalah tidak dapat membuat keputusan kerjaya. Reka bentuk penyelidikannya dengan menggunakan kaedah ABCDE (REBT) melibatkan enam kali sesi pertemuan. Latihan ketegasan, penetapan matlamat dan kerja rumah dilakukan dalam sesi tersebut. Latihan ini termasuk juga aktiviti yang berfokus kepada *irrasional* ahli kelompok tentang penerokaan kerjaya, asertif dan bagaimana merasional pemikiran ahli kelompok. Dengan menggunakan pendekatan Ellis dengan model 'ABCDE. Berdasarkan penilaian kepada profil kerjaya *decision*, borang penilaian dan kaedah pemerhatian, didapati hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan membuat keputusan berkaitan kerjaya kepada ahli kelompok.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Daryoush Ghasemian, Lancy D'Soaza sedigheh Ebrahimi (2012) dari Universiti of Mysore, Mysore, Filipina melibatkan 86 orang pelajar yang tinggi pencapaian akademik. Kelompok rawatan (48 orang pelajar) dan kelompok kawalan juga 48 orang. Kajian ini dijalankan secara eksperimental iaitu kelompok rawatan menjalani rawatan dengan menggunakan kaunseling kelompok REBT. Manakala 46 orang menjalani kehidupan seperti biasa. Kelompok rawatan menjalani sesi selama 10 kali pertemuan. Berdasarkan statistik *anova* terdapat hubungan asertif kelompok rawatan berkaitan perasaan malu dalam membuat keputusan. Hasil rawatan juga menunjukkan berlaku penurunan perasaan malu kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.3 Hubungan PembolehUbah Terikat Empati Rendah Dengan Salah Laku Disiplin

Empati dipercayai menjadi satu faktor penting dalam membantu pelajar untuk mengelakkan diri daripada tingkah laku antisosial (Le Vander et.al., 2012). Berdasarkan kepada beberapa kajian menggambarkan bahawa empati mempunyai kaitan dengan beberapa salah laku pelajar sekarang. Pelajar yang mempunyai rendah empati lebih cenderung terlibat dengan salah laku (Feshbach et. al., 1983). Satu kajian mendapati bahawa pelajar yang mempunyai kemahiran empati tinggi dapat menyelesaikan masalah dan dapat mengurangkan tingkah laku antisosial (Feshbach et.al.,1983). Sebaliknya pelajar yang mempunyai rendah empati lebih cenderung

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terlibat dengan masalah tingkah laku (Jolliffe & Farrington, 2004; Betty Rintoul et. al., 1998).

Satu kajian yang dijalankan oleh Caprara et. al., (2003)ke atas 464 pelajar berumur 14 dengan 19 tahun membuktikan bahawa empati rendah penyumbang kepada tingkah laku antisosial. Dapatan ini disokong oleh Alvaro Q et. al. (2009) empati yang lebih tinggi mempunyai tingkah laku pro-sosial yang baik, manakala empati rendah menjurus kepada tingkah laku anti-sosial.

Kajian oleh Geng et. al. (2012) bagi menilai kebolehpercayaan dan kesahihan versi Cina Skala Empati Asas (PJP) kepada sampel 1,524 orang pelajar tingkah laku bermasalah. Hasil analisis faktor pengesahan menunjukkan faktor empati dan kognitif menunjukkan perbezaan antara kanak-kanak lelaki dan perempuan. Empati perasaan menunjukkan ada kaitan dengan kanak-kanak dengan ukuran tingkah laku prososial dan masalah emosi. Manakala kanak-kanak lelaki menunjukkan empati kognitif rendah terhadap salah laku. Sejajar dengan kajian sebelum ini, terdapat hubungan prososial kanak-kanak perempuan mempunyai rasa empati afektif lebih tinggi berbanding kanak-kanak lelaki. Dapatan menunjukkan pelajar lelaki yang memiliki empati rendah dan dikaitkan dengan salah laku.

Satu kajian dijalankan oleh Jolien Vander et. al. (2012) di Belanda dengan melibatkan sampel 323 orang berumur 14 tahun.Kajian melihat kesan empati dan sokongan ibu bapa dan diri pelajar terhadap salah laku. Keputusan kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan bahawa pelajar empati rendah dan sederhana mempunyai hubungan dengan salah lakudi Belanda. Data saintifik empati pelajar ditunjukkan seperti berikut; Empati sederhana dan hubungan dengan ibu bapa memberi sokongan kepada salah laku ($\beta = -.10$, $p < .05$) dan kenakalan ($\beta = -.09$, $p < .05$). Hanya pelajar yang empati tinggi (SD > 1.57 di atas min), dan sokongan ibu bapa menunjukkan tahap yang lebih rendah salah laku. ($p < .05$). Pelajar empati rendah didapati paling tinggi terlibat dengan salah laku walaupun ianya mendapat sokongan daripada ibu bapa.

Robinson et al. (2007) menjalankan kajian di Simon Fraser University ke atas dua kumpulan pelajar dalam penjara lingkungan umur awal remaja. Satu kumpulan seramai 64 orang menjalani hukuman biasa. Manakala 60 orang lagi diberi rawatan yang ditadbir skala empati kognitif dan empati afektif melalui tayangan video dan langkah-langkah tindak balas terhadap emosi seperti rasa bersalah, malu dan tingkah laku antisosial. Dapatan kajian menunjukkan empati rendah menyebabkan 69 peratus daripada mereka terlibat dengan salah laku.

Kajian oleh Newton et al. (2012) kepada 452 pelajar dari lima buah sekolah di Sydney, Australia. 40 peratus daripada peserta adalah pelajar yang lebih muda diambil dari kelas tahun lima sekolah rendah (min umur 10.49), dan 60 peratus kanak-kanak lebih tua dari tahun lapan sekolah tinggi (min umur 14.29). Kajian ini dilakukan bagi melihat; yang pertama menilai adakah kanak-kanak dapat membezakan antara betul atau salah berhubung dengan salah laku; yang kedua mengenal pasti faktor-faktor psikososial dan pengetahuan mereka antara betul atau salah berkaitan salah laku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keputusan menunjukkan majoriti pelajar dalam kedua-dua kumpulan umur menunjukkan mereka mengetahui perbezaan antara yang benar dan salah berhubung dengan pelanggaran disiplin. Analisis selanjutnya menggunakan model persamaan struktur (analisis struktur masa, AMOS) menunjukkan bahawa pelajar yang terpengaruh dengan rakan sebaya dan terlibat dengan salah laku mempunyai tahap empati yang rendah.

Kajian Jolien Vander et. al.(2012) berkaitan empati dan sokongan ibu bapa serta hubungannya dengan salah laku dan delinkuen dalam kalangan pelajar. Kajian ini melibatkan sampel 323 orang (158 lelaki, 165 perempuan) berumur lingkungan14.11 tahun di Belanda. Berdasarkan skor soal selidik empati dan lawatan pengkaji ke rumah. Didapati empati rendah dan kurang mendapat sokongan ibu bapa mempunyai hubungan dengan tingkah laku jenayah dan delinkuen. Sederhana empati dan sokongan ibu bapa tinggi mempunyai hubungan dengan tahap rendah jenayah dan delinkuen pada umur 15 tahun. Manakala pelajar rendah empati dan kurang mendapat sokongan daripada ibu bapa, telah menunjukkan perbuatan salah laku dan kenakalan.

3.3.4 Hubungan PembolehUbah Terikat Harga Diri Rendah Dengan Salah Laku Disiplin

Baumeister et. al. (1996) menyatakan kebelakangan ini terdapat hubungan antara tingkah laku bermasalah dengan harga diri dalam kalangan kanak-kanak, pelajar dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

awal dewasa. Kajian menyatakan bahawa harga diri yang rendah merupakan faktor risiko berlaku pelbagai tingkah laku negatif dan kenakalan (Donnellan, et.al., 2005; Fergusson & Horwood, 2002; Webster et. al., 2007). Pelbagai usaha dan program yang diadakan bertujuan untuk mengurangkan tingkah laku bermasalah dengan meningkatkan "konsep diri pesalah (Mason, 2003).

Laramie et al. (2007) menyatakan dalam kajian mereka cuba meneroka hubungan antara harga diri dengan salah laku di sekolah. Sampel kajian terdiri daripada 842 kanak-kanak, separuh daripada mereka adalah lelaki (51.1%). Perkauman pelbagai; hampir 2/3 kanak-kanak kulit hitam dan 1/3 kulit putih. Semua pelajar ini telah mendaftar di sekolah menengah di daerah yang sama dalam sebuah negara pantai-timur. Data dianalisis berdasarkan kaum dari pelbagai sekolah menengah dengan tujuan untuk meneroka bagaimana harga diri mempengaruhi salah laku di sekolah. Keputusan menunjukkan bahawa, secara amnya, pelajar dengan harga diri rendah adalah lebih cenderung untuk melakukan jenayah atau terlibat dengan salah laku. Kenyataan yang sama dinyatakan oleh (Donnellanet.al., 2005) mendapati bahawa pelajar yang mempunyai perasaan rendah diri diramalkan melakukan salah laku.

Kajian oleh Gomez dan Martin (2010) di sekolah yang paling popular di Amerika. Hasil daripada kajian ini didapati pelajar yang harga diri rendah mempunyai hubungan dengan salah laku di sekolah. Sebaliknya pelajar yang mempunyai harga diri yang tinggi didapati pencapaian akademik tinggi di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guy et. al. (2007) dalam kajian mereka terhadap hubungan antara harga diri dan tingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar Ontario. Sampel terdiri daripada 3,796 pelajar, julat 11-20 tahun. Dapatan kajian menunjukkan pelajar harga diri rendah terlibat dengan salah laku di sekolah tersebut. Dalam satu kajian lagi oleh Donnellan, et.al., (2005) membuktikan bahawa terdapat hubungan yang kukuh di antara harga diri rendah dengan kenakalan dalam kalangan mereka.

Sung, (1998) telah melakukan kajian ke atas 830 pelajar bermasalah tingkah laku dalam kalangan pelajar berisiko tinggi, di kawasan bandar di Rochester. (salah laku ponteng sekolah, lari dari rumah, jenayah harta benda, jenayah ganas dan kesalahan status) Bagi mengukur harga diri remaja dalam kajian ini kaedah temu bual dan soal selidik digunakan. Untuk mendapat data sampel temu bual dilakukan terhadap rakan sebaya yang pernah terlibat dengan jenayah harta benda, jenayah ganas dan kesalahan sederhana (seperti ponteng atau lari dari rumah). Dapatan menunjukkan pelajar yang mempunyai harga diri yang rendah akan cuba untuk mendapatkan kebenaran dan penerimaan daripada rakan sebaya dengan cara turut sama mengambil bahagian dalam kegiatan salah laku. “Pelajar akan terlibat dengan kegiatan salah laku untuk mencari kenalan baru bagi mendapat sokongan sosial dan membina harga diri mereka."

Ken dan Ian (1996) Kajian ke atas faktor yang dikaitkan dengan tingkah laku delinkuen pelajar sekolah yang berumur antara 13 dan 17 tahun di sebuah sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tinggi di Australia. Soal selidik berdasarkan item (i) sejauh mana mereka dibuli rakan-rakan mereka di sekolah, (ii) Harga diri mereka dan (iii) kekerapan terlibat dengan pelbagai salah laku. Secara umum, kanak-kanak perempuan kurang mendatangkan masalah berbanding lelaki. Kanak-kanak lelaki, didapati tahap harga diri rendah dikaitkan dengan tingkah laku buli.

Pyrooz dan David, (2013)menjalankan kajian di China. Pengkaji mengkaji hubungan antara tingkah laku bermasalah dan penglibatan geng di China. Kajian ini bagi melihat hubungan antara penglibatan geng, pengkhususan kepada keganasan dan tingkah laku delinkuen pelajar Cina. Data telah dikumpulkan dari 2,245 ahli sampel berasaskan sekolah di Changzhi, sebuah bandar yang penduduknya melebihi tiga juta orang di Utara China. Dapatan menunjukkan Lebih separuh daripada sampel terlibat dalam beberapa bentuk kenakalan berbanding tahun sebelumnya. Analisis multivarian dengan langkah-langkah tekanan rendah harga diri, adalah satu aspek yang dikaji dan hasil kajian menggambarkan bahawa kenakalan pelajar mempunyai kaitan dengan rasa rendah harga diri.

Kajian oleh Calmaestra et. al. (2012) melibatkan individu dan harga diri mangsa buli dan pembuli siber. Kajian ini dijalankan di University of Cordoba, Spain dan University of Seville, Spain dengan memberi tumpuan pembulian melalui telefon bimbit dan Internet. Sampel 1671 murid-murid (51.3% lelaki), dalam tiga kumpulan umur (12-13; 14-15 dan 16-17 tahun). Kaedah temu bual telah digunakan dalam kajian ini. Perbezaan yang ketara telah dikesan dalam kalangan mereka yang terlibat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam masalah salah laku ini. Melalui analisis *anova* menunjukkan hubungan antara harga diri yang terlibat dalam kegiatan buli dan *cyber buly*. Data menunjukkan terdapat hubungan harga diri rendah menjadi mangsa buli.

Brent et. al. (2005) dalam kajian mereka mendapati melalui sampel pelajar dari pelbagai negara di Amerika Syarikat dan New Zealand dan pelajar kolej. Penyelidik mendapati hubungan yang kukuh antara rendah harga diri dan masalah externalizing (pencerobohan, tingkah laku antisosial dan kenakalan). Kajian oleh Meriwether (2003) terhadap tingkah laku tidak bermoral mendapati bahawa semua perlakuan tidak bermoral ini dilakukan oleh responden yang rendah harga diri mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh seasock (1995) bertujuan bagi mengukur kesan rawatan klinikal pendekatan REBT di Pusat Perkhidmatan Kanak-kanak di Wilkes-Barre, Pennsylvania. Pusat perkhidmatan ini menempatkan remaja-remaja pesalah seksual. Remaja yang tinggal di pusat ini tidak berminat untuk bersekolah, tidak tinggal bersama keluarga dan masa banyak terluang bersama jiran yang berisiko salah laku. Setelah memasuki pusat perkhidmatan didapati peratusan kes salah laku ini berkurangan kepada sifar empat tahun kebelakangan ini. Rawatan kaedah merasional dan proses berdasarkan Terapi Kelakuan emosi rasional (Ellis, 1962) telah berjaya meningkatkan harga diri dan kes berulang menurun kepada angka sifar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.5 Hubungan PembolehUbah Terikat Kecerdasan Emosi Rendah Dengan Salah Laku Disiplin

Abu Bakar dan Maizatulakmam (2007) telah menjalankan kajian perkaitan di antara hubungan keluarga, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi dengan tahap delinkuen pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Rahmat, Johor. Sampel yang dipilih terdiri daripada 166 orang pelajar. Kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan tahap hubungan dalam keluarga adalah sederhana dengan min bagi item sebanyak 3.67. Pengaruh rakan sebaya menunjukkan taburan min responden berada pada tahap sederhana iaitu 3.24. Tahap kecerdasan emosi pelajar juga menunjukkan taburan min sampel dalam aspek kecerdasan emosi pelajar berada pada tahap sederhana iaitu 3.34.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi melihat hubungan kecerdasan emosi, pengaruh rakan sebaya dan hubungan keluarga dengan tingkahlaku delinkuen, dua kaedah telah digunakan. Kaedah pertama adalah dengan memisahkan sampel kepada dua kumpulan berdasarkan skor median tingkah laku delinkuen (median = 36). Kaedah ini digunakan untuk melihat perbezaan antara pelajar yang mempunyai aras delinkuen yang tinggi berbanding pelajar yang mempunyai aras delinkuen yang rendah bagi pemboleh ubah yang difokuskan. Berdasarkan nilai median dari jumlah keseluruhan, sampel telah dibahagikan kepada dua kumpulan bagi aspek tingkah laku delinkuen iaitu kumpulan yang mempunyai tingkah laku delinkuen tinggi dan kumpulan yang mempunyai tingkah laku delinkuen yang rendah. Pembahagian ini adalah berdasarkan nilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

median bagi tingkah laku delinkuen iaitu 36. Dari ini nilai min telah diperoleh bagi kumpulan tingkah laku delinkuen tinggi dan tingkah laku delinkuen rendah untuk melihat perbezaan dari aspek hubungan keluarga, rakan sebaya dan tahap kecerdasan emosi. Pada keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengaruh hubungan keluarga dan tahap kecerdasan emosi dengan tahap tingkah laku delinkuen rendah dan tingkah laku delinkuen tinggi. Ini menunjukkan majoriti pelajar masih menjalani kehidupan kekeluargaan yang sederhana rapat serta menunjukkan tahap kecerdasan emosi yang positif dan pengaruh rakan sebaya yang harmonis. Peratus pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Rahmat yang terlibat dengan tingkah laku delinkuen secara keseluruhannya adalah rendah. Kebanyakkan pelajar terlibat dengan aktiviti ponteng sekolah, ponteng kelas, melepak dan datang lewat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perkaitan di antara kecerdasan emosi rendah turut mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku delinkuen. Semakin rendah tahap kecerdasan emosi pelajar maka semakin tinggi kecenderungan bertingkah laku delinkuen.

Kajian Siok Gim dan Rodziah (2012) bagi mengenal pasti pertalian antara kecerdasan emosi dengan tingkah laku dan pencapaian akademik pelajar sekolah menengah. Sejumlah 100 orang pelajar daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Jelawat, Bachok, Kelantan telah ditadbirkan soal selidik yang mengukur lima jenis kecerdasan emosi iaitu kesedaran diri, kawalan diri, motivasi, empati dan kemahiran sosial. Selain daripada kecerdasan emosi, tingkah laku dan pencapaian akademik pelajar turut diukur oleh soal selidik yang sama. Nilai *cronbach alfa* bagi semua item

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang mengukur tingkah laku dan lima jenis kecerdasan emosi melebihi 0.8 maka boleh dipercayai. Keputusan menunjukkan nilai min bagi setiap kecerdasan emosi adalah seperti berikut: Kemahiran Sosial (74.03), Kesedaran Diri (73.58), Motivasi (72.66), Empati (72.53) dan Kawalan Diri (68.10). Semua kecerdasan emosi yang dikaji menunjukkan pertalian yang sederhana dengan pencapaian akademik pelajar: Kawalan diri (r = 0.533), empati (r = 0.529), motivasi (r = 0.463), kemahiran sosial (r = 0.448) dan kesedaran diri (r = 0.406). Apabila lima kecerdasan emosi ini dikorelasikan dengan tingkah laku pelajar, tiga mempunyai korelasi yang tinggi manakala dua lagi mempunyai korelasi yang sederhana. Kemahiran sosial (r = 0.724), empati (r = 0.721) dan motivasi (r = 0.718) mempunyai pertalian yang tinggi manakala kawalan diri (r = 0.697) dan kesedaran diri (r = 0.658) mempunyai pertalian yang sederhana dengan tingkah laku pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Hannah dan Katelyn (2012) terhadap dua orang pelajar perempuan dan lapan lelaki antara umur dari 12 tahunke 17 tahun yang ditahan di Pusat Keadilan Juvana di Walla Walla, WA. Semua pelajar telah disabitkan atas sekurang-kurangnya satu jenayah. Spektrum kesalahan yang dilakukan yang membawa kepada penahanan seramai lima orang. (ditakrifkan sebagai: serangan, rogol, pencabulan dan caj senjata), empat jenayah harta (kecurian, pecah rumah, kecurian kenderaan motor, kebakaran dan kerosakan berniat jahat), dua jenayah dadah (pemilikan, penghantaran dan pembuatan) dan tiga jenayah status (ponteng dan remaja berpotensi ponteng). Keputusan menunjukkan pelajar dengan skor kecerdasan emosi yang lebih tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai skor salah laku rendah secara keseluruhan dan rendah kecerdasan emosi dikaitkan dengan salah laku.

Satu kajian yang dijalankan oleh Chathareana Petronella Erasmus pada tahun 2007 dari Universiti Afrika Utara terhadap pelajar di sekolah swasta. Sampel sembilan orang lelaki dalam kalangan pelajar berumur 14 hingga 18 tahun yang terlibat dengan salah laku di sekolah. Sampel ini diperoleh melalui soalselidik *q-metrics strydom* (1999) iaitu kecerdasan emosi dan kaedah temuramah. Hasil kajian menunjukkan pelajar yang terlibat dengan salah laku didapati rendah kecerdasan emosi, keluarga bermasalah, terpengaruh dengan rakan sebaya negatif, tahap pengetahuan rendah dan tidak mendapat perhatian dan kasih sayang daripada orang yang signifikan dengan mereka.

Parker et. al. (2004) menjalankan kajian hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik kepada gred purata kepada tiga kumpulan pelajar sekolah menengah. Terbukti kumpulan yang mendapat skor tertinggi ialah kemampuan kecerdasan emosi dari segi kemahiran interpersonal, penyesuaian diri dan pengurusan tekanan. Begitu juga, pelajar-pelajar dalam kumpulan pertengahan juga mencapai markah yang lebih tinggi dalam bidang akademik. Didapati kecerdasan emosi mempunyai kesan positif ke atas pencapaian akademik dan mengurangkan salah laku berisiko.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Kesan Intervensi Kelompok Bimbingan Terhadap Pelajar Salah Laku Disiplin

Intervensi kelompok bimbingan telah menyediakan pembelajaran tentang diri dan orang lain melalui interaksi yang terancang (Mohamed Sharif et. al., 2006). Kelompok bimbingan sesuai kepada pelajar yang mempunyai masalah tingkah laku seperti suka bergaduh, tidak berupaya bergaul denga rakan sebaya, agresif, letih-lesu, kurang mendapat perhatian, pengabaian kasih sayang dan kecuaian ibu bapa semasa kanak-kanak berada di rumah (Corey, 2008).

Pada peringkat sekolah menengah di Malaysia, dinyatakan kebanyakan pelajar berumur 14 tahun, memerlukan bimbingan dalam kelompok bagi membantu mereka bagi mempelajari kemahiran baru, menimbulkan kesedaran nilai, membuat keputusan daripada pilihan dan bersosial dalam masyarakat. Kelompok kecil memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka dan mempelajari sesuatu menerusi cabaran sosial dan emosi mereka dengan orang lain yang mengalami perasaan yang sama dengan mereka. Kelompok bimbingan biasanya melibatkan kanak-kanak yang mempunyai peristiwa penting dalam hidup mereka seperti kehilangan ibu bapa akibat perceraian atau kecewa (Mohamed Sharif et. al., 2006).

Steendan Kaffenberger (2007) menilai kesan kelompok bimbingan keperluan peribadi atau sosial dan tingkah laku akademik. Sampel seramai 120 pelajar-pelajar sekolah. Pengkaji mendapatkan data tingkah laku berdasarkan ujian *pra-post*, maklumat pelajar-pelajar ini diperoleh daripada guru-guru, pelajar dan ibu bapa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan melalui data-data ini menunjukkan bahawa kaedah kelompok bimbingan menunjukkan perkembangan positif dimana 75% daripada pelajar dan 75% guru-guru.

Brugman, Daniel, Bink dan Martine (2011) telah menjalan kajian di Utrecht University, Utrecht, Netherlands. Pendekatan intervensi kelompok bimbingan dengan menggunakan modul berstruktur (*EQUIP*), bertujuan mengurangkan salah laku dalam kalangan pelajar bermasalah dari aspek kognitif, meningkatkan kemahiran sosial dan merangsang perkembangan moral mereka. Modul ini diaplikasikan kepada tahanan juvana di Belanda. Peserta terdiri daripada pelajar juvana peringkat tinggi lingkungan umur 12 dan 18 tahun. Sampel rawatan seramai 40 orang dan kumpulan kawalan 28 orang. Dengan menggunakan modul EQUIP ini didapati kesan positif dan dapat mengurangkan gangguan kognitif dalam kalangan pelajar lelaki bermasalah berdasarkan ujian pra dan pasca rawatan separa.Kumpulan eksperimen menunjukkan pengurangan yang lebih besar gangguan kognitif berbanding kumpulan kawalan. Dapatan menunjukkan jumlah kesalahan berulang dalam kumpulan eksperimen adalah lebih kecil berbanding dengan kumpulan kawalan.

Bernard (2012) menyatakan pengambilan alkohol dan penyalahgunaan dadah dan lain-lain salah laku dalam kalangan remaja dan orang dewasa terus menjadi masalah utama di Amerika Syarikat. Hasil kajian ini menunjukkan kecerdasan emosi mempunyai hubungan dengan beberapa faktor yang berkaitan dengan alkohol dan penyalahgunaan dadah serta salah laku lain dalam kalangan remaja dan orang dewasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

di Amerika Syarikat.Kajian di atas menunjukkan bahawa intervensi kelompok peringkat awal yang berbentuk intervensi pencegahan dan perkembangan dengan menggunakan pendekatan kelompok dapat memberi kesan positif terhadap kecerdasan emosi sampel kajian.

Kajian oleh Caldwell et. al., (2006) bagi melihat kesan rawatan intensif untuk pelajar lelaki yang bermasalah tingkah laku seramai 101 orang dari *University of Wisconsin Madison*. Kesemua pelajar ini menjalani sesi rawatan mengikut modul intensif rawatan kesihatan mental (TAU). Pelajar lelaki seramai 101 ini telah menerima rawatan menggunakan modul (*TAU*). Rawatan ini mengambil masa selama 53 bulan. Kesannya menunjukkan hasil daripada rawatan ini berlaku kekurangan pengulangan salah laku terutamanya kepada salah laku yang berat. Kumpulan rawatan menghasilkan kesan positif dengan nisbah lebih daripada 7-1 ke atas kumpulan rawatan yang mengikuti modul *TAU*.

Kajian oleh Zonnevylle et. al., (2007) pendekatan kelompok bimbingan terhadap pelajar yang mengalami gangguan tingkah laku (DBD) iaitu penyalahgunaan dadah dan tingkah laku bermasalah di Belanda. Kaedah: Kanak-kanak dengan (DBD) (berusia 8tahun hingga 13 tahun) manakala sampel secara rawak pula mengikuti terapi tingkah laku menggunakan modul (UCPP) di Belanda. Lima tahun (2003-2005) selepas permulaan rawatan (1996-1999), pemantauan dijalankan kepada 61 pelajar yang telah menggunakan bahan terlarang dan kenakalan. Hasilnya, kumpulan rawatan yang mengikuti program UCPP berlaku penurunan penyalahgunaan bahan terlarang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berbanding kumpulan yang tidak mengikuti kelompok UCPP. Begitu juga perbezaan pelajar yang merokok juga berlaku penurunan kurang daripada 0.03 peratus. Kesimpulan: terapi tingkah laku manualized untuk DBD jelas berbeza jika di bandingkan dengan kumpulan kawalan. Jelas kaedah rawatan menunjukkan kesan pencegahan jangka panjang sangat sesuai terhadap pelajar yang melakukan salah laku.

Fox et. al. (2003) telah menjalankan kajian kuasi eksperimental terhadap mangsa buli dengan menggunakan modul Latihan Kemahiran Sosial (SST) dengan melibatkan 20 orang remaja dari*School of Social Relations*, University of Keele, Keele, Staffordshire. 15 orang telah dipilih menjalani kelompok rawatan dan 12 orang lagi kelompok kawalan. Pemboleh ubah dalam kajian ini ialah harga diri, kebimbangan dan kemurungan. Selepas rawatan kelompok rawatan telah menunjukkan peningkatan harga diri berbanding kumpulan kawalan. Kajian ini telah membuktikan bahawa rawatan dengan menggunakan modul SST berjaya menangani masalah-masalah sosial (buli di sekolah).

Berdasarkan kajian-kajian di atas dengan menggunakan pelbagai program intervensi kelompok bimbingan eksperimental menunjukkan perbezaan dan mendatangkan kesan positif kepada pelajar yang terlibat dengan salah laku disiplin.

3.5 Kesan Intervensi Kelompok Terhadap Pembolehubah Terikat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikut dikemukakan beberapa kajian eksperimental yang dilakukan secara prosedur kelompok bimbingan yang berorientasikan intervensi pencegahan dan perkembangan ke atas pemboleh ubah-pemboleh ubah terikat utama dalam kalangan pelajar salah laku disiplin.

Stephens et. al. (2010); Harel et. al, (2012) menyatakan penggunaan teknik kelompok bimbingan dalam suasana sekolah sangat sesuai kepada pelajar sekolah. Dari kajian literatur didapati kelompok bimbingan sangat berkesan menangani pelbagai masalah dalam kalangan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.1 Kesan Kelompok Bimbingan Ke Atas Motivasi

Kelompok bimbingan berstruktur yang dijalankan oleh kaunselor sekolah rendah dan menengah telah berjaya memberi kesan positif kepada peningkatan motivasi dan minat subjek matematik sampel kajian. Hasil kajian mendapati 85% daripada pelajar-pelajar dalam kumpulan rawatan meningkat skor matematik mereka dalam ujian standard negeri dengan purata 27 mata berbanding dengan kumpulan kawalan (Webb et. al., 2005).

Rowell dan Eunsook (2013) membincangkan berkaitan artikel motivasi intrinsik dan ekstrinsik serta hubungan dengan pencapaian akademik pelajar. Motivasi adalah asas penting dalam pembangunan akademik pelajar. Artikal ini membincangkan kepentingan peranan kaunselor sekolah dalam pembangunan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akademik pelajar dan menerangkan pencegahan (kelompok bimbingan) dan pemulihan (kelompok kecil). Didapati kelompok bimbingan adalah salah satu strategi yang berkesan untuk meningkatkan motivasi pelajar.

Enea dan Dafinoiu (2009) menjalankan kajian ke atas sekumpulan pelajar ponteng di Romania antara bulan Mac hingga Jun 2007 yang terdiri daripada lapan kelompok. Sesi kelompok berdasarkan pendekatan REBT dilakukan setiap minggu dengan mengambil masa satu jam bagi setiap sesi. Sampel kajian terdiri daripada pelajar sekolah menengah yang mempunyai rekod ponteng. 38 orang pelajar telah dikenal pasti terlibat dalam kajian ini, 19 orang dalam kelompok rawatan dan 19 lagi kelompok kawalan. Kajian ini memberi fokus gabungan motivasi intrinsik dan ekstrinsik dengan strategi berfokus kepada pengurangan ponteng. Dapatan menunjukkan penurunan ponteng sebanyak 61% bagi kelompok eksperimen, perbezaan yang signifikan berbanding dengan kumpulan kawalan.

Lee et. al. (2010) menjalankan kajian bertujuan untuk mengkaji hubungan antara matlamat pelajar pada masa hadapan (FGS) dan orientasi matlamat pencapaian mereka (AGOs) antara 5733 pelajar sekolah menengah di Singapura (M = 14.18 umur, SD = 1.26; 53% (pelajar lelaki). Pendekatan kelompok bimbingan dengan menggunakan Model A difokuskan kepada group AGOs dan Model B digunakan kepada group FGS. Hasil kajian menunjukkan berlaku peningkatan terhadap motivasi pelajar selepas rawatan secara kelompok dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Corpus dan Jennifer Henderlong, (2014) menjalankan kajian bagi mengenal pasti dan menilai kombinasi motivasi intrinsik dan ekstrinsik dalam kalangan 490 pelajar Reed College, Francis. Kaedahnya ialah kelompok rawatan dibahagikan kepada tiga iaitu kelompok yang tinggi motivasi intrinsik dan ekstrinsik, kedua kelompok yang motivasi intrinsik tinggi dan ekstrinsik rendah dan yang ketiga kelompok yang tinggi motivasi ektrinsik dan rendah motivasi instrinsik, Setelah rawatan dijalankan kelompok intrinsik paling stabil kestabilan (76%) dan kelompok ekstrinsik tidak menentu kestabilan (45%). Pelajar dalam kelompok intrinsik mengatasi rakan-rakan mereka dalam dua kelompok dan menunjukkan pencapaian terbesar dari masa ke masa. Dapatannya setelah satu tahun proses kelompok berlaku didapati motivasi intrinsik mendominasi berbanding ekstrinsik khususnya dalam pencapaian akademik sampel kajian.

Kajian ini dijalankan oleh Rowell et. al. (2013) di School of Leadership and Education Sciences, University of San Diego menyatakan aspek motivasi adalah asas penting dalam pembangunan akademik pelajar. Artikel ini membincangkan motivasi akademik; Bagi mencapai motivasi intrinsik dan ekstrinsik seperti kepercayaan, matlamat, dan nilai-nilai akan dikaji begitu juga daripada perspektif teori motivasi akademik dan secara ringkas bagaimana strategi untuk meningkatkan motivasi akademik. Artikel ini membincangkan kepentingan peranan kaunselor sekolah bagi meningkatkan pencapaian akademik dan pencegahan pelajar (bimbingan kelas) dan pemulihan (kelompok kecil dan kaunseling individu). Hasil lakian mendapati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelompok binbingan dapat membantu dari aspek pencegahan dan dapat meningkatkan motivasi intrinsik dan ekstrinsik khususnya dalam peningkatan pencapaian akademik pelajar.

LaBrie et. al. (2011) menjalankan kajian bagi menilai keberkesanan sesi rawatan kepada pelajar yang mengambil alkohol di sebuah sekolah di Philadelphia, Bilangan pelajar 230 orang didapati terlibat dengan salah laku ini. Daripada jumlah tersebut 60 pelajar dipilih mengikuti kelompok bimbingan selama 75 minit. Pendekatan kelompok bimbingan digunakan kepada kelompok tersebut. Aspek-aspek yang diberikan sepanjang program tersebut ialah; norma-norma sosial di sekolah, rasional perubahan tingkah laku, maklumat-maklumat tentang alkohol, cabaran dan matlamat generasi akan datang. Dapatan menunjukkan pelajar yang telah mengikuti program ini telah berlaku penurunan salah laku penggunaan alkohol sebanyak (29%) selepas tiga bulan pula berlaku penurun lagi (32%). Hasil daripada bimbingan ini dapat memberi gambaran bahawa intervensi kelompok bimbingan telah berjaya membantu individu daripada pengambilan alkohol dan meningkatkan motivasi kepada pelajar tahun satu di sekolah berkenaan.

Shechtrnan et. al.(2005) dalam kajian mereka melihat kesan rawatan kepada kumpulan sasaran. Proses ini menggunakan dua jenis rawatan berasaskan Kognitif Tingkah Laku (CBT) dan rawatan terapi berasaskan Kumpulan Kemanusiaan (HGT). Rawatan dijalankan kepada 200 pelajar sekolah yang belajar di pusat pembelajaran di Israel. Keputusan menunjukkan perubahan tingkah laku melalui kaedah HGT lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkesan berbanding CBT. Sungguhpun demikian tindakan susulan perlu diteruskan khususnya terapi (HGT) yang boleh merubah kelakuan dan kemahiran membantu. HGT berjaya membantu meningkatkan motivasi kepada perubahan tingkah laku kepada lima mata pelajaran yang dipelajari.

Kajian oleh Enea, et. al. pada tahun 2009 di Alexandru Ioan Cuza University, Iaşi, Romania. Sampel kajian ialah pelajar sekolah menengah. Kajian ini menilai kecekapan pakej teknik rangsangan motivasi bagi mengurangkan kadar ponteng sekolah dalam kalangan pelajar sekolah. Program ini dijalankan antara bulan Mac dan Jun 2007 dengan melibatkan lapan sesi kelompok bimbingan setiap minggu, setiap pertemuan mengambil masa satu jam bagi setiap kali perjumpaan. Menggunakan teknik gabungan strategi rangsangan motivasi intrinsik dan ektrinsik, temuduga dan kelompok penyelesaian (fokus kepada kaedah ekstrinsik, seperti penurunan tingkah laku ponteng, teknik pengukuhan). Peserta dibahagikan kepada dua kumpulan, 19 pelajar dalam kumpulan eksperimen dan 19 orang kumpulan kawalan. Data kumpulan rawatan menunjukkan pengurangan 61% dalam kadar ponteng sekolah kumpulan rawatan. Perbezaan yang signifikan berbanding dengan kumpulan kawalan.

Kajian dijalankan di Universiti Sepanyol terhadap sampel dalam kalangan pelajar di sebuah sekolah psikologi di Sepanyol. Oleh kerana pelbagai masalah salahlaku menyebabkan merosot pencapaian akademik. Sampel yang terlibat telah melalui beberapa sesi kaunseling berdasarkan model psikologi. Hasilnya setelah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melalui beberapa sesi kelompok bimbingan didapati berlaku peningkatan motivasi diri dan prestasi akademik turut meningkat (Jose et. al., (2004).

Konteks kajian kuasi eksperimen ini, sampel dipilih dari sekolah menengah yang dikenal pasti berdasarkan kepada cadangan daripada Penolong PPD Kuala Muda Yan (Sungai Petani - bandar) PPD Kota Setar (Pokok Sena-luar bandar) memenuhi syarat-syarat yang diterangkan dalam bab satu dan skor terendah IRSLD kajian awal yang diedarkan kepada pelajar yang sedang belajar di sekolah-sekolah lokasi bandar dan luar bandar negeri Kedah. Sampel kajian kuasi ekperimen dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) (Johnson & Christensen, 2000). Asas eksperimen adalah mudah. Peserta-peserta diagihkan secara rawak kepada dua atau


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tiga kumpulan dan diberikan rawatan *treatment*. Rawatan merupakan pemboleh ubah tidak bersandar yang diatur.

Pemilihan sampel dilakukan secara bertujuan. Sampel yang dipilih dalam kajian ini merupakan pelajar tingkatan dua yang dikenal pasti berdasarkan skor rendah aspek psikologi berdasarkan instrumen IRSLD. Carta alir pemilihan dan pengagihan sampel dapat ditunjukkan dalam Rajah 4.3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.3 Kerangka Carta Aliran Pemilihan SampelKajian Kuasi Eksperimen

Berdasarkan Rajah 4.3 IRSLD ditadbir bagi mendapatkan skor min ke atas skala tersebut. Pada peringkat ini, sampel yang mendapat jumlah skor yang tinggi akan dikeluarkan daripada senarai. Langkah ini bertujuan untuk mendapatkan kumpulan sampel yang memiliki ciri-ciri yang rendah aspek psikologi sahaja. Akhirnya seramai 120 orang sampel yang terdiri daripada 60 orang lelaki dan 60 orang perempuan akan di pilih dalam senarai intervensi untuk skor praujian dan posujian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi mengelak bias persampelan, para pembuat teori penyelidikan sains sosial telah menentukan saiz sampel. Bilangan sampel seramai lebih kurang 15 orang diperlukan bagi setiap kumpulan untuk kajian berbentuk kuasi eksperimen (Creswell, 2008). Oleh sebab itu bilangan sampel berjumlah 120 orang digunakan dalam kajian ini. Berdasarkan penanda melalui instrumen IRSLD, 30 orang pelajar lelaki dan 30 perempuan dipilih bagi menjalani rawatan kelompok menggunakan modul KKPR di lokasi bandar dan 30 pelajar lelaki dan 30 pelajar perempuan lagi menjalani rawatan kelompok KKPR lokasi luar bandar.

Jadual 4.4

Bilangan sampel Mengikut Kelompok dan Gender

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KELOMPOK	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
Rawatan Bandar(RB1)	15	15	30
Rawatan L.Bandar(RLB2)	15	15	30
Kawalan Bandar(KB3)	15	15	30
Kawalan L.Bandar(KLB4)	15	15	30
Jumlah	60	60	120

Dalam Jadual 4.4 berikutnya ditunjukkan pemilihan sampel kajian kuasi eksperimental dan bilangan yang terlibat. 15 lelaki dan 15 perempuan bandar; 15 lelaki dan 15 perempuan luar bandar dipilih bagi tujuan menduduki rawatan. Manakala 15 lelaki bandar dan 15 perempuan bandar; 15 lelaki luar bandar dan 15 perempuan luar bandar adalah kelompok kawalan dan tidak menerima rawatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan skor IRSLD, sampel diagihkan kepada dua kelompok berdasarkan teknik rawak secara berpasangan (*pair random sampling*) satu kelompok rawatan dan satu kelompok kawalan. Langkah ini diambil untuk memastikan kesemua kelompok mempunyai ciri-ciri sampel yang setara dan bilangan yang sama.

Jadual 4.5

Pemilihan Kelompok Bimbingan Sampel Kajian

Kelompok	Pra		Pos
Kelompok Rawatan (KRL)	U1	X1	U2
Kelompok Rawatan (KRP)	U1	X1	U2
Kelompok Kawalan(KKL&KKP)	U1		U2

Jadual 4.5 menunjukkan kelompok rawatan dan kelompok kawalan yang terlibat dalam kajian ini. Kajian ini mengandungi satu pemboleh ubah tak bersandar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iaitu intervensi kelompok. Intervensi kelompok dibahagikan kepada tiga iaitu kelompok rawatan (KRL), kelompok rawatan (KRP) dan kelompok kawalan lelaki dan perempuan (KKL dan KKP). Manakala gender terdiri daripada lelaki dan perempuan. Kelompok kawalan tidak menerima sebarang intervensi dalam tempoh masa kajian ini dijalankan. Intervensi akan diberikan kepada kelompok kawalan tersebut setelah proses pengumpulan data selesai dilakukan. Praujian (U1) dan posujian (U2) dijalankan bagi mengukur pemboleh ubah-pemboleh ubah bersandar iaitu, motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi untuk melihat kesan intervensi terhadap pembolehubah tersebut. Seterusnya kelompok rawatan yang berteraskan kepada pendekatan KKPR adalah gagasan yang digunakan sebagai asas teori dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Intervensi kelompok dibahagikan kepada tiga iaitu kelompok rawatan (L), kelompok rawatan (P) dan kelompok kawalan. Gender pula terdiri daripada lelaki dan perempuan. Empat kelompok intervensi dalam kalangan sampel salah laku disiplin menerima intervensi menggunakan KKPR yang berasingan iaitu kelompok rawatan R1 (L) bandar, kelompok rawatan (P) bandar, kelompok rawatan (L) luar bandar, kelompok rawatan (P) luar bandar menerima intervensi dan kelompok kawalan (L) dan (P) bandar dan luar bandar tidak menerima sebarang intervensi dalam tempoh masa kajian ini dijalankan. Intervensi akan diberikan kepada kedua-dua kelompok kawalan tersebut setelah proses pengumpulan data selesai dilakukan.

4.5 Alat Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebanyak enam alat kajian digunakan dalam kajian ini. Daripada enam alat kajian diasingkan kepada tiga bahagian. Alat-alat tersebut adalah seperti berikut.Bahagian A pernyataan tentang demografi dan instrumen ini disediakan mengikut urutan atau bilangan termasuk maklumat negeri, gender, lokasi dan bangsa. Manakala bahagian B adalah satu set instrumen salah laku disiplin berdasarkan Garis Panduan Pekeliling Disiplin Murid 1998 menyenaraikan lapan salah laku disiplin iaitu jenayah, kekemasan diri, ponteng, kurang sopan, abai masa, merosakkan harta benda, tidak jujur dan kelakuan lucah.Bahagian C ialah aspek psikologi iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi.

Semua instrumen bahagian A, B dan C digunakan dalam kajian awal adalah bagi memperihalkan fenomena salah laku disiplin pelajar sekolah sebagai mengesan sampel kajian eksperimen. Instrumen kajian awal ini juga digunakan dalam praujian dan posujian bagi mengukur kesan rawatan melalui kelompok bimbingan.

Bahagian A: Maklumat Demografi;

Maklumat demografi melibatkan gender, lokasi dan bangsa. Namun dalam kajian ini aspek yang dinilai ialah gender dan lokasi sahaja.

Bahagian B: Aspek Salah Laku Disiplin.

Bahagian ini menyediakan instrumen yang dibina bersama penyelia penyelidikan Prof. Madya Dr. Mohammad Nasir Bistamam dan AllahYarham Prof. Abdul Malik Abdul Rahman dengan melibatkan lapan subkonstruk salah laku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

disiplin. Lapan konstruk merujuk kepada Garis Panduan Baru (Peraturan-Peraturan Pendidikan: Disiplin Murid-1998). Kesemua kesalahan ini dianggap melanggar peraturan sekolah dan disiplin pelajar, seperti berikut:

1. Jenayah; (berjudi, mencuri, lawan/ancam/memukul/mencederakan guru, melawan/mengancam/memukul/mencederakan pengawas, peras ugut, membuli, menganggotai kumpulan haram/kongsi gelap, penyalahgunaan dadah, membawa senjata berbahaya, mencabul kehormatan, menceroboh bilik khas/asrama, mengedar dadah, tunjuk perasaan/ berpiket/ganggu ketenteraman dan bertaruh secara besar-besaran)

2. Kekemasan Diri; (berambut panjang/ fesyen rambut keterlaluan dan bertentangan dengan peraturan sekolah, berkuku panjang, bermisai dan berjanggut, memakai pakaian tidak ikut peraturan sekolah dan memakai barang-barang perhiasan yang dilarang ke sekolah).

3. Ponteng; (ponteng sekolah, ponteng kelas, ponteng perhimpunan, ponteng asrama, ponteng aktiviti kokurikulum).

4. Kurang sopan; (berkelakuan kasar terhadap guru, berkelakuan kasar terhadap pengawas, berkelakuan kasar terhadap murid, berbahasa kesat, menyimpan rokok, menghisap rokok, mengganggu pengajaran dan pembelajaran, tidak menghormati guru dan tidak menghormati pengawas).

5. Mengabaikan masa; (berkeliaran di kawasan sekolah, datang lewat ke sekolah, lewat ke perhimpunan, makan di kantin di luar waktu rehat dan lewat pulang ke asrama).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6. Merosakkan harta benda; (menulis kata-kata lucah dalam tandas, menconteng meja kelas, menendang pintu tandas, menendang pintu kelas, menconteng dinding tandas, merosakkan harta benda kantin, merosakkan harta benda pengetua, mengguris/mencalar kereta guru dan merosakkan harta benda rakan-rakan anda)

7. Tidak jujur; (bercakap tidak benar dengan kawan, bercakap tidak benar dengan guru, menipu wang dengan rakan sekolah, menipu wang dengan guru, bercakap tidak benar dengan rakan sekolah, memberikan jawapan yang tidak jujur kepada rakan kelas, tidak menyiapkan kerja rumah, bercakap tidak benar dengan pengetua dan berdolak-dalik dengan guru)

8. Kelakuan lucah; (bercumbu-cumbuan, berdua-duaan dengan berlainan jantina, berpeleseran dengan rakan berlainan jantina, berpegangan tangan dengan rakan berlainan jantina, menggunakan kata lucah, menggunakan isyarat lucah, perbualan lucah dalam telefon/mesej, membawa buku lucah ke sekolah dan mendatangkan gangguan seksual).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap lapan subkonstruk tersebut beberapa item dibina dengan keseluruhannya dinyatakan dalam Jadual 4.6:

Jadual 4.6

Bahagian (B): Konstruk Instrumen Salah Laku Disiplin Remaja Sekolah

Bil	Konstruk	Nombor Item
1	Jenayah	1,2,3,4,5,6,7&8
2	Kekemasan diri	9,10,11,12,13,14,15,16&17
3	Ponteng	18,19,20,21,22,23,24,25&26
4	Kurang sopan	27,28,29,30,31,32,33&34

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5	Abaikan masa	35,36,37,38,39,40&41
6	Merosakkan harta benda	42,43,44,45,46,47,48,49&50
7	Tidak jujur	51,52,53,54,55,56,57,58 &59
8	Berkelakuan lucah	60,61,62,63,64,65,66,67&68

Berdasarkan Jadual 4.6 subkonstruk jenayah item nombor 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7 & 8. Subkonstruk kekemasan diri 9 item iaitu nombor 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16 dan 17. Subkonstruk ponteng 9 item iaitu nombor 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25 dan 26. Subkonstruk kurang sopan 8 item iaitu nombor 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33 dan 34. Subkonstruk abaikan masa 7 item iaitu nombor 35, 36, 37, 38, 39, 40 dan 41. Subkonstruk rosak harta benda 9 item iaitu nombor 42, 43, 44, 45, 46, 47, 48, 49 dan 50. Subkonstruk tidak jujur 9 item iaitu nombor 51, 52, 53, 54, 55, 56, 57, 58 dan 59 dan kelakuan lucah 9 item iaitu nombor 60, 61, 62, 63, 64, 65, 66, 67 dan 68. Keseluruhan item yang diuji dalam aspek salah laku disiplin merangkumi 68 item. Arahan dengan membaca dengan teliti senarai salah laku di bawah. Seterusnya buat pilihan kekerapan anda lakukan salah laku tersebut dalam tempuh satu bulan (1 Bulan) yang lepas. Sila tandakan (√) pilihan anda pada bahagian berkenaan berdasarkan pernyataan berikut; Tidak Pernah (TP) = 1; Pernah 1 hingga 2 kali (1-2) =2; Pernah 3 hingga 4 kali (3-4) = 3; Pernah 5 hingga 6 kali (5-6) = 4 dan Pernah Lebih 7 kali (L7) = 5.

Bahagian C Instrumen Aspek Psikologi:

Aspek psikologi dalam bahagian ini iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi. Setiap jumlah dan item akan dijelaskan dalam Jadual 4.7:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7

Bahagian (C) Konstruk Instrumen Aspek Psikologi

Bil	Konstruk	Nombor Item
1	**Motivasi:**	
	Motivasi Extrinsik;	
	Tugasan mudah	6, 7, 8
	Bergantung kepada guru	13,14,15&16
	Motivasi Intrinsik;	
	Cabaran	1, 2, 3, 4 & 5
	Pembelajaran masteri	9,10,11,12
	Item Positif	1, 2, 3, 4, 5, 7, 8, 9, 10, 11,13, 15, 16
	Item Negatif	6, 12, 14
	Jumlah Item	**16**
2	**Asertif**	
	Hak saling menghormati	4, 6, 13& 18
	Hak saling berperasaan	1, 7, 8, 14 & 19
	Hak saling menyatakan tidak	3, 5, 11, 12 &17

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	Item Positif	2, 3, 5, 6, 7, 9 & 14
	Item negatif	1, 4, 8, 10, 11, 12 & 13
	Jumlah Item	**14**
3	**Empati**	
	Empati Perasaan	1,2,3,4,5,6,7,8,9,10,11,12,13,14,15,16,17,18,19,20,21,22 &23
	Item Positif	1, 3, 10, 14, 15, 17, 18, 20 & 22
	Item Negatif	2, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 11, 12, 13, 16, 19, 21, & 23
	Jumlah Item	**23**
4	**Harga Diri**	1,2,3,4,5,6,7,8,9&10
	Item Positif	1, 2, 4, 6, 7 & 8
	Item Negatif	3, 5, 9 & 10
	Jumlah Item	**10**
5	**Kecerdasan Emosi:**	
	Keupayaan Mengurus Emosi Diri;	6, 7, 8 & 10
	Mengurus emosi dengan orang lain (Kemahiran Sosial);	2, 5, 9, 11 & 14
	Kebolehan mengurus emosi orang lain.	1, 3, 4, 12& 13
	Item Positif	1, 2, 3, 4, 6, 7, 8,9, 10, 11, 12, 13 & 14
	Item Negatif	5
	Jumlah Item	**14**

Dalam Jadual 4.7 menunjukkan instrumen dan item-item yang diuji meliputi bahagian A, B dan C. Item-item positif dan negatif ditunjukkan berdasarkan perincian dalam Jadual 4.5. Aspek Demografi dua sahaja iaitu gender dan lokasi, salah laku disiplin keseluruhan ialah 68 item dan aspek psikologi ialah 77 item. Kesemua instrumen IRSLD ialah 149 item.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.1 Instrumen Motivasi

Soal selidik motivasi intrinsik dan ekstrinsik asalnya telah dibangunkan oleh Harter (1981) dan telah diaplikasikan oleh Lepper, Corpus, dan Iyengar (2005) dalam kajian mereka sebagai instrumen kajian. Soal selidik bagi menentukan aras motivasi intrinsik danmotivasi extrinsik pelajar ini sebenarnya mempunyai 33 item. Daripada jumlah keseluruhan 33 item ini, motivasi intrinsik mempunyai 17 item soalan iaitu 6 item soalan bagi cabaran, 6 item soalan untuk perasaan ingin tahu dan 5 item soalan bagi pembelajaran masteri. Manakala motivasi extrinsik mempunyai 16 item soalan, di mana 6 item soalan untuk tugasan mudah, 4 item soalan untuk pengaruh guru, dan 6 item soalan untuk bergantung guru. Soal selidik yangdigunakan bagi mengukur motivasi intrinsik dan extrinsik ini telah mempunyai kesahan sebagai alat pengujian kerana telah dihasilkan oleh Harter (1981) yang pakar dalam bidang motivasi intrinsik dan motivasi extrinsik. Nilai kebolehpercayaan instrumen ini ialah .90.

Menggunakan item soal selidik yang sedia ada, Khairuddin (2010) telah menterjemah item-item soal selidik ini ke dalam Bahasa Malaysia. Selepas item dibersihan/disingkirkan dilakukan menjadikan 32 item sahaja. Nilai kebolehpercayaan soal selidik ini ialah alpha .66. Daripada 32 item motivasi instrinsik 16 item yang mengandungi subkonstruk cabaran, 6 item soalan, perasaan ingin tahu 5 item soalan bagi pembelajaran masteri ialah 5 item. Manakala motivasi ekstrinsik mempunyai 16 item soalan, di mana 6 item soalan untuk tugasan mudah, 4 item soalan untuk pengaruh guru, dan 6 item soalan untuk bergantung kepada guru ialah 6 item.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini pengkaji hanya mengukur konstruk motivasi instrinsik (cabaran dan pembelajaran masteri). Manakala motivasi ekstrinsik (tugasan mudah dan bergantung kepada guru). Setelah adaptasi dilakukan Instrumen motivasi extrinsik dan intrinsik ini mempunyai 16 item sahaja. Daripada jumlah keseluruhan item ini, motivasi extrinsik mempunyai tujuh item, tiga item tugasan mudah dan empat item bergantung kepada guru. Manakala motivasi intrinsik mempunyai sembilan item iaitu lima item soalan bagi aspekcabaran dan empat item pembelajaran masteri. Instrumen yang digunakan bagi mengukur motivasi extrinsik dan intrinsik ini mempunyai 16 item. 13 item positif dan tiga item negatif. Item positif (item nombor 1, 2, 3, 4, 5, 7, 8, 9, 10, 11, 13, 15, dan 16) dan item negatif (item nombor 6, 12, dan 14) Teknik mengimbangi pernyataan positif dan negatif ini membantu mengawal kesan-kesan bias (*acquiescence*) sampel yang tidak diingini (Mehrabian, 2000). Berdasarkan saranan panel pakar, pengkaji telah membuat beberapa pengubahsuaian kecil supaya bersesuaian dengan lokasi dan budaya tempatan.

Skala item motivasi extrinsik dan intrinsik dalam kajian ini menggunakan item instrumen yang sedia ada. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan skala item motivasi extrinsik tugasan mudah mempunyai tiga item (item nombor 6, 7, dan 8) dan lima item motivasi extrinsik bergantung kepada guru(item nombor 13, 14, 15, dan 16). Manakala motivasi intrinsik cabaran mempunyai lima item (item nombor 1,2,3,4 dan 5)dan empat item motivasi intrinsik pembelajaran masteri (item nombor 9, 10, 11, dan12) dengan lima skala likert iaitu 1- sangat tidak setuju, 2- tidak setuju, 3-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kurang setuju 4-setuju dan 5- sangat setuju. keseluruhan item motivasi menunjukkan bilangan item 1 hingga 16 menunjukkan nilai alpha .845. Jika nilai kebolehpercayaan yang rendah dan perlu disingkir daripada instrumen soal selidik. Soalselidik hanya akan diterima jika nilai kolerasi alfa .65 hingga .95 (Chua, 2006b).

4.5.2 Instrumen Asertif

Instrumen yang dibangunkan oleh Nevid dan Rathus (1978) adalah bertujuan untuk mengukur tahap ketegasan di kalangan pelajar-pelajar kolej dan orang-orang dewasa. Sebenarnya keseluruhan jumlah soal selidik awal ini mempunyai 30 item. Setiap item dalam sola selidiknya mempunyai 6 alternatif tindak balas, 'sangat banyak seperti saya', ‘bukan seperti saya', 'sedikit seperti saya', 'sedikit tidak seperti saya,' agak tidak seperti saya 'dan' sangat sama seperti saya'. Item yang dikira ke arah positif atau negatif dan jumlah skor adalah dikira. Lebih tinggi jumlah skor, lebih tinggi ketegasan. Kebolehpercayaan ujian-retest skala alpha 0.78.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Abudullah (2005), menggunakan instrumen ini dalam kajiannya. Subkonstruk asertif iaitu hak saling menghormati, hak saling berperasaan, hak saling melakukan kesilapan, hak saling menyatakan “tidak’ dan hak saling bertanya dan berkomunikasi. Keseluruhan item dalam kajian Abdullah (2005) ialah 30 item. Hasil sebenar kebolehpercayaan bagi soal selidik tingkah laku asertif ialah 0.70. Ini bermakna kebolehpercayaan bagi soal selidik yang digunakan dalam kajian Abdullah adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berada dalam paras yang boleh diterima. Tindak balas item positif dan item negetif dijumlahkan. Jumlah item positif di tolak dengan jumlah item negetif. Nilai yang diperoleh akan menggambarkan tahap asertif sampel. Skor di antara -90 hinggga dengan skor yang menghampiri 0 menunjukkan tahap asertif yang tinggi. Setiap soalan menggunakan skala likert lima. Prosedur skala likert ini akan menghasilkan satu skor yang akan mewakili kedudukan dan darjah kesukaan terhadap objek. Skala Likert diberi pemarkatan dalam bentuk lima skala likert iaitu tidak benar sama sekali (1), tidak benar (2), sebahagian benar sebahagian tidak benar (3), benar (4) dan sangat benar (5).

Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan soal selidik asertif berdasarkan kajian Abdullah (2005) iaitu subkonstruk hanya hak saling menghormati, hak saling berperasaan dan hak saling menyatakan tidak sahaja. Pengkaji melakukan adaptasi berdasarkan keperluan dan situasi berdasarkan kehendak dan kesesuaian dengan tempat kajian. Skala pengukuran instrumen asertif mengandungi 19 item keseluruhannya. Setelah berlaku pembersihan hanya 14 item diuji dalam kajian ini. Di samping itu juga berlaku penambahbaikkan oleh pengkaji iaitu skala likert diberi pemarkatan dalam bentuk sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2), kurang setuju (3), setuju (4) dan sangat setuju (5). Kesemua item asertif diklasifikasikan kepada item positif dan negatif. Setiap soalan menggunakan skala likert lima markat. Prosedur skala likert ini akan menghasilkan satu skor yang akan mewakili kedudukan dan darjah kesukaan terhadap objek.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Item-item dalam alat kajian diteliti oleh pengkaji dan digunakan sebagai panduan. Bagi menentukan kebolehpercayaan item-item ini, program Pekali *cronbach alpha* dibuat penambahbaikan oleh pengkaji menggunakan kaedah mesyuarat jawatankuasa atau dikenali sebagai pendekatan perbincangan kelompok (*committee approach*) sepertimana yang dianjurkan oleh Brislin, Lonner dan Thorndike (1973). Penambahbaikan dilakukan bertujuan untuk memantapkan alat kajian dan kesesuaiannya dengan keperluan kajian, tahap pemikiran dan perspektif psikologi sampel yang dikaji serta bertepatan dengan budaya tempatan. Bagi tujuan ini pengkaji telah melibatkan satu jawatankuasa yang terdiri daripada tiga orang pakar bidang psikologi kaunseling. Mereka berbincang dan menentukan item tepat berdasarkan budaya tempatan dan keperluan kajian. Menurut Brislin dan rakan-rakan (1973), kaedah ini memberikan lebih kepercayaan dan kompetensi dalam penterjemahan semula sesuatu alat kajian. Di antara beberapa ayat dalam item yang distrukturkan semula;

Item 1. 'Saya yakin dan tidak mahu membuat temujanji' ditukar kepada 'saya tidak suka membuat temujanji'.

Item 2. 'Saya terus mengadu kepada pelayan kedai itu jika makanannya tidak memuaskan' ditukar kepada 'Apabila makanan tidak memauskan, saya terus mengadu kepada pelayan kedai itu'.

Item 4. 'Saya sukar mengatakan 'tidak mahu beli" setelah juru- jual itu bertukus-lumus menerangkan tentang barangan jualan yang tidak berapa sesuai' ditukar kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

'Saya sukar menolak apabila jurujual menerangkan barangannya walaupun ia tidak sesuai untuk saya'

Bilangan item dalam instrumen telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu item positif dan item negatif. Dapatan konstruk asertif dengan nilai *alpha* .82. Ini bermakna kebolehpercayaan bagi instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berada dalam paras yang boleh diterima. Bagi menentukan kebolehpercayaan penggunaan instrumen, kaedah pengujian kebolehpercayaan *alpha cronbch* digunakan. *Alpha cronbch* ialah koefisyen kebolehpercayaan yang digunakan menunjukkan ketekalan dalaman atau keseragaman soalan (Sidek Mohd Noh, 1998). Ia juga menunjukkan kekuatan elemen dalam satu set soalan berkaitan antara satu sama lain. Semakin rapat *alpha cronbach* dengan angka 1.00 bermakna semakin tinggi tahap kebolehpercayaan. Tahap kebolehpercayaan instrumen yang ditetapkan ada pada 0.6.

Susunan item-item positif dan negatif yang ditunjukkan seperti berikut; Item positif 2, 3, 5, 6, 7, 9, dan 14. Item negatif 1,4, 8, 10, 11, 12, dan 13. Skala likert diberi pemarkatan dalam bentuk, sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2), setuju (3), kurang setuju (4) dan sangat setuju (5).

4.5.3 Instrumen Empati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi tujuan mengukur skala empati pengakaji menggunakan soal selidik skala empati perasaan seimbang (*Balanced Emotional Empathy Scale-BEES*). Instrumen ini dihasilkan oleh Albert Mehrabian (1996). Keseluruhan dalam Instrumen ini mempunyai 30 item yang mengukur empati emosi. Instrumen ini boleh ditadbir kepada kumpulan atau individu, umur 15 atau lebih tua. Instrumen menunjukkan bahawa BEES mempunyai ketekalan dalaman yang baik dan kebolehpercayaan ujian-retest, $\alpha = 0.87$, $r = 0.77$ (Mehrabian, A.1996).

Alat ini telah digunakan dalam kajian Abdul Malik (2004). Abdul Malik telah menterjemahkan instrumen ini ke dalam Bahasa Melayu dengan menggunakan panel pakar. Instrumen ini mengandungi 30 item dengan 15 pernyataan positif dan 15 pernyataan negatif. Alat kajian BEES ini mempunyai kesahan positif yang tinggi, iaitu .77 apabila dikorelasi dengan skala empati yang lain, iaitu *Emotional Empathie Tendency Scale* (Mehrabian dan Epstein 1972). Instrumen (BEES) ini mempunyai kesan positif yang tinggi, iaitu .77 (Abdul Malik, 2004). Menurut Mehrabian (1997) *Coefficient* alpha ketekalan dalaman BEES adalah .87. Terdapat banyak kajian yang menyokong kesahan skala BEES (Chlopan, Mc Cain, Carbonell & Hagen 1985; Mehrabian, Young & Sato, 1988). Justeru kesahan dan kebolehpercayaannya ditentukan menerusi kajian rintis nilai yang diperoleh adalah .787 (seperti lampiran). Skala dalam kajian ini ialah lima likert iaitu, sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2), setuju (3), kurang setuju (4) dan sangat setuju (5). Sepanjang tinjauan Malik, alat BEES ini belum pernah ditadbir dalam kontek budaya Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji menggunakan alat kajian yang telah digunakan dalam kajian Abdul Malik (2004). Pengkaji telah menggugurkan 7 daripada 30 item tersebut setelah pembersihan dilakukan. Dalam kajian ini, keseluruhan instrumen mengandungi 23 item dengan 9 item pernyataan positif. Persetujuan terhadap item positif menunjukkan empati yang tinggi. Baki 14 item lagi mengandungi pernyataan negatif, gerak balas tidak bersetuju terhadap item ini menunjukkan empati yang tinggi. Item positif terdiri daripada item; 1, 3, 10, 14, 15, 17, 18, 20 dan 22. Manakala item negatif diwakili oleh item; 2, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 11, 12, 13, 16, 19, 21 dan 23. Jumlah skor bagi setiap sampel diperoleh dengan mengambilkira gerak balas terhadap skor rendah item-item negatif dan skor tinggi bagi item-item positif seseorang itu. Jumlah skor yang besar menunjukkan responden mempunyai empati perasaan yang tinggi. Kajian rintis dijalankan lagi dan nilai alphaempati ialah .78.

4.5.4 Instrumen Harga Diri (*Self Esteem*)

Dr. Florence Rosenberg merupakan pengasas dalam kaedah pengukuran *self-esteem*.Beliau telah mencipta beberapa soalan untuk mengukur *self-esteem* dalam kalangan pelajar.instrumen beliau mengandungi 4 item jawapan dari sangat bersetuju hingga tidak bersetuju dan mengandungi 10 soalan. Skala ini menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi walau pun telah diuji beberapa kali. Ini telah menarik minat beberapa sarjana lain untuk menggunakan kaedah Rosenberg dalam mengukur *self-esteem*. Rosenberg dan beberapa pengkaji lain telah menggunakan skala Guttman yang didapati mempunyai kadar bebolehpercayaan yang tinggi iaitu Rosenberg tidak menunjukkan titik potong diskret untuk membezakan yang tinggi dan rendah harga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diri. Para penyelidik menganggap skor 15-25 adalah normal. Skala ini diketahui umumnya mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan ujian korelasi *retest* dalam lingkungan .82 hingga .88, dan *alpha Cronbach* untuk pelbagai sampel dalam julat 0,77-0,88.

Berdasarkan kajian ini, pengkaji mengukur harga diri dengan menggunakan Skala Soal Selidik Rosenberg (1965). Soal selidik *Self-Esteem Scale* (RSE) ini terdiri daripada 10 item yang menunjukkan perasaan seseorang tentang dirinya. 10 soalan skala likert meminta peserta untuk bertindak balas dengan salah satu daripada lima pilihan, dari "sangat tidak setuju" kepada "sangat setuju." Skor yang tinggi dalam kajian ini menunjukkan bahawa peserta merasakan bahawa dia adalah orang yang bernilai dan layak diri. Skor yang rendah pada skala ini menunjukkan perasaan diri penolakan, merasakan diri rasa tidak puas hati, dan menghina diri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Instrumen harga diri dalam kajian ini menggunakan item instrumen yang sedia ada dalam Bahasa Inggeris.Oleh sebab sampel sasaran kajian ini lebih memahami bahasa Melayu maka terjemahan kepada bahasa Melayu perlu dilakukan. Terjemahan menggunakan kaedah *back translation* seperti yang dianjurkan oleh Brislin (1970) dilakukan. Bagi tujuan terjemahan ini pengkaji melibatkan satu jawatan kuasa terdiri daripada dua orang panel pakar bahasa Melayu dan dua orang pakar bahasa Inggeris dan seorang panel pengkhususan bidang Psikologi Kaunseling. Pemilihan panel pakar ini dibuat oleh pengkaji atas kepercayaan bahawa mereka dapat memilih dan menghalusi penggunaan tatabahasa, laras bahasa dan struktur ayat dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyampaikan maksud sebenar yang dikehendaki. Kriteria panel pakar ini berdasarkan perlantikan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia.

Proses penterjemahan dimulakan oleh dua orang panel pakar bahasa Inggeris menterjemah kepada versi bahasa Melayu selepas itu versi bahasa Melayu ini diterjemah pula ke dalam bahasa Inggeris. Setelah selesai kumpulan panel ini duduk berbincang untuk membuat penyelarasan dan pengubahsuaian. Setelah itu, hasil terjemahan dikaji oleh seorang pensyarah Psikologi Kaunseling untuk menyemak dan memastikan terjemahan tersebut bertepatan dengan kontek asal item dari perspektif psikologi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan komen dan cadangan mereka, pengkaji memperbaiki setiap item yang perlu dan menyemaknya semula. Akhirnya instrumen ini diuji dalam satu ujian rintis yang melibatkan pelajar tingkatan dua. Selanjutnya lapan pelajar tingkatan dua dipilih secara rawak dan ditemu bual untuk mendapatkan pandangan mereka tentang kefahaman dan kejelasan arahan dan ayat-ayat yang digunakan dalam soal selidik tersebut.Tindakan ini dapat mengelakkan wujudnya item-item yang tidak jelas atau kabur. Pembaikan dilakukan terhadap kekaburan yang dihadapi pada item alat kajian tersebut.

Berdasarkan saranan panel pakar, pengkaji telah membuat beberapa pengubahsuaian kecil terhadap contoh lokasi dan aras pengetahuan supaya bersesuaian dengan lokasi dan budaya tempatan. Terdapat sedikit perbezaan di dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

soal selidik yang asal. Soal selidik asal menggunakan skala likert yang mempunyai 4 skala likert. Dalam kajian ini Soal selidik *Self-Esteem Scale* (RSE) dimurnikan kepada 5 likert.

Kaedah yang sama digunakan iaitu pengkaji menggunakan kaedah mesyuarat jawatankuasa atau dikenali sebagai pendekatan perbincangan kelompok (*committee approach*) sepertimana yang dianjurkanoleh Brislin, Lonner dan Thorndike (1973). Penambahbaikan dilakukan bertujuan untuk memantapkan alat kajian dan kesesuaiannya dengan keperluan kajian, tahap pemikiran dan perspektif psikologi sampel yang dikaji serta bertepatan dengan budaya tempatan. Bagi tujuan ini pengkaji telah melibatkan satu jawatankuasa yang terdiri daripada tiga orang pakar bidang psikologi kaunseling. Mereka berbincang dan menentukan penterjemahan item tepat berdasarkan budaya tempatan dan keperluan kajian. Menurut Brislin dan rakan-rakan (1973), kaedah ini memberikan lebih kepercayaan dan kompetensi dalam penterjemahan semula sesuatu alat kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Item 1. ‘Saya rasa saya seorang yang bernilai, sekurang-kurangnya saya sama dengan orang lain’ ditukar kepada ‘Saya ada nilai diri, sekurang-kurangnya sama seperti orang lain’ (*I feel that I'm a person of worth, at least on an equal plane with others)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Item 2. ‘Saya rasa saya mempunyai beberapa kualiti yang baik’ titukar kepada ‘Saya rasa saya ada beberapa keistimewaan’.*(I feel that I have a number of good qualities).*

Item 3. ‘Semua dalam perkara, saya cenderung untuk merasakan bahawa saya gagal’ ditukar kepada ‘Saya selalu gagal apabila melakukan sesuatu’.*(All in all, I am inclined to feel that I am a failure).*

Nilai *alpha* harga diri melalui kajian rintis ialah .776. Menurut Chua (2006b) penggunaan pekali cronbach alpha dapat menentukan antara skor-skor item dengan skor indeks bagi instrumen kajian. Item-item yang mempunyai nilai yang tinggi akan dapat menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi. Instrumen hanya akan diterima jika nilai kolerasi alfa .65 hingga .95 (Chua, 2006b).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini pengkaji menggunakan lima skala likert keseluruhan item harga diri dengan lima skala likert iaitu 1- sangat tidak setuju, 2- tidak setuju, 3- kurang setuju 4- setuju dan 5- sangat setuju. Manakala item yang diuji terdiri daripada enam item positif dan empat item negatif. Item nombor 1, 2, 4, 6, 7, dan 8 ialah item positif dan item negatif ialah nombor 3, 5, 9, dan 10.

4.5.5 Instrumen Kecerdasan Emosi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bar-On (1996) mendefinisikan model kecerdasan emosi yang telah diperkenalkannya sebagai satu keupayaan yang berkaitan dengan emosi dan pengetahuan sosial yang mempengaruhi kemampuan seseorang untuk menghadapi cabaran-cabaran persekitarannya dengan berkesan. Model kecerdasan emosi merangkumi lima aspek utama, iaitu kesedaran terhadap diri (*Selfawareness*), keupayaan mengurus emosi diri (*Selfregulation*), Toleransi Tekanan, Kebahagiaan dan kemahiran sosial.Alat kajian Bar-On (1996) ini telah mengesahkan kajiannya di Afrika Selatan menunjukkan kesan yang tinggi dengan regresi korelasi mencapai 0,78di Belanda, 0,75 Israel dan 0,80 Amerika,. Model kecerdasan emosi ialah keupayaan mengurus emosi diri (Self-Regard), (87 ke 95), keupayaan mengurus emosi diri (*Self-actualization*) (92-102), Toleransi Tekanan (97 hingga 102), Realiti-Testing (97 hingga 109) dan Kebahagiaan (93 hingga 100). Tindak balas kepada item ini menggunakan skala 5 likert.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji telah menggunakan instrumen ini dalam kajian ini. Kaedah yang sama menggunakan (*back translation)* seperti yang dianjurkan oleh Brislin (1970) iaitu pengkaji menggunakan pendekatan perbincangan kelompok (*committee approach*) sepertimana yang dianjurkan oleh Brislin, Lonner dan Thorndike (1973). Penambahbaikan dilakukan bertujuan untuk memantapkan alat kajian dan kesesuaiannya dengan keperluan kajian, tahap pemikiran dan perspektif psikologi sampel yang dikaji serta bertepatan dengan budaya tempatan. Bagi tujuan ini pengkaji telah melibatkan satu jawatankuasa yang terdiri daripada tiga orang pakar bidang psikologi kaunseling. Mereka berbincang dan menentukan penterjemahan item tepat berdasarkan budaya tempatan dan keperluan kajian. Menurut Brislin dan rakan-rakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(1973), kaedah ini memberikan lebih kepercayaan dan kompetensi dalam penterjemahan semula sesuatu alat kajian.

Pengkaji mengukur kecerdasan emosi kepada tiga model kecerdasan sahaja iaitu kesedaran terhadap diri (s*elf awareness*), Keupayaan mengurus emosi diri (*self regulation*) dan kemahiran sosial *(social skill)* sahaja. Secara keseluruhan empat item soal selidik (item nombor 6, 7, 8, dan 10) ialah keupayaan mengurus emosi diri (s*elf regulation*) terbina atas sebab kesedaran terhadap diri, emosi danniat. Individu yang dapat mengawal emosinya mampu melaksanakan sesuatu tugas dengan mudah (Chan & Rodziah, 2012). Lima item iaitu nombor 2, 5, 9, 11 dan 14) ialah kemahiran sosial melibatkan kebolehan mengurus emosi orang lain dalam perhubungan dengan berkesandan sentiasa bersedia dengan situasi-situasi sosial serta interaksi yang mesra dengan orang lain. Lima item iaitu nombor 1, 3, 4, 12, dan 13 ialah kebolehan mengurus emosi orang lain. Item positif dalam soal selidik kajian ini ialah item nombor 1, 2, 3, 4, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, dan 14 manakala instrumen item negatif ialah nombor item 5. Berdasarkan rintis keseluruhan item kecerdasan emosi dengan nilai alpha ialah .726. Konstruk ini menggunakan lima skala likert iaitu 1- sangat tidak setuju, 2- tidak setuju, 3- kurang setuju, 4- setuju dan 5- sangat setuju.

4.6 Kajian Rintis Alat Kajian

Tujuan kajian rintis ini adalah untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen IRSLD iaitu bahagian A ialah demografi, B Salah Laku Disiplin dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahagian C aspek Psikologi. Seperti yang telah dihuraikan sebelumnya, ketiga-tiga bahagian instrumen ini telah dinilai oleh enam orang panel pakar dengan tujuan mendapatkan respons terhadap kesahan setiap item. Selanjutnya instrumen ini ditadbir pula kepada sekumpulan pelajar tingkatan dua sekolah menengah dengan tujuan untuk mendapatkan respons mereka terhadap kebolehpercayaan setiap item item instrumen berkenaan.

Alat kajian ini ditadbir kepada sekumpulan pelajar sekolah menengah dengan tujuan untuk mendapatkan respons mereka terhadap kebolehpercayaan setiap item instrumen berkenaan. Seramai 30 orang, 15 pelajar lelaki dan 15 perempuan dijadikan sampel dalam kajian rintis ini. Pelajar-pelajar yang dipilih sebagai sampel kajian dipilih daripada populasi yang hamper menyamai ciri-ciri sampel kajian sebenar. Nilai alpha instrumen IRSLD ialah 0.94.

4.7 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen

Kesahan sesuatu instrumen kajian adalah merujuk kepada sejauh mana instrumen tersebut dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur (Tuckman, 1988; Wiersma, 2000). Instrumen dalam kajian bahagian B (soal selidik salah laku berdasarkan pekeling 1998 dibina sendiri berdasarkan panel kelompok) manakala soal selidik bahagian psikologi motivasi (Khairuddin, 2010); asertif (Abdullah, 2005); empati, Abdul Malik, 2004); harga diri soal selidik Rosenberg(1965) sedia ada dalam bahasa Inggeris (*back translation)*dan kecerdasan emosi Bar-On (1996) juga sedia ada dalam bahasa Inggeris (*back translation).*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji menggunakan penilaian panel pakar seramai enam orang bagi tujuan menentukan kesahan instrumen IRSLD tersebut. Instrumen ini mendapat kesahan yang tinggi. Menurut Mohd Najib (1999) alat tersebut dapat mengukur semua isi serta kandungan bidang yang dikaji dengan berkesan. Kesahan kandungan sesuatu alat ukuran bergantung kepada skop dan objektif bidang yang dikaji. Perkara ini disokong Alias (1992); Creswell (2002, 2005, 2010); Pallant (2001); Tuckman (1999) menyatakan kesahan sesuatu instrumen merujuk kepada sejauh manakah sesuatu instrumen mengukur apa yang sepatutnya diukur.

Alat ukur IRSLD dikatakan mempunyai kesahan kandungan yang tinggi sekiranya keesahan sesuatu instrumen tersebut dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur. Untuk menguji keesahan instrumen IRSLD dan keesahan pakar digunakan iaitu dengan mendapatkan pekali keesahan berdasarkan purata daripada skor kumulatif yang diperoleh daripada penilaian dan komennya boleh digunakan. Kaedah seperti ini pernah digunakan oleh Lahmudin (2003), Abdul Malek (2004), dan Mohammad Nasir (2006).

Kaedah tersebut menggunakan satu set borang penilaian bagi mendapat kritikan dan penilaian setiap item oleh panel pakar. Respon kepada instrumen ini adalah berdasarkan kepada sepuluh mata pilihan 1 hingga 10 terhadap semua item positif dan negatif. Menurut Najib (1999), enam hingga sembilan orang pakar adalah memadai untuk penilaian tersebut. Kajian ini penyelidik telah menetapkan enam pakar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam bidang kaunseling daripada tiga buah universiti tempatan yang dipilih untuk membuat penilaian ke atas instrumen tersebut iaitu terdiri daripada pakar. Kaedah penggunaan pengesahan pakar ini pernah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji peringkat phd seperti Kamaruzaman Moidunny (2013); Md Noor (2012) dan Abdullah (2015). Khidmat pakar yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

Pakar 1 : Prof. Dr. Najib Ahmad Marzuki, (UUM-CAS),
Pakar 2 : Prof. Dr. Noor Aniza Ishak, (UUM-CAS),
Pakar 3 : Prof. Emiretus Dato' Dr Amir Awang, (KUIN-INSANIAH),
Pakar 4 : Prof. Madya Dr. Ahmad Jazimin Jusoh, (UPSI),
Pakar 5 : Dr Azmi Shaari, (UUM-CAS),
Pakar 6 : Dr. Md Noor Saper, (UPSI).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berhubung IRSLD dan kandungannya skala bagi penilaian ialah sepuluh mata pilihan iaitu 1 (sangat tidak setuju) hinggalah 10 (sangat setuju). Bagi menentukan tahap kesahan kandungan modul, maka jumlah skor yang telah diisi oleh pakar (x) akan dibahagikan dengan jumlah skor sebenar (y) dan didarabkan dengan seratus. Sesuatu instrumen itu mempunyai kesahan kandungan yang tinggi apabila memperoleh 70% dan dianggap telah menguasai atau mencapai tahap pencapaian yang tinggi (Tuckman, 1988; Abu Bakar, 1995; Sidek & Jamaluddin, 2005).

4.7.1 Proses Kesahan Instrumen Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu instrumen kajian merupakan asas keyakinan terhadap sesuatu hasil penyelidikan (Patrick & Beery, 1991; Mohd Majid 1990; Sidek 2002)). Pengkaji perlu memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen tersebut sebelum digunakan dalam kajian sebenar.

Melalui kajian ini pengkaji hanya menggunakan dua kaedah untuk menetapkan kesahan instrumen kajian, iaitu menggunakan penilaian panel pakar dan menggunakan korelasi setiap item dengan keseluruhan item melalui pengiraan korelasi pearson dengan darjah signifikan para aras alpha .05.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesahan sesuatu instrumen merujuk kepada sejauh mana alat itu menghasilkan respons gagasan yang diukur. Menurut Creswell, (2010); Pallant, (2001); Siti Rahayah, (2003). Sesuatu instrumen tersebut dikatakan mempunyai kesahan yang tinggi jika darjah kebolehannya mengukur apa yang sepatutnya diukur (Mohd Majid 1990). Kesahan merujuk kepada sejauh mana alat itu berupaya mengukur apa yang sepatutnya diukur. Terdapat pelbagai cara untuk menentukan kesahan sesuatu instrumen kajian, seperti kesahan kandungan dan kesahan kriteria yang berhubung dengan keputusan pengukuran dari luar *(concurrent and predictive vadility)* dan kesahan gagasan digunakan untuk melakukan inferens daripada gagasan yang tersembunyi. Untuk mendapat kesahan kandungan *(content vadility)* kajian ini menggunakan kaedah *'external criticism'* iaitu dengan berdasarkan purata daripada min skor terkumpul yang diperoleh daripada penilaian beberapa orang panel pakar dalam bidang berkenaan (Mohd Najib, 1999).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.8

Penilaian Pakar Terhadap Kesahan IRSLD

Bil	Pernyataan/Subkonstruk	Penilaian pakar						Skor (%)
		1	**2**	**3**	**4**	**5**	**6**	
1	Jenayah	7	8	8	9	9	9	83.3
2	Kekemasan Diri	7	8	8	9	9	9	83.3
3	Ponteng	7	8	9	9	9	9	85.0
4	Kurang Sopan	7	8	8	9	9	9	83.3
5	Abaikan Masa	8	8	8	9	9	8	83.3
6	Merosakkan Harta Benda	8	8	9	9	9	9	86.7
7	Tidak Jujur	8	8	9	9	9	9	86.7
8	Kelakuan Lucah	8	8	9	9	9	9	86.7
	Aspek psikologi:							
9	Motivasi	7	8	9	9	9	8	83.3
10	Asertif	8	8	9	9	9	8	85.0
11	Empati	8	8	9	9	9	8	85.0
12	Harga Diri	9	8	9	9	9	8	86.7
13	Kecerdasan Emosi (EQ)	9	8	9	9	9	8	86.7

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keseluruhan Peratusan Kesahan = 600 ÷ 600 x 100 = 100% (jumlah skor bahagikan dengan skor sebenar dan darab dengan seratus)

Berdasarkan Jadual 4.8, hasil penilaian enam orang pakar yang telah dijalankan oleh pengkaji ke atas IRSLD didapati penilaian kesahan pakar mendapati skor konstruk jenayah, kekemasan diri, kurang sopan dan abai masa ialah 83.3%, ponteng 85.0% dan rosak harta benda, tidak jujur dan berkelakuan lucah ialah 86.7%. Aspek psikologi skor terendah ialah motivasi 83.3%, diikuti asertif dan empati 85.0% seterusnya harga diri dan kecerdasan emosi 86.7%. Berdasarkan penilaian pakar didapati keseluruhan skor memperoleh peratusan yang tinggi bagi setiap konstruk yang dinilai. Dapatan ini membuktikan item-item ini sangat sesuai bagi menjalankan kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala nilai kesahan IRSLD berdasarkan skor purata, peratusan skor purata dan pekali kesahan ditunjukkan dalam Jadual 4.9:

Jadual 4.9

Nilai Kesahan Instrumen IRSLD

Bil	Subkonstruk	Bil Item	Skor Purata	% Skor Purata	Pekali kesahan
1	Jenayah	8	79	98.75	.987
2	Kekemasan Diri	9	87	96.66	.967
3	Ponteng	9	89	98.88	.989
4	Kurang Sopan	8	77	96.25	.962
5	Abaikan Masa	7	64	91.42	.914
6	Merosakkan Harta Benda	9	81	90.00	.900
7	Tidak Jujur	9	81	90.00	.900
8	Kelakuan Lucah	9	89	98.88	.989
	Aspek Psikologi				
9	Motivasi	16	134	83.75	.837

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

10	Asertif	14	121	86.42	.864
11	Empati	23	195	84.78	.848
12	Harga Diri	10	85	85.00	.850
13	Kecerdasan Emosi	14	130	92.85	.928
	Keseluruhan	1450	1312	91.82	.918

Jumlah Skor Purata = 1,193.64 ÷ 13 item = 91.82
Koefisien kesahan = 91.82 ÷ 10 = 0.918 = .918

Menurut Najib (1999), keesahan sesuatu instrumen tersebut dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur. Untuk menguji keesahan instrumen IRSLD, keesahan pakar digunakan iaitu dengan mendapatkan pekali keesahan berdasarkan purata daripada skor kumulatif yang diperoleh daripada penilaian dan komennya boleh digunakan. Kaedah seperti ini pernah digunakan oleh Lahmudin (2003), Abdul Malek (2004), dan Mohammad Nasir (2006). Pekali kesahan berdasarkan enam panel didapati nilai kesahan instrumen IRSLD ialah .918 seperti dalam Jadual 4.8.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7.2 Menguji Kesahan Kandungan

Menurut Anastasi (1982) keesahan sesuatu instrumen kajian adalah merujuk kepada sejauh mana instrumen tersebut dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur. Untuk menguji keesahan Inventori Salah Laku Disiplin, kaedah pengkritik luar iaitu dengan mendapatkan pekali keesahan berdasarkan purata daripada skor kumulatif yang diperoleh daripada penilaian dan kritikan panel pakar telah digunakan (Mohd Najib 1999). Kaedah seperti ini pernah digunakan oleh Lahmudin (2003), Abdul Malek (2004), Mohammad Nasir (2006) dam Md Noor (2012). Kaedah pengkritik luar (*external criticism*) digunakan untuk tujuan tersebut. Satu set borang penilaian telah disediakan bagi mendapatkan kritikan dan penilaian setiap item oleh panel pakar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Respon kepada soal selidik ini adalah berdasarkan kepada sepuluh mata pilihan 1 hingga 10 terhadap semua item positif dan negatif. Menurut Mohd Najib (1999), enam hingga sembilan orang pakar adalah memadai untuk membuat penilaian tersebut.

4.7.3 Kebolehpercayaan Instrumen Remaja Salah laku Disiplin (IRSLD)

Jadual 4.8 menggambarkan nilai pekali kebolehpercayaan bagi Instrumen Remaja Salah Laku Disiplin (IRSLD) yang merangkumi bahagian A, B dan C. Keseluruhan item dalam bahagian fenomena salah laku selepas item dibersihkan menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan yang melebihi 0.60 Semua subkonstruk menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan yang tinggi. Kerlinger (1979) menyatakan nilai kebolehpercayaan yang baik bagi sesuatu konstruk bagi sesuatu instrumen adalah nilai α melebihi 0.6 pada aras signifikan adalah 0.05.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Anastasi (1982) kebolehpercayaan sesuatu instrumen kajian adalah merujuk kepada ketekalan dalaman sesuatu instrumen atau kebolehanan sesuatu instrumen itu mengukur sesuatu fenomena secara tekal walaupun ditadbirkan secara berlainan. Nilai kebolehpercayaan instrumen IRSLD diuji dengan menggunakan teknik *alfa cronbach* kerana teknik ini dikatakan sesuai digunakan bagi menilai instrumen berskala likat. Nilai kebolehpercayaan yang baik bagi sesuatu konstruk bagi sesuatu instrumen adalah mempunyai nilai α melebihi 0.6 pada aras kesignifikanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

.05 (Cresswell 2005, 2010; Pallant 2001; Sekaran 1992). Namun, nilai α yang terbaik bagi sesuatu konstruk untuk sesuatu instrumen adalah melebihi 0.7. Nilai *cronbach alpha* ini merumuskan bahawa item mempunyai kebolehpercayaan yang baik dan boleh diguna pakai seperti yang dinyatakan oleh Mohd Majid (1990), Pallant (2001), Sekaran (1992) dan Siti Rahayah (2003). Berdasarkan ujian rintis yang telah dijalankan oleh penyelidik ke atas instrumen IRSLD yang digunakan didapati 0.920 adalah melebihi 0.7 sebagaimana yang telah ditetapkan.

Kajian ini mendapati nilai kebolehpercayaan instrumen IRSLD iaitu lapan salah laku disiplin telah diuji. Manakala aspek psikologi iaitu motivasi yang telah dibangunkan oleh Harter (1981) dan telah diaplikasikan oleh Lepper, Corpus, dan Iyengar (2005), asertif diperolehi daripada *Rathus Assertiveness Schedule* Rathus dan Nevid, (1986), empati skala empati perasaan (*Balanced Emotional Empathy Scale-BEES*) yang dibina oleh Albert Mehrabian (2000), digunakan dalam kajian Malik (2004), Nilai kebolehpercayaan instrumen ini 0.83 (Malik, 2004). Harga diri dengan menggunakan skala soal selidik Rosenberg (1965) dengan nilai kebolehpercayaan instrumen ini (*retest)* dalam lingkungan .82 hingga .88, (Rosenberg,1965) dan terakhir kecerdasan emosi yang dibina oleh Bar-On (1996), nilai kebolehpercayaan 0.80 (Buss & Perry, 1992). Keseluruhan instrumen ini juga akan diuji semula dengan menggunakan teknik *alfa cronbach* untuk memantapkan lagi alat ujian.

Alat kajian ini dilakukan pengubahsuaian dan penambahbaikkan bersesuaian dengan kehendak kajian. Kaedah *alfa cronbach* diasaskan kepada model ketekalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalaman yang cuba melihat aras konsisten dalaman yang cuba melihat aras konsisten dalaman yang dipunyai oleh instrumen yang diuji. Ia juga menunjukkan bahawa item dalam ujian itu mengukur satu konsep (Sapora, 2007). Nilai pekali kebolehpercayaan subkonstruk ditunjukkan sebagaimana dalam Jadual 4.10.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.10

Nilai Kebolehpercayaan Bagi Subskala Instrumen Salah laku Disiplin Remaja(IRSLD)

Bil	Subskala	Bilangan Item Sebelum	Nilai α	Bilangan Item Selepas	Nilai α
1	Salah Laku Disiplin	72	0.908	68	0.920
2	Motivasi	20	0.835	16	0.849
3	Asertif	19	0.816	17	0.821
4	Empati	30	0.776	23	0.787
5	Harga Diri	10	0.726	10	0.726
6	Kecerdasan Emosi	15	0.704	14	0.726

* Nilai kesignifikanan pada aras .05

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya dalam jadual 4.10 menunjukkan nilai kebolehpercayaan item salah laku disiplin adalah 0.920, dapatan ini menunjukkan nilai yang baik kerana nilai alpha melebihi 0.60 (Ahmad Jazimin, 2011; Mohd Noor, 2013). Hal ini dapat dilihat secara kontinum dari paling baik hingga baik iaitu subkonstruk salah laku disiplin remaja bernilai 0.920, diikuti dengan subkonstruk seterusnya motivasi mencatatkan nilai pekali kebolehpercayaan 0.849, asertif bernilai 0.821, empati nilai kebolehpercayaan adalah 0.787. Harga diri mencatatkan nilai pekali 0.726, dan yang terakhir nilai pekali kebolehpercayaan subkonstruk kecerdasan emosi ialah 0.726. Pernyataan di atas menerangkan data-data dianalisis sebelum dan selepas dimurnikan. Nilai *alpha* yang baik ini menunjukkan item-item dalam subkonstruk sesuai dijawab oleh sampel yang terlibat iaitu pelajar yang berumur lengkongan 14 tahun.

4.7.4 Kajian Rintis Modul (KKPR)

Kajian rintis berkaitan modul KKPR dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan kualiti dan mutu modul yang akan digunakan. Sesuatu modul boleh dikatakan draf sekiranya ianya masih belum ditentuakan kesahan dan kebolehpercayaan (Sidek & Jamaluddin, 2005). Di dalam kajian rintis, pengkaji akan melihat kesesuaian kandungan yang telah ditentukan di samping aktiviti-aktiviti, kesesuaian bahasa yang digunakan, kesesuaian media dan aspek-aspek yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7.5 Menentukan Kesahan Modul

Kesahan digunakan untuk mengukur ketepatan sesuatu ukuran yang bertujuan untuk memastikan sama ada ukuran atau indikator yang digunakan mengandungi semua ciri-ciri atau gagasan yang harus ada dalam konsep yang diukur (Anastasi, 1982; Sabitha, 2006). Kesahan modul merujuk kepada ketepatan konsep dan kandungan sesuatu modul. Menurut Russel (1974), kesahan modul bagi sesuatu modul penilaian kesahan hendaklah mempunyai lima perkara iaitu; a) menepati sasaran populasi, b) situasi pengajaran atau kaedah perlaksanaan modul adalah bersesuaian, c) masa yang diperuntukkan untuk menjalankan atau kaedah perlaksanaan modul adalah mencukupi, d) modul berjaya menyebabkan berlakunya peningkatan pencapaian pelajar dalam aspek yang disasarkan, dan e) modul berjaya mengubah sikap pelajar ke arah yang lebih baik. Ini bermakna kesahan modul mestilah mengandungi ciri-ciri berkenaan.

Sesuatu alat ukuran dianggap sama maksud dengan modul. Ini adalah kerana alat ukuran dan modul merupakan alat, sumber, bahan yang menjadi panduan kepada seorang pembina modul untuk mendapatkan pelbagai maklumat dan data berkaitan dengan kajian dan penyelidikanyang akan dilakukan (Sidek & jamaluddin, 2005). Kesahan sesuatu modul akan menggambarkan sejauh mana hasil yang sepatutnya dicapai. Ini bermakna modul yang mempunyai kesahan yang tinggi akan menghasilkan pencapaian mengikut objektif yang ingin diukur olah pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesahan modul KKPR akan dapat mengumpul data yang merangkumi kandungan modul yang sewajarnya ada di dalam modul berkenaan. Kesahan kandungan modul dianggap baik sekiranya ia dapat mengukur semua isi kandungannya dengan berkesan. Untuk menentukan kesahan sesuatu alat ukuran atau modul, kaedah yang boleh digunakan ialah dengan meminta maklum balas dan pandangan pakar (Mohd Majid, 2000).

Di dalam kajian ini terdapat dua kaedah kesahan yang dijalankan iaitu kesahan muka dan kesahan kandungan oleh pengkritik luar *(external criticisme)*. Kaedah kesahan modul kajian oleh Mohammad Aziz Shah (2010), dalam pembinaan modul peningkatan konsep kendiri; Ahmad Jazimin et. al. (2011), dalam pembinaan modul kaunseling kelompok CTRT; kajian pembinaan modul motivasi untuk pelajar sekolah menengah oleh Jamaludin dan Nurul Fatin (2011), juga pembinaan modul MBTN untuk pelajar sekolah menengah oleh Md Noor (2012), turut menggunakan kaedah ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sungguhpun modul KKPR telah dibina oleh Mohammad Nasir, semakan dari aspek kefahaman modul dan ketepatan bahasa dan kesesuaian dengan lokasi akan dilakukan lagi. Bagi memastikan ketepatan bahasa bahasa, kefahaman modul dan kesesuaian lokasi, ianya disemak oleh dua orang kaunselor sekolah terlebih dahulu. Setelah disemak dan diperbaiki berdasarkan cadangan yang diberikan, ia diserahkan kepada seorang pakar bahasa yang dilantik bagi membuat semakan, cadangan dan membaiki struktur ayat, kefahaman serta istilah dalam KKPR. Berdasarkan cadangan pakar bahasa, pengkaji membuat pembaikan semula.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesahan kandungan KKPR oleh pengkritik luar (*external criticisme*) pula dilakukan melalui pengesahan pakar untuk melihat kandungan dan aplikasi kelompok secara menyeluruh. Dua kaedah telah digunakan iaitu; a) pengesahan berdasarkan kaedah Russel (1974) yang mempunyai lima pernyataan mengenai kesahan modul, dan b) kesahan dari segi pembahagian konstruk (sesi) dan subkontruk (aktiviti dalam sesi). Enam orang pakar telah dipilih berdasarkan kepakaran mereka dalam bidang psikologi, bimbingan dan kaunseling, pembina modul, dan sebagai ahli akademik. Perkara ini sejajar dengan proses kesahan modul yang dilakukan oleh Mohammad Aziz Shah (2010) serta Ahmad Jazimin dan rakan-rakan (2011), di mana mereka telah melantik enam hingga sembilan orang pakar untuk membuat penilaian terhadap konstruk modul dan item kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji telah menyediakan satu salinan lengkap KKPR yang mengandungi pengenalan, objektif umum modul, asas teori, kandungan keseluruhan dan lampiran-lampiran modul yang disediakan untuk diteliti dan dinilai serta diberi cadangan oleh panel pakar. Satu set instrumen kesahan kandungan modul berdasarkan pandangan Russel (1974), juga diberi kepada pakar untuk menentukan tahap isi kandungan modul KKPR. Kajian ini, penyelidik telahmenetapkan enam pakar dalam bidang kaunseling daripada tiga buah universiti tempatan yangdipilih untuk membuat penilaian ke atas modul dan instrumen tersebut iaitu; Profil panel pakar adalah seperti dalam Jadual 4.11

Jadual 4.11

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Senarai Nama Pengesahan Penilaian Item

Bil	Profil Ringkas	Institusi	Bidang Kepakaran
1	Prof. Dr. Najib Ahmad Marzuki, Dekan (UUM-CAS).	UUM	Pembinaan Modul
2	Prof. Dr. Noor Aniza Ishak,Ketua Jabatan (UUM-CAS)	UUM	Psikologi dan Kaunseling
3	Prof. Emiretus Dato' Dr Amir Awang, Pensyarah Pusat Pengajian dan Perkhidmatan Kaunseling dan Psikologi	KUIN	Psikologi dan Kaunseling
4	Prof. Madya Dr. Ahmad Jazimin Jusoh. Pensyarah Fakulti Pendidikan &Pembangunan Manusia	UPSI	Psikologi dan Kaunseling & pembinaan modul
5	Dr Azmi Shaari, Pensyarah Kanan (UUM-CAS)	UUM	Psikologi dan kaunseling
6	Dr. Md Noor Saper, Pensyarah Kanan Fakulti Pendidikan & Pembangunan Manusia	UPSI	Pembinaan Modul

Berdasarkan Jadual 4.11, enam orang panel pakar dipilih dari tiga buah universiti tempatan bagi melakukan penilaian terhadap modul KKPR. Tiga orang panel dari UUM dua orang dari UPSI dan seorang daripada KUIN terlibat dalam penilaian ini. Mereka mempunyai kepakaran tertentu iaitu tiga orang panel mahir dalam bidang psikologi dan kaunseling dan tiga lagi kepakaran dalam pembinaan modul. Kaedah pengggunaan pengesahan pakar ini, juga digunakan oleh pengakaji-pengkaji lain iaitu Abdullah (2015), Md Noor (2012) dan Mahzam (2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Skala bagi penilaian ini ialah sepuluh mata pilihan iaitu; 1 (sangat tidak setuju) hingglah 10 (sangat setuju). Untuk menentukan tahap kesahan kandungan modul, maka jumlah skor yang telah diisi oleh pakar (x) akan dibahagikan dengan jumlah skor sebenar (y) dan didarabkan dengan seratus. Sesuatu modul itu mempunyai kesahan kandungan yang tinggi apabila memperoleh 70% dianggap telah menguasai atau mencapai tahap pencapaian yang tinggi (Tuckman, 1988; Abu Bakar, 1995; Sidek & Jamaludin, 2005). Formula berkenaan adalah seperti berikut:

$$\frac{\text{Jumlah Pakar (x)}}{\text{Jumlah Skor Sebenar (y)}} \times 100\% = \text{Tahap Penguasaan Kesahan Kandungan}$$

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12

Penilaian Pakar Terhadap Tahap Kesesuaian Sesi dan Aktiviti KKPR

Bil	Kelompok REBT	Aktiviti	Penilaian Pakar						Skor	%
			1	2	3	4	5	6		
1	Pra Sesi	Memilih Ahli-ahli Kelompok	5	8	8	9	9	9	47	78.3
		Mentadbir Instrumen IRSLD (pra ujian)	10	8	9	9	9	9	54	90.0
		Memilih Ahli berdasarkan Skor	5	8	8	8	10	9	48	80.0
		Memisahkan Ahli kepada kelompok rawatan	10	8	9	8	9	10	54	90.0

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2	Tahap 1 Perkenalan Kelompok dan Membina Hubungan	Aktiviti 1 Rantai Nama	9	8	9	8	10	10	54	90.0
		Kita Serupa tapi Berbeza	9	8	9	9	9	10	54	90.0
		Membina Etika Kelompok	9	8	9	9	9	10	54	90.0
3	Tahap 2 Mentaksir masalah Diri dan Situasi	Aktiviti 4 -Graf Kehidupan	9	8	8	8	10	8	51	85.0
4	Tahap 3 Menyedia kan ahli	Aktiviti 5 Mereka yang Bermakna	10	8	8	8	9	9	52	86.7
5	Kelompok Untuk Proses Terapi	Aktiviti 6 Mengenali REBT	10	8	9	8	10	9	54	90.0
6	Kelompok Untuk Proses Terapi	Aktiviti 7 Analisis Rasional	9	8	9	8	9	8	51	85.0
7	Tahap 4 Melaksanaka n Program Rawatan	Aktiviti 8 Mencabar Sistem Pemikiran Tidak Rasional	9	8	9	9	10	8	53	88.3
8	Tahap 4 Melaksanaka n Program Rawatan	Aktiviti 9 Menyemak Tugasan	9	8	9	9	9	8	52	86.7
9	Tahap 5 Mengatur Strategi Sokongan (perancangan rawatan- sesi 6&7)	Aktiviti 10 Siapa Saya 10 Tahun akan Datang	10	8	8	8	9	9	52	86.7
		Aktiviti 11 Tangga Matlamat	10	8	8	8	9	8	51	85.0
10	Tahap 6 Penilaian dan Penamatan	Aktiviti 1 Ucapan salam Terakhir	10	8	9	8	9	9	53	88.3
		Aktiviti 2 Rumusan	10	8	9	8	10	9	54	90.0
11	Menduduki Ujianpos	Mentadbir Instrumen IRSLD	8	8	9	8	10	9	52	86.7

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keseluruhan tahap peratusan kesesuaian sesi dan aktiviti yang dijalankan dalam modul kaunseling kelompok KKPR = (Jumlah keseluruhan bahagi dengan Jumlah Sebenar) darab dengan 100) - 1536.7÷1800 x 100 = 85.4% (Jumlah Skor)

Berdasarkan Jadual 4.12, menunjukkan peratusan keseluruhan sesi dan aktiviti modul KKPR melebihi 78.3% bagi setiap sesi dalam aktiviti. Peratusan minimum 78.3% adalah memilih ahli-ahli kelompok. Manakala patusan maksimum 90% bagi aktiviti mentadbir instrumen irsld (pra ujian), memisahkan ahli kepada kelompok rawatan, rantai nama, kita serupa tapi berbeza, membina etika kelompok, Mengenali REBT dan Aktiviti 2 iaitu rumusan. Ini bermakna tahap kesahan modul KKPR adalah boleh dipercayai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan daripada kesahan berdasarkan soal selidik kesahan kandungan modul Russel (1974) yang telah diubahsuai oleh jamaluddin (2002) untuk menentukan tahap isi kandungan modul KKPR adalah seperti berikut:

Jadual 4.13

Penilaian Pakar Terhadap Kesahan Kandungan Modul KKPR

Bil	Pernyataan	Penilaian Pakar						Skor	(%)
		1	2	3	4	5	6		
1	Kandungan modul ini menepatisasaran populasinya.	10	8	8	8	10	10	54	90.0
2	Kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan baik.	8	8	8	9	9	9	51	85.0
3	Kandungan modul ini bersesuaian	9	8	8	9	9	9	52	86.7

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	dengan masa yang diperuntukan.								
4	Kandungan modul ini boleh meningkatkan kesedaran terhadap salah laku disiplin pelajar.	9	8	8	8	9	9	51	85.0
5	Kandungan modul ini boleh mengurangkan salah laku disiplin pelajar.	7	8	8	9	10	9	51	85.0

Keseluruhan Peratusan Kesahan = 250 ÷ 5 =50 (jumlah skor)
= 50 ÷ 60 x 100 = 83.33%

Berdasarkan Jadual 4.13, menunjukkan peratusan minimum ialah 85.0%. Pernyataan kandungan ini boleh dilaksanakan dengan baik dan pernyataan kandungan ini juga bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan. Manakala peratusan maksimum ialah 90.0%. Pernyataan kandungan modul ini boleh meningkatkan motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi sampel kajian. Secara keseluruhan dapatan berkenaan menunjukkan kandungan modul KKPR ini adalah bertepatan dan bersesuaian dengan sasaran modul berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.14

Nilai Kesahan Kandungan Berdasarkan Penilaian Pakar

Pernyataan Berkaitan Sesi Kelompok/Sub Modul KKPR yang di Nilai	**Peratusan**	**Pandangan Pakar**
Kandungan modul ini menepati sasaran populasinya	90.0	Diterima
Kandungan modul ini boleh dilaksanakan dengan sempurna	85.0	Diterima
Kandungan modul ini bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan	86.7	Diterima
Kandungan modul ini boleh meningkatkan kesedaran terhadap salah laku pelajar	85.0	Diterima
Kandungan modul ini boleh mengurangkan salah laku pelajar	85.0	Diterima

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.14 menunjukkan nilai peratusan minimum ialah 85.0%. Manakala paratusan maksimum ialah 90.0%. Peratusan pernyataan kandungan modul ini akan dapat meningkatkan motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi sampel kajian. Secara keseluruhannya dapatan berkenaan menunjukkan kandungan modul KKPR ini diterima oleh panel pakar dan bersesuaian dengan sasaran modul berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15

Maklum Balas Penambahbaikan Modul Oleh Pakar

Pakar	Penambahbaikan
1	Keseluruhan ok
2	Keseluruhan ok, tapi berhati-hati sebab modul ini adalah kaunseling kelompok. Pastikan penulisan modul tidak sama dengan LDK (aktiviti). Pastikan pemilihan klien sesuai dengan kaunseling kelompok.
3	Keseluruhan modul ini didapati ia boleh digunakan bagi mencapai objektif kajian. Ada kesilapan menaip yang perlu dibaiki.
4	Apa bezanya modul ini berbanding dengan modul Nasir Bistamam dan Abdullah. Apa justifikasi kukuh dalam pembinaan modul ini. Modul ini boleh dilaksanakan
5	Amat sesuai berdasarkan aktiviti dalam modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6	Bersesuaian dan keseluruhannya modul boleh digunakan.

Jadual 4.15 menunjukkan komen yang dikemukakan oleh pakar, pemurnian modul telah dilakukan. Secara keseluruhannya berasaskan respos daripada pakar-pakar penilai terhadap aktiviti menunjukkan modul KKPR ini menepati objektif-objektif yang dinyatakan.

4.7.6 Menentukan Kebolehpercayaan Modul

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebolehpercayaan dikaitkan dengan konsistensi, ini bermakna sesuatu ujian dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya skor yang sama diperoleh daripada individu yang sama pada masa yang berbeza (Sidek, 2002). Menurut Mohammad Aziz Shah (2010), kebolehpercayaan modul merujuk kepada ketekalan dan kestabilan sesuatu modul di dalam merawat apa yang sepatutnya dirawat seperti di dalam objektif sesuatu modul. Pengujian kebolehpercayaan sesuatu modul boleh dilihat melalui sejauh manakah pelajar dapat mengikuti kandungan sesuatu modul berkenaan (Rusell, 1974).

Menurut Sidek dan Jamaludin (2005), kaedah menentukan kebolehpercayaan modul mempunyai persamaan dengan kaedah untuk menentukan kebolehpercayaan ujian atau alat ukuran. Hal ini kerana kedua-duanya merupakan alat yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dibangunkan khusus untuk tujuan tertentu. Untuk menguji nilai pekali kebolehpercayaan modul, kaedah membina soal selidik boleh dilakukan berdasarkan objektif sesuatu modul atau langkah-langkah pelaksanaan dalam modul berkenaan (Jamaludin & Sidek, 2005). Perkara ini dilakukan dalam kajian oleh Jamaludin (2007), terhadap pembinaan item kebolehpercayaan modul pemulihan dadah. memperoleh nilai pekali kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.960. Kajian oleh Mohammad Aziz Shah (2010) dalam pembinaan modul peningkatan konsep kendiri memperoleh nilai pekali kebolehpercayaan 0.838. Manakala kajian oleh Jazimin dan rakan-rakan (2011) dalam pembinaan modul kaunseling kelompok CTRT nilai pekali kebolehpercayaan 0.830. Md Noor (2012) memperoleh nilai pekali kebolehpercayaan 0.883.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, kaedah dalam membina item-item bagi menentukan kebolehpercayaan KKPR adalah berdasarkan kepada objektif-objektif pada setiap aktiviti yang terdapat dalam KKPR seperti saranan Jamaludin dan Sidek (2005); Md Noor (2012) dan Jamaludin (2007). Pemilihan berkenaan dibuat atas dasar pencapaian dan matlamat terhadap sampel akan tercapai apabila mereka memahami dan memenuhi sesuatu objektif yang telah digariskan di dalam modul berkenaan (Jamaludin, 2002; Mohd Ali, Sidek, Rusnani & Jamaludin, 2009).

Pengkaji telah menyediakan instrumen berdasarkan objektif-objektif untuk menguji kebolehpercayaan KKPR. Instrumen ini diisi oleh sampel setelah mereka mengikuti dan menghabiskan setiap aktiviti. Instrumen dianalisis bagi mendapatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

nilai kebolehpercayaan dengan menggunakan kaedah pekali *alpha cronbach*. Menurut Kerlinger (1979) dan Mohd Majid (2000), sekiranya nilai kebolehpercayaan yang diperoleh tinggi, paling minima 0.60, bermakna modul KKPR mempunyai tahap konsistensi yang baik. Sebaliknya, nilai kebolehpercayaan yang tidak mempunyai nilai 0.60, bermakna modul KKPR pada tahap konsistensi yang kurang baik dan perlu diperbaiki.

Dapatan pengujian kebolehpercayaan berdasarkan sesi dan aktiviti KKPR telah dijalankan ke atas pelajar menggunakan analisis *alpha cronbach* adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.16

Nilai Kebolehpercayaan Berdasarkan Sesi dan Aktiviti KKPR

Modul Utama	**Sub Modul**	**Nilai a**
SESI 1 Membina Hubungan	Aktiviti 1: Rantai Nama Aktiviti 2: Kenal Diri Aktiviti 3: Membina Etika Kelompok	0.916
SESI : 2 Mentaksir masalah diri dan situasi	Aktiviti 4: Graf Kehidupan	0.915
SESI: 3 Menyediakan ahli	Aktiviti 5: Mereka Yang	

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kelompok untuk Proses Terapi	Bermakna Aktiviti 6: Mengenali REBT	0.915
SESI: 4 Melaksanakan Program Rawatan	Aktiviti 7: Analisis Rasional	0.915
SESI: 5 Melaksanakan Program rawatan	Aktiviti 8: Mencabar Sistem Pemikiran Tak Rasional Aktiviti 9: Menyemak Tugasan	0.919
SESI: 6 Mengatur Strategi Sokongan – Perancangan Kerjaya	Aktiviti 10: Siapa Saya 10 Tahun Akan Datang	0.918
SESI: 7 Mengatur Strategi Sokongan – Perancangan Kerjaya (sambungan)	Aktiviti 11: Tangga Matlamat	0.918
SESI: 8 Sesi Penamatan	Aktiviti 12: Ucapan Salam Terakhir Aktiviti 13: Rumusan	0.921

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.16, menunjukkan keseluruhan nilai alpha bagi setiap sesi didapati nilainya sangat tinggi, ini menunjukkan modul ini sesuai digunakan dalam menjalankan aktiviti kelompok.

Proses penentuan kebolehpercayaan KKPR, telah dijalankan terhadap 30 orang pelajar tingkatan dua. Latar belakang pelajar adalah daripada sekolah harian, berpencapaian akademik sederhana di samping mempunyai rekod tingkah laku disiplin kategori salah laku berdasarkan laporan daripada unit disiplin sekolah berkenaan. Instrumen kebolehpercayaan modul diberikan kepada pelajar setelah mereka mengikuti setiap aktiviti dalam modul tersebut. Instrumen dianalisis bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapatkan nilai kebolehpercayaan dengan menggunakan kaedah pekali *alpha cronbach*.

Kajian rintis ini dijalankan kepada sasaran pelajar yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan sampel kajian sebenar. Sampel kajian rintis dalam kalangan pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Pokok Sena. Kaedah pemilihan sampel mendapat bantuan guru disiplin, kaunselor dan penolong kanan hem sekolah. 30 orang pelajar terlibat, 15 lelaki dan 15 perempuan. Sesi bimbingan berlaku selepas waktu persekolahan. Sesi bimbingan kelompok ini dijalankan oleh dua orang fasilitator yang dilantik dan telah diberi bimbingan TOT (*Train of trainer*). Dua orang ini merupakan kaunselor sekolah lulusan Ijazah Sarjana Muda Bimbingan dan Kaunseling dari universiti tempatan berpengalaman melebihi 10 tahun pengalaman sebagai seorang kaunselor sekolah. Malik (2004) dalam kajian kesan kaunseling kognitif ke atas tingkah laku langsang buli telah menggunakan kemahiran fasilitor bagi menjalankan sesi-sesi tersebut.

Proses sesi berlaku selama 10 kali pertemuan. Setiap pertemuan mengambil masa dua jam. Sesi dijalankan di bilik kaunseling sekolah tersebut. Nilai alpha ialah .922

Jadual 4.17

Kajian Rintis Modul

Nilai alpha	Jumlah Item	Bilangan sampel
.922	26	30

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan Jadual 4.17 sesi rintis kelompok bimbingan melibatkan 30 orang pelajar dengan 26 jumlah item yang dibina berdasarkan objektif modul dengan nilai alpha ialah .922.

4.8 Analisis Data

Analisis data kajian ini dilakukan ke atas dua kumpulan data. Pertama ialah kumpulan kajian awal/tinjauan berbentuk deskriptif berhubung fenomena salah laku disiplin pelajar yang diperoleh daripada lokasi sekolah bandar dan luar bandar. Kedua ialah kumpulan data kajian eksperimen bertujuan mengukur keberkesanan KKPR dalam merawat salah laku disiplin pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.8.1 Analisis Data Kajian Tinjauan

Analisis data kajian tinjauan (awal) dengan memproses gerak balas terhadap item-item IRSLD. Bagi tujuan ini data dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences – SSPS* versi 19.0 dan disesuaikan dengan objektif kajian. Terdapat sembilan objektif kajian tinjauan dalam kajian ini, iaitu melihat perbezaan salah laku dan psikologi mengikut gender, perbezaan salah laku disipin dan psikologi mengikut lokasi dan hubungan aspek psikologi dengan salah laku disiplin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan objektif kajian di atas data dianalisis dengan menggunakan statistik peratusan dan min.

4.8.2 Analisis Data Kajian Kuasi Eksperimen

Bagi menganalisis data kajian kuasi eksperimen ini, tumpuan diberikan kepada dua peringkat. Peringkat pertama melibatkan data pra kajian sahaja, manakala peringkat kedua melibatkan data pra kajian beserta pos kajian. Ujian *t-test* digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan di antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan pada peringkat pra kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh kerana kajian ini melibatkan ujian terhadap pemboleh ubah terikat secara praujian dan posujian, maka data praujian kajian dianalisis menggunakan statistik mancova *(multivariate analysis of covariance)*. Kajian ini pengkaji menggunakan dua jenis rawatan (kelompok rawatan bandar dan kelompok rawatan luar bandar serta kelompok rawatan berdasarkan gender (lelaki dan perempuan) ke atas pemboleh ubah terikat. Seterusnya ujian *post-hoc* jenis *tukey* digunakan untuk melihat sama ada terdapat perbezaan kesan rawatan di antara kelompok rawatan berdasarkan lokasi dan kelompok rawatan mengikut gender. Seterusnya analisis tred digunakan bagi memperlihatkan trend perubahan min skor bagi setiap pemboleh ubah terikat pada peringkat praujian dan posujian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini melibatkan ujian ke atas pemboleh ubah terikat peringkat pra kajian dan pos kajian. Menurut Huitema (1980), kajian yang berbentuk ujian pra dan pos sesuai dianalisis menggunakan statistik *mancova (analisis of covariance)* berbanding a*nova (Analisis of variance).* Menurut beliau *mancova* adalah lebih sesuai kerana ia mempunyai kuasa yang lebih tinggi dan ia mempunyai kekuatan mengurangkan bias yang wujud sebelum rawatan diberikan. Kajian ini pemboleh ubah pra rawatan adalah sebagai *covariate*, manakala pemboleh ubah pos rawatan adalah sebagai *variate*. Bagaimanapun merujuk kepada *Statistical Package for Sosial Sciences – x statistic Mancova* dianjurkan dalam menganalisis data yang digunakan *covariate (SSPS-X User's Guide,* 1988). Kajian ini semua pembolehubah peringkat pra dan posujian dianalsis menggunakan *mancova* pada aras signifikan .05.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis data kajian kuasi eksperimental juga disesuaikan dengan objektif kajian. Terdapat lima objektif kajian eksperimen dalam kajian ini, iaitu bagi mengukur; aspek psikologi terhadap perbezaan kelompok rawatan dan kelompok kawalan, kelompok rawatan dan kelompok kawalan mengikut gender dan lokasi, dan seterusnya perbezaan salah laku antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan mengikut gender dan lokasi.

4.9 Prosedur Menjalankan Kajian

Terdapat dua prosedur kajian iaitu kajian tinjauan dan kajian eksperimen.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.9.1 Prosedur Kajian Tinjauan

Kajian tinjauan merupakan satu jenis rekabentuk deskriptif bukan berbentuk eksperimen yang gemar digunakan oleh penyelidik dalam pendidikan. Tinjauan boleh dibezakan kepada deskriptif dan berbentuk korelasi. Tinjauan deskriptif boleh digunakan samada kajian kuantatif atau kualitatif. Biasanya bertujuan untuk memberi deskriptif tentang sesuatu sampel umpamanya dari segi peratusan, nisbah, tempat dan juga sampel yang menjawab soalan-soalan tinjauan. Keadaan ini berbeza dengan tinjauan korelasi yang menekankan kepada perkaitan antara pembolehubah. Pemboleh ubah perlu dikonseptualkan kepada bebas, bersandar dan kawalan (*covaraite*). Tinjauan korelasi adalah berdasarkan logik eksperimen (A. Aziz, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maklumat kajian awal ini melibatkan pelajar yang sedang belajar di sekolah-sekolah dalam bandar dan luar bandar di negeri Kedah. Pemilihan sampel dalam kajian ini dilakukan secara rawak bertujuan di sekolah-sekolah tersebut. Pengkaji menghubungi Jabatan Pelajaran Negeri untuk mendapatkan kebenaran menjalankan kajian di negeri tersebut dan seterusnya mengenal pasti personalia yang boleh membantu di sekolah-sekolah terlibat. Setelah personalia dikenal pasti maka surat lantikan dikeluarkan bagi melantik mereka untuk membantu mengedarkan instrumen kajian. Personalia yang dilantik adalah dalam kalangan guru sekolah yang terlibat. Pengkaji ke lokasi kajian dan membuat taklimat kepada personalia *(Enumerator)* dan membuat perancangan tentang mentadbir instrumen, pemilihan sampel kajian dan memungut instrumen.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.9.2 Prosedur Kajian Eksperimen

Proses intervensi dijalankan di bilik kaunseling kelompok di sekolah yang dipilih sebagai pusat kajian eksperimen. Pengkaji telah mendapatkan kebenaran daripada pengetua sekolah berkenaan untuk menjalankan kajian. Kelompok rawatan dikendalikan tiga orang kaunselor terlatih di sekolah berkenaan sebagai Fasilitator. Sehubungan itu surat lantikan sebagai fasilitator kajian untuk mengendalikan penyelidikan dikeluarkan. Sebelum kajian dilaksana, fasilitator kajian diberikan latihan khusus untuk mengendalikan model KKPR. Tindakan ini adalah bertujuan untuk mengelakkan bias terhadap kesan intervensi antara kelompok.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pelaksanaan kelompok rawatan melibatkan sepuluh sesi pertemuan. Fasilitator diberi kebebasan untuk memilih satu hari dalam seminggu waktu bekerja dan mengendalikan kelompok rawatan iaitu satu sesi pertemuan memakan masa dua jam. Kelompok rawatan dilaksanakan mengikut kesesuaian fasilitator dan tempoh selama sepuluh minggu berturut-turut.

Jadual 4.18

Penambahbaikan Kesahan Inventori Remaja Salah laku Disiplin (IRSLD)

Pakar	Penambahbaikkan
Pakar 1	Ulasan telah ditulis di samping item yang skornya kurang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	dari 6. Secara keseluruhannya item setiap subkonstruk memenuhi apa yang ingin diukur dan sebahagian item didapati bertindih. Arah tingkah laku lebih jelas supaya tiada kekeliruan, keseluruhan ok ucapan syabas diberikan
Pakar 2	Keseluruhan soalan mudah dan bersesuaian dengan budaya dan persekitaran kajian. Namun perlu pastikan responden memahami kehendak ayat yang dinyatakan
Pakar 3	Boleh diterima.keseluruhan ok soalan nombor 14 kurang jelas. Beberapa kenyataan tidak pasti untuk mengukur konstruk yang dikaji. Mengenai tingkah laku asertif kenyataan 7 kurang mencerminkan perasaan. Mengenai harga diri semuanya sesuai. Keseluruhan kenyataan ok.
Pakar 4	Ada ayat-ayat yang panjang dan tukar untuk diperincikan Pengkritik mencadangkan uji menggunakan FA atau Rash model.
Pakar 5	Keseluruhan diterima beberapa perkara perlu dibaiki semula dikuatiri *double bind*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pakar 6	Keseluruhannya, item memenuhi keperluan konseptual berdasarkan teori/modul berkaitan

Berdasarkan Jadual 4.18, seramai enam orang pakar telah memberikan komen yang berbeza-beza untuk meningkatkan lagi kesahan kandungan instrumen. Secara keseluruhannya, kesemua pakar seperti bersetuju dengan kandungan yang dihasilkan dengan cadangan penambahbaikan yang sesuai.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.10 Prosedur Menjalankan Intervensi

Prosedur menjalankan intervensi akan dihuraikan berdasarkan kepada beberapa perkara penting seperti dinyatakan:

4.10.1 Kebenaran Menjalankan Kajian

Sebelum melakukan kajian di lapangan, pengkaji telah membuat permohonan menjalankan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD) Kementerian Pelajaran Malaysia. Seterusnya pengkaji memohon kebenaran bertulis daripada Jabatan Pendidikan Negeri Kedah untuk mendapatkan kebenaran menjalankan kajian rintis dan kajian sebenar sekolah-sekolah berkaitan. Pengkaji memilih sekolah yang hampir memiliki ciri-ciri yang telah ditentukan seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

lokasi sekolah berada di kawasan bandar dan kawasan luar bandar, keadaan fizikal sekolah yang sesuai bagi menjalankan kajian di samping mendapat kerjasama dari pihak sekolah dan kaunselor yang membantu pengkaji menjalankan kajian.

Setelah kebenaran tersebut diperoleh, pengkaji telah melakukan lawatan ke sekolah berkenaan untuk berbincang dengan pihak pengurusan sekolah bagi menyatakan hasrat untuk menjalankan kajian di sekolah berkenaan. Seterusnya pengkaji bertemu dengan kaunselor sekolah untuk mendapatkan persetujuan awal untuk membantu melaksanakan kajian. Di samping itu, pengkaji meninjau bilik kaunseling serta kemudahan fizikal yang lain untuk kesesuaiannya lokasi sebagai tempat kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.10.2 Kelompok Rawatan

Kelompok rawatan adalah kumpulan yang menerima intervensi dalam bentuk kelompok bimbingan dengan menggunakan modul KKPR. Proses kelompok bimbingan dijalankan di bilik kaunseling sekolah yang dipilih. Kelompok bimbingan ini dijalankan secara kelompok kecil (15 orang satu kelompok) yang dipecahkan kepada dua kelompok. Kedua-dua kelompok ini akan dipecahkan mengikut gender masing-masing iaitu lelaki dan perempuan. Kelompok rawatan bandar terdiri daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

30 ahli lelaki dan 30 ahli perempuan, manakala luar bandar juga terdiri daripada 30 ahli lelaki dan 30 ahli perempuan. Sampel yang terlibat dengan eksperimen akan diminta untuk menandatangani surat persetujuan termaklum *(inform consent)*. Pemilihan sampel kelompok dalam kajian ini ditentukan berdasarkan skor terendah aspek psikologi berdasarkan instrumen IRSLD.

Rasional pemilihan sampel berdasarkan skor terendah memandangkan mereka layak dan sepatutnya menjalani sesi kelompok KKPR. Menurut Johnson dan Christensen (2000); Mohammad Nasir (2006), persampelan secara rawak betujuan dalam pengagihan kelompok sesuai dilakukan, sampel diagihkan kepada tiga kelompok berdasarkan teknik rawak bertujuan secara berpasangan (*pair random sampling*) yang terdiri daripada satu kelompok lelaki dan satu kelompok perempuan.

Jadual 4.19

Bilangan Sampel Kelompok Rawatan Mengikut Kelompok Dan Gender

KELOMPOK	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
Bandar	15	15	30
Luar Bandar	15	15	30
Jumlah	30	30	60

Jadual 4.19 menunjukkan kelompok-kelompok dalam kajian ini terdiri daripada kelompok lelaki (15 orang), kelompok perempuan (15 orang) bandar dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelompok lelaki (15 orang), kelompok perempuan (15 orang) luar bandar. Kelompok kawalan lelaki (15 orang) dan kelompok kawalan perempuan (15 orang). Pengagihanini dilakukan bagi memastikan kesemua kelompok mempunyai ciri-ciri dan bilangan sampel yang sama.Bagi menjalankan intevensi, faktor gender diasingkan dan diletakkan mengikut gender masing-masing. Menurut Wan Abdul Kader (1994), cara ini akan dapat mengukur keberkesanan rawatan bagi setiap individu berdasarkan kepada jenis kelompok rawatan secara lebih sempurna.

4.10.3 Kelompok Kawalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kelompok kawalan tidak menjalani rawatan. Kelompok kawalan juga diberi taklimat dan menjalani ujian pra dan ujian pos secara berasingan dengan kelompok rawatan. Bagi memenuhi etika penyelidikan, setelah data pos kajian lengkap dikumpulkan dari kesemua sampel, sesi kelompok KKPR akan dijalankan kepada kelompok kawalan pula. Matlamat dan prosedur yang sama seperti yang dilalui oleh kelompok rawatan turut diberikan kepada kelompok kawalan ini. Jadual 4.15, menerangkan perincian kelompok kawalan.

Jadual 4.20

Kelompok Kawalan Mengikut Gender dan Lokasi

KELOMPOK KAWALAN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
Bandar	15	15	30
Luar Bandar	15	15	30

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jumlah	30	30	60

Jadual 4.20, menunjukkan kelompok kawalan terdiri daripada 30 sampel iaitu 15 lelaki dan 15 perempuan bandar dan 15 lekaki dan 15 perempuan dari kelompok luar bandar. Keseluruhan sampel kelompok kawalan juga 60 orang.

4.10.4 Langkah-langkah Mengawal Pemboleh Ubah Luaran

Perkara utama dalam kajian eksperimen adalah untuk mengawal pemboleh ubah luaran agar sebarang perubahan kepada pembolehubah adalah disumbangkan oleh rawatan semata-mata (Campbell dan Stanley, 1963; Mokhtar, 2010). Eksperimen dianggap sah sekiranya keputusan yang diperoleh hanya disebabkan oleh pemboleh ubah bersandar yang dimanipulasikan. Kita perlu mengawal pemboleh ubah bersandar di samping mengawal kesan pemboleh ubah-pemboleh ubah *ekstranus* (Mohd Majid, 2000).

Untuk mengawal pemboleh ubah yang tidak berkaitan di dalam kajian kuasai eksperimen ini, beberapa langkah telah diambil:

a. Kelompok kawalan dijadikan sebagai kumpulan perbandingan.
b. Kedua-dua praujian dan posujian kelompok rawatan dan kelompok kawalan dijalankan secara serentak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Tempoh eksperimen dilakukan dalam tempoh tiga bulan. Di dalam tempoh berkenaan kelompok rawatan akan diberikan intervensi menggunakan modul KKPR manakala kelompok kawalan tiada sebarang intervensi. Di dalam tempoh berkenaan pihak sekolah bersetuju tidak akan mengadakan sebarang program intervensi kepada kedua-dua kelompok tersebut.
d. Peserta kajian dari kedua-dua kumpulan terdiri daripada sampel yang homogenus yang serupa dari segi umur, tahap kematangan, tingkatan di samping kategori masalah disiplin.
e. Rawatan diberikan pada waktu yang sama di luar sesi persekolahan bagi kumpulan lelaki dan perempuan dan kehadiran adalah diwajibkan.
f. Fasilitator yang mengendalikan intervensi menggunakan manual modul KKPR yang sama dan mematuhi segala langkah-langkah yang terdapat dalam modul berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

4.10.5 Pemilihan Dan Latihan Fasilitator

Pelaksanaan intervensi kelompok bimbingan berdasarkan modul KKPR dilakukan oleh tiga orang fasilitator sekolah berdaftar yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam memberi latihan kepada pelajar. Fasilitator ini telah diberikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

latihan oleh pengkaji secara *Training Of Trainers* (latihan untuk pelatih) berkaitan modul KKPR. Modul KKPR yang lengkap telah dibekalkan kepada mereka sebagai panduan utama dalam melaksanakan modul. Hal ini penting agar mereka menguasai sepenuhnya modul berkenaan dan perjalanan intervensi kedua-dua kumpulan ini dalam keadaan seimbang.

4.10.6 Perjalanan Kelompok Intervensi

Intervensi secara kelompok bimbingan ini telah dipecahkan kepada dua kumpulan iaitu kelompok pelajar lelaki dan kelompok pelajar perempuan. Ia juga telah dijalankan oleh fasilitator telah dilatih oleh pengkaji sendiri berdasarkan modul KKPR. Intervensi kelompok bimbingan ini telah dijalankan sebanyak sepuluh sesi di luar waktu persekolahan setelah dibincangkan dan dipersetujui oleh pihak pentadbir sekolah. Sebelum intervensi dijalankan, pengkaji telah melakukan praujian terlebih dahulu dan sebulan setelah eksperimen dijalankan, posujian pula dilakukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses intervensi menggunakan modul KKPR dijalankan selama 10 sesi. Sesi pertama merupakan pra sesi di mana penerangan dan perbincangan dilakukan. Sesi satu dan sesi dua lebih kepada membina hubungan dan berkenalan. Sesi tiga hingga kelima merupakan sesi perkembangan dan analisis diri. Sesi ketujuh dan kelapan adalah sesi pemantapan yang melibatkan masa hadapan. Manakala sesi kesepuluh adalah lebih kepada sokongan sosial dan penamatan.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada awal sesi, sampel akan diberi taklimat keperluan mengadakan kaunseling kelompok, perbincangan kesesuaian waktu pertemuan di samping mengisi borang termaklum. Sesi pertama lebih kepada berkenalan, membina hubungan dan menetapkan peraturan kelompok; ketiga menyedia klien untuk terapi; keempat menjalankan intervensi; kelima mengatur strategi sokongan; dan keenam penilaian dan penamatan.


4.10.7 Aliran Intervensi Kelompok

Proses intervensi dijalankan di lokasi bandar dan luar bandar. Seramai 120 sampel (60 lelaki dan 60 perempuan) dipilih dalam kalangan sampel kajian yang dikenal pasti berdasarkan skor rendah aspek psikologi berdasarkan IRSLD. Sampel kajian diagihkan kepada dua kelompok iaitu; Kelompok rawatan bandar (30 orang; 15 L dan 15 p) dan kelompok rawatan luar bandar (15 L dan 15 P) akan menjalani intervensi KKPR (30 orang; 15 L dan 15 P) bandar dan 30 orang (15 L dan 15 P) luar bandar adalah kelompok kawalan seperti dalam Jadual 3.10.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.9 Carta Aliran Pengagihan sampel Berdasarkan Kelompok dalam Proses Intervensi dan Pengumpulan Data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kelompok tumpuan intrapersonal. Kelompok tumpuan intrapersonal dilihat lebih mengutamakan proses terapi dan pemulihan. Di samping itu kelompok tumpuan intrapersonal memberi tumpuan pada masa lampau. Orientasi kelompok dilaksanakan secara tidak berstruktur. Oleh kerana tumpuannya kepada proses intrapersonal, ahli-ahlinya tidak ramai iaitu antara 5 hingga 15 orang. Namun jumlah pertemuan lebih banyak berbanding dengan kelompok tumpuan interpersonal iaitu antara 12 hingga 30 sesi atau lebih (Gladding, 1995).

Kajian ini modul KKPR lebih berorientasikan tumpuan intrapersonal iaitu bercirikan proses dengan menekankan aspek perkembangan yang menekan masa kini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan masa lampau. Oleh kerana kelompok bimbingan ini lebih menekankan kepada proses dan matlamat berbanding aktiviti dan tugasan, maka jumlah sesi adalah berdasarkan kepada keperluan proses tersebut (Gladding, 1995). Penyelidik menetapkan bilangan sesi pertemuan KKPR dalam kajian ini adalah sebanyak 10 sesi dan bilangan ahli seramai 15 orang bagi setiap kelompok.

Oleh kerana KKPRlebih melihat kepada proses, pengkaji telah menyediakan langkah-langkah dan isu-isu perbincangan tertentu pada setiap peringkat perkembangan. Ahli-ahli kelompok juga digalakkan membincangkan sesuatu isu dari sudut pandangan dan pengalaman berdasarkan matlamat yang telah dipersetujui bersama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.11 Tahap Perkembangan Dalam Proses Kelompok Kkpr

Terdapat enam tahap dalam perkembangan proses terapi kelompok dengan menggunakan pendekatan model KKPR, iaitu; i) membina hubungan; ii) mentaksir antara masalah, perorangan dan situasi; iii) menyedia klien untuk terapi; iv) menjalankan intervensi; v) mengatur strategi sokongan; dan vi) penilaian dan penamatan. Berikut adalah penjelasan umum tentang tahap perkembangan dan kajian-kajian lepas berkaitan keberkesanan dalam proses kelompok KKPR.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tahap 1: Membina Hubungan

Langkah asas dalam proses kelompok bimbingan adalah membina hubungan dan kepercayaan antara ahli-ahli dengan ketua serta antara sesama ahli dalam kelompok. Cara terbaik untuk membina kepercayaan klien berdasarkan REBT adalah dengan menyediakan suasana selamat seperti berikut;

i. Menyediakan suasana dan syarat-syarat penghargaan pada awal sesi.

ii. Menilai dan memerhatikan 'masalah sekunder' tentang kehadiran mereka menyertai kelompok seperti; tidak bersemangat, memerlukan bantuan atau kerisauan dalam menghadiri kelompok.

iii. Menunjukkan cara kepada mereka tentang langkah awal untuk memungkinkan perubahan kepada mereka dan meyakinkan bahawa melibatkan dalam kelompok memungkinkan mereka untuk mencapai matlamat tersebut.

Melalui fasa bina hubungan ahli kelompok dapat berinteraksi dengan lebih intem dengan tujuan dapat mengenali ahli kelompok dengan lebih dekat. Ahli cuba memberi pendedahan kendiri dengan harapan memelihara etika yang dipersetujui bersama.

Melalui sesi bina hubungan, ahli kelompok berkongsi pelbagai pengalaman yang dilalui. Perkongsian tentang diri, keluarga dan jenis-jenis kesalahan yang telah berlaku memerlukan tahap kepercayaan dalam kelompok. Pada tahap ini adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terlalu awal untuk mendapatkan kejelikitan, namun diharapkan kecerdasan emosi ahli dapat membantu sesi kelompok melakukan perkongsian dengan baik. Tempoh masa dan perkongsian isu-isu dan seterusnya mampu memberi kepuasan kepada ahli kumpulan (Noorhafeza & Ferlis, 2010).Slaski dan Cartwright (2002) turut menyatakan bahawa dalam proses membina hubungan, kecerdasan emosi akan mempengaruhi cara seseorang individu menguruskan kadar tekanan dalam diri ketika menjalankan tugas dalam kelompok.

Murray (1998) menyatakan, kecerdasan emosi merupakan satu kebolehan untuk mengekang perasaan atau emosi negatif seperti marah dan ragu-ragu dalam kumpulan serta memfokuskan kepada perasaan positif seperti keyakinan diri. Setiap individu yang mampu mengawal perasaan marah dan membuang perasaan negatif, akan membantu ahli kelompok berinteraksi dan membuat keputusan dengan lebih rasional dan menjadikan kehidupannya lebih teratur. Selain itu, menurut Mayer et.al (1999), kecerdasan emosi akan mempengaruhi seseorang dalam kumpulan dan mampu membuat keputusan yang bijak dan meningkatkan daya pemikiran menggunakan emosi yang positif.

Pengamal REBT menyatakan perhubungan yang mesra akan berlaku sewaktu pengenalan dalam proses membina hubungan. Fasilitator akan menggunakan elemen-elemen empati dan penerimaan tanpa syarat ahli kelompok. Terapis memberi ruang kepada ahli berkenalan dan peluang-peluang digunakan untuk meluahkan perasaan irrasional dan emosi-emosi negatif yang tidak sesuai. Pengamal-pengamal REBT

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berperanan khususnya dalam fasa ini, empati dan perhubungan mesra perlu dan elakkan menetapkan peraturan-peraturan lagi supaya proses berkenalan dapat berjalan dengan lancar (Raymond & Michael, 2006).

Kepuasan dalam kelompok berkait dengan sikap setiap ahli secara keseluruhan di samping melahirkan perasaan selesa dan seronok kepada tugas yang dilakukan. Kepuasan bekerjasama dalam kumpulan adalah respon dan emosi yang efektif dalam diri seseorang individu yang akan menentukan kejayaan dalam sesuatu kumpulan (Bar-On et.al.,2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tahap 2: Menilai Masalah, Perorangan dan Situasi

Proses menilai sudah tentu berbeza antara seorang dengan seorang yang lain. Namun demikian beberapa langkah asas perlu disediakan sebagai panduan dalam menjalankan penilaian terhadap klien.

i. Mulakan dengan sudut pandangan klien tentang perkara yang tidak kena pada diri mereka.
ii. Kenalpasti kecelaruan klinikal (*clinical disorder*) semasa atau yang berkaitan.
iii. Dapatkan latar belakang personal dan latar belakang sosial klien.
iv. Taksirkan perkara-perkara yang mendorong kepada masalah.
v. Semak gangguan sekunder dan lihat bagaimana perasaan klien dalam menghadapi gangguan tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

vi. Semak faktor-faktor penyebab bukan psikologikal seperti; keadaan fizikal, perubatan/rawatan, salah laku, cara hidup atau faktor-faktor persekitaran.

Stefan Rethfeldt, (2013) menyatakan pendekatan REBT, bagi mempertingkatkan tahap motivasi klien, semasa proses penerokaan dijalankan kaunselor akan memberi tumpuan kepada penilaian tentang aktiviti, sejarah masa lalu, keadaan kehidupan, analisis fungsian dan masalah psikologi, gejala, pemikiran, tingkah laku, sikap dan motivasi barulah menjalankan rawatan (Beck & Weishaar, 2005). Matlamat umum REBT ialah dengan membetulkan pemprosesan maklumat yang tidak rasional dan menyokong klien untuk mengubah suai maladaptif dan mendapat tingkah laku dan emosi yang baru (Beck & Weishaar, 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada tahap penerokaan dan meyemak faktor-faktor menyebab elemen empati penting kepada semua ahli kelompok. Melalui intervensi KKPR iaitu melalui proses penerokaan dan kekerapan pertemuan menjadikan ahli kelompok bertambah jelekit dan keberanian berkongsi bertambah yakin. Selepas sesi kelompok kelihatan sesama ahli kelompok jelas berlaku kejelekitan. Justeru penyesuaian emosional yang berlandaskan kemampuan berempati sangat penting dalam kehidupan seharian yang melibatkan interaksi interpersional. Ketiadaan empati boleh membawa seseorang bertindak tidak normal, iaitu bertingkah laku di luar daripada norma masyarakat (Abdul Malik, 2004). Menurut Hoffman (2000) dan Berns (2004) empati adalah sifat semula jadi yang diwarisi dan boleh disuburkan melalui pendedahan kepada pengalaman mempelajari perasaan orang lain dalam kelompok.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tahap 3: Menyedia Ahli Kelompok Untuk Terapi

Beberapa langkah perlu diambil untuk menyediakan ahli kelompok dalam proses terapi iaitu seperti berikut;

i. Mengenalpasti matlamat terapi dalam kelompok

ii. Mentaksir motivasi klien untuk melakukan perubahan

iii. Memperkenalkan asas REBT kepada klien, termasuk model kesan akibat biopsikologikal.

iv. Bincangkan pendekatan yang akan digunakan dan kesan daripada proses kelompok bimbingan.

v. Membina kontrak

Tahap 4: Melaksanakan Program Intervensi

Keseluruhan proses yang berlaku dalam peringkat ini adalah fasa perlaksanaan, iaitu melalui aktiviti-aktiviti berikut;

i. Melakukan analisis rasional (*rational analysis*), iaitu dengan cara melihat episod-episod secara spesifik terhadap masalah-masalah yang berlaku seperti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berikut; A → B → C iaitu melihat kesan akibat A terhadap B dan melihat kesan akibat B terhadap C.

ii. Mengenalpasti sistem kepercayaan klien berdasarkan kepada 4 tema utama, dan mencabar sistem kepercayaan tidak rasional klien.

iii. Menyediakan tugasan untuk klien lakukan di luar kelompok.

v. Membangunkan tugasan perlakuan (*behavioural assignments*) untuk mengurangkan ketakutan atau mengubahsuai cara untuk bertingkahlaku.

Dalam fasa penerokaan, memahami antara individu dan ahli kelompok sangat diharapkan. Dalam proses penerokaan pengamal teori menggunakan pendekatan teori supaya dapat mengenal pasti apakah isu penyebab berlaku salah laku. Pendekatan teori digunakan bagi mengenal pasti apakah peristiwa atau fakta penyebab berlakunya irrasional ahli-ahli kelompok. Aspek motivasi, empati dan kecerdasan emosi dapat membantu kelancaran proses ahli kelompok mengenal pasti masalah yang dihadapi (Erica, 2013).

Tahap 5: Mengatur Strategi Sokongan

Untuk melengkapkan lagi proses terapi dengan menggunakan pendekatan REBT, Froggatt (1997), telah mencadangkan langkah mengatur strategi sokongan yang merangkumi strategi meningkatkan kemahiran hidup seperti kemahiran relaksasi, kemahiran interpersonal, kemahiran menyelesaikan masalah, perancangan kerjaya dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebagainya. Untuk kajian ini strategi sokongan yang diatur adalah kemahiran perancangan akademik dan kerjaya. Oleh itu untuk kajian ini kemahiran perancangan akademik dan kerjaya adalah dengan menggunakan pendekatan Tiedman dan O'Hara. Pendekatan ini melibatkan kepada;-

i. Fasa penjelajahan

ii. Fasa penapisan

iii. Fasa membuat pilihan

Kajian oleh Jaamat (2010) menyatakan Modul Kesedaran Kerjaya berkesan dan sesuai digunakan bagi meningkatkan tahap kesedaran kerjaya dan motivasi pelajar di sekolah menengah. Oleh itu, kesedaran kerjaya merupakan pengetahuan tentang konsep kendirinya dan pelbagai aspek dunia pekerjaan seperti jenis-jenis pekerjaan, persekitaran pekerjaan dan faedah-faedah yang diperoleh daripada sesuatu pekerjaan.

Teori Kerjaya Happockk (1976) menyatakan minat dan motivasi mempunyai hubungan rapat mengapa seseorang remaja membuat pemilihan kerjaya. Faktor pemilihan profesion ini amat penting untuk memastikan pelajar-pelajar yang mengikuti program-program pendidikan di institusi pengajian tinggi mendapat kursus yang betul-betul mereka minati atau hanya meneruskan pelajaran kerana ingin meneruskan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi (Mohamed Najib & M. Noor, 2008). Setiap individu mempunyai minat yang berbeza dengan individu yang lain. Apabila pelajar dapat memilih bidang kerjaya, minat merupakan aspek yang penting

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerana dengan adanya minat, seseorang akan lebih bermotivasi untuk bekerja (Noor Azlan & Noridah, 2009).

Ganjaran atau gaji memainkan peranan penting dalam pemilihan kerjaya (Mohd Shamsuddin, 1999). Ini adalah kerana ia dapat memberikan semangat dan motivasi kepada seseorang individu untuk bekerja dengan lebih baik lagi. Melihat kepada aspek gaji dan elaun, ramai responden bersetuju bahawa keputusan mereka untuk menjadi guru adalah disebabkan oleh faktor tersebut.

Pendidikan mempunyai matlamat yang lebih mendalam dan luas daripada hanya melatih seorang murid atau pelajar untuk sesuatu bidang pekerjaan (Robiah,1998). Kenyataan ini bermaksud selain untuk tujuan kerjaya, ianya bertujuan juga untuk memperkembangkan diri seseorang pelajar dari segi keupayaan jasmani (fizikal), emosi, rohani, intelektual, sahsiah dan harga diri supaya dia menjadi individu dan masyarakat yang baik.

Terdapat ramai pelajar yang sedar dan bermotivasi tentang pentingnya pemilihan kerjaya ingin memperbaiki keputusan akademik yang lalu jika mempunyai peluang. Ini adalah kerana mereka melihat betapa pentingnya kerjaya dalam kehidupan (Noor Azlan & Noridah, 2009). Kajian oleh Banks dan Zionts (2006), mendapati strategi REBT melalui perancangan akademik berkesan menguruskan emosi dapat meningkatkan kesedaran terhadap diri sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Kutlesa dan Natasha (2008) ke atas kelompok rawatan dengan sampel seramai 30 orang mendapati perancangan akademik dan kerjaya yang baik berjaya meningkatkan persaingan pencapaian di samping dapat mengurangkan tekanan perasaan dan kerisauan kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

Melalui sesi peringkat mengatur strategi sokongan ahli kelompok memerlukan asertif diri untuk memilih kerjaya pada masa hadapan. Tingkah laku asertif adalah satu bentuk tingkah laku yang wajar dipraktikkan olehsegenap lapisan pelajar sekolah bagi menunjukkan kesungguhan dan ketegasan diri dalam mengejar cita-cita dan kerjaya. Tingkah laku asertif atau sifat ketegasan diri bukanlah merupakan suatu sifat semulajadi yang sedia terdapat pada diri seseorang individu. Sebaliknya, sifat ini merupakan suatu keupayaan dan kemahiran yang boleh dipelajari serta dibina melalui latihan asertif. Proses dalam kelompok, membantu ahli-ahlinya mempelajari nilai-nilai tingkah laku asertif daripada rakan-rakan yang lain. (Bandura, 1977).

Tahap 6: Penilaian dan Penamatan

Sebelum menamatkan intervensi dalam sesi kaunseling kelompok, adalah penting untuk melakukan beberapa langkah tertentu seperti membuat penilaian dan penamatan. Langkah penilaian meliputi perkara-perkara berikut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Membuat penilaian secara menyeluruh iaitu dengan menyemak setakat mana peningkatan kesediaan klien untuk melakukan perubahan dalam bentuk fikiran.

ii. Melihat perubahan mudah yang berlaku terhadap keadaan luaran klien (ekspresi muka, dan bahasa badan) yang boleh dijangka.

6.1 Langkah Penamatan pula meliputi perkara berikut:

Menyediakan klien untuk sesi penamatan supaya dapat mengendalikan diri dengan baik apabila berdepan dengan situasi yang tertekan semula. Untuk mengelakkan daripada masalah yang sama berulang, maka klien perlu diingatkan tentang dua perkara penting berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Menjelaskan kepada klien bahawa menjadi perkara biasa bahawa simptom masalah psikologikal akan berulang semula, oleh itu mereka perlu peka pada perubahan diri dan tahu apa yang mereka perlu lakukan sebaik-baiknya.

iii. Membincangkan dari sudut pandangan mereka tentang bantuan untuk mendapatkan terapi semula sekiranya diperlukan pada masa akan datang. Apa yang penting klien mendapat pemahaman bahawa sesiapa pun boleh mendapatkan bantuan terapi sekiranya diperlukan seberapa banyak kali yang mungkin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pada sesi penamatan ini sangat penting, ahli kelompok akan diingatkan oleh fasilitator tentang bagaimana redha dan rasionalnya serta hubungannya dengan peristiwa atau *event* menyebabkan kesan kepada ahli kelompok. Cawood (1987) mengemukakan bahawa keterampilan bertingkah laku asertif akan membantu individu untuk memperoleh tujuan utama dan memecahkan masalah secara nyata. Secara khusus dinyatakan bahawa hasil positif yang akan diperoleh dengan bertingkah laku asertif, adalah sebagai berikut:a. Kesan yang nyata *(real impact).* Individu benar-benar merasakan menghadapi berbagai masalah dan perlu untuk mengatasi atau memecahkan masalah secara nyata. b. Meningkatkan kepercayaan diri. Di dalam kehidupan, orang sering kali dinilai dari tingkah lakunya. Pilihan individu untuk asertif akan meningkatkan harga diri dan tingkat kepercayaan dirinya dan menjadi tidak terlalu dipengaruhi oleh persetujuan orang lain (Hamdan & Abd Rahim, 2012). Perlaksanaan modul KKPR kepada ahli kelompok bimbingan berdasarkan Jadual 4.21 berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.21

Pelaksanaan Modul Kaunseling Kelompok Penyesuaian Remaja (KKPR) di Lokasi Bandar dan Luar Bandar

Bil	**SESI**	**TAHAP PERKEMBANGAN DAN**	**TARIKH**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

		AKTIVITI	
1	PRA SESI (120 minit)	**Tahap Awal:** - Memilih Ahli-ahli Kelompok - Mentadbir Instrumen IRSLD (praujian). - Memilih Ahli Berdasarkan Skor Instrumen - Memisahkan Ahli Kepada kelompok rawatan &kawalan.	07.07.2014
2	SESI 1 (120 minit)	**Tahap 1:** Membina Hubungan. Aktiviti 1: Rantai Nama Aktiviti 2: Kenal Diri Aktiviti 3: Membina Etika Kelompok	14.07.2014
3	SESI 2 (120 minit)	**Tahap 2:** Mentaksir Masalah, Diri dan Situasi. Aktiviti 4: Graf Kehidupan.	21.07.2014
4	SESI 3 (120 minit)	**Tahap 3:** Menyediakan Ahli Kelompok Untuk Proses Terapi Aktiviti 5: Mereka Yang Bermakna Aktiviti 6: Mengenali REBT	05.08.2014
5	SESI 4 (120 minit)	**Tahap 4:** Melaksanakan Program Rawatan Aktiviti 7: Analisis Rasional	11.08.2014
6	SESI 5 (120 minit)	**Tahap 4:** Melaksanakan Program Rawatan (sambungan) Aktiviti 8: Mencabar Sistem Pemikiran Tak Rasional Aktiviti 9: Menyemak Tugasan	19.08.2014
7	SESI 6 (120 minit)	**Tahap 5:** Mengatur Strategi Sokongan – Perancangan Kerjaya Aktiviti 10: Siapa Saya 10 Tahun Akan Datang	24.08.2014
8	SESI 7 (120 minit)	**Tahap 5:** Mengatur Strategi Sokongan – Perancangan Kerjaya (sambungan). Aktiviti 11: Tangga Matlamat	02.09.2014
9	SESI 8 (120 minit)	**Tahap 6:** Sesi Penamatan	08.09.2014

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

		Aktiviti 12: Ucapan Salam Terakhir Aktiviti 13: Rumusan	
10	POS SESI (120 minit)	**Tahap Akhir:** - Mentadbir Instrumen IRSLD - Mengumpul Posujian - Menyusun Data Posujian	07.10.2014

Jadual 4.21, menunjukkan sesi kelompok bimbingan KKPR mengikut lokasi bandar dan luar bandar. Keseluruhan enam tahap perkembangan kelompok bimbingan ini dilaksanakan dalam 10 sesi pertemuan. Sinopsis sesi pertemuan kelompok berdasarkan kesemua enam tahap perkembangan dalam KKPR dapat dilihat dalam Lampiran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.12 Cara Pemarkatan

Kajian ini melibatkan instrumen kajian IRSLD. IRSLD mengandungi empat item demografi, 68 item salah laku disiplin mengandungi lapan subkonstruk dan 77 item aspek psikologi iaitu konstruk motivasi 16 item, asertif 14 item, empati 23 item, harga diri 10 item dan kecerdasan emosi 14 item. Keseluruhan IRSLD yang perlu mendapat respon pelajar ialah 149 item. Bahagian A ialah demografi, B ialah Salah Laku Disiplin dan C aspek psikologi. Respon kepada instrumen ini adalah lima mata pilihan 1 hingga 5. Bahagian B iaitu salah laku disiplin dan aspek psikologi berdasarkan lima mata pilihan 1 hingga 5 bergantung kepada sama ada item itu positif atau negatif. Oleh itu skor tertinggi berdasarkan Inventori Salah Laku 5 nilai pilihan (5 tertinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan skor terendah adalah 1) Namun demikian skor tertinggi bagi nilai skor bagi setiap konstruk adalah berbeza-beza.

4.12.1 Salah Laku Disiplin

Cara pemarkatan salah laku disiplin berdasarkan skor terendah dan tertinggi ialah merujuk kepada bilangan item dan jumlah likert dalan instrumen IRSLD. Skor tertinggi salah laku disiplin ialah berdasarkan jumlah bilangan item salah laku disiplin didarabkan dengan bilangan likert (68 item x 5 likert = 340). Skor 340 ini menunjukkan salah laku disiplin pada peringkat tinggi. Manakala tahap rendah ialah 68 didarabkan dengan satu (68 item x 1 = 68). Julat perbezaan skor antara tinggi dan rendah ialah 272.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi menentukan tiga tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi salah laku disiplin dalam kalangan sampel kajian pula iaitu jumlah skor julat perbezaan iaitu 272 bahagi dengan 3 tahap ialah 90.66. Dapatan ini bermakna skor pada tahap rendah ialah 68 hingga 159 ialah tahap rendah. Manakala tahap sederhana skor antara 160 hingga 251. Skor tahap tertinggi salah laku disiplin skor antara 252 hingga 340.

4.12.2 Motivasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah menentukan motivasi sampel kajian berdasarkan peringkat tertinggi dan rendah ialah jumlah keseluruahan item di darabkan dengan jumlah likert (16 item x 5 likert = 80) Skor 80 menunjukkan sampel kajian berada diperingkat tertinggi motivasi. Manakala peringkat terendah pula keseluruhan 16 item didarabkan dengan satu (16 x 1 = 16) iaitu skor 16 menunjukkan sampel kajian berada diperingkat rendah motivasi. Julat skor perbezaan ialah 64.

Bagi menentukan tiga tahap motivasi sampel kajian ini pula ialah 64 bahagi dengan 3 tahap ialah 21.3. Kaedah menentukan kedudukan tahap rendah motivasi ialah skor antara 16 hingga 37. Manakala tahap sederhana ialah skor antara 38 hingga 58 dan tahap tinggi motivasi ialah skor antara 59 hingga 80.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.12.3 Asertif

Kaedah bagi menentukan pemarkatan asertif sampel kajian berdasarkan tertinggi dan terendah juga menggunakan kaedah yang sama iaitu jumlah keseluruhan 14 item didarabkan dengan bilangan likert (14 x 5 = 70) skor 70 ini menunjukkan sampel kajian berada di peringkat tertinggi asertifi. Manakala skor terendah pula ialah jumlah item didarab dengan satu (14 x 1 = 14) menunjukkan skor 14 sampel ini berada di peringkat terendah asertif. Julat skor perbezaan ialah 56.

Begitu juga kaedah menentukan tahap rendah, sederhana dan tinggi asertif sampel kajian ini. Kaedah skor julat iaitu 56 bahagi dengan 3 bersamaan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

18.7.Tahap rendah asertif ialah skor antara 14 hingga 33. Manakala tahap sederhana ialah skor antara 34 hingga 52. Manakala tahap tinggi asertif ialah skor antara 53 hingga 70.

4.12.4 Empati

Begitu juga bagi menentukan peringkat tertinggi empati sampel kajian ialah jumlah keseluruhan item empati didarabkan dengan jumlah likert (23 x 5 = 115) menunjukkan skor 115 sampel berada pada peringkat tertinggi empati diri. Untuk menentukan tahap terendah pula ialah 23 item didarab dengan satu (23 x 1 = 23) iaitu skor 23 mendapati sampel kajian berada pada peringkat terendah. Julat skor empati ialah 92.

Kaedah menentukan tiga tahap empati sampel kajian pula ialah jumlah item tolak dengan skor julat iaitu 92 (92 bahagi 3 = 30.7). Bagi menentukan tahap empati rendah ialah dapatan skor antara skor 23 hingga 53. Tahap sederhana ialah antara skor 54 hingga 84. Manakala tahap tinggi skor 85 hingga 115.

4.12.5 Harga Diri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Demikian juga aspek harga diri jumlah item iaitu 10 darab dengan 5 likert (10x5=50) menunjukkan jumlah skor 50 ini memberi gambaran sampel berada di peringkat tertinggi harga diri. Manakala kaedah menentukan skor terendah ialah jumlah item darab dengan satu (10 x 1 = 10) iaitu skor 10 menandakan sampel berada pada peringkat terendah harga diri. Julat harga diri ialah 40.

Kaedah bagi menentukan perbezaan antara tiga tahap rendah, sederhana dan tinggi juga menggunakan formula yang sama iaitu jumlah skor julat dibahagi dengan tiga. (40 bahagi dengan 3 tahap bersamaan dengan 13.3. Skor antara 10 hingga 23 ialah berada pada tahap rendah harga diri. Manakala skor antara 24 hingga 37 ialah berada pada tahap sederhana. Manakala skor tahap tinggi harga diri ialah antara 38 hingga 50.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.12.6 Kecerdasan Emosi

Aspek kecerdasan emosi peringkat tertinggi ialah jumlah item didarab dengan bilangan likert (14 x 5 = 70) menunjukkan sampel kajian yang mendapat skor 70 ini menggambarkan sampel kajian berada pada peringkat tertinggi kecerdasan emosi. Kaedah bagi menentukan peringkat terendah pula jumlah item didarab dengan bilangan satu (14 x 1 = 14) menunjukkan angka 14 ini menendakan sampel kajian berada pada peringkat terendah kecerdasan emosi. Julat kecerdasan emosi ialah 56 (70-14).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah menentukan tahap kecerdasan emosi mengikut tahap ialah (56 bahagi 3 = 18.7). Tahap rendah kecerdasan emosi ialah 14 hingga 33. Tahap sederhana kecerdasan emosi ialah antara 34 hingga 51. Manakala tahap tinggi kecerdasan emosi ialah antara 52 hingga 70.

4.13 Rumusan

Secara umumnya bab ini membincangkan tentang kaedah kajian serta kaedah pengumpulan dan analisis data. Kajian ini melibatkan dua fasa, dimana fasa pertama, mengenalpasti ciri-ciri pelajar yang melakukan salah laku disiplin di sekolah, membentuk dan mengukur kesahan dan kebolehpercayaan Instrumen Remaja Salah Laku Disiplin. Tujuan instrumen kajian ini adalah untuk melihat ciri-ciri dan profil pelajar yang melakukan salah laku disiplin di sekolah.

Kajian Fasa kedua adalah untuk mengukur kesan intervensi peringkat awal iaitu intervensi perkembangan dan pencegahan melalui model Kaunseling Kelompok Penyesuaian Remaja (KKPR) ke atas beberapa pemboleh ubah bersandar psikologi iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar sekolah yang melakukan salah laku disiplin. KKPR adalah berteraskan kepada pendekatan kelompok bimbingan berasaskan Terapi Rasional Emotif Perlakuan (*Rational Emotive Behavior Therapy*) (REBT).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

ANALISIS DATA TINJAUAN DAN KUASI EKSPERIMEN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.0 ANALISIS DATA TINJAUAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini mengemukakan analisis data secara deskriptif dan inferensi. Perbincangan deskriptif menumpukan kepada fenomena salah laku disiplin sampel. Penganalisisan inferensi pula melibatkan penggunaan kaedah statistik analisis perbandingan min dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

analisis korelasi untuk menentukan hubungan dan perbezaan pemboleh ubah yang dikaji berdasarkan tujuan dan hipotesis kajian yang telah dibentuk dalam bab satu.

Data yang diperoleh, dianalisis secara sistematik dengan menggunakan pengaturcaraan SPSS versi 19.0 (*Statistical packages for social science*) supaya dapat menghasilkan keputusan dalam bentuk peratusan, kekerapan, min, dan sisihan piawai. Hasil dapatan yang telah diproses dibahagikan kepada tiga bahagian dan ditunjukkan dalam jadual agar mudah untuk dibincangkan.

5.2 Keputusan Kajian Awal (*Preliminary Study*)

Bahagian ini akan melaporkan tentang dapatan analisis deskriptif dengan menggunakan analisis data *t-test* dan *mancova* berdasarkan tujuan kajian. Data statistik yang berkaitan dengan tujuan kajian dipaparkan untuk menjelaskan perbezaan dan hubungan aspek psikologi dengan salah laku disiplin pelajar sekolah.

5.2.1 Data Deskriptif Sampel Kajian

Tinjauan kajian awal ini melibatkan sekolah-sekolah di lokasi bandar dan luar bandar yang dipilih di seluruh negeri Kedah. Seramai 542 orang pelajar dipilih secara rawak bertujuan. Kesemua sekolah mempunyai sampel lelaki dan perempuan. Beberapa batasan dalam kajian dilakukan berdasarkan sebab-sebab yang telah dijelaskan dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bab tiga. Hanya pelajar tingkatan dua dilibatkan sebagai sampel kajian. Sebelum menjawab instrumen IRSLD, semua sampel diberi penerangan dengan terperinci tentang salah laku disiplin. Penerangan ini dilakukan dengan menyeluruh kepada 305 sampel lelaki dan 237 sampel perempuan. Aspek demografi dalam kajian ini melibatkan gender dan lokasi sahaja.

Jadual 5.1

Taburan Kekerapan Dan Peratusan sampel Mengikut Gender

Gender	**Kekerapan**	**Peratus**
Lelaki	305	56.3
Perempuan	237	43.7
Jumlah	542	100

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.1 di atas menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan sampel mengikut gender dengan kekerapan gender tertinggi adalah lelaki iaitu 305orang (56.3 peratus) dan diikuti perempuan 237orang (43.7 peratus).

Jadual 5.2

Taburan Kekerapan Dan Peratusan Sampel Mengikut Lokasi

Lokasi	kekerapan	Peratus
Bandar	275	50.7
Luar bandar	267	49.3
Jumlah	542	100

Jadual 5.2 menunjukkan taburan kekerapan dan peratus sampel mengikut lokasi.Sampel lokasi bandar 275 orang (50.7%) diikuti oleh luar bandar 267 orang (49.3%).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Perbezaan Aspek Psikologi Mengikut Gender

Hasil analisa kajian bagi melihat perbezaan mengikut gender pelajar salah laku disiplin dari aspek psikologi di Sekolah Menengah Aman Jaya (bandar) dan Sekolah Menengah Pokok Sena (luar bandar) negeri Kedah seperti dalam Jadual 5.3:

Jadual 5.3

Ringkasan Analisis Statistik T-test Mengukur Perbezaan Aspek Psikologi Mengikut Gender

Bil	PembolehUbah	Gender	Min	S.P	dk	Nilai t	Nilai P (sig)
1	Motivasi	Lelaki	3.2102	.65987	540	-3.623	.000
		Perempuan	3.4045	.56284			
2	Asertif	Lelaki	2.8930	.62782	540	-3.127	.002
		Perempuan	3.0578	.58363			
3	Empati	Lelaki	3.0212	.63079	540	-1.551	.122
		Perempuan	3.0981	.48786			
4	Harga Diri	Lelaki	3.1925	.69805	540	-1.424	.155
		Perempuan	3.2713	.55535			
5	Kecerdasan Emosi	Lelaki	3.1733	.68105	540	-3.733	.000
		Perempuan	3.3791	.57491			

Berdasarkan analisis ujian-t dalam Jadual 5.3 terdapat lima aspek psikologi dianalisis mengikut gender. Didapati min bagi motivasisampel lelaki ialah 3.2102, min bagi motivasi sampel perempuan pula ialah 3.4045 dan perbezaan min bagi kedua-dua ialah 0.1943. Suatu ujian-t dikatakan apabila nilai keberangkalian p adalah kurang daripada nilai aras signifikan alpha (a) ialah 0.05. Keputusan kajian motivasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapati terdapat perbezaan yang signifikan motivasi berdasarkan gender pada nilai t (540) = p .000. Oleh itu terdapat perbezaan motivasi sampel perempuan lebih tinggi berbanding lelaki.

Didapati min bagi asertif sampel lelaki ialah 2.8930, min bagi asertif sampel perempuan pula ialah 3.0578 dan perbezaan min bagi kedua-dua ialah 0.1648. Keputusan kajian asertif mendapati terdapat perbezaan yang signifikan asertif berdasarkan gender pada nilai t (540) = p .002. Oleh itu terdapat perbezaan asertif sampel perempuan lebih tinggi berbanding lelaki.

Min bagi empati sampel lelaki ialah 3.0212, min empati sampel perempuan pula ialah 3.0981 dan perbezaan min bagi kedua-dua ialah 0.0769. Keputusan kajian empati mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan Empati berdasarkan gender pada nilai t (540) = p .122.

Min bagi harga diri sampel lelaki ialah 3.1925, min bagi harga diri sampel perempuan pula ialah 3.2713 dan perbezaan min bagi kedua-dua ialah 0.0788. Keputusan kajian harga diri mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan harga diri berdasarkan gender pada nilai t (540) = p .155.

Terakhirnya didapati min bagi kecerdasan emosi sampel lelaki ialah 3.1733, dan min bagi kecerdasan emosi sampel perempuan pula ialah 3.3791 dan perbezaan min bagi kedua-dua ialah 0.2058. Keputusan kajian kecerdasan emosi mendapati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terdapat perbezaan yang signifikan kecerdasan emosi berdasarkan gender pada nilai t (540) = p .000. Oleh itu terdapat perbezaan kecerdasan emosi sampel perempuan lebih tinggi berbanding lelaki.

Berdasarkan analisis menunjukkan terdapat perbezaan aspek psikologi pelajar mengikut gender. Didapati sampel pelajar perempuan lebih tinggi aspek psikologi (motivasi, asertif, dan kecerdasan emosi) berbanding lelaki. Manakala empati dan harga diri tidak terdapat perbezaan.

5.4 Perbezaan Aspek Psikologi Berdasarkan Lokasi

Perbezaan salah laku disiplin dari aspek psikologi berdasarkan lokasi bandar dan luar bandar di negeri Kedah ditujukkan dalam Jadual 5.4:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.4

Perbezaan Aspek Psikologi mengikut Lokasi

Bil	Pembolehubah	Lokasi	Min	S.P	dk	Nilai t	Nilai P (sig)
1	Motivasi	Bandar	3.3666	.53073	540	2.506	.013
		Luar Bandar	3.2322	.69459			
2	Asertif	Bandar	3.0280	.53192	540	2.251	.025
		Luar Bandar	2.9095	.67395			
3	Empati	Bandar	3.1390	.47967	540	3.235	.001
		Luar Bandar	2.9807	.63664			
4	Harga Diri	Bandar	3.3063	.52469	540	2.726	.007
		Luar Bandar	3.1569	.72074			
5	Kecerdasan Emosi	Bandar	3.3406	.51928	540	2.635	.009
		Luar Bandar	3.1952	.73153			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan analisis ujian-t dalam Jadual 5.4, min bagi motivasi sampel lokasi bandar ialah 3.3666, min bagi motivasi luar bandar pula ialah 3.2322 dan perbezaan min bagi kedua-dua ialah 0.1344. Suatu ujian-t dikatakan apabila nilai keberangkalian p adalah kurang daripada nilai aras signifikan alpha (a) ialah 0.05. Oleh itu nilai keberangkalian p didapati lebih tinggi daripada nilai aras signifikan alpha (a) iaitu .013 > 005. Keputusan kajian motivasi berdasarkan lokasi bandar dan luar bandar mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada nilai t (540) = p .013 > 0.05.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala min bagi asertif lokasi bandar ialah 3.0280, min bagi asertif luar bandar pula ialah 2.9095 dan perbezaan min bagi kedua-dua ialah 0.1185. Oleh itu nilai keberangkalian p didapati lebih tinggi daripada nilai aras signifikan alpha (a) iaitu .025> 005. Keputusan kajian menunjukkan asertif sampel berdasarkan lokasi bandar dan luar bandar tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada nilai t (540) = p .025 > 0.05.

Min bagi empati sampel lokasi bandar ialah 3.1390, min bagi empati luar bandar pula ialah 2.9807 dan perbezaan min bagi kedua-dua ialah 0.1583. Nilai keberangkalian p didapati lebih rendah daripada nilai aras signifikan alpha (a) iaitu .001< 005. Didapati terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan lokasi pada nilai t (540) = p .001 < 0.05. Keputusan menunjukkan bahawa empati sampel lokasi bandar lebih tinggi berbanding dengan luar bandar.

Seterusnya min bagi harga diri sampel bandar ialah 3.3063, min bagi harga diri luar bandar pula ialah 3.1569 dan perbezaan min bagi kedua-dua ialah 0.1494. Oleh itu nilai keberangkalian p didapati lebih rendah daripada nilai aras signifikan alpha (a) iaitu .007 < 0.05. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan harga diri berdasarkan lokasi pada nilai t (540) = p .007 < 0.05. Keputusan menunjukkan bahawa harga diri sampel lokasi bandar lebih tinggi berbanding dengan luar bandar

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Aspek terakhir kecerdasan emosi berdasarkan lokasi bandar menunjukkan min 3.3406, min bagi kecerdasan emosi luar bandar pula ialah 3.1952 dan perbezaan min bagi kedua-dua ialah 0.1454. Nilai keberangkalian p didapati lebih rendah daripada nilai aras signifikan alpha (a) iaitu .009 < 0.05. Oleh itu keputusan kajian kecerdasan emosi berdasarkan lokasi bandar dan luar bandar didapati terdapat perbezaan yang signifikan pada nilai t (540) = p .009< 0.05. Keputusan menunjukkan bahawa kecerdasan emosi sampel lokasi bandar lebih tinggi berbanding dengan luar Bandar.

Berdasarkan analisis ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan aspek psikologi pelajar berdasarkan lokasi. Didapati aspek psikologi (empati, harga diri dan kecerdasan emosi) menunjukkan pelajar lokasi bandar lebih tinggi berbanding luar bandar. Manakala motivasi dan asertif menunjukkan terdapat perbezaan mengikut lokasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5 Hubungan Antara Salah Laku Disiplin Dengan Aspek Psikologi

Berdasarkan analisis bagi melihat hubungan antara salah laku disiplin dengan aspek psikologi iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi pelajar salah laku disiplin di negeri Kedah ditunjukkan dalam Jadual 5.5:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.5

Hubungan Antara Salah laku Disiplin dengan Aspek Psikologi

Bil	Pemboleh Ubah	Jumlah (N)	Nilai (r)	Aras P (Sig)
1	Salah Laku dengan Motivasi	542	-.196**	.000
2	Salah Laku dengan Asertif	542	-.015	.731
3	Salah Laku dengan Empati	542	-.037	.384
4	Salah Laku dengan Harga Diri	542	.005	.916
5	Salah Laku dengan Kecerdasan Emosi	542	-.194**	.000

Berdasarkan Jadual 5.5 analisis *anova* digunakan bagi melihat hubungan antara salah laku dengan lima aspek psikologi sampel kajian. Aspek-aspek yang dianalisis ialah salah laku disiplin secara keseluruhan dan hubungannya dengan lima aspek psikologi iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi.

Hubungan salah laku disiplin dengan motivasi N = 542, nilai r = -196** dan aras keberangkalian pula p = .000, Nilai pekali korelasi pearson (r) dikatakan signifikan apabila nilai keberangkalian p adalah lebih rendah daripada nilai aras signifikan alpha (a) = .05. Keputusan ujian salah laku disiplin dengan motivasi mendapati nilai keberangkalian p adalah lebih rendah daripada nilai aras siginifikan alpha (a) iaitu .000 < .0.05, manakala nilai (r) adalah negatif (-.196**). Dengan itu, hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan yang negatif antara salah laku dengan Motivasi dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin pada nilai r -.196** = .000 < 0.05. Ini bermakna salah laku disiplin berkadar songsang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan motivasi. Semakin meningkat salah laku disiplin semakin rendah motivasi dalam kalangan sampel kajian.

Hubungan salah laku disiplin dengan asertif N = 542, nilai r = -015 dan aras keberangkalian pula p = .731, Keputusan ujian salah laku disiplin dengan asertif mendapati nilai keberangkalian p adalah lebih tinggi daripada nilai aras siginifikan alpha (a) iaitu .731 > .0.05, manakala nilai (r) adalah negatif (-015). Dengan itu, hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang tidak signifikan yang negatif antara salah laku dengan asertif dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin pada nilai r -015 = .731 > 0.05.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketiga ialah hubungan salah laku disiplin dengan empati N = 542, nilai r = -037 dan aras keberangkalian pula p = .384, Keputusan ujian salah laku disiplin dengan empati mendapati nilai keberangkalian p adalah lebih tinggi daripada nilai aras siginifikan *alpha (*a) iaitu .384 > .0.05, manakala nilai (r) adalah negatif (-037). Dengan itu, hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang tidak signifikan yang negatif antara salah laku dengan empati dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin pada nilai r -037 = .384 > 0.05.

Manakala hubungan salah laku disiplin dengan Harga diri N = 542, nilai r = 005 dan aras keberangkalian pula p = .916, Keputusan ujian salah laku disiplin dengan harga diri mendapati nilai keberangkalian p adalah lebih tinggi daripada nilai aras siginifikan *alpha* (a) iaitu .916 > .0.05, manakala nilai (r) adalah negatif (005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dengan itu, hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang tidak signifikan antara salah laku dengan harga diri dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin pada nilai r 005 = .916 > 0.05.

Terakhirnya hubungan salah laku disiplin dengan kecerdasan emosi N = 542, nilai r = -194** dan aras keberangkalian pula p = .000. Keputusan ujian salah laku disiplin dengan kecerdasan emosi mendapati nilai keberangkalian p adalah lebih rendah daripada nilai aras siginifikan alpha (a) iaitu .000 < .0.05, manakala nilai (r) adalah negatif (-.194**). Dengan itu, hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan yang negatif antara salah laku dengan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin pada nilai r -.194** = .000 < 0.05. Ini bermakna salah laku disiplin berkadar songsang dengan kecerdasan emosi. Semakin meningkat salah laku disiplin semakin rendah kecerdasan emosi dalam kalangan sampel kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6 Rumusan Kajian Tinjauan

Hasil dari kajian tinjauan yang dijalankan ke atas sampel 542 orang berdasarkan analisis ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan aspek psikologi berdasarkan gender. Sampel pelajar perempuan lebih tinggi motivasi, asertif dan kecerdasan emosi berbanding lelaki. Empati dan harga diri tidak terdapat perbezaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis ujian-t aspek psikologi berdasarkan lokasi menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan lokasi. Empati, harga diri dan kecerdasan emosi pelajar bandar lebih tinggi berbanding luar bandar. Motivasi dan asertif menunjukkan tidak terdapat perbezaan mengikut lokasi.

Analisis bagi melihat hubungan antara salah laku disiplin dengan aspek Psikologi iaitu motivasi dan kecerdasan emosi menunjukkan semakin meningkat salah laku disiplin semakin rendah motivasi dan kecerdasan emosi. Manakala asertif, empati dan harga diri menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara salah laku disiplin dalam kalangan sampel kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.7 Keputusan Kajian Kuasi Eksperimen

Kajian kuasi eksperimen akan membentangkan analisis statistik *t-test* dan *mancova* pos-hoc berdasarkan kesan KKPR ke atas motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi kelompok rawatan rawatan dan kawalan, berdasarkan gender dan lakosi dan kesan KKPR ke atas salah laku disiplin berdasarkan gender dan lokasi.

5.8 Pendahuluan

Keputusan kajian kuasi eksperimen yang telah dijalankan bagi melihat kesan Kaunseling Kelompok Penyesuaian Remaja (KKPR) terhadap aspek motivasi, asertif,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

empati, harga diri dan kecerdasan emosi pelajar salah laku disiplin. Dalam bab ini juga pembentangan keputusan berdasarkan analisa secara kuantatif dengan mengukur data praujian dan posujian

5.9 Keputusan Analisis Kuantitatif

Keputusan analisa data secara kuantatif dibentangkan melalui keputusan analisa praujian dan posujian, pengujian hipotesis dan analisa deskriptif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.9.1 Analisis Data Praujian

Hasil dapatan kajian eksperimen menunjukkan bahawa kelompok bimbingan KKPR berkesan dalam memberikan intervensi berbentuk perkembangan dan pencegahan ke atas sampel pelajar salah laku disiplin dan kesannya telah dibuktikan secara analisis kuantitatif. Hasil kajian secara analisis secara kuantitatif telah membuktikan bahawa terdapat perbezaan secara signifikan bacaan min praujian dan posujian semua pemboleh ubah terikat iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan. Dapatan kajian ini disokong oleh dapatan kajian yang dilakukan oleh Chua, Zuria dan Noriah (2009); Rowell dan Eunsook (2013) dan Enea dan Dafinoiu (2009) mendapati bahawa terdapat perbezaan min yang signifikan bagi skor min antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan. Oleh itu hasil kajian ini telah membuktikan KKPR berkesan meningkatkan tahap motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi dan mengurangkan salah laku disiplin kelompok rawatan berbanding kawalan.

Analisis secara deskriptif berdasarkan gender pula, menunjukkan bahawa perubahan skor min ke atas motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi adalah berbeza antara kelompok rawatan lelaki dengan kelompok rawatan perempuan. Tren perubahan min ini memberikan gambaran bahawa modul KKPR kelompok perempuan adalah lebih berkesan meningkatkan keseluruhan aspek psikolgi sampel perempuan berbanding dengan sampel lelaki. Selepas rawatan dijalankan KKPR telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan kepada min motivasi, asertif, dan kecerdasan emosi kelompok rawatan perempuan berbanding dengan lelaki. Manakala empati dan harga diri menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kelompok rawatan lelaki dengan kelompok rawatan perempuan.

Di samping itu kajian ini juga menunjukkan terdapat perbezaan rawatan di antara gender. Kelompok rawatan perempuan didapati menunjukkan lebih terkesan dan lebih signifikan berbanding dengan kelompok rawatan lelaki. Dapatan ini disokong oleh dapatan kajian oleh Abdul Halim (2000) yang mendapati bahawa kelompok sampel perempuan mengalami kesan yang lebih signifikan berbanding dengan lelaki kerana sampel perempuan didapati lebih bersabar, sensitif dan peka terhadap persekitarannya. Dapatan kajianyang ditinjau juga mendapati pelajar perempuan lebih positif dan memberiperhatian yang lebih serius berbanding pelajar lelaki (Dwyer 1974; Fennema 1987; Halpern 1992).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil analisis mancova menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara praujian dan posujian pemboleh ubah psikologi iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan berdasarkan bandar dan luar bandar. Oleh sebab hasil kajian mancova menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan mengikut lokasi, maka ujian *pos-hoc* digunakan bagi melihat kesan KKPR ke atas keseluruhan aspek psikologi ini. Dapatan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan kepada motivasi dan kecerdasan emosi terhadap sampel bandar dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

luar bandar. Manakala asertif, empati dan harga diri menunjukkan terdapat perbezaan antara kelompok rawatan bandar dan luar bandar. Walaupun asertif, empati dan harga dirididapati tidak signifikan tetapi terdapat perbezaan yang sedikit setelah ujian *post-hoc mancova* dijalankan. Perbezaan ini bermakna rawatan yang dijalankan telah memberikan kesan yang menggalakkan. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang jelas di antara kelompok kawalan berbanding dengan kelompok rawatan.

Berdasarkan analisis secara deskriptif terhadap perbezaan aspek psikologi dan salah laku kelompok rawatan dan kelompok kawalan, telah menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara aspek psikologi dengan salah laku mengikut gender. Perubahan min ini memberikan gambaran bahawa modul KKPR signifikan kepada kelompok rawatan lelaki dan perempuan. Hasil analisis *pos-hoc* menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara posujian salah laku antara kelompok rawatan (L) dengan kelompok rawatan (P), tetapi kelompok rawatan (L) dengan kelompok kawalan dan kelompok rawatan (P) dengan kelompok kawalan menunjukkan perbezaan yang signifikan.

Berdasarkan analisis secara deskriptif iaitu melalui analisis min praujian dan posujian terhadap perbezaan aspek psikologi antara salah laku disiplin kelompok rawatan bandar dengan kelompok rawatan luar bandar mengikut lokasi. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek psikologi dan salah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

laku berdasarkan min praujian dan posujian mengikut lokasi yang memberikan gambaran bahawa modul KKPR sangat berkesan kepada kepada kelompok rawatan bandar dan kelompok rawatan luar bandar. Hasil analisis *pos-hoc* menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan posujian salah laku antara kelompok rawatan (B) dengan kelompok rawatan (LB), Manakala kelompok rawatan (B) dengan kelompok kawalan dan kelompok rawatan LB), dengan kawalan terdapat perbezaan yang signifikan. Kajian ini membuktikan tidak terdapat perbezaan kesan modul KKPR antara kelompok rawatan mengikut lokasi.

Kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan kelompok bimbingan KKPR telah berjaya mengurangkan salah laku disiplin dan meningkatkan aspek psikologi dalam kalangan sampel salah laku disiplin di negeri Kedah. Kesannya dapat dibuktikan secara kuantitatif melalui perubahan min praujian dan posujian ke atas pemboleh ubah terikat yang mempunyai hubungan dengan salah laku disiplin iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Abdul Malek (2004); Mohammad Nasir et. al., (2013) terhadap pelajar sekolah menengah yang mendapati bahawa terdapat perbezaan kesan rawatan yang signifikan antara rawatan kelompok bimbingan berbanding kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.3 Perbincangan Bahagian Pertama (Tinjauan Awal)

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian awal berhubung dengan kajian awal bagi melihat perbezaan aspek psikologi berdasarkan gender dan lokasi serta hubungan psikologi dengan salah laku disiplin pelajar. Tinjauan ini dijalankan dalam kalangan 542 orang pelajar sekolah menengah sebagai sampel yang memberikan gerak balas terhadap item-item dalam instrumen IRSLD. Perbincangan dilakukan secara berstruktur dengan membahagikan dapatan kajian yang menyentuh tentang perbezaan dan hubungan salah laku disiplin dengan aspek psikologi berdasarkan objektif berhubung dengan fenomena salah laku disiplin pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.3.1 Perbezaan Salah Laku Disiplin Berdasarkan Aspek psikologi Mengikut Gender

Perbezaan aspek psikologi iaitu motivasi asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi secara keseluruhannya mengikut lelaki dan perempuan dalam kajian ini berdasarkan analisis ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan aspek psikologi pelajar mengikut gender. Didapati sampel pelajar perempuan lebih tinggi aspek psikologi (motivasi, asertif dan kecerdasan emosi) berbanding dengan pelajar lelaki. Merujuk kepada salah laku berdasarkan gender pula, dapatan kajian menunjukkan pelajar perempuan lebih rendah terlibat dengan salah laku disiplin berbanding pelajar lelaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini dibuktikan berdasarkan kajian-kajian lalu yang membuktikan bahawa rendah aspek psikologi mempunyai tendensi tinggi terlibat dengan pelanggaran disiplin di sekolah. Kajian yang dijalankan oleh Tom et. al., (2010) ke atas kes salah laku bulidalam kalangan pelajar di Hong Kong menunjukkan rendah motivasi mempunyai hubungan dengan kes-kes buli. Hamdan dan Rahim (2012) telah melakukan kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Bentara Dalam, Segamat. Didapati kecenderungan pelajar yang rendah asertif mempunyai korelasi dengan kesalahan kurang sopan di sekolah. Kajian oleh Hannah dan Katelyn (2012) pelajar rendah kecerdasan emosi mudah terlibat dengan salah laku jenayah, serangan, rogol, pencabulan, caj senjata, pecah rumah, mencuri motorsikal, kerosakan berniat jahat, pemilikan, penghantaran dan pembuatan dadah dan salah laku ponteng sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Manakala empati dan harga diri tidak terdapat perbezaan di antara sampel lelaki dan perempuan. Dapatan ini memberikan gambaran bahawa antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan tidak menunjukkan perbezaan empati dan harga diri dalam kalangan sampel pelajar salah laku disiplin. Dapatan ini bermakna pelajar lelaki dan perempuan menunjukkan berpotensi terlibat dengan salah laku adalah sama. Kajian-kajian menunjukkan pelajar lelaki dan perempuan terlibat dengan pelbagai salah laku disiplin di sekolah berada pada tahap sangat membimbangkan. Kajian-kajian lepas membuktikan rendah empati mempunyai hubungan dengan kehidupan antisosial (Vander et.al., 2012). Pelajar yang mempunyai rendah empati lebih cenderung terlibat dengan masalah tingkah laku (Jolliffe & Farrington, 2004; Betty Rintoul et. al., 1998). harga diri yang rendah merupakan faktor pendorong kepada berlaku pelbagai tingkah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

laku negatif(Donnellan, et.al., 2005; Fergusson & Horwood, 2002; Webster et. al., 2007).

6.3.2 Perbezaan Salah laku Disiplin Dari Aspek Psikologi Berdasarkan Lokasi

Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan aspek psikologi iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi berdasarkan pelajar yang belajar di kawasan bandar dan luar bandar. Berdasarkan analisis ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan empati, harga diri dan kecerdasan emosi pelajar yang belajar di lokasi bandar lebih tinggi berbanding dengan lokasi luar bandar. Manakala motivasi dan asertif menunjukkan tidak terdapat perbezaan mengikut lokasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan ini menunjukkan, fenomena salah laku disiplin berlaku dalam kalangan pelajar yang mendapat skor aspek psikologi rendah. Apabila empati, harga diri dan kecerdasan emosi pelajar luar bandar lebih tinggi bermakna tahap perlakuan salah laku lebih rendah berbanding pelajar yang belajar di luar bandar. Dapatan kajian ini terdapat persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Bandura et. al., (2003), **e**mpati rendah merupakan penyumbang kepada tingkah laku antisosial. Manakala empati tinggi mempunyai tingkah laku prososial yang baik (Alvaro et. al., 2009). Harga diri yang rendah berisiko berlaku pelbagai tingkah laku negatif (Donnellan, et.al., 2005; Fergusson & Horwood, 2002; Webster et. al., 2007). Hannah dan Katelyn (2012), menjalankan kajian terhadap dua orang pelajar perempuan dan lapan lelaki

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

antara umur dari 12 tahun ke 17 tahun di Pusat Keadilan Juvana di Walla Walla, WA. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan pelajar yang mendapat skor kecerdasan emosi tinggi mempunyai dengan rendah salah laku disiplin, manakala pelajar yang mendapat skor rendah kecerdasan emosi dikaitkan dengan perlakauan salah laku disiplin.

Manakala motivasi dan asertif pelajar dari bandar lebih tinggi berbanding dengan luar bandar. Fenomena ini menunjukkan terdapat perbezaan salah laku mengikut kawasan dimana mereka belajar. Kajian menunjukkan kejadian salah laku lebih tinggi berlaku di kawasan luar bandar berbanding dengan kawasan bandar. Dapatan ini tidak menunjukkan persamaan dengan kajian oleh De Looze1 et. al., (2012), yang menyatakan bahawa ketidaksamaan tahap merokok dengan tahap pendidikan antara tahun 2002 dengan tahun 2010 di tujuh negara-negara Eropah. Analisis ke atas sampel seramai 32867 orang dari umur 14 tahun yang masih belajar pada tahun 2002, 2006 dan 2010 di Belgium, Croatia, Perancis,Jerman, Hungary, Itali dan Belanda. Dapatan kajian tersebut menunjukkan terdapat perbezaan tren perokok dan hubungannya tahap akademik (rendah motivasi) dengan tabiat dikenal pasti di negara ini. Caroll (1998) dalam kajiannya ke atas pelajar berusia 14 tahun di Australia menunjukkan salah laku ponteng, menghidu gam di sekolah berpunca daripada ketidakupayaan untuk mengelakkan diri dan memiliki asertif diri yang rendah serta tidak pernah takut untuk mencuba sesuatu tingkah laku baru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.3.3 Hubungan Motivasi Dengan Salah Laku Disiplin

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan yang negatif antara salah laku dengan motivasi dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin pada nilai r -.196** = .000 < 0.05. Korelasi ini bermakna salah laku disiplin berkadar songsang dengan motivasi. Semakin meningkat salah laku disiplin semakin rendah motivasi dalam kalangan sampel kajian. Terdapat persamaan dengan kajian Jenkins (1995) mendapati terdapat hubungan yang songsang antara komitmen pelajar dengan jenayah sekolah. Pelajar yang terlibat dalam salah laku jenayah adalah mereka yang kurang komitmen dan rendah motivasi diri. Wiesner et. al., (2007) dalam kajian mereka menunjukkan terdapat hubungan rendah motivasi atau pencapaian akademik mempunyai korelasi dengan salah laku tahap tinggi, sederhana, rendah dan kesalahan yang jarang berlaku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.3.4 Hubungan Asertif Dengan Salah Laku Disiplin

Dapatan kajian salah laku disiplin dengan asertif mendapati nilai keberangkalian p adalah lebih tinggi daripada nilai aras siginifikan alpha (a) iaitu .731 > .0.05, manakala nilai (r) adalah negatif (-015). Dengan itu, hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang tidak signifikan yang negatif antara salah laku dengan asertif dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin pada nilai r -015 = .731 > 0.05.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian menolak hasil kajian Hamdan dan Rahim (2012) didapati kecenderungan pelajar yang rendah asertif dihubungkan dengan salah laku kurang sopan sampel kajian. Goldberg et. al., (2005) menyatakan faktor pelajar mengambil alkohol mempunyai hubungan dengan asertif diri rendah. Tom et, al. (2010) dalam kajian mereka, pelajar terlibat dengan salah laku kes buli disebabkan faktor persekitaran dan rendah asertif atau rasa mengalah dan lemah prestasi akademik. Pelajar yang rendah asertif diri mempunyai korelasi dengan maladaptif (Z.B. Islamova, 2010). Croner (2002) menyatakan bahawa individu yang mempunyai tahap asertif rendah mempunyai sokongan sosial yang rendah kerana individu sedemikian lebih cenderung untuk mengalami emosi yang negatif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.3.5 Hubungan Empati Dengan Salah Laku Disiplin

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang tidak signifikan yang negatif antara salah laku disiplin dengan empati dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin pada nilai r -037 = .384 > 0.05. Dapatan kajian ini tidak terdapat persamaan dengan kajian-kajian lepas. Berdasarkan kajian-kajian barat didapati pelajar yang rendah empati mempunyai korelasi dengan pelbagai salah laku. Kajian Vander et.al., (2012) menunjukkan pelajar yang mempunyai empati rendah mempunyai hubungan dengan antisosial. Betty et. al., (1998) menyatakan bahawa pelajar yang mempunyai rendah empati lebih cenderung terlibat dengan masalah tingkah laku. Alvaro et. al., (2009) menyatakan bahawa empati yang lebih tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai tingkah laku prososial manakala empati rendah menjurus kepada tingkah laku antisosial. Robinson et. al., (2007) menjalankan kajian mendapati pelajar yang rendah empati terlibat dengan pelbagai salah laku.

6.3.6 Hubungan Harga Diri Dengan Salah Laku Disiplin

Dalam aspek hubungan antara salah laku disiplin dengan harga diri pula, analisis ujian salah laku disiplin dengan harga diri mendapati nilai keberangkalian p adalah lebih tinggi daripada nilai aras signifikan *alpha* (a) iaitu .916 > .0.05. Dengan itu, hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang tidak signifikan antara salah laku dengan harga diri dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin pada nilai r 005 = .916 > 0.05. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat persamaan dengan kajian-kajian lepas. Pelajar harga diri rendah sebenarnya memiliki rasa malu yang tinggi dan takut apabila berhadapan dengan khalayak. Berdasarkan pengalaman pengkaji pelajar yang rendah harga diri akan berada di bahagian belakang kelas berbanding pelajar yang harga diri tinggi. Mereka kurang yakin dengan diri sendiri apatah lagi terlibat dengan salah laku di sekolah. Banyak dapatan kajian menunjukkan harga diri ada hubungan dengan pencapaian akademik pelajar. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara harga diri pelajarlelaki dengan pelajar perempuan (Yeo Kee Jiar & Siti Zamnah Hj. Paimin, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini menunjukkan tidak terdapat persamaan dengan kajian-kajian lepas. Kajian menyatakan bahawa harga diri yang rendah merupakan faktor risiko berlaku pelbagai tingkah laku negatif, termasuk kenakalan (Donnellan, et.al., 2005; Fergusson & Horwood, 2002; Webster. Et. al., 2007). Laramie et. al., (2007); Donnellanet.al., (2005) dalam kajian mereka menunjukkan bahawa, pelajar dengan harga diri rendah adalah lebih cenderung untuk melakukan jenayah atau terlibat dengan salah laku. Kajian oleh Gomez dan Martin (2010) di sekolah yang paling popular di Amerika mendapati pelajar harga diri rendah mempunyai hubungan dengan salah laku di sekolah. Sebaliknya pelajar harga diri tinggi didapati pencapaian akademik baik di sekolah.Dalam satu lagi kajian oleh Donnellan, et.al., (2005) membuktikan bahawa terdapat hubungan yang kukuh antara harga diri rendah dengan kenakalan. Sung, (1998) telah melakukan kajian dan mendapati remaja yang mempunyai harga diri rendah akan cuba untuk mendapatkan kebenaran dan penerimaan daripada rakan sebaya dengan cara turut sama mengambil bahagian dalam kegiatan salah laku.

6.3.7 Hubungan Kecerdasan Emosi Dengan Salah Laku Disiplin

Keputusan ujian salah laku disiplin dengan kecerdasan emosi mendapati nilai keberangkalian p adalah lebih rendah daripada nilai aras siginifikan alpha (a) iaitu .000 < .0.05, manakala nilai (r) adalah negatif (-.194**). Dengan itu, hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan yang negatif antara salah laku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin pada nilai r -.194** = .000 < 0.05. Dapatan ini bermakna salah laku disiplin berkadar songsang dengan kecerdasan emosi. Semakin meningkat salah laku disiplin semakin rendah kecerdasan emosi dalam kalangan sampel kajian.

Dapatan kajian-kajian lalu telah membuktikan bahawa terdapat persamaan dengan kajian ini. Kajian oleh Chathareana Petronella Erasmus (2007) menunjukkan pelajar yang rendah kecerdasan emosi mudah terpengaruh dengan rakan sebaya yang negatif. Che Su et. al., (2014) menyatakan kecerdasan emosi tinggi dapat membantu para pelajar menangani permasalahan-permasalahan lain yang timbul dalam konteks kehidupan mereka seharian dan begitu juga berlaku sebaliknya. Remaja yang mempunyai rendah kecerdasan emosi mempunyai hubungan dengan perlakuan devian dalam kalangan remaja lelaki dan remaja perempuan (Barnes dan Farrell, 1992; Fitzpatrick dan Marshall, 1996). Menurut Goleman 1996 kecerdasan emosi rendah tidak dapat mengawal rasa kecewa, sedih dan perasaan negatif dan yang lain dengan baik. Chan dan Rodziah (2012) menjalankan kajian di Bachok, Kelantan mendapati pelajar yang rendah kecerdasan emosimudah melakukan salah laku seperti ponteng sekolah dan kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.4 Perbincangan Kajian Kuasi Eksperimental

Bahagian ini membincangkan hasil kajian yang telah dibentangkan dalam bab lima. Aspek perbincangan yang diberi penekanan dalam bab ini adalah tentang kesan KKPR terhadap pemboleh ubah terikat; kesan jenis intervensi; dan perkembangan proses intervensi KKPR, kesannya terhadap gangguan yang dialami oleh pelajar salah laku disiplin.

6.5 Pendahuluan

Bahagian ini akan membincangkan keseluruhan dapatan kajian kuasi eksperimen yang telah dijalankan oleh pengkaji. Kajian ini akan membincangkan kesan daripada rawatan KKPR ke atas kelompok rawatan dan kelompok kawalan. Di samping itu, bab ini turut membincangkan mengenai implikasi kajian termasuk implikasi dan sumbangan terhadap bidang kaunseling serta implikasi modul KKPR terhadap aspek psikologi, masalah dalam menjalankan kajian, saranan kepada pengkaji akan datang serta rumusan dan kesimpulan terhadap keseluruhan kajian yang dijalankan. Berdasarkan kepada Profil IRSLD Bab V, didapati pelajar terlibat dengan salah laku disiplin menghadapi masalah psikologi iaitu motivasi rendah, asertif rendah, empati rendah, harga diri rendah dan kecerdasan emosi rendah. Justeru, melalui kajian eksperimen semua pemboleh ubah tersebut cuba ditingkatkan melalui kelompok bimbingan KKPR. Oleh itu perbincangan dalam bahagian ini akan memberi fokus kepada setiap pemboleh ubah kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.6 Kesan KKPR Ke Atas Pemboleh Ubah Terikat

Tujuan utama modul Kaunseling Kelompok Penyesuaian Remaja (KKPR) adalah untuk mendapatkan penyesuaian dalaman (psikologikal) dalam kalangan pelajar salah laku disiplin. Justeru keberkesanan daripada intervensi KKPR tersebut dapat dinilai berdasarkan kepada pengujian hipotesis yang telah dibentangkan dalam bab lima, iaitu dengan cara mengukur kesan KKPR terhadap semua pemboleh ubah terikat kajian berdasarkan kepada skor min praujian dan posujian.

Keputusan kajian secara umumnya menunjukkan terdapat kesan signifikan KKPR ke atas semua pembolehubah terikat iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi kelompok rawatan dan kawalan, berdasarkan gender, lokasi serta salah laku berdasarkan gender dan lokasi secara keseluruhannya kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan berpandukan praujian dan posujian dalam kalangan pelajar tingkatan dua.

6.6.1 Kesan KKPR Ke Atas Motivasi Pelajar Salah laku Disiplin

Kajian Gail et. al. (2003); Owens (2001); Gottfredson et., al. (2006) dan Wiesner et. al. (2007) menyatakan terdapat hubungan rendah motivasi dengan salah laku pelajar. Pelajar terlibat dengan salah laku di sekolah menggambarkan bahawa pelajar memandang rendah dengan peraturan-peraturan yang ada di sekolah. pelajar sanggup mengambil resiko melakukan ponteng dan salah laku lain (Hawkins et. al. 1998; Le

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Blanc et.al., 1991; Gail et. al., 2003). Kenyataan ini memberikan gambaran bahawa pelajar yang rendah motivasi mempunyai hubungan dengan pelbagai salah laku disiplin. Hasil kajian Jenkins (1995) juga terdapat hubungan yang songsang antara komitmen pelajar dengan jenayah sekolah. Kajian-kajian lepas ini telah menyokong dapatan kajian awal (*pliminary*) iaitu terdapat hubungan signifikan yang negatif antara salah laku dengan motivasi dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin. Semakin meningkat salah laku disiplin semakin rendah motivasi dalam kalangan sampel kajian. Roeser et. al., (2000); Hagborg, (1994); Dornbusch et. al., (2001) dalam kajian mereka, pelajar mempunyai motivasi tinggi tidak terdapat hubungan dengan salah laku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Albert Bandura (1977), sebagai model kajian kerana teori ini melihat salah laku sebagai tingkah laku yang dipelajari dan bukannya satu tingkah laku yang wujud secara semula jadi dalam diri individu (Corey, 2005). Oleh sebab proses pembelajaran berlaku melalui pemerhatian maka semakin rendah motivasi semakin mudah terpengaruh dengan persekitaran negatif. Pelajar meniru salah laku ini melalui pemerhatian, membendung pemerhatian itu, menghasilkan tingkah laku yang dibendung serta peneguhan dan motivasi terhadap tingkah laku yang dihasilkan. Oleh sebab teori pembelajaran sosial Albert Bandura menyatakan bahawa tingkah laku dipelajari, kanak-kanak biasanya mengikuti tingkah laku orang-orang di sekelilingnya. Proses ini menjadi cepat jika mereka diberi galakan dan peneguhan. Sebagai contohnya, jika seseorang pelajar dipuji kerana mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan, maka kemungkinan besar dia akan belajar bersungguh-sungguh untuk mendapat keputusan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang lebih baik dalam peperiksaan yang lain. Tetapi jika seseorang kanak-kanak itu berhadapan dengan keganasan dan tingkahlaku yang agresif di rumah, kemungkinan kanak-kanak itu mempelajari tingkahlaku tersebut. Peniruan ini bermakna, faktor-faktor persekitaran seperti keluarga, sekolah dan rakan sebaya boleh mempengaruhi seseorang. Memiliki motivasi tinggi dapat membantu mengatasi cabaran dan dapat merasional sesuatu isu atau perkara yang mengganggu psikologi mereka.

Dapatan analisis kuantitatif ini juga disokong dengan analisis dengan kajian-kajian lepas. Melalui KKPR pelajar dibantu untuk memahami bagaimana pemikiran yang tidak adaptif mempengaruhi emosi dan membentuk perlakuan mereka. Berdasarkan kajian ini kesan KKPR berdasarkan posujian kajian membuktikan min motivasi kelompok rawatan meningkat sebanyak +0.758 berbanding min motivasi kelompok kawalan yang menurun sebanyak -0.0367. Dapatan kajian ini menolak hipotesis kajian tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian antara motivasi kelompok rawatan dan kelompok kawalan pelajar sekolah yang terlibat dengan salah laku disiplin di sekolah.Keputusan ini telah membuktikan KKPR didapati berkesan meningkatkan motivasi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

Dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian Ayu Zumaroh (2013); Wiesner et. al.,(2007); Enea dan Dafinoiu (2009);Shechtrnan et. al.(2005) dan Susan dan Ronald (2001) dengan menyatakan keberkesanan penggunaan kelompok bimbingan terbukti dapat meningkatkan motivasi sampel kajian. Kajian ini juga mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persamaan dengan kajian Mohammad Nasir dan rakan-rakan (2013) terhadap kesan kaunseling kelompok berasaskan modul KKPR dapat meningkatkan aspek psikologi dan dapat menyesuaikan diri kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan.

Berdasarkan min praujian dan posujian terbukti modul KKPR telah meningkatkan tahap motivasi ahli kelompok rawatan berbanding kawalan, namun motivasi lebih terkesan kepada sesi penerokaan dan perancangan akedemik. Dapatan ini bersamaan dengan kajian Jaamat (2010) menyatakan Modul Kesedaran Kerjaya berkesan dan sesuai digunakan bagi meningkatkan tahap kesedaran kerjaya dan motivasi pelajar di sekolah menengah. Selain daripada itu dapatan ini juga disokong oleh kajian Noor Azlan dan Noridah, (2009) dimana terdapat ramai ahli kelompokyang sedar dan bermotivasi tentang pentingnya pemilihan kerjaya ingin memperbaiki keputusan akademik yang lalu jika mempunyai peluang. Ini adalah kerana mereka melihat betapa pentingnya kerjaya dalam kehidupan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.6.2 Kesan KKPR ke atas Asertif Pelajar Salah Laku Disiplin

Burley (1983) menyatakan tingkah laku asertif bersifat terbuka dan jujur terhadap diri sendiri dan orang lain, mendengar pandangan orang lain, berupaya berdiri teguh untuk diri sendiri dan masa yang sama memahami situasi orang lain. Menurut Noraini Ahmad (2001) tingkah laku asertif mencakupi aspek kemampuan seseorang individu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghadapi konflik dan permasalahan psikologi dalam usaha bagi memastikan dirinya berada didalam situasi yang berjaya dan menguntungkan kedua-dua pihak.

Kajian Kvarme et. al. (2010) menyatakan bahawa pelajar yang rendah asertif diri mendatangkan masalah sosial kepada pelajar lain. Croner (2002) menyatakan individu yang mempunyai tahap asertif rendah, lebih cenderung mengalami emosi negatif dan mudah terpengaruh dengan permasalahan sosial. Kajian-kajian lepas menyokong hasil dapatan kajian awal, iaitu wujudnya perbezaan yang signifikan praujian dan posujian asertif pelajar lelaki dengan perempuan yang terlibat dengan salah laku. Didapati dalam kajian awal ini pelajar lelaki lebih tinggi terlibat dengan salah laku disiplin di Kedah berbanding dengan pelajar perempuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seseorang pelajar yang memiliki asertif rendah mempunyai korelasi dengan kegagalan mengawal diri, mudah meniru dan terpengaruh dengan mereka yang dominan. Bandura (1977) menyatakan bahawa tingkah laku asertif dipelajari melalui ahli keluarga. Apabila keluarga rendah sistem sokongan sosial seolah-olah ia bertindak sebagai potensi pembuka jalan kepada penularan tingkah laku negatif. Mereka sukar menyatakan tidak dan sangat mudah terpengaruh dengan rakan sebaya yang rapat dan mereka yang lebih dewasa (Rohana & Fadillah, 2008).

Berdasarkan kajian-kajian lepas terdapat pelbagai faktor pelajar terlibat salah laku pelanggaran disiplin di sekolah di antaranya pengaruh rakan sebaya, media massa, jiran, guru dan sebagainya kerana kesukaran menyatakan tidak atau menolak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelawaan individu yang signifikan. Justeru melalui pendekatan kaunseling kelompok *Rational-Emotive Behavior Therapy* (*REBT*) cuba mencabar lekatan daripada hasil pemikiran tidak rasional agar dapat menyesuaikan diri dengan situasi yang dihadapi.

Berdasarkan analisis kuantitatif melalui kajian ini telah membuktikan bahawa intervensi KKPR didapati berkesan meningkatkan asertif peserta kelompok pelajar salah laku disiplin. Dapatan ini menunjukkan bahawa modul yang terkandung dalam KKPR boleh digunakan sebagai intervensi untuk meningkatkan asertif pelajar dan mengurangkan salah laku disiplin. Kajian ini menyokong kajian sebelum ini, iaitu modul kaunseling kelompok penting sebagai satu intervensi serta memberikan kesan dan perubahan yang positif ke atasasertif ahli kelompok (Lardén et. al., 2006). Dapatan kajian ini bukan sahaja dapat mengurangkan salah laku dan meningkatkan asertif tetapi dalam masa yang sama ahli kelompok mendapat pengetahuan dan meningkatkan kemahiran sosial dan dapat melakukan perubahan diri.

Tom et. al., (2010) menjalankan kajian salah laku buli dan mangsa buli di Hong Kong mendapati fungsi sosial dan akademik pelajaryang rendah mudah terpengaruh dengan salah laku disiplin. Dapatan ini menunjukkan pelajar yang tinggi asertif sukar terpengaruh dengan persekitaran negatif. Justeru melalui KKPR iaitu perancangan pendidikan tinggi dan kerjaya, ahli kelompok didapati terkesan dan dapat meningkatkan pandangan dan perancangan dan dapat membezakan antara pencapaian dengan kerjaya sekiranya ahli tidak tegas dan bijak membuat keputusan dalam menentukan perancangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan analisis kuantitatif min praujian dan posujian terbukti modul KKPR telah meningkatkan tahap asertif ahli kelompok rawatan berbanding kawalan. Fasa perancangan akademik memberi kesan kepada ahli kelompok membuat keputusan. Melalui sesi peringkat ini, dengan mengatur strategi sokongan ahli kelompok memerlukan asertif diri untuk memilih kerjaya pada masa hadapan. Pada sesi sokongan khususnya banyak dipelajari oleh ahli kelompok (Bandura, 1977).

Dapatan ini selari dengan pernyataan dimana tingkah laku asertif adalah satu bentuk tingkah laku yang wajar dipraktikkan oleh segenap lapisan pelajar sekolah bagi menunjukkan kesungguhan dan ketegasan diridalam mengejar cita-cita dan kerjaya. Tingkah laku asertif atau sifat ketegasan diri bukanlah merupakan suatu sifat semulajadi yang sedia terdapat pada diri seseorang individu. Sebaliknya, sifat ini merupakan suatu keupayaan dan kemahiran yang boleh dipelajari serta dibina melalui latihan asertif (Bandura, 1977). Berdasarkan proses dalam kelompok yang berjalan, ahli dapat mempelajari nilai-nilai tingkah laku asertif daripada ahli-ahli kelompok yang lain.

Pada sesi penamatan ini juga kelihatan ahli kelompok menunjukkan sifat asertif setelah melalui peringkat-peringkat sesi bimbingan. Fasilitator memberi peringatan tentang ketegasan dan redha dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku. Apa jua kebaikan (nikmat kesenangan) yang engkau dapati maka ia adalah dari Allah; dan apa jua bencana yang menimpamu maka ia adalah dari (kesalahan) dirimu sendiri (Surah An-Nisa ayat 79). Cawood (1987) mengemukakan tingkah laku asertif akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

membantu individu untuk memperoleh tujuan utama dan dapat menyelesaikan masalah secara nyata. Implikasi daripada sikap asertif:a. Kesan yang nyata *(real impact).* Individu benar-benar merasakan menghadapi berbagai masalah dan perlu untuk mengatasi. b. Meningkatkan kepercayaan diri. Di dalam kehidupan, orang sering kali dinilai dari tingkah lakunya. Pilihan individu untuk asertif akan meningkatkan harga diri dan tingkat kepercayaan dirinya. Individu menjadi tidak terlalu dipengaruhi oleh persetujuan orang (Hamdan & Abd Rahim, 2012).

6.6.3 Kesan KKPR ke Atas Empati Pelajar Salah laku Disiplin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Empati dapat dikenal pasti melalui tingkahlaku yang dipamerkan, perasaan yang diluahkan dan pemikiran yang dinyatakan oleh seseorang individu.Menurut Jolliffe dan Farrington, (2004); Betty Rintoul et. al.,(1998) pelajar yang mempunyai empati rendah lebih cenderung terlibat dengan masalah tingkah laku. Kajian Jolien et. al. (2012) menyatakan pelajar empati rendah mempunyai hubungan dengan tingkah laku agresif dan delinkuen. Kajian-kajian ini menolak dapatan kajian awal dimana terdapat hubungan yang tidak signifikan yang negatif antara salah laku dengan empati dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin pada nilai r -037 = .384 > 0.05. Berdasarkan dapatan kajian ini bermakna salah laku disiplin pelajar tidak mempunyai kaitan dengan rendah empati.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, anak-anak mudah berasa empati terhadap apa-apa yang diperhatikan. Selepas beberapa ketika hasil pemerhatian telah melekat dan anak-anak mula melakukan tindakan. Teori pembelajaran sosial yang diaplikasikan oleh Bandura (1973) juga merumuskan bahawa perkara utama yang sering dipelajari oleh kanak-kanak dan remaja ialah melalui pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain, khususnya orang yang signifikan dengan mereka.

Berdasarkan kepada kajian eksperimen, keberkesanan rawatan KKPR terbukti dapat meningkatkan empati kelompok rawatan berbanding dengan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar salah laku disiplin. Dapatan kajian ini menolak hipotesis yang dibina iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor ujian praujian dan posujian antara empati kelompok rawatan dan kelompok kawalan pelajar sekolah yang terlibat dengan salah laku disiplin di sekolah. Keputusan yang didapati menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kelompok rawatan dengan kelompok kawalan. Dapatan ini bermakna rawatan yang diberikan terhadap pelajar salah laku disiplin pelajar turut memberikan kesan dalam meningkatkan Empati dalam kalangan sampel kajian.

Kajian ini selari dengan kajian Abdul Malik (2004) yang menjadikan kompenan empati dalam fasa membina hubungan dan penerokaan sebagai elemen utama dalam mengubah salah laku buli. Hasil kajian ini telah diteguhkan lagi dengan kajian Cale dan Chris (2010); Bosmans et. al., (2011); Baumrind et. al., (2010) yang mendapati rawatan berbentuk intervensi pencegahan dan perkembangan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan pendekatan kelompok memberikan kesan positif terhadap empati dalam kalangan pelajar salah laku disiplin.

Melalui intervensi KKPR iaitu melalui proses penerokaan dan kekerapan pertemuan menjadikan ahli kelompok bertambah jelekit dan keberanian berkongsi bertambah yakin. Selepas sesi kelompok ahli kelompok jelas berlaku kejelekitan. Justeru penyesuaian emosional yang berlandaskan kemampuan berempati sangat penting dalam kehidupan seharian yang melibatkan interaksi interpersional. Ketiadaan empati boleh membawa seseorang bertindak tidak normal, iaitu bertingkah laku di luar daripada norma masyarakat (Abdul Malik, 2004). Menurut Hoffman (2000)dan Berns (2004) empati adalah sifat semula jadi yang diwarisi dan boleh disuburkan melalui pendedahan kepada pengalaman mempelajari perasaan orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan min praujian dan posujian terbukti modul KKPR telah meningkatkan tahap empati ahli kelompok rawatan berbanding kawalan. Pada tahap penerokaan dan meyemak faktor-faktor penyebab berlakunya kesan psiklogi elemen empati penting kepada semua ahli kelompok. Rasa empati ahli kelompok penting supaya klien yang menghadapi masalah berani berkongsi pengalamannya. Melalui intervensi KKPR proses penerokaan dan kekerapan pertemuan menjadikan ahli kelompok bertambah jelekit. Justeru penyesuaian emosional yang berlandaskan kemampuan berempati sangat penting dalam kehidupan seharian yang melibatkan interaksi interpersional. Ketiadaan empati boleh membawa seseorang bertindak tidak normal, iaitu bertingkah laku di luar daripada norma masyarakat (Abdul Malik, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peningkatan rasa empati ahli kelompok disokong oleh Hoffman (2000)dan Berns (2004)sesungguhnya empati adalah sifat semula jadi yang diwarisi dan ianya boleh disuburkan melalui pendedahan kepada pengalaman mempelajari perasaan bersama orang lain.

6.6.4 Kesan KKPR Ke Atas Harga Diri Pelajar Salah Laku Disiplin

Harga diri merupakan persepsi seseorang terhadap dirinya yang diperoleh melalui pengalaman dirinya dengan persekitaran dan dipengaruhi oleh pengukuhan terhadap persekitaran. Individu yang mempunyai harga diri yang tinggi lebih menekankan dan mementingkan kebolehan, kekuatan serta kualiti diri yang baik. Sebaliknya mereka yang harga diri rendah menumpukan perhatian kepada kelemahan, kekurangan serta kualiti yang tidak baikyang terdapat dalam diri mereka dan mudah terpengaruh dengan pelbagai salah laku.

Kajian oleh Meriwether (2003) terhadap tingkah laku tidak bermoral mendapati bahawa semua perlakuan tidak bermoral dilakukan oleh responden yang harga diri rendah. Laramie et. al. (2007) menyatakan terdapat hubungan antara harga diri rendah dengan kecenderungan untuk melakukan jenayah atau terlibat dengan salah laku disiplin. Kajian oleh Gomez dan Martin (2010) di sekolah yang paling popular di Amerika. Didapati pelajar yang rendah harga diri mempunyai hubungan dengan salah laku disiplin di sekolah. Terdapat banyak kajian menyatakan harga diri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rendah mempunyai hubungan dengan salah laku disiplin dalam kalangan pelajar sekolah.

Dapatan kajian awal didapati tidak terdapat hubungan salah laku disiplin dengan harga diri mendapati nilai keberangkalian p adalah lebih tinggi daripada nilai aras siginifikan alpha (a) iaitu .916 > .0.05, manakala nilai (r) adalah negatif (005). Dengan itu, hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang tidak signifikan antara salah laku dengan harga diri dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin. Dapatan kajian ini tidak ada hubungan rendah harga diri dengan salah laku disiplin dalam kalangan pelajar di Kedah.Dapatan kajian ini tidak sealiran dengan Bandura (1977) pembentukan salah laku pelajar sering dipelajari oleh kanak-kanak dan remaja ialah melalui pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Melalui kajian kuasi eksperimental telah menunjukkan bahawa KKPR didapati berkesan bagi meningkatkan harga diri dalam kalangan sampel kajian keseluruhannya. Dapatan kajian ini menolak hipotesis iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor ujian praujian dan posujian antara harga diri kelompok rawatan dan kelompok kawalan pelajar yang terlibat dengan salah laku disiplin di sekolah.

Keberkesanan KKPR turut menyokong kajian Mohammad Nasir (2006); Frederickson dan Turner (2003) yang mendapati intervensi pada peringkat pertama yang berbentuk intervensi pencegahan dan perkembangan dengan menggunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendekatan kelompok memberi kesan terhadap penghargaan diri dalam kalangan pelajar salah laku berisiko.

Sepanjang menjalani intervensi KKPR, setiap ahli kelompok seramai 15 orang diberi peluang untuk berinteraksi dan memberikan pandangan dan pengalaman semasa proses kelompok berlangsung. Fasilitator memberikan galakan dan peluang bertindak balas lisan hasil daripada perbincangan tersebut. Fasilitator sentiasa memberikan perhatian dan juga dorongan-dorongan minimum supaya ahli ahli berani mengemukakan pendapat. Fasilitator sentiasa berusaha menekankan aspek kemesraan, pujian-pujian, penghargaan apabila ahli kelompok berani memberi pandangan. Suasana yang diwujudkan oleh ahli menjadikan kelompok nampak kondusif, jelekit dan dapat berinteraksi dengan baik sesama mereka. Di samping itu kehadiran fasilitator yang sentiasa memberikan dorongan, menerima dan memahami ahli kelompok memberi pengalaman baru kepada ahli kelompok apabila berinteraksi dengan secara kondusif yang sebelum ini sukar diperoleh daripada guru-guru lain. Secara tidak langsung kehadiran fasilitator dan tempoh 10 kali pertemuan dalam sesi kelompok telah membantu meningkatkan keyakinan dan harga diri ahli kelompok.

Dalam konteks kajian ini, intervensi KKPR telah berjaya menyesuaikan sistem kepercayaan ke arah sistem kepercayaan baru yang lebih rasional dan terbuka. Sehubungan dengan itu peserta kelompok lebih berfikiran matang dan dapat menilai sesuatu kejadian atau peristiwa dengan lebih rasional, lebih memahami orang lain,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapat menerima diri sendiri dan dapat meningkatkan hidup bermasyarakat. Dengan cara ini kesejahteraan emosi dan tahap harga diri dapat ditingkatkan.

Menurut pendekatan *Rational Emotive Behavior Therapy* (REBT) segala gangguan emosi termasuk rasa rendah harga diri yang berlaku pada diri seseorang adalah berpunca daripada pemikiran yang tidak rasional dalam menilai kejadian atau peristiwa yang berlaku secara luaran. Sistem kepercayaan tidak rasional di atas memberikan beberapa kesan kepada seseorang iaitu menghalang seseorang untuk mencapai matlamat, membentuk emosi negatif yang keterlaluan seperti tidak mendapat perhatian, ibu bapa pilih kasih dan rasa pengabaian daripada keluarga. REBT menegaskan bahawa untuk meningkatkan kesejahteraan emosi (rendah harga diri) dan mengurangkan tindakan perlakuan bermasalah, maka falsafah hidup yang sempit berpunca daripada sistem kepercayaaan tidak rasional perlu diperbetulkan.

Dalam peringkat mengatur srtategi sokongan dimana ahli kelompok mula berbincang tentang kelulusan dan kerjaya pada masa hadapan. Tempoh 5 atau 10 tahun akan datang dimana ahli-ahli kelompok?. Perbincangan selama dua kali pertemuan ahli kelompok mulai celek akal tentang tahap kelulusan dan peluang kerjaya. Sekiranya merujuk kepada pendapatan kelulusan peringkat ijazah berbeza berbanding diploma dan sijil. Berlaku peningkatan harga diri dalam fasa ini. Dapatan ini disokong oleh kajian Robiah, (1998), menyatakan bahawa fasilitator memainkan peranannya sebagai pemimpin membantu ahli memberi penerangan tentang perlunya ada matlamat, pendedahan kerjaya dan kesesuaian dengan sesuatu bidang pekerjaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kenyataan ini bermaksud selain untuk tujuan kerjaya, ia bertujuan untuk memperkembangkan diri seseorang pelajar dari segi keupayaan jasmani (fizikal), emosi, rohani, intelektual, sahsiah dan harga diri supaya dia menjadi individu dan masyarakat yang baik.

6.6.5 Kesan KKPR Ke Atas Kecerdasan Emosi Pelajar Salah Laku Disiplin

Orang yang mempunyai kecerdasan emosi bukan sahaja dapat menguruskan diri mereka dengan baik, tetapi berkeupayaan untuk mengurus orang lain, kerana mereka faham bahawa emosi mereka sendiri adalah contohkepada orang lain (Boyatzis & McKee, 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian tinjauan dalam kajian awal menunjukkan pelajar yang terlibat dengan salah laku disiplin mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah. Kajian ini menyokong kajian-kajian yang terdahulu seperti kajian-kajian oleh Kajian oleh Hannah dan Katelyn (2012) kecerdasan emosi yang rendah mempunyai skor salah laku tinggi. Kajian oleh Bernard (2012) pula menyatakan pengambilan alkohol, penyalahgunaan bahan terlarang dan salah laku lain dalam kalangan pelajar mempunyai hubungan dengan kecerdasan emosi rendah. Kajian-kajian ini selari dengan keputusan kajian awal berdasarkan ujian salah laku disiplin dengan kecerdasan emosi. kajian mendapati nilai kebarangkalian p adalah lebih rendah daripada nilai aras siginifikan alpha (a) iaitu .000 < .0.05. Kebarangkalian ini bermakna salah laku disiplin berkadar songsang dengan kecerdasan emosi. Semakin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meningkat salah laku disiplin semakin rendah kecerdasan emosi dalam kalangan sampel kajian.

Hasil kajian secara eksperimen juga ternyata menunjukkan bahawa KKPR didapati berkesan dan dapat meningkatkan kecerdasan emosi kelompok rawatan. Dapatan kajian ini menolak hipotesis dimana tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian antara kecerdasan emosi kelompok rawatan dan kelompok kawalan pelajar yang terlibat dengan salah laku disiplin di sekolah. Dapatan kajian ini menyamai dengan kajian oleh Ronan dan Johnston (2001) dan kajian Mohammad Nasir et. al. (2013) mendapati bahawa rawatan berbentuk intervensi pencegahan dan perkembangan dengan menggunakan pendekatan kelompok yang memberikan kesan dalam meningkatkan aspek psikologi. Selain daripada itu dapatan kajian ini juga disokong oleh kajian Brown University Child John dan Adolescent Behavior Letter (2010). Kajian mereka berfokus kepada kecerdasan emosi dan salah laku buli di Australia. Hasil daripada intervensi berstruktur selama lapan minggu ini telah berlaku peningkatan kecerdasan emosi dan tingkah laku buli menurun dengan ketara dalam kalangan sampel kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam konteks kajian ini, melalui intervensi KKPR, peserta kelompok telah didedahkan dengan kemahiran bagaimana membuat perbandingan dengan insan yang lebih tidak bernasib baik berbanding ahli kelompok dan bagaimana membuat perancangan akademik dan kerjaya. Melalui fasa membina hubungan juga kecerdasan emosi sudah kelihatan, ahli kelompok saling membantu dan menghormati antara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka. Selain daripada fasa ini mereka diberi peluang untuk membina matlamat diri, membina imaginasi untuk merancang tindakan, dan meramal hasil tindakan. Mereka juga telah berpeluang membuat penjelajahan tentang maklumat akademik dan kerjaya dan menyusun langkah matlamat akademik dan kerjaya dalam jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Mereka juga sentiasa diberi galakan untuk berani membuat perancangan dan mengingatkan pengorbanan ibu bapa dalam membesarkan mereka. Ahli sentiasa diingatkan agar kecerdasan emosi digunakan bagi menghadapi cabaran dan halangan pada masa akan datang.

Justeru, itu melalui KKPR iaitu menerusi latihan perancangan pendidikan tinggi dan kerjaya, peserta kelompok dapat meningkatkan pandangan dan persepsi yang positif tentang cabaran yang akan dihadapi.

Melalui fasa bina hubungan ahli kelompok dapat berinteraksi dengan lebih mesra dengan tujuan dapat mengenali ahli kelompok dengan lebih dekat. Ahli cuba memberi pendedahan kendiri dengan harapan memelihara etika yang dipersetujui bersama. Tahap kecerdasan emosi dalam fasa bina hubungan dan kesedaran kerjaya ini selari dengan kajian Slaski dan Cartwright (2002) yang menyatakan bahawa dalam proses membina hubungan, kecerdasan emosi akan mempengaruhi cara seseorang individu menguruskan kadar tekanan dalam diri ketika menjalankan tugas dan berkongsi pengalaman dalam kelompok.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain daripada itu dapatan ini juga disokong oleh Murray (1998), menyatakan, kecerdasan emosi merupakan satu kebolehan untuk mengekang perasaan atau emosi negatif seperti marah dan ragu-ragu dalam kumpulan serta memfokuskan kepada perasaan positif seperti keyakinan diri sewaktu berinteraksi sewaktu proses penerokaan dan penamatan. Rasa bersalah apabila ahli kelompok mengabaikan tanggungjawab yang diberikan oleh ibu bapa. Setiap individu yang mampu mengawal perasaan marah dan membuang perasaan negatif, akan mampu membuat keputusan dengan lebih rasional dan menjadikan kehidupannya lebih teratur. Selain itu, menurut Mayer et.al (1999), kecerdasan emosi akan mempengaruhi seseorang dalam kumpulan dan mampu membuat keputusan yang bijak dan meningkatkan daya pemikiran menggunakan emosi yang positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui sesi bina hubungan pada tahap pertama ini, ahli kelompok berkongsi pelbagai pengalaman yang dilalui. Kemahiran interaksi tersebut memerlukan tahap kecerdasan emosi supaya sepanjang sesi kelompok yang akan dijalankan mendapat kerjasama yang baik. Seterusnya mampu memberi kepuasan kepada ahli kumpulan (Noorhafeza & Ferlis, 2010).

Justeru kepuasan dalam kelompok berkait dengan sikap setiap ahli secara keseluruhan di samping melahirkan perasaan selesa dan seronok kepada tugas yang dilakukan. Kepuasan bekerjasama dalam kumpulan adalah respon dan emosi yang efektif dalam diri seseorang individu yang akan menentukan kejayaan dalam sesuatu kumpulan (Bar-On et.al.,2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.7 Kesan KKPR Terhadap Aspek Psikologi Pelajar Salah Laku Disiplin Mengikut Gender

Dapatan kajian menunjukkan salah laku disiplin berlaku kepada pelajar lelaki dan perempuan yang rendah aspek psikologi (Siok Gim & Rodziah, 2012). Ken dan Ian (1996) menjalankan kajian ke atas faktor yang dikaitkan dengan rendah harga diri dan tingkah laku delinkuen melibatkan pelajar lelaki dengan perempuan berumur antara 13 tahun dan 17 tahun di sebuah sekolah tinggi di Australia. Berdasarkan dapatan kajian awal ini, pelajar lelaki dan perempuan telah terlibat dengan pelanggaran disiplin di sekolah. Penglibatan berdasarkan gender didapati sampel pelajar lelaki lebih tinggi terlibat dengan salah laku berbanding dengan perempuan. Dapatan kajian ini terdapat persamaan dengan kajian Zainudin dan Norazmah (2011) yang menyatakan bahawa kadar penglibatan pelajar lelaki dan perempuan dalam masalah sosial di sekolah semakin serius.

Berdasarkan analisis secara deskriptif iaitu melalui analisis min praujian dan posujian berdasarkan gender, menunjukkan bahawa perubahan skor min ke atas motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi adalah berbeza antara kelompok rawatan lelaki dengan kelompok rawatan perempuan. Tren perubahan min ini memberikan gambaran bahawa modul KKPR kelompok rawatan perempuan adalah lebih terkesan untuk meningkatkan keseluruhan aspek psikologi sampel perempuan berbanding dengan sampel lelaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini juga terdapat persamaan dengan Zaid (2014) menyatakan bahawa pelajar lelaki biasanya cepat berasa bosan apabila perlu duduk mendengar. Ini berbeza dengan keupayaan pelajar perempuan yang mempunyai daya fokus yang lebih tinggi dan dalam jangkamasa yang lebih lama. Pandangan awam mendapati pelajar perempuan lebih cepat matang (EQ) dan bijak belajar (IQ). Mereka juga lebih berdisiplin dan menghormati peraturan (SQ). Pelajar-pelajar lelaki lebih mudah dipengaruhi oleh faktor-faktor gangguan luar seperti hiburan, permainan komputer dan juga pengaruh rakan-rakan yang tidak bersisiplin. Mereka juga tidak berasa bersalah ponteng kelas atau menghabiskan masa-masa berharga melayan permainan komputer sehingga berjam-jam lamanya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan artikel oleh Zaid (2014) menyatakan bahawa pelajar perempuan lebih memberi fokus berbanding lelaki. Hal ini memberi gambaran pelajar perempuan mempunyai kemahiran mendengar dan empati yang baik berbanding lelaki sewaktu proses sesi berlaku. Artikel ini menyokong dapatan kajian deskriptif kesan KKPR berdasarkan gender iaitu kelompok perempuan lebih terkesan berbanding kelompok lelaki.

Didapati terdapat perbezaan kesan intervensi KKPR terhadap kelompok berdasarkan gender dalam meningkatkan pembolehubah terikat yang ditunjukkan secara deskriptif iaitu melalui analisis min dengan melihat tren perubahan min praujian dan posujian, namun ujian *pos-hoc* perlu dilakukan untuk menguji kesan gender iaitu adakah kelompok rawatan (L) dan kelompok rawatan (P) memberi kesan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

intervensi modul KKPR terhadap pemboleh ubah-pemboleh ubah psikologi. Dapatan ini menunjukkan terdapat kesan rawatan yang signifikan terhadap motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi kelompok rawatan perempuan dan kelompok rawatan lelaki.

Apabila terdapat perbezaan berdasarkan deskriptif maka analisis statistik pos-hoc digunakan. Hasil analisis *pos-hoc* berdasarkan Jadual 5.13 didapati posujian aspek psikologi iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi menunjukkan tidak terdapat perbezaan signifikan antara kelompok rawatan (L) dengan kelompok rawatan (P). Dapatan ini menunjukkan modul KKPR berkesan dan sesuai dijalankan kepada kelompok lelaki dan kelompok perempuan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini disokong oleh kajianStephens et. al. (2010); Harel et. al, (2012) menyatakan penggunaan teknik kelompok bimbingan dalam suasana sekolah sangat sesuai kepada pelajar lelaki dan perempuan.

Kajian Brugman, Daniel, Bink dan Martine (2011) juga telah menjalankan kajian terhadap pelajar juvana peringkat tinggi lingkungan umur 12 dan 18 tahun. Sampel rawatan seramai 40 orang dan kumpulan kawalan 28 orang dapatan menunjukkan pendekatan kelompok bimbingan dengan menggunakan modul berstruktur (EQUIP), dapat mengurangkan salah laku dalam kalangan pelajarbermasalah dari aspek kognitif, meningkatkan kemahiran sosial dan merangsang perkembangan moral kelompok rawatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini turut menolak hipotesis kajian iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi antara kelompok rawatan (lelaki dan perempuan) dengan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

6.8 Kesan KKPR Terhadap Aspek Psikologi Pelajar Salah Laku Disiplin Berdasarkan Lokasi

Berdasarkan analisis secara deskriptif melalui analisis min praujian dan posujian berdasarkan lokasi, menunjukkan bahawa perubahan skor min ke atas motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi adalah berbeza antara kelompok rawatan bandar dengan kelompok rawatan luar bandar. Tren perubahan min ini memberikan gambaran bahawa modul KKPR kelompok rawatan bandar adalah lebih berkesan meningkatkan keseluruhan aspek psikologi berbanding kelompok rawatan luar bandar.

Laramie et. al. (2007) menyatakan dalam kajian mereka terdapat hubungan antara rendah harga diri dengan salah laku di salah sebuah sekolah di bandar negara timur-pantai.Gomez dan Martin (2010) dalam kajian mereka, terdapat hubungan salah laku dengan rendah aspek psikologi di bandar yang paling popular di Amerika. Kajian survey Siok Gim dan Rodziah (2012) terdapat pertalian antara kecerdasan emosidengan tingkah laku bermasalah di salah sebuah sekolah menengah di luar bandar di Kelantan. Kajian-kajian di atas selari dengan dapatan kajian awal daripada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

542 sampel pelajar luar bandar dan bandar yang terlibat dengan salah laku disiplin. Namun pelajar luar bandar lebih tinggi terlibat dengan salah laku disiplin berbanding dengan pelajar bandar.

Hasil analisis ujian *mancova* terhadap praujian dan posujian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi kelompok rawatan dan kelompok kawalan mengikut lokasi. Oleh sebab hasil analisis *mancova* menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara praujian dan posujian semua pemboleh ubah psikologi antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan mengikut lokasi, maka ujian pos-hoc perlu dilakukan bagi menguji kesan modul KKPR terhadap kelompok rawatan bandar, kelompok rawatan luar bandar antara kelompok kawalan.

6.8.1 Kesan KKPR terhadap Motivasi sampel kajian mengikut Lokasi

Berdasarkan kajian ke atas motivasi didapati kelompok rawatan bandar (B), kelompok rawatan luar bandar (LB) dan kelompok kawalan mengikut lokasi yang dianalisis melalui *pos-hoc* didapati motivasi antara ketiga-tiga kelompok iaitu kelompok rawatan (B), kelompok rawatan (LB) dan kelompok kawalan secara keseluruhan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Oleh itu modul KKPR sangat berkesan dan dapat meningkatkan tahap Motivasi sampel kajian tanpa bias mengikut lokasi bandar dan luar bandar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Wiesner et. al., (2007) ke atas individu, keluarga, dan rakan sebaya yang terlibat dengan salah laku disiplin, dengan menggunakan sampel 318 orang pelajar di salah sebuah institusi pendidikan di Jerman (pelajar berumur lingkongan 13 tahun). Kategori sampel diasingkan kepada empat kumpulan iaitu kesalahan tahap tinggi, sederhana, rendah dan kesalahan yang jarang berlaku. Manakala rendah motivasi atau pencapaian akademik rendah juga didapati mempunyai korelasi dengan peringkat empat salah laku yang dinyatakan di atas.Selepas intervensi dijalankan didapati berlaku peningkatan motivasi dan empat salah laku tersebut juga berlaku penurunan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.8.2 Kesan KKPR terhadap Asertif Sampel Kajian Mengikut Lokasi

Dapatan kajian melalui *pos-hoc* didapati asertif mengikut lokasi sampel kajian antara ketiga-tiga kelompok iaitu kelompok rawatan (B), kelompok rawatan (LB) dan kelompok kawalan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan. Sungguhpun terdapat perbezaan berdasarkan lokasi apabila dianalisis melalui *pos-hoc*, namun hasil kajian deskriptif kesan daripada rawatan tersebut didapati kelompok rawatan (B), kelompok rawatan (LB) dan kelompok kawalan menunjukkan tidak terdapat perbezaan. Oleh itu kesan modul KKPR berdasarkan kajian deskriptif membuktikan dapat meningkatkan asertif sampel kajian tanpa bias mengikut lokasi bandar dan luar bandar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.8.3 Kesan KKPR Terhadap Empati Sampel Kajian Mengikut Lokasi

Dapatan kajian melalui analisis *pos-hoc* ke atas empati mengikut lokasi didapati terdapat perbezaan yang signifikan di antara kelompok rawatan (B), kelompok rawatan (LB) dengan kelompok kawalan. Sungguhpun terdapat perbezaan mengikut lokasi namun hasil kajian deskriptif menunjukkan bahawa dengan menggunakan modul KKPR didapati tidak terdapat perbezaan antara tiga kelompok iaitu kelompok rawatan (B), kelompok rawatan (LB) dan kelompok kawalan. Oleh itu kesan ternyata modul KKPR juga telah berjaya meningkatkan empati dalam kalangan sampel kajian tanpa bias mengikut lokasi bandar dan luar bandar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini disokong oleh Kajian Jolien et. al., (2012) berkaitan empati dan sokongan ibu bapa serta hubungannya dengan salah laku delinkuen dalam kalangan pelajar. Cale dan Chris (2010) melakukan kajian ini bagi mengukur keberkesanan kaunseling kelompok terhadap pelajar sekolah menengah. Matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji keberkesanan Kaunseling ABC bagi meningkatkan tahap Empati dalam kalangan pelajar. Hasil kajian menunjukkan selepas intervensi ABC berlaku peningkatan empati ke atas kelompok tersebut.

Ternyata kaedah rawatan dengan menggunakan intervensi modul telah berjaya mengurangkan salah laku pelajar. Oleh itu modul KKPR terbukti menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan kepada kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan. Kajian ini disokong oleh Brugman et. al., (2011) dari Utrecht University,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Utrecht, Netherlands. Pendekatan intervensi kaunseling kelompok dengan menggunakan modul berstruktur (EQUIP), bertujuan untuk mengurangkan salah laku, meningkatkan kemahiran sosial dan merangsang perkembangan moral mereka. Modul ini diaplikasikan kepada tahanan juvana di Belanda. Sampel kajian terdiri daripada pelajar juvana peringkat tinggi lengkongan umur 12 tahun dan 18 tahun. Kelompok rawatan seramai 40 orang dan kelompok kawalan 28 orang. Setelah tamat rawatan, ujian pos diedarkan kepada sampel kajian didapati kumpulan eksperimen menunjukkan pengurangan jumlah kesalahan berulang yang lebih besar dan gangguan kognitif berbanding kumpulan kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.8.4 Kesan KKPR Terhadap Harga Diri Sampel Kajian Mengikut Lokasi

Bagi melihat perbezaan harga diri mengikut lokasi sampel kajian analisis *pos-hoc* digunakan untuk membuktikan adakah terdapat perbezaan antara ketiga-tiga kelompok iaitu kelompok rawatan (B), kelompok rawatan (LB) dan kelompok kawalan pada keseluruhannya. Setelah dijalankan ujian *pos-hoc* jenis *tukey* berdasarkan hipotesis kajian didapati terdapat perbezaan hubungan yang signifikan antara kelompok rawatan (B), kelompok rawatan (LB) dan kelompok kawalan. Walau bagaimanapun hasil kajian deskriptif kesan daripada rawatan tersebut didapati kelompok rawatan (B), kelompok rawatan (LB) dan kelompok kawalan menunjukkan tidak terdapat perbezaan. Oleh itu kesan modul KKPR didapati telah berjaya meningkatkan harga diri tanpa bias mengikut lokasi bandar dan luar bandar kelompok rawatan dan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jelas menunjukkan penggunaan intervensi modul KKPR telah berjaya meningkatkan pemboleh ubah yang dikaji. Kajian ini disokong oleh kajian oleh Caldwell et. al., (2006). Kajian mereka bagi melihat kesan rawatan intensif pelajar lelaki yang bermasalah tingkah laku seramai 101 orang dari University of Wisconsin Madison. Kesemua pelajar ini menjalani sesi rawatan mengikut modul intensif rawatan kesihatan mental (TAU). Bilangan yang terlibat dengan kajian ini seramai 101 orang dan menerima rawatan dengan menggunakan modul (TAU). Rawatan ini mengambil masa selama 53 bulan. Kesan menunjukkan kumpulan rawatan telah berlaku pengurangan kes pengulangan salah laku terutamanya kepada salah laku berat dengan nisbah lebih daripada 7-1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.8.5 Kesan KKPR Terhadap Kecerdasan Emosi Sampel Kajian Mengikut Lokasi

Berdasarkan kajian ke atas kecerdasan emosi mengikut lokasi melalui dianalisis *pos-hoc* didapati kecerdasan emosi mengikut lokasi sampel kajian antara ketiga-tiga kelompok iaitu kelompok rawatan (B), kelompok rawatan (LB) dan kelompok kawalan secara keseluruhan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan. Oleh itu, kesan modul KKPR berjaya meningkatkan kecerdasan emosisampel kajian tanpa bias mengikut lokasi bandar dan luar bandar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian ini diperkukuhkan lagi dengan kajian Trinidad et. al., (2004). Mereka menjalankan kajian bagi melihat hubungan salah laku perokok dengan kecerdasan emosi. Sampel 416 remaja berumur lingkongan awal belasan tahun. 53% pelajar perempuan dari sekolah-sekolah menengah di kawasan bandar dan luar bandar Los Angeles (32% Hispanik/Latin, 29% Asia/Kepulauan Pasifik, 13% White, 19% etnik, 6% lain-lain). Selepas mengikuti kelompok dapatan menunjukkan bahawa kecerdasan emosi yang tinggi merupakan faktor pelindung kepada faktor-faktor risiko merokok. Kesimpulannya selepas menjalani intervensi pencegahan dan perkembangan merokok didapati dapat meningkatkan kecerdasan emosi sampel kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.9 Kesan KKPR Terhadap Perbezaan Salah Laku Disiplin Antara Kelompok Rawatan Dengan Kawalan Mengikut Gender

Berdasarkan analisis secara deskriptif melalui analisis min praujian dan posujian terhadap perbezaan salah laku disiplin kelompok rawatan dan kelompok kawalan telah menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan salah laku disiplin mengikut gender. Perubahan min ini memberikan gambaran bahawa modul KKPR sangat berkesan kepada kelompok rawatan lelaki dan kelompok rawatan perempuan. Keberkesanan KKPR telah meningkatkan aspek psikologi dan mengurangkan salah laku terhadap kelompok rawatan ;elaki dan kelompok rawatan perempuan berbanding kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil analisis *pos-hoc* di dalam Jadual 5.17 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan posujian salah laku antara kelompok rawatan (L) dengan kelompok rawatan (P), tetapi kelompok rawatan (L) dengan kelompok kawalan dan kelompok rawatan (P) dengan kelompok kawalan terdapat perbezaan yang signifikan.

Kajian ini membuktikan tidak terdapat perbezaan kesan modul KKPR antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan mengikut gender. Modul KKPR sangat sesuai dilaksanakan sama ada kelompok lelaki atau kelompok perempuan. Dapatan ini tidak menolak hipotesis tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujiansalah laku disiplin antara kelompok rawatan lelaki dan kelompok rawatan perempuan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin. Manakala terdapat perbezaan kesan KKPR terhadap kelompok rawatan lelaki dan kelompok rawatan perempuan dengan kelompok kawalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.10 Kesan KKPR Terhadap Perbezaan Salah Laku Disiplin Antara Kelompok Rawatan Dengan Kawalan Berdasarkan Lokasi

Berdasarkan analisis secara deskriptif melalui analisis min praujian dan posujian terhadap perbezaan salah laku kelompok rawatan bandar dan kelompok rawatan luar bandar dengan kelompok kawalan mengikut lokasi telah menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan salah laku berdasarkan min praujian dan posujian. Maka analilisis pos-hoc perlu dilakukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil analisis *pos-hoc* jenis *tukey* di dalam Jadual 5.19 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan posujian salah laku antara kelompok rawatan (B) dengan kelompok rawatan (LB), Manakala kelompok rawatan (B) dengan kelompok kawalan dan kelompok rawatan (LB) dengan kelompok kawalan terdapat perbezaan yang signifikan. Kajian ini membuktikan tidak terdapat perbezaan kesan modul KKPR antara kelompok rawatan mengikut lokasi. Berdasarkan dapatan data pos-hoc ini memberi gambaran bahawa modul KKPR sangat berkesan kepada kepada kelompok rawatan bandar dan kelompok rawatan luar bandar.

Dapatan kajian menolak hipotesis tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor praujian dan posujian salah laku disiplin antara kelompok rawatan bandar dan kelompok rawatan luar bandar dengan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar yang melakukan salah laku disiplin.

6.11 Implikasi Kajian

Hasil kajian ini dapat memberikan sumbangan secara teoretikal dan praktikal dalam bidang keilmuan berhubung kesan penggunaan modul KKPR berteraskan REBT dalam kelompok bimbingan terhadap motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi pelajar salah laku disiplin. Sumbangan daripada kajian ini secara khususnya dibincangkan kepada lima bahagian, iaitu implikasi kajian terhadap bidang keilmuan kaunseling, implikasi kajian terhadap perlunya penekanan intervensi pencegahan berbanding dengan pemulihan dalam menangani masalah salah laku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

disiplin, implikasi terhadap kesalahan pelanggaran disiplin pada peringkat awal di sekolah, pelan tindakan mengenal pasti dan membantu pelajar yang terlibat dengan salah laku disiplin dan Model Kaunseling Kelompok Penyesuaian Remaja (KKPR) terhadap pelajar salah laku disiplin.

6.11.1 Implikasi Kajian Terhadap Bidang Keilmuan Kaunseling

Kajian ke atas aspek psikologi iaitu motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi pelajar salah laku disiplin belum serius dilakukan di negara kita. Kaedah rawatan kepada kelompok ini dapat memberi sumbangan kepada pengkaji-pengkaji atau bidang keilmuan di negara ini. Walaupun banyak kajian salah laku dari perspektif psikologi dilakukan sama ada dalam atau luar negara, secara umumnya kajian berbentuk eksperimen dalam bidang kaunseling tidak banyak dilakukan di negara kita dan jumlahnya boleh dikira. Biasanya kajian berbentuk tinjauan lebih digemari berbanding dengan kajian eksperimen kerana kajian eksperimen lebih menepati dapatan kajiannya. Dengan rekabentuk eksperimen kesan kaunseling boleh diukur dan hasilnya boleh dijadikan sandaran dan bukti.

Kajian ini juga menunjukkan salah laku disiplin dalam kalangan pelajar yang berlaku di negeri Kedah tidak boleh dipandang mudah dan jika tidak dikawal akan memberikan kesan yang negatif kepada sekolah, PPD, JPN dan KPM. Hasil dari kajian tinjauan awal dan eksperimen terhadap salah laku disiplin dan aspek psikologi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini menunjukkan peratusan pelajar terlibat dengan salah laku berada pada tahap sederhana agak tinggi. Didapati pelajar yang didapati rendah aspek psikologi terlibat dengan salah laku disiplin di sekolah. Sungguhpun tahap salah laku berada pada tahap sederhana namun perlu diambil perhatian oleh semua pihak supaya salah laku ini dapat dicegah daripada dipengaruhi oleh pelajar-pelajar lain.

Di samping itu, kajian yang berbentuk eksperimen khususnya dalam bidang kaunseling sama ada kaunseling kelompok atau individu agak terbatas di negara kita. Justeru kajian eksperimen seumpama ini dapat meningkatkan tahap keilmuan dalam bidang kaunseling lebih kehadapan dan dapat menjalankan sesi kaunseling dalam bentuk pemulihan atau pencegahan kepada isu-isu atau fenomena salah laku pelanggaran disiplin di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kajian-kajian eksperimen yang lalu, sama ada dalam atau luar negara telah didapati banyak kajian dijalankan berdasarkan intervensi berbentuk pemulihan untuk merawat salah laku pelajar. Terdapat banyak kajian menunjukkan intervensi berbentuk pemulihan dapat membantu mengurangkan salah laku namun tidak semua salah laku dapat dipulihkan melalui intervensi pemulihan. Berdasarkan salah laku disiplin dewasa ini pelajar sekolah berani melakukan kesalahan-kesalahan di luar jangkaan para guru atau ibubapa mereka sendiri seperti merempit pada waktu malam tanpa memasang lampu, mengandung anak tanpa bapa, pembuangan bayi dari rumah-rumah flat, berani bercumbu dalam kelas, merokok secara beramai-ramai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam kelas, sanggup membuli sehingga berlaku kematian dan sebagainya lagi. Justeru kajian eksperimen secara intervensi peringkat awal iaitu berbentuk perkembangan dan pencegahan seperti ini merupakan satu demensi baru dalam amalan kaunseling di sekolah. Pendekatan kepada pencegahan kepada sesuatu perlakuan bermasalah pada peringkat awal adalah lebih baik umpama melentur buluh biarlah dari rebungnya.

Bagi membantu menangani masalah ini, satu kajian eksperimen telah berjaya dijalankan. KKPR menjalankan rawatan melibatkan 60 orang sampel. Hasilnya, terdapat kesan positif daripada eksperimen itu khususnya dalam kelompok rawatan. Diharapkan dengan adanya modul ini bukan sahaja boleh digunakan di sekolah-sekolah sahaja tetapi perlu juga digunakan oleh jabatan-jabatan kerajaan yang lain. Tambahan pula, modul ini telah dibuat penilaian daripada pakar-pakar yang berpengetahuan, berkemahiran dan berpengalaman khususnya penilaiannya dari segi kebolehpercayaan dan kesahan terhadap soal selidik tersebut adalah didapati tinggi. Saranan ini juga bukan sahaja terbatas diguna pakai disetiap agensi kerajaan dan swasta bahkan juga boleh diguna pakai dalam kalangan guru dan pelajar-pelajar sama ada di pusat-pusat pengajian tinggi kini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.11.2 Keperluan Penekanan Intervensi Pencegahan Berbanding Pemulihan DalamMenangani Masalah Salah Laku Dalam Kalangan Pelajar Salah Laku Disiplin.

Tinjauan terhadap kajian-kajian yang lalu, sama ada dari dalam atau luar negara mendapati telah banyak usaha yang dilakukan berdasarkan pendekatan intervensi secara pemulihan untuk merawat pelbagai masalah tingkah laku. Walau bagaimanapun tidak semua perlakuan bermasalah dapat dipulihkan dengan mudah menerusi pendekatan intervensi secara pemulihan. Hal ini disebabkan individu berkenaan secara langsung dalam tingkah laku bermasalah dan mereka sudah mempunyai persepsi, norma dan tarikan yang tersendiri terhadap perlakuan tersebut (Burt, Resnick & Novik 1998).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan dengan itu,kajian oleh Wiesner et. al. (2007) ke atas individu, keluarga, dan rakan sebaya yang terlibat dengan salah laku, dengan menggunakan sampel 318 orangpelajar Jerman (berumur lingkongan 13-14tahun). Kategori remaja yang terlibat dengan salah lakudiasingkan kepada empat kumpulan: kesalahan tahap tinggi, sederhana, rendah dan kesalahan yang jarang berlaku. Pengaruh rakan sebaya dan kurang mendapat simpati ibu bapa menyebabkan lebih tinggi pelajar itu terlibat dengan salah laku. Kesannya didapati motivasi rendah atau pencapaian akademik rendah mempunyai korelasi dengan peringkat empat salah laku yang dinyatakan di atas. Manakala Rhodes et. al. (2013) melakukan kajian bagi melihat kesan pendekatan Motivasi terhadap pelajar terlibat dengan salah laku. Sampel sebanyak 387 terdiri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada pelajar berusia 11 tahun hingga 13 tahun (55% perempuan, 17 % minoriti) di Jabatan Psychology, University of Washington. Kajian ini dilakukan bagi menilai kendiri dan pendekatanmotivasi bagi mengukur salah laku pelajar. Analisis menunjukkan bahawa tahap Motivasi rendah dikaitkan dengan tahap yang tinggi melanggar peraturan sekolah,($p < .05$).

Hamdan dan Rahim (2012) telah melakukan kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Bentara Dalam, Segamat. Sampel kajian seramai 170 orang. Min skor digunakan untuk melihat tahap tingkah laku asertif. Hasil dapatan kajian menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan perbandingan tahap tingkah laku asertif mengikut aliran kelas. Didapati 9 orang responden yang berada pada tahap tingkah laku asertif rendah adalah daripada pelajar aliran sastera. Apabila merujuk kepada salah laku pelajar didapati kecenderungan pelajar yang rendah asertif dihubungkan dengan pelanggaran disiplin. Tom et. al. (2010) menjalankan kajian antara pembuli dan mangsa buli di Hong Kong melibatkan pelajar sekolah seramai 670 pelajar lelaki dan 691 pelajar perempuan. Data tentang fungsi sosial dan akademik pelajar ini telah diperoleh daripada penilaian guru dan rakan sebaya. Hasil kajian menunjukkan persekitaran, rendah asertif atau rasa mengalah, lemah prestasi akademik mempunyai hubungan dengan kes-kes buli.

Kajian oleh Geng et. al. (2012) bagi menilai kebolehpercayaan dan kesahihan versi Cina Skala Empati Asas (PJP) kepada sampel 1,524 orang berumur 9-18 tahun, bilangan 65 orang lelaki dengan tingkah laku gangguan yang berumur 13-18. Hasil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

analisis mendapati empati rendah dan kognitif menunjukan terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Pelajar lelaki menunjukkan mempunyai empati rendah manakala pelajar perempuan mempunyai kecerdasan emosi lebih tinggi. Berdasarkan kajian ini empati rendah pelajar lelaki dan perempuan mempunyai hubungan dengan antisosial. Manakala Vander Graaff et. al.,(2012) seterusnya menjalankan kajian di Belanda dengan melibatkan sampel 323 orang yang berumur 14 tahun. Kajian melihat kesan empati dan sokongan ibu bapa terhadap pelajar yang melakukan salah laku. Keputusan klinikal menunjukkan empati rendah dan empati sederhana mempunyai hubungan dengan salah laku. Robinson et. al., (2007) menjalankan kajian di Simon Fraser University ke atas dua kumpulan pelajar dalam penjara lingkongan umur awal remaja. Satu kumpulan seramai 64 orang menjalani hukuman biasa. Manakala 60 orang lagi diberi rawatan yang ditadbir skala empati kognitif, afektif dan tayangan video. Dapatan kajian menunjukkan pelajar yang mempunyai empati rendah menyebabkan 69 peratus daripada mereka terlibat dengan salah laku.

Laramie et. al. (2007) menjalankan kajian bagi melihat hubungan antara harga diri dengan salah laku di sekolah. Sampel kajian terdiri daripada 842 pelajar, separuh daripada mereka adalah lelaki (51.1%). Dengan perkauman pelbagai; hampir 2/3 kanak-kanak kulit hitam dan 1/3 kulit putih. Semua pelajar ini telah mendaftar di sekolah menengah di daerah yang sama dalam sebuah negara Timur-Pantai. Data dianalisis berdasarkan kaum dari pelbagai sekolah menengah. Keputusan menunjukkan bahawa, secara amnya, pelajar dengan harga diri rendah adalah lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cenderung untuk melakukan jenayah atau terlibat dengan salah laku. Kajian oleh Gomez dan Martin (2010) pula di sekolah yang paling popular di Amerika. Hasil daripada kajian ini didapati pelajar yang rendah harga diri mempunyai hubungan dengan salah laku di sekolah. Sebaliknya pelajar yang mempunyai harga diriyang tinggi didapati pencapaian akademik tinggi di sekolah.

Kajian oleh Hannah dan Katelyn (2012) terhadap dua orang pelajar perempuan dan lapan lelaki antara umur dari 12 ke 17 yang ditahan di Pusat Keadilan Juvana di Walla Walla, WA. Semua peserta telah disabitkan atas sekurang-kurangnya satu jenayah. Kes sampel ini mangsa serangan, perogol, pencabulan dan caj senjata, empat jenayah harta (kecurian, pecah rumah, kecurian kenderaan motor, kebakaran dan kerosakan berniat jahat), dua jenayah dadah (pemilikan, penghantaran dan pembuatan) dan tiga jenayah status (ponteng dan remaja berpotensi ponteng). Keputusan menunjukkan skor kecerdasan emosi yang lebih tinggi mempunyai skor salah laku rendah secara keseluruhan. Kajian Chathareana, (2007) dari Universiti Afrika Utara terhadap pelajar yang belajar di sekolah swasta. Sampel sembilan orang lelaki dalam kalangan berumur 14 tahun hingga 18 tahun yang terlibat dengan salah laku di sekolah. Sampel ini diperoleh melalui soal selidik *q-metrics strydom* (1999) kecerdasan emosi dan kaedah temu ramah. Data menunjukkan pelajar yang terlibat dengan salah laku didapati kecerdasan rendah emosi, keluarga bermasalah, terpengaruh dengan rakan sebaya negatif, tahap pengetahuan rendah dan tidak mendapat perhatian dan kasih sayang daripada orang yang signifikan dengan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian telah menunjukkan bahawa majoriti sampel yang terlibat dalam kajian-kajian ini berada dalam keadaan yang rendah aspek psikologikal. Hal ini diteguhkan pula dengan data Kementerian Pelajaran Malaysia berkaitan kes disiplin pelajar dari tahun 2007 hingga 2009. Tahun 2007 menunjukkan bilangan pelajar dikesan terlibat dengan salah laku 113556, tahun 2008 ialah 112366 orang dan tahun 2009 ialah 111978. Sungguhpun keseluruhannya menunjukkan penurunan, tetapi ianya masih tidak jauh bezanya dan data ini menunjukkan bahawa fenomena salah laku kini berada pada tahap yang membimbangkan. Dato' Sri Haji Muhyiddin Yassin (2010) memperingatkan, beliau serius terhadap masalah disiplin yang melibatkan murid sekolah. Kementerian Pelajaran Malaysia mengakui walaupun pelbagai kaedah dilakukan untuk menangani masalah disiplin murid ini, namun masih tetap berlaku.

Seramai 5.4 juta pelajar di seluruh negara, dengan indeks pembabitan pelajar dalam jenayah adalah 0.03 peratus berbanding jumlah keseluruhan kes jenayah yang berlaku. Peringkat umur pelajar yang terlibat dengan salah laku terdiri daripada 13 tahun hingga 18 tahun (Yohan, 2011).

Berdasarkan fenomena ini, maka sudah tiba masanya untuk memikirkan satu bentuk pendekatan yang lebih proaktif dalam jangka panjang bagi menangani masalah salah laku pelajar-pelajar sekarang. Salah satu daripada pendekatan tersebut adalah berbentuk intervensi peringkat awal iaitu intervensi berbentuk perkembangan dan pencegahan iaitu dengan kata lain "mencegah lebih baik daripada mengubati".

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pencegahan peringkat awal ini membantu untuk mengenal pasti ciri-ciri atau profil pelajar yang terlibat dengan salah laku.

Dengan memahami ciri-ciri profil pelajar yang terlibat dengan salah laku disiplin ini akan membawa tindakan fasa kedua iaitu menjalankan intervensi pencegahan bagi membantu pelajar berkenaan untuk menghindarkan diri daripada masalah pada masa akan datang. Intervensi berbentuk perkembangan dan pencegahan meliputi usaha-usaha untuk membantu mengenal pasti dan mengubah tingkah laku yang ada yang menuju ke arah kesudahan yang buruk dengan terlibat dengan pelbagai salah laku lain (*poor outcome)* kepada arah tingkah laku yang lebih positif dan berkesan. Pendekatan pencegahan dan perkembangan memberi penekanan kepada meningkatkan proses perkembangan normal dalam diri individu terutamanya dalam menghadapi situasi tertekan pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.11.3 Implikasi Terhadap Kesalahan Pelanggaran Disiplin Pada Peringkat Awal di Sekolah dan Amalan Pendidikan dan Pencegahan Salah Laku

Secara umumnya sekolah telah dikenali ramai sebagai tempat untuk pelbagai aktiviti yang sepatutnya dirancang untuk meningkatkan kecekapan dan di samping itu mencegah perkembangan perlakuan yang tidak sihat terutamanya pelanggaran disiplin. Di samping itu sekolah juga diharapkan mampu untuk menyalurkan perkembangan personaliti secara teratur dan berterusan sepanjang tempoh masa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persekolahan kepada semua pelajar, tambahan pula sebahagian besar daripada ibu bapa dan penjaga menaruh harapan yang tinggi terhadap sekolah.

Instrumen IRSLD dan model intervensi KKPR yang terhasil dalam kajian ini pula boleh dijadikan asas di sekolah dalam usaha untuk mengenal pasti simptom awal sama ada secara demografi dan psikologi pelajar salah laku disiplin. Pentadbir sekolah dan guru-guru terutamanya Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PKHEM) dan kaunselor sekolah diharapkan dapat mengambil peluang untuk meneroka fenomena pelajar yang terlibat dengan salah laku di sekolah. Dijangkakan bahawa fenomena pelajar yang terlibat dengan salah laku meliputi sebahagian daripada populasi pelajar sekolah secara keseluruhan. Pelajar-pelajar yang terlibat dengan salah laku disiplin ini memerlukan usaha awal untuk mengenal pasti masalah awal mereka dan seterusnya membantu perkembangan mereka yang terbantut disebabkan pelbagai faktor negatif yang terdapat dalam persekitaran mereka.

Peranan guru-guru dan kaunselor sekolah dalam konteks pekembangan dan pencegahan adalah terlalu besar, dan peranan tersebut dijelaskan menerusi objektif perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang dikemaskinikan sejak tahun 1996, iaitu bertujuan untuk memberikan khidmat pencegahan iaitu memandu pelajar menghindarkan diri daripada terlibat dalam pelbagai perlakuan bermasalah. Di samping itu, objektif unit perkhidmatan bimbingan dan kaunseling juga bertujuan untuk memberikan khidmat pemulihan dan rawatan di samping khidmat penyuburan dan pengayaan dalam semua aspek perkembangan diri pelajar. Ucapan oleh En Ab

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rahim Othman KPP Unit Psikologi dan Disiplin Sekolah Menengah Harian KPM dalam Seminar Profesionalisme Guru Bimbingan dan Kaunseling bertempat di Pekan Pahang pada 27 haribulan April 2015 menegaskan kaunselor seharusnya memberikan tumpuan kepada rawatan dan pemulihan serta perkembangan pelajar khususnya kepada salah laku dan sahsiah pelajar dan pendedahan kerjaya kepada pelajar. Kaunselor sentiasa peka dan mengikuti perkembangan kerjaya masa kini supaya pendedahan lebih tepat dapat diberikan kepada para pelajar khususnya kepada pelajar yang rendah pencapaian akademik.

Kajian terhadap intervensi peringkat awal ke atas pelajar salah laku ini menimbulkan dimensi baru dalam memahami fenomena masalah pelajar di peringkat persekolahan. Langkah ini juga diharapkan dapat mencetuskan minda dan seterusnya dijadikan model kepada pihak sekolah khususnya menerusi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam usaha pencegahan peringkat awal pelbagai perlakuan bermasalah dalam kalangan pelajar yang semakin membimbangkan.

6.11.4 Pelan Tindakan Mengenal Pasti dan Membantu Pelajar Salah Laku

Konsep pelajar yang terlibat dengan salah laku dikesan berdasarkan kerangka konseptual telah dikenal pasti iaitu; i. berada di peringkat perkembangan awal remaja (berumur 13 tahun – 16 tahun); ii. datang daripada institusi keluarga yang gagal atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kurang berfungsi; iii. Menghadapi masalah dalam interaksi sosial dengan sekolah dan rakan.

Oleh itu mereka menghadapi masalah yang berkaitan motivasi, asertif, empati, harga diri dan kecerdasan emosi yang rendah manakala ciri-ciri salah laku disiplin pelajar berdasarkan pekeliling KPM iaitu i. Jenayah (berjudi, mencuri, melawan/ mengancam/ memukul/ mencederakan guru atau pengawas, peras ugut, membuli, menganggotai kumpulan haram, salah guna dadah, membawa senjata berbahaya, mencabul, ceroboh bilik khas/asrama, edar dadah, tunjuk perasaan/ berpiket/ganggu ketenteraman dan bertaruh secara besar-besaran); ii.Kekemasan diri (berambut panjang/ fesyen rambutketerlaluan dan bertentangan dengan peraturan sekolah, berkuku panjang, bermisai dan berjanggut, memakai pakaian tidak ikut peraturan sekolah, memakai barang-barang perhiasan yang dilarang ke sekolah) iii. Ponteng, (ponteng sekolah, kelas, perhimpunan, asrama, aktiviti kokurikulum); iv. Kurang sopan (berkelakuan kasar terhadap guru, pengawas dan murid, berbahasa kesat, menyimpan dan menghisap rokok, mengganggu pengajaran dan pembelajaran, tidak menghormati guru dan pengawas); v. Abaikan masa (berkeliaran di kawasan sekolah, datang lewat ke sekolah, lewat ke perhimpunan, makan di kantin di luar waktu rehat, lewat pulang ke asrama); vi. Merosakkan harta benda (menulis kata-kata lucah dan menendang pintu tandas, menconteng dan menendang meja kelas, merosakan harta benda pengetua, guru, rakan-rakan dan kantin sekolah); vii. Tidak jujur (bercakap tidak benar dengan pengetua, guru dan rakan-rakan, menipu dan tidak menyiapkan kerja rumah); viii. Berkelakuan lucah (bercumbu-cumbuan, berdua-duaan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berlainan jantina, berpeleseran dan berpegang tangan dengan rakan berlainan jantina, menggunakan kata-katadan isyarat lucah, perbualan lucah dalam telefon/mesej, membawa buku lucah ke sekolah dan mendatangkan gangguan seksual).

Sekiranya pelajar salah laku ini tidak diberi bantuan awal untuk membendung tingkah laku bermasalah khususnya mengambil perlanggaran disiplin, pelajar ini akan berpotensi untuk terlibat dalam pelbagai tingkah laku bermasalah yang lebih serius pada masa akan datang. Di negara kita terdapat pelajar yang terlibat dengan masalah salah laku dan begitu membimbangkan (Fariza, 2005; See & Lee, 2005;Wan Ghazali, 2000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kepada kerangka konseptual di atas, maka kajian ini telah dapat mengetengahkan satu siri pelan tindakan untuk proses diagnosis bagi mengenal pasti pelajar salah laku khususnya di sekolah, dan seterusnya melaksanakan proses intervensi pencegahan dan perkembangan secara lebih sistematik untuk membantu mereka seperti yang berikut:- Pertama, mengenal pasti sistem penanda iaitu ciri-ciri luaran (sosial) melalui kaedah pemerhatian dan rekod salah laku guru iaitu dengan mengenal pasti pelajar yang mempunyai ciri-ciri seperti berikut. i. Rendah pencapaian akademik; ii. Pernah terlibat dengan salah laku di sekolah. Kedua, mentadbir instrumen IRSLD, bertujuan mengenal pasti ciri-ciri psikologi pelajar salah laku seperti yang berikut: i. motivasi rendah, ii. asertif rendah, iii. empati rendah, iv. harga diri rendah, v. kecerdasan emosi rendah. Ketiga, membina hubungan kondusif antara guru dengan pelajar dan menggalakkan temubual atau penerokaan secara bersemuka

ii. Menilai dan memerhatikan 'masalah sekunder' (*secondary problems*) tentang kehadiran mereka menyertai kelompok seperti; tidak bersemangat, memerlukan bantuan, atau kerisauan dalam menghadiri kelompok.

iii. Menunjukkan cara kepada mereka tentang langkah awal untuk memungkinkan perubahan kepada mereka dan meyakinkan bahawa melibatkan dalam kelompok memungkinkan mereka untuk mencapai matlamat tersebut.

AKTIVITI 1: Rantai Nama	
	Keterangan
Masa:	10 – 15 minit
Alatan:	Tiada
Objektif:	1. Untuk memulakan hubungan dengan cara memperkenalkan diri kepada setiap ahli kelompok. 2. Untuk mengingatkan nama panggilan setiap ahli kelompok
Langkah	1. Kaunselor dan dan ahli-ahli kelompok duduk di kerusi dalam susunan bentuk bulatan. 2. Kaunselor memulakan aktiviti dengan kata-kata sosial (*social talk*) secara ringkas seperti ucapan salam dan ucapan penghargaan, di samping memperkenalkan diri dan nama panggilan 3. Langkah memperkenalkan diri tersebut diikuti pula oleh ahli-ahli lain secara bergilir sehingga semua ahli memperkenalkan diri masing-masing.
Perbincangan	1. Perkara yang disebut berulangkali akan lebih mudah diingat. 2. Keselesaan dalam hubungan bermula apabila orang lain kenal dan memanggil dengan sebutan nama yang disukai.
AKTIVITI 2: Kenal Diri Berpasangan (Dyad)	
Masa:	45 – 60 minit
Alatan:	Tiada
Objektif:	1. Untuk meningkatkan tahap hubungan dalam kelompok dengan cara penerokaan maklumat secara lebih mendalam.

	2. Untuk memulakan proses pendedahan kendiri melalui perkongsian dengan rakan secara berpasangan.
Langkah:	1. Kaunselor meminta ahli-ahli mencari pasangan berdasarkan keselesaan masing-masing dan seterusnya memilih suatu tempat yang sesuai untuk membuat perkongsian. Perkongsian yang dicadangkan berkisar kepada latar belakang keluarga, iaitu melibatkan ibu dan bapa serta adik beradik. 2 Setiap pasangan diberikan masa 10 minit untuk membuat perkongsian masing-masing, dan selepas itu mereka diminta untuk berada dalam kelompok semula. 3 Dengan persetujuan bersama, setiap ahli diminta untuk menceritakan semula kepada ahli-ahli kelompok yang lain tentang apa yang telah dikongsikan oleh pasangan masing-masing. 4 Ahli-ahli kelompok lain dibenarkan untuk membuat beberapa pertanyaan
Perbincangan	1. Menilai perasaan ahli-ahli apabila dapat menceritakan kisah rakan masing-masing, dan apabila kisahnya pula di ceritakan oleh orang lain. 2. Kejayaan kelompok bergantung kepada kemampuan ahli-ahli kelompok melibatkan diri dalam kelompok. 3. Kemesraan hubungan dalam kelompok boleh ditingkatkan apabila ahli-ahli ada kepercayaan dan bersedia untuk membuat pendedahan kendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

AKTIVITI 3: Membina Etika Kelompok

Masa:	30 – 45 minit
Alatan:	Buku catatan dan pen
Objektif:	1. Untuk menggalakkan ahli-ahli mengemukakan pendapat masing-masing. 2. Untuk melatih ahli-ahli melibatkan diri dalam proses membina etika kelompok. 3. Untuk meningkatkan tahap hubungan dalam kelompok melalui latihan perbincangan.
Langkah:	1. Kaunselor menyemak setakat mana kepercayaan dalam kalangan ahli-ahli kelompok dan mengaitkan antara kepercayaan dengan kerahsiaan. Justeru itu kaunselor membuat penekanan tentang aspek kerahsiaan dalam kelompok. 2. Selain daripada aspek kerahsiaan, ahli-ahli diminta juga untuk membincangkan aspek-aspek lain yang perlu dipersetujui bersama sepanjang mereka melalui kaunseling kelompok seperti kehadiran kelompok yang meliputi hari dan masa; keterlibatan diri dalam kelompok; penerimaan dan penghormatan terhadap orang lain dan sebagainya. 3. Ahli-ahli diminta menyusun perkara-perkara yang dipersetujui bersama dan menjadikannya sebagai etika kelompok dan meminta mereka mencatat di dalam buku catatan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbincangan	1. Setiap ahli perlu memahami dan mematuhi etika kelompok yang dipersetujui bersama. 2. Kesediaan dan kepercayaan sesama ahli-ahli kelompok adalah penting dan ia berkait rapat dengan etika kelompok

TAHAP 2: MENTAKSIR MASALAH, DIRI DAN SITUASI

MASA: Dicadangkan selama 120 minit.

TUJUAN: Untuk mentaksir setakat mana tahap masalah, diri dan situasi dalam kalangan ahli-ahli kelompok

TUMPUAN KAUNSELOR DALAM PROSES KAUNSELING KELOMPOK:

i. Berdasarkan sudut pandangan klien, semak tentang perkara yang tidak kena pada diri mereka.
ii. Kenal pasti apakan kekacauan klinikal (clinikal disorder) semasa atau yang berkaitan.
iii. Dapatkan latar belakang personal dan latar belakang sosial klien.
iv. Taksirkan perkara-perkara yang mendorong kepada masalah secara ekologikal contohnya keluarga, rakan-rakan, sekolah, kejiranan dan lain-lain.
v. Semak gangguan sekunder dan lihat bagaimana perasaan klien dalam menghadapi gangguan tersebut.
vi. Semak faktor-faktor penyebab bukan psikologikal seperti; keadaan fizikal, perubatan/rawatan, cara hidup atau faktor-faktor persekitaran.

AKTIVITI 4: Graf Kehidupan	
Masa:	120 minit.
Alatan:Bahan 1:	Graf Kehidupan, kertas A4 dan alatulis (pen/pensil)
Objektif:	1. Untuk menggalakkan ahli supaya dapat menghayati semula pengalaman diri dalam persekitaran masing-masing. 2. Untuk merangsang ahli-ahli melakukan pendedahan kendiri yang sesuai kepada kelompok.
Langkah:	1. Ahli-ahli kelompok diminta duduk dalam bentuk susunan separuh bulatan, dan mereka diberi masa 5 minit untuk mengingatkan kembali seberapa banyak yang termampu pengalaman yang lepas. 2. Kaunselor mengedarkan sehelai kertas A4 kepada setiap ahli kelompok dan meminta mereka mencatat seberapa banyak peristiwa (**manis dan pahit**) yang telah mereka lalui. 3. Kaunselor mengedarkan Bahan 1: Graf Kehidupan kepada setiap ahli kelompok dan memberikan penerangan untuk membentuk graf garisan berdasarkan pengalaman kaunselor. 4. Dalam masa 5 - 10 minit, ahli-ahli diminta membentuk graf kehidupan mereka masing-masing berdasarkan peristiwa yang telah mereka catat dalam kertas A4.

	5. Kaunselor memberi contoh untuk membuat pembentangan graf kehidupan, dan seterusnya secara sukarela setiap ahli diminta untuk membuat pembentangan graf kehidupan masing-masing (kaunselor perlu membuat penerokaan parasaan dan makna). 6. Ketika salah seorang ahli membuat pembentangan, ahli-ahli lain digalakkan untuk membuat pertanyaan, berbincang dan berkongsi pengalaman yang sama.
Perbincangan:	1. Peristiwa yang telah dilalui mempunyai makna yang tersendiri dan memberi kesan terhadap diri (perasaan dan perlakuan). 2. Persekitaran seperti keluarga, rakan-rakan, sekolah, kejiranan dan sebagainya mempengaruhi individu.

TAHAP 3: MENYEDIAKAN AHLI UNTUK PROSES TERAPI

MASA: Dicadangkan sekurang-kurangnya 120 minit.
TUJUAN: Mengenal pasti faktor ekologikal yang menyumbangkan masalah dan menyediakan ahli-ahli kelompok untuk melalui intervensi kaunseling kelompok.

TUMPUAN KAUNSELOR DALAM PROSES KAUNSELING KELOMPOK:

i. Kenal pasti matlamat terapi dalam kelompok.
ii. Mentaksir motivasi klien untuk melakukan perubahan
iii. Kenalkan asas REBT kepada klien, termasuk model kesan akibat biopsikologikal.
iv. Bincangkan pendekatan yang akan digunakan dan kesan daripada proses kaunseling kelompok.
v. Membina kontrak

AKTIVITI 5: Mereka Yang Bermakna	
Masa:	90 minit
Alatan: Bahan :	Mereka Yang Bermakna dan alatulis (pen/pensil)
Objektif:	1. Untuk membantu ahli melihat secara objektif individu yang bermakna dan individu yang tidak bermakna dalam persekitaran mereka. 2. Untuk membantu ahli menghubungkan antara peristiwa yang berlaku bersama individu yang bermakna atau tidak bermakna dengan fikiran, perasaan dan perlakuan mereka selama ini. 3. Dapat mengenal pasti matlamat terapi dalam kelompok.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Langkah: 1	1. Ahli-ahli kelompok diberikan masa 3 – 6 minit untuk mengingatkan individu-individu dalam keluarga, rakan-rakan, sekolah dan jiran yang paling bermakna dan tidak bermakna kepada mereka. 2. Kaunselor mengedarkan Bahan 2: Mereka Yang Bermakna kepada setiap ahli dan memberikan penerangan untuk mengisi ruangan kosong yang terdapat di dalamnya. 3. Dalam masa 5 - 10 minit, ahli-ahli diminta mengisi Bahan 2 tersebut berdasarkan kepada apa yang telah mereka cuba ingatkan dalam langkah 1. 4. Kaunselor memberi contoh untuk membuat pembentangan, dan seterusnya secara sukarela setiap ahli diminta untuk membuat pembentangan masing-masing. 5. Ketika salah seorang ahli membuat pembentangan, ahli-ahli lain digalakkan untuk membuat pertanyaan, berbincang dan berkongsi pengalaman yang sama. 6. Kaunselor membantu ahli-ahli berbincang untuk membentuk matlamat terapi kelompok.
Perbincangan:	1. Menilai peristiwa paling manis dilalui oleh ahli bersama individu yang paling bermakna, dan peristiwa pahit yang dilalui oleh ahli bersama individu yang paling tidak bermakna. 2. Mengenal pasti fikiran dan perasaan yang terbentuk kesan tanggapan mereka terhadap individu yang paling bermakna dan individu yang paling tidak bermakna. 3. Matlamat terapi dalam kelompok.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

AKTIVITI 6: Mengenali REBT

Masa:	Anggaran dalam masa 30 minit.
Alatan:	Bahan 3: Rajah Biopsikologikal dan alatulis (pen/pensil)
Objektif:	1. Untuk membantu ahli dapat memahami model kesan akibat biopsikologikal REBT. 2. Ahli-ahli dapat membuat kontrak secara bertulis.
Langkah:	1. Kaunselor mengedarkan Bahan 3: Rajah Biopsikologikal kepada ahli-ahli dan memperkenalkan asas REBT. 2. Kaunselor membincangkan pendekatan yang akan digunakan dan kesan positif yang mungkin timbul daripada proses kaunseling kelompok yang bakal dilalui oleh ahli-ahli kelompok. 3. Ahli-ahli menandatangani kontrak secara bertulis.
Perbincangan:	1. Terdapat hubungan antara; A iaitu kejadian yang berlaku; B iaitu fikiran tidak rasional; dan C iaitu perasaan dan perlakuan yang timbul. 2. Masalah terjadi bukan berpunca daripada sesuatu kejadian atau peristiwa, tetapi sebaliknya penilaian daripada fikiran tidak rasional terhadap kejadian tersebut yang mendatangkan kesan akibat kepada perasaan dan perlakuan negatif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my PustakaTBainun ptbupsi

TAHAP 4: MELAKSANAKAN PROGRAM RAWATAN

MASA: 240 minit.
TUJUAN: Mengenal pasti masalah, menyediakan matlamat individu dan strategi menangani masalah.

TUMPUAN KAUNSELOR DALAM PROSES KAUNSELING KELOMPOK:

i. Melakukan analisis rasional (*rational analysis*), iaitu dengan cara melihat episod-episod secara spesifik terhadap masalah-masalah yang berlaku seperti berikut; A →B →C iaitu melihat kesan akibat A terhadap B dan melihat kesan akibat B terhadap C.
ii. Mengenalpasti sistem kepercayaan klien berdasarkan kepada 4 tema utama, dan mencabar sistem kepercayaan tidak rasional klien.
iii. Menyediakan tugasan (homework) untuk klien lakukan di luar kelompok.
iv. Membangunkan tugasan perlakuan (*behavioural assignments)* untuk mengurangkan ketakutan atau mengubahsuai cara untuk bertingkahlaku.

AKTIVITI 7: Analisis Rasional	
Masa:	Dianggarkan 120 minit.
Alatan:	Bahan 1: Graf Kehidupan, Bahan 2: Mereka Yang Bermakna yang telah diisi, Bahan 3: Rajah Biopsikologikal, Bahan 4: Pemikiran Tidak Rasional, serta alat tulis (pen/pensil).
Objektif:	1. Ahli-ahli dapat melihat masalah (kejadian) yang berlaku secara objektif samada dari sudut peristiwa (melalui Bahan 1) atau individu lain (melalui Bahan 2). 2. Ahli-ahli dapat melihat hubungan antara kejadian (A) dengan Sistem Pemikiran (B) dan kesan akibat penilaian B terhadap A kepada perasaan dan perlakuan (C) (melalui Bahan 3).
Langkah:	1. Ahli-ahli kelompok duduk dalam bentuk susunan bulatan, dan kaunselor meminta mereka melihat semula Bahan 1 dan Bahan 2 yang telah diisi. Berdasarkan kedua-dua bahan tersebut mereka dipandu oleh kaunselor untuk menilai dan mengenal pasti apakah kejadian yang berlaku (A) – sama ada peristiwa (Bahan 1) atau individu lain (Bahan 2) yang sangat memberi kesan terhadap perasaan pada ketika ini. 2. Kaunselor dan ahli-ahli membuat rumusan kejadian yang berlaku pada setiap ahli dan meminta ahli-ahli menulis rumusan tersebut pada bahagian A dalam Bahan 4. 3. Ahli-ahli digalakkan untuk berkongsi apakah perasaan dan perlakuan salahsuaian yang dihadapi dan timbul ketika ini kesan daripada kejadian yang berlaku (A). 4. Dalam bentuk fakta, ahli-ahli dipandu menyenaraikan perasaan negatif dan perlakuan salahsuaian pada bahagian C dalam Bahan 4. Dalam masa yang sama kaunselor menganalisis tema pemikiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	tidak rasional ahli-ahli semasa mereka membuat perkongsian. 5. Berdasarkan Bahan 3, kaunselor membuat penerangan tentang analisis rasioanal, iaitu berhubung dengan episod-episod terhadap masalah yang berlaku; iaitu A →B →C dengan menerangkan konsep sistem pemikiran tidak rasional (B), penilaian B terhadap A dan kesan akibat penilaian tersebut yang membentuk C.
Perbincangan:	1. Manusia tidak dapat melepaskan diri daripada pelbagai kejadian yang berlaku sama ada yang positif atau negatif sepanjang hidupnya. 2. Kejadian negatif yang berlaku sama ada dari sudut peristiwa yang berlaku atau bersama individu lain memberi kesan secara tidak langsung terhadap perasaan dan perlakuan. 3. Perasaan negatif dan perlakuan salahsuaian yang timbul sebenarnya tidak ada kaitannya dengan kejadian yang berlaku, perasaan dan perlakuan tersebut timbul adalah kesan daripada penilaian sistem pemikiran tidak rasional terhadap kejadian yang berlaku.
AKTIVITI 8: Mencabar Sistem Pemikiran Tidak Rasional	
Masa:	Dianggarkan 60 minit.
Alatan:	Bahan 3: Rajah Biopsikologikal, Bahan 4: Pemikiran Tidak Rasional, Bahan 5: Rajah Biopsikologikal Positif, dan alat tulis (pen/pensil).
Objektif:	1. Ahli-ahli dapat melihat sistem pemikiran tidak rasional secara lebih objektif berdasarkan kepada 4 tema utama (melalui Bahan 4). 2. Ahli-ahli dapat merasakan kesan akibat sistem pemikiran yang rasional dalam menilai kejadian (A) terhadap perasaan (C).
Langkah:	1. Ahli-ahli kelompok duduk dalam bentuk susunan bulatan, dan kaunselor meminta mereka melihat semula Bahan 3 yang telah diisi. Berdasarkan bahan tersebut mereka dipandu oleh kaunselor untuk melihat secara objektif mengapa mereka tidak berpuas hati terhadap kejadian yang berlaku (A). 2. Setiap ahli membuat perkongsian tentang apa yang mereka tidak puas hati berdasarkan Bahan 3. Dalam masa yang sama kaunselor membuat analisis tentang sistem pemikiran tidak rasional ahli-ahli berdasarkan 4 tema utama (rujuk Bahan 4). 3. Ketika setiap ahli melakukan Langkah 1, ahli-ahli lain digalakkan membuat pertanyaan dan kaunselor pula memberi galakkan untuk mereka terus membuat perkongsian di samping mencabar dan membetulkan segala pemikiran tidak rasional ahli berkenaan. 4. Langkah 2 dilakukan secara bergilir-gilir sehingga semua ahli dalam kumpulan selesai membuat perkongsian. 5. Berdasarkan kepada Bahan 4, kaunselor menerangkan tentang pemikiran tidak rasional dalam konteks berkumpulan dan berhujah untuk membetulkan pemikiran tidak rasional ahli. 6. Kaunselor mengedarkan Bahan 5 kepada setiap ahli, dan membincangkan tentang pentingnya sistem pemikiran yang realistik dan terbuka dalam menilai kejadian yang berlaku, dan kesan positif terhadap emosi dan perlakuan.

	7. Sebagai tugasan di dalam kelompok, Kaunselor meminta ahli-ahli mengingat semula individu yang paling tidak disukai pada masa ini kerana sebab-sebab tertentu. Setelah setiap ahli memperolehinya, kaunselor meminta ahli mengaitkan rantai masalah biopsikologikal iaitu A →B →C. Kaunselor meminta ahli-ahli menyemak semula B seperti yang telah dibincangkan dalam langkah-langkah sebelumnya. 8. Kaunselor meminta setiap ahli membuat imaginasi berjumpa dan berbual dengan individu yang paling tidak disukai.
Perbincangan:	1. Risiko memusnahkan diri (self-defeating) boleh **diminimumkan** dengan cara meningkatkan pandangan yang lebih realistik melalui falsafah hidup yang lebih terbuka. 2. Untuk meningkatkan kesejahteraan emosi dan mengurangkan risiko perlakuan bermasalah, maka falsafah hidup yang sempit berpunca daripada sistem kepercayaaan salah perlu diperbetulkan. 3. Dengan adanya falsafah hidup yang lebih terbuka, maka individu itu lebih berfikiran matang dan dapat menilai sesuatu kejadian atau perististiwa dengan lebih rasional, lebih toleransi terhadap orang lain di samping dapat menerima diri sendiri, dan dapat meningkatkan hidup bermasyarakat.

AKTIVITI 9: Menyemak Tugasan

Masa:	Dianggarkan 30 – 60 minit.
Alatan:	Bahan 5: Rajah Biopsikologikal Positif, dan alat tulis (pen/pensil)
Objektif:	1. Ahli-ahli dapat melihat sistem pemikiran rasional secara lebih objektif . 2. Ahli-ahli dapat merasakan kesan akibat sistem pemikiran yang rasional dalam penerimaan diri dan orang lain.
Langkah:	1. Ahli-ahli kelompok duduk dalam bentuk susunan bulatan. Ahli-ahli diminta membuat perkongsian tentang tugasan yang telah diberikan iaitu Kaunselor menilai fikiran dan perasaan mereka. Sekiranya positif, kaunselor merumus hasil perkongsian tersebut dengan mengaitkan Rajah 5, sebagai peneguhan. 2. Adalah dijangkakan tidak semua ahli dapat menyempurnakan tugasan tersebut, oleh itu kaunselor memberi ruang ahli berkenaan menyemak semula B terhadap A. Dalam masa yang sama, ahli-ahli yang telah berjaya melaksanakan tugasan digalakkan untuk lebih banyak membuat perkongsian tentang kejayaan mereka bagi mendorong dan meningkatkan kekuatan ahli berkenaan untuk bertindak seterusnya.
Perbincangan:	1. Seseorang itu perlu bertanggungjawab ke atas perasaan dan tindakan sendiri. 2. Emosi yang tidak enak dan perlakuan yang tidak berfungsi adalah lahir daripada pemikiran tidak rasional. 3. Seseorang boleh mempelajari pandangan yang lebih realistik dengan cara mengamalkannya dan menjadikannya sebagai sebahagian daripada kehidupan. 4. Seseorang boleh mengalami penerimaan sepenuhnya ke atas diri

	sendiri dan kepuasan kendiri sepenuhnya dalam kehidupan, dengan cara meningkatkan perpektif berasaskan realiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TAHAP 5: MENGATUR STRATEGI SOKONGAN

. MASA: Dicadangkan 240 minit.

TUJUAN: Menyediakan diri supaya lebih bersikap optimistik serta mempunyai wawasan dan matlamat yang realistik pada masa akan datang sama ada dalam jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang.

TUMPUAN KAUNSELOR DALAM PROSES KAUNSELING KELOMPOK:

i. Fasa Penjelajahan - meliputi aspek meneroka matlamat diri, di mana meliputi membina matlamat diri, membina imaginasi rancang tindakan, meramal hasil tindakan dan menjelajah tentang maklumat akademik dan kerjaya.

ii. Fasa Penapisan - menyusun langkah untuk menuju pemilihan yang lebih khusus dengan mengambil kira beberapa perkara iaitu nilai diri, matlamat diri, dan ganjaran yang diperolehi, dengan mengaitkannya dengan maklumat peluang akademik dan maklumat kerjaya yang telah diteroka sebelum ini.

iii. Fasa Membuat Pilihan - Proses membuat pilihan sebenarnya bermula daripada sesuatu yang bersifat umum dan banyak pilihan kepada sesuatu yang khusus dan pasti. Pada fasa ini dijangkakan telah timbul dalam diri seseorang keyakinan terhadap sesuatu pilihan akademik dan kerjaya yang dibuat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

AKTIVITI 10: SIAPA SAYA 10 TAHUN AKAN DATANG	
Masa:	Dianggarkan 120 minit.
Alatan:	Bahan 6: Kelulusan dan Kerjaya, Bahan 7: Borang Matlamat Diri, kertas A4, dan alat tulis (pen/pensil)
Objektif:	1. Ahli-ahli berpeluang untuk membina matlamat diri, membina imaginasi rancang tindakan, dan meramal hasil tindakan. 2. Ahli-ahli berpeluang membuat penjelajahan tentang maklumat akademik dan kerjaya. 3. Ahli-ahli dapat menyusun langkah matlamat akademik dalam jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang.
Langkah:	1. Ahli-ahli kelompok duduk dalam bentuk susunan bulatan, dan kaunselor meminta mereka menilai diri mereka pada masa kini. Berdasarkan latar belakang diri pada masa kini, dalam masa 3 – 5 minit ahli-ahli diminta membayangkan, siapakah mereka 10 tahun akan datang. 2. Ahli-ahli kelompok membuat perkongsian seorang demi seorang tentang siapa diri mereka 10 tahun akan datang. Ketika ahli membuat perkongsian, ahli-ahli lain digalakkan untuk bertanya. Dalam masa yang sama kaunselor menilai matlamat kerjaya setiap ahli, sama ada realistik atau tidak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	3. Kaunselor membuat ulasan tentang tanggapan mereka tentang diri mereka 10 tahun akan datang secara realistik iaitu dengan mengambil kira pelbagai aspek seperti minat, nilai diri, matlamat diri, dan ganjaran yang diperolehi. Seterusnya kaunselor mengedarkan Bahan 6 kepada setiap ahli kumpulan. 4. Kaunselor menerangkan cara memahami maklumat yang terkandung dalam Bahan 6. 5. Dalam masa 30 - 45 minit, ahli-ahli diminta menilai bidang pekerjaan yang diminati, dan memilih 3 bidang pekerjaan utama dan menulis dalam kertas A4. Seterusnya ahli diminta untuk menilai semula 3 bidang pekerjaan tersebut dan memilih 1 bidang yang paling diminati. Tindakan seterusnya, ahli diminta menilai jenis-jenis kerjaya yang terdapat dalam bidang yang dipilih dan memilih tiga jenis kerjaya pilihan. 6. Setiap ahli diberi peluang untuk berkongsi jenis kerjaya yang dipilih dengan mengemukakan alasan masing-masing. Ketika ahli membuat perkongsian, ahli-ahli diberi peluang untuk mengemukakan soalan. Dalam masa yang sama kaunselor menilai pilihan kerjaya yang dipilih oleh ahli. 7. Kaunselor membuka perbincangan dalam kelompok untuk menilai matlamat kerjaya ahli-ahli supaya lebih realistik dengan mengambil kira nilai, minat, potensi dan ganjaran. 8. Dengan andaian bahawa pilihan kerjaya ahli adalah realistik, kaunselor mengedarkan Bahan 7, dan menegaskan bahawa kerjaya yang dipilih oleh ahli itu merupakan **Matlamat Jangka Panjang**. 9. Perbincangan dalam kelompok seterusnya memberikan tumpuan kepada Matlamat Jangka Sederhana (perancangan pendidikan tinggi) dan Matlamat Jangka Pendek (kecemerlangan peperiksaan dalam PT3 dan SPM).
Perbincangan:	1. Matlamat kerjaya yang realistik sebagai matlamat jangka panjang adalah penting kepada setiap pelajar kerana hidup perlu ada wawasan diri. 2. Untuk mencapai matlamat jangka panjang, pelajar perlu membina imaginasi rancang tindakan, dan meramal hasil tindakan dengan menyediakan matlamat jangka sederhana (perancangan pendidikan tinggi) dan matlamat jangka pendek (kecemerlangan akademik melalui peperiksaan PT3 dan SPM). 3 Moto kejayaan "Matlamat Tanpa Usaha Adalah Angan-angan, Usaha Tanpa Matlamat Adalah Sia-sia".
AKTIVITI 11: Tangga Matlamat	
Masa:	Dianggarkan 120 minit.
Alatan:	Bahan 6: Kelulusan dan Kerjaya, Bahan 7: Borang Matlamat Diri, kertas A4, Bahan 8: Tangga Matlamat, dan alat tulis (pen/pensil)

Objektif:	1. Ahli-ahli berpeluang untuk membina matlamat diri (jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang) lebih konkrit. 2. Ahli-ahli berpeluang membina imaginasi rancangan tindakan, dan meramal hasil tindakan secara terarah.
Langkah:	1. Ahli-ahli kelompok duduk dalam bentuk susunan bulatan, dan kaunselor mengedarkan Bahan 8. Kaunselor memberi penerangan untuk mengisi tempat kosong yang terdapat dalam bahan tersebut. 2. Dalam masa 30 – 45 minit, ahli-ahli mengisi ruangan kosong yang terdapat dalam Bahan 8 berdasarkan kepada Bahan 6, dan Bahan 7 yang telah diisi. 3. Dalam masa 5 – 10 minit seorang, ahli-ahli membuat perkongsian tentang tangga matlamat masing-masing. Ahli-ahli lain digalakkan untuk bertanya dan memberi pandangan. Sementara itu kaunselor menilai tangga matlamat setiap ahli agar cukup realistik. 4. Kaunselor membuka perbincangan tentang pentingnya matlamat kerja yang realistik kepada setiap ahli supaya hidup lebih terarah.
Perbincangan:	1. Perancangan masa hadapan perlu bermula dari hari ini. 2. Kejayaan kita pada masa akan datang banyak bergantung kepada perancangan masa kini.

TAHAP 6: SESI PENAMATAN

MASA: Dicadangkan 120 minit.

TUJUAN: Menyediakan klien supaya tidak bergantung dengan kelompok dan sentiasa dapat mengendalikan diri dengan baik apabila berdepan dengan situasi yang tertekan semula dalam kehidupan seharian.

TUMPUAN KAUNSELOR DALAM PROSES KAUNSELING KELOMPOK:

i. Menyediakan klien untuk sesi penamatan supaya dapat mengendalikan diri dengan baik apabila berdepan dengan dituasi yang tertekan semula dan mengelakkan daripada masalah yang sama berulang.

ii. Menjelaskan kepada klien bahawa menjadi perkara biasa bahawa simptom masalah psikologikal akan berulang semula, oleh itu mereka perlu peka pada perubahan diri dan tahu apa yang mereka perlu lakukan sebaik-baiknya.

iii. Membincangkan dari sudut pandangan mereka tentang bantuan untuk mendapatkan terapi semula sekiranya diperlukan pada masa akan datang. Apa yang penting klien mendapat pamahaman bahawa sesiapa pun boleh mendapatkan bantuan terapi sekiranya diperlukan seberapa banyak kali yang mungkin.

AKTIVITI 12: Ucapan Salam Terakhir	
Masa:	Dianggarkan 30 – 60 minit.
Alatan:	Kertas A4, dan alat tulis (pen/pensil)
Objektif:	1. Untuk memberi peluang kepada ahli-ahli menyemak semula proses yang dilalui sepanjang terlibat dalam sesi kelompok.

	2. Untuk memberi peluang setiap ahli memeperolehi peneguhan positif dan pengharapan yang membina daripada ahli-ahli lain.
Langkah:	1. Ahli-ahli kelompok duduk dalam bentuk susunan bulatan, dan kaunselor menjelaskan kepada ahli-ahli bahawa kini telah tiba peringkat terakhir dalam proses kaunseling kelompok. Kaunselor menyemak semula setiap peringkat kelompok yang telah dilalui oleh ahli-ahli kelompok. 2. Ahli-ahli membuat perkongsian tentang perasaan dan fikiran yang dialami secara lisan atau bertulis dari peringkat awal kelompok sehingga ke masa kini. 3. Kaunselor mengedarkan kertas A4 dan meminta setiap ahli menulis nama masing-masing di penjuru kanan atas. Seterusnya kaunselor mengutip kertas tersebut semula dan mengedarkan kertas tersebut kepada ahli-ahli lain. Tanpa diketahui oleh penama dalam kertas tersebut, setiap ahli diminta untuk mencatatkan 3 peneguhan positif dan pengharapan membina. 4. Kaunselor mengutip semula kertas tersebut dan menyerahkan semula kepada penama yang tercatat. Seterusnya meminta setiap ahli berkongsi apa yang tercatat daripada ahli yang tidak diketahui dengan rakan-rakan yang lain. 5. Kaunselor merumuskan apa yang telah berlaku sepanjang aktiviti ini.
Perbincangan:	1. Kawan yang baik adalah sebagai cermin yang boleh membalikkan gambaran diri kita yang sebenar untuk kebaikan pada masa akan datang. 2. Ada kalanya kita perlu kawan untuk membantu kita, tetapi ada masanya juga kita perlu bersendiri untuk menggunakan segala potensi yang ada demi mencapai kejayaan.

AKTIVITI 13: Rumusan

Masa:	Dianggarkan 30 – 60 minit.
Alatan:	Tiada
Objektif:	1. Untuk menyedarkan ahli-ahli bahawa menjadi perkara biasa bahawa simptom masalah psikologikal akan berulang semula. 2. Untuk menyedarkan ahli-ahli bahawa mereka perlu peka pada perubahan diri dan tahu apa yang mereka perlu lakukan sebaikbaiknya. 3. Untuk memberikan pemahaman kepada ahli-ahli bahawa sesiapa pun boleh mendapatkan bantuan terapi sekiranya diperlukan seberapa banyak kali yang mungkin dengan bertemu semula kaunselor
Langkah:	1. Kaunselor membuka perbincangan dengan mengemukakan isu masalah psikologikal yang selalu dialami oleh remaja. Kaunselor mengajak ahli-ahli berbincang tentang beberapa isu psikologikal remaja dan kesannya terhadap perubahan diri sama ada aspek fikiran, perasaan dan perlakuan.

	2. Ahli-ahli digalakkan untuk terus berbincang tindakan sebaik-baiknya yang perlu mereka lakukan apabila berlaku perubahan diri tersebut. 3. Kaunselor merumuskan perbincangan tersebut dengan membuat penegasan tentang sesiapa pun boleh mendapatkan bantuan terapi sekiranya diperlukan seberapa banyak kali yang mungkin dengan bertemu semula kaunselor dan berharap setiap ahli dapat berfungsi dengan baik kepada diri sendiri, agama, keluarga dan masyarakat.
Perbincangan:	1. Simptom masalah psikologikal akan berulang semula, oleh itu setiap orang perlu peka pada perubahan diri dan tahu apa yang mereka perlu lakukan sebaik-baiknya. 2. Sesiapa pun boleh mendapatkan bantuan terapi sekiranya diperlukan seberapa banyak kali yang mungkin dengan bertemu kaunselor.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN 2
BAHAN-BAHAN LATIHAN DALAM MODUL KKPR


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAHAN 1: GRAF KEHIDUPAN

Peristiwa Manis



Peristiwa Pahit

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAHAN 2: MEREKA YANG BERMAKNA

A. Individu Yang Bermakna Dalam Hidupku

1. .....
2. .....
3. .....
4. .....
5. .....

B. Individu Yang Kurang Bermakna Dalam Hidupku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1. .....
2. .....
3. .....
4. .....
5. .....

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAHAN 3: RAJAH BIOPSIKOLOGIKAL



Kejadian yang Berlaku	Sistem Kepercayaan Salah	Emosi Negatif Terhasil
----------	----------	----------

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAHAN 4: PEMIKIRAN TIDAK RASIONAL

i. ***Desakkan*** (*demandingness*)

Cara bagaimana seseorang melihat sesuatu kejadian atau peristiwa, iaitu secara bersyarat '*sepatutnya*' dan/atau '*semestinya*'. Cara melihat yang sebegini membawa kepercayaan bahawa setiap sesuatu itu sama ada '*sepatutnya/semestinya*' atau '*tidak sepatutnya/tidak semestinya*' terjadi atau berlaku sepertimana yang dipercayai. ***Desakan*** kadangkala melibatkan kepada norma peraturan sejagat yang mesti dipatuhi, sama ada untuk diri sendiri atau untuk orang lain. Menurut Froggatt (1997), desakkan adalah tema utama dalam memperlihatkan fikiran tidak rasional dalam TREP berbanding tiga tema yang lain.

ii. ***Kedahsyatan*** (*awfulising*)

Cara bagaimana seseorang itu membesar-besarkan kesan dan akibat daripada suatu kejadian atau peristiwa yang berlaku sama ada selepas, semasa atau akan datang – dilihat sebagai sesuatu yang sangat dahsyat, sangat teruk, dan sangat ngeri akan berlaku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. ***Tidak dapat menerima*** (*discomfort intolerance*)

Merujuk kepada fikiran yang tidak dapat menerima sesuatu kejadian atau peristiwa yang terjadi atau yang dialami. Fikiran tidak dapat menerima ini akan diikuti oleh kedahsyatan, dan desakan agar sesuatu itu semestinya berlaku atau tidak berlaku seperti yang dijangka.

iv. ***Menilai individu*** (*People-Rating*)

Keadaan ini merujuk kepada proses menilai diri sendiri atau orang lain. Dalam kata lain, adalah cubaan untuk mengenal pasti nilai total seseorang atau diri sendiri atau menghakimi nilai seseorang atau diri sendiri dari sudut trait, perlakuan dan tindakan mengkut nilai tara yang diingini. Menilai seseorang akan menyebabkan keadaan rendah diri, murung, terlalu mempertahankan diri (*defensiveness*), bongkak, bermusuhan, dan terlalu risau tentang sesuatu.

(Froggatt, 1997)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAHAN 5: RAJAH BIOPSIKOLOGIKAL POSITIF



Kejadian yang Berlaku

1. Keluarga tidak berfungsi/gagal
- Pertengkaran.
- Perceraian.
- Ibu/bapa panas baran.
- Penderaan.

2. Miskin.
- Pendapatan keluarga rendah.
- Keluarga tiada pendapatan tetap.
- Ibu-bapa penganggur.
- Persekitaran miskin.

3. Masalah dalam interaksi sosial.
- Dimarahi.
- Kegagalan.
- Kematian.
- Dikecewakan.
- Perpisahan.
- Dilupakan.
- Tidak dihargaai.

Sistem kepercayaan salah

- Fikiran Terbuka
- Tidak Mendesak
- Berfikiran Positif
- Menerima Orang Lain.

(REDHA)

Emosi Positif terhasil

Perlakuan Positif terhasil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAHAN 6A: KELULUSAN DAN PEKERJAAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BIDANG	KOMBINASI MATA PELAJARAN	KELULUSAN DAN PEKERJAAN		
		IJAZAH	DIPLOMA	SIJIL
Agama	Pendidikan Agama Islam Pendidikan Islam dan Sunnah Pendidikan Syariah Islamiah Tasawur Islam Bahasa Arab Komunikasi Bahasa Arab Tinggi	Pegawai Tadbir Agama Kadi Mufti Guru/ Pensyarah Pegawai Agama Pegawai Bimbingan Agama	Penolong Kadi Penolong Pegawai Agama	Pembantu Tadbir Agama
Ekonomi Kewangan Perdagangan Jualan	Ekonomi Asas Prinsip Akaun Perdagangan Matematik Matematik Tambahan Sains Tambahan Bahasa Melayu	Ahli Ekonomi Akauntan Pegawai Kewangan Pengurus Bank Pegawai Cukai Pegawai Pemasaran Pengurus Pemasaran Juru Audit	Pembantu Penyelidik Pembantu Akaun Pembantu Pegawai Pemasaran Pembantu Juru Audit	Kerani Akuan Penyimpan Akaun Pekerja Jualan Jurujual
Pengurusan dan Pentadbiran	Ekonomi Asas Perdagangan Geografi Sejarah Sains Tambahan Bahasa Melayu	Diplomat Pentadbir Pegawai Kewangan Pengurus Bank Pegawai Cukai Pegawai Peasaran' Pengurus Pemasaran PengurusHartabenda	Pembantu Pengurus Pembantu Tadbir Setiausaha Pembantu Peribadi	Kerani pentadbiran Steografer Pembantu Peribadi
Pengeluaran	Prinsip Akaun Ekonomi Asas Perdagangan	Pengurus Eksekutif Pengurus Pengeluaran Pegurus Kilang Pengurus Pemasaran	Penyelia Kilang	Juru Taknik Penyelia Operator Mesin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BIDANG	KOMBINASI MATA PELAJARAN	KELULUSAN DAN PEKERJAAN		
		IJAZAH	DIPLOMA	SIJIL
Perkhidmatan Sosial dan Keselamatan	Ekonomi Asas Pperdagangan Matematik Sains Tambahan Matapelajaran Elektif Lain	Ahli Psikologi Kaunselor Pegawai Kebajikan Pegawai Tentera Pegawai Penjara Pegawai Bomba Pegawai Kastam Pegawai Imigresen Pengurus Keselamatan	Penolong Pegawai Kebajikan Pegawai Polis Pegawai Tentera Pegawai Penjara Pegawai Bomba Pegawai Kastam Pegawai Imigresen	Penyambut Tetamu Pemandu Pelancong Polis Tentera Warden Pembaca Meter Kastam Posmen Pembatu Trafik
Perundangan	Sejarah Matematik Bahasa Inggeris Sains Tambahan Matapelajaran Elektif Lain	Peguam Cara Peguam Bela Pendakwaraya Penasihat Undang-undang Penggubal Undang-undang Pendaftar Mahkamah Hakim Majistret Pensyarah	Peawai Amanah Pegawai kebangkrapan Pembantu Pegawai Undang-undang	Kerani Undang-Undang Penterjemah Mahkamah
Kesenian (Seni Halus, Seni Muzik, Seni Reka, Fotografi)	Pendidikan Seni Matapelajaran Elektif Lain	Pegawai Pengiklanan Pegawai Kebudayaan Ahli Muzik Ahli Seni Tampak Konduktor Okestra Pengarah Filem Kurator Guru	Pelukis Grafik Pemuzik Jurufoto Pereka fesyen Pereka Industri Guru Artis	Artis Jurufoto Pemuzik Pereka Fesyen
Sains Sukan	Sains Tambahan Matapelajaran Elektif Lain	Pegawai Sukan Jurulatih Sukan Guru	Jurulatih Sukan Promoter Sukan	Jurulatih Sukan Jurulatih Kecergasan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahan 6A/3

BIDANG	KOMBINASI MATA PELAJARAN	KELULUSAN DAN PEKERJAAN		
		IJAZAH	DIPLOMA	SIJIL
Pendidikan (Bidang Sains dan Teknologi)	Fizik Kimia Biologi Matematik Tambahan Bahasa Inggeris MP Kejuruteraan dan Teknikal lain	Guru Matapelajaran Kaunselor Sekolah Pensyarah Maktab Pensyarah Universiti Pegawai Kurikulum Pegawai Pendidikan Penyelidik Pendidikan Nazir Sekolah	Guru Bukan Siswazah Pegawai pendidikan	
Pendidikan (Bidang Sastera dan Sains Sosial)	Sejarah Geografi Seni Lukis Sastera Sains Pertanian Ekonomi Asas Prinsip Akaun Bahasa Dan lain-lain			
Seni Bina	Pendidikan Seni Matematik Tambahan Fizik Kimia Saisn Tambahan Geografi	Arkitek Juru Ukur Bahan/ tanah Perancang Bangunan Perancang Lanskap Perancang RekaBentuk Dalaman	Pembantu Teknik Pembantu Arkitek Pembantu Juru Ukur	Pelukis Pelan
Pertanian, Perikanan dan Pembuatan	Sains Tambahan Sains Pertanian Biologi Kimia Matematik Tambahan	Pegawai Pertanian Pegawai Ladang Pegawai Perikanan Pegawai Perhutanan Pegawai Alam Sekitar Pegawai Bioteknologi Pegawai Hortikultur Jurutera Pertanian	Pembantu Pegawai Pertanian Pembantu Pegawai Perikanan Pembantu Pegawai Perhutanan Pembantu Pegawai Alam Sekitar Pembantu Teknik Pertanian	Juruteknik Pertanian Juruteknik Perikanan Juruteknik Perhutanan Juruteknik Hortikultur Pemandu Ekotourisme

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahan 6A/4

KELULUSAN DAN PEKERJAAN				
BIDANG	**KOMBINASI MATA PELAJARAN**	**IJAZAH**	**DIPLOMA**	**SIJIL**
Ukur (Survey) (Tanah atau Bahan)	Biologi Kimia Fizik Matematik Tambahan Geografi	Juru Ukur Tanah Pegawai Penilaian Penilaai Harta Penilai Tanah	Pembantu Teknik	Juruteknik
Sains Fizik (Kimia, Fizik dan Geologi)	Fizik Kimia Matematikk Tambahan Biologi Sains Tambahan	Pensyarah Universiti Ahli Sains (Fizik/ Kimia) Pegawai Penyelidik Pegawai Analisa Mutu Ahli Geologi Pegawai Kaji Cuaca Guru	Pebantu Teknik Pembantu Penyelidik Pembantu pegawai Analisa Mutu Pembantu Kaji Cuaca	Juruteknik Makmal Pembantu Makmal
Sains Hayat (Biologi, Botani, Mikrobiologi, Ekologi, Zoologi, Alam Sekitar, Genetik, Bioteknologi, Biokimia)	Biologi Kimia Fizik Sains Tambahan Matematikk Tambahan	Ahli Sains Berkenaan Pegawai Penyelidik Ahli Forensik Pegawai Analisa Mutu Guru	Pembantu Penyelidik	Pembantu Makmal
Sains Gunaan dan Teknologi/ Teknologi Makanan	Biologi Kimia Matematikk Tambahan Sains Tambahan Fizik	Pegawai Kawalan Mutu Pegawai Penyelidik Pakar Teknologi Makanan	Pebantu teknik Pembantu Penyelidik Pembantu Kawalan Mutu	Juruteknik Makmal Pembantu Makmal
Matematik dan Statistik	Matematiktambahan Fizik Kimia Matapelajaran Elektif Lain	Perangkawan Pegawai Aktuari Pegawai Pelaburan	Pebantu Pegawai Perangkawan Pegawai kerja Akaun Pebantu Penyelidik Pembantu Pegawai Pelaburan	Kerani Perangkawan Kerani Kewangan


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BIDANG	KOMBINASI MATA PELAJARAN	KELULUSAN DAN PEKERJAAN		
		IJAZAH	DIPLOMA	SIJIL
Perubatan	Matematik Tambahan Biologi Kimia Sains Tambahan Matematik Tambahan Matapelajaran Elektif Lain	Doktor Perubatan Doctor Pergigian Doktor Veterina Pegawai Kesihatan Ahli Farmasi Ahli Farmakologi Ahli Psikitrik Ahli Daet Ahli Optomologi	Juru Terapi Jururawat Pembantu Kesihatan Pembantu Farmasi Pembantu pegawai Haiwan Inspektor Kesihatan Juru X-ray Optician	Juruteknik Makmal Juruteknik Perubatan
Komputer, Teknologi Maklumat dan Perhubungan Awam	Biologi Fizik Kimia Sains Tambahan Matematik Tambahan Matapelajaran Elektif Lain	Juru Analisa Sistem Maklumat Pengatur Cara (Programmer) Penerbit TV dan Radio Pegawai Perhubungan Awam Pegawai Akhbar Pegawai Penyiaran Pengawai personal Pengawai perantaraan	Pengatur cara Wartawan Editor Pengiklan Pemb peg. Perhubungan awam Pemb penerbit TV dan Radio	Operator komputer Juruteknik komputer Juruteknik pengatur cara
Kejuruteraan	Fizik Kimia Matematik tambahan Biologi Sains tambahan Mata pelajaran kejuruteraan Mata pelajaran teknikal	Jurutera Awam Jurutera Elektrik Jurutera Mekanikal Jurutera Elektronik Jurutera Mekatronik Jurutera Telekomunikasi Jurutera Kimia Jurutera Perubatan Jurutera Petroleum Jurutera Bahan Jurutera Eroangkasa Jurutera Automatif Jurutera Industri	Pembantu teknik – Elektrik – Mekanikal – Elektronik – Mekatronik – Telekomunikasi – Kimia – Perubatan – Petroleum – Bahan – Eroangkasa – Automotif – Industri	Juruteknik kepada bidang-bidang berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

***SEMUA BIDANG PERINGKAT IJAZAH DAN DIPLOMA MENGUTAMAKAN MATAPELAJARAN BAHASA INGGERIS DAN MATEMATIK**

Bahan 6 B: KE MANA SELEPAS PT3 DAN SPM



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


BAHAN 7: MATLAMAT DIRI

Bil.	Jenis Matlamat	Jangkaan matlamat Yang Dicapai
	Matlamat Jangka Panjang (Lebih 10 tahun akan datang)	Jenis Kerjaya:
	Matlamat Jangka Sederhana (4 – 5 tahun akan datang)	Perancangan Pendidikan Tinggi:
	Matlamat Jangka Pendek (Bawah 4 tahun sehingga kini)	Perancangan Akademik; PT3: SPM:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAHAN 8: TANGGA MATLAMAT



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN D
Surat Permohonan dan Pengesahan Pelajar Menjalankan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 Tanjong Malim
Perak Darul Ridzuan, Malaysia
Tel : 605 450 5487 (Dekan), 450 5494, 450 5480, 450 5490, 450 5473
Fax : 605 459 4649
http://ips.upsi.edu.my Emel : ips@upsi.edu.my

Institut Pengajian Siswazah

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : UPSI/IPS-1/623.5
Tarikh : 14 Mac 2014

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan ,

PENGESAHAN PELAJAR UNTUK MEMBUAT PENYELIDIKAN

Perkara di atas adalah dirujuk dengan segala hormatnya.

2. Adalah dimaklumkan pelajar sebagaimana nama dan nombor matrik seperti di bawah adalah pelajar Program Pengajian Siswazah , Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI);

Nama Pelajar	: Zainol Abidin bin Ishak
No. Kad Pengenalan	: 630323025429
No. Matrik	: P20111000908
Program Pengajian	: Ijazah Doktor Falsafah
Bidang Pengajian	: Bimbingan dan Kaunseling
Fakulti	: Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia
Sesi Kemasukan	: Semester I Sesi 2011/2012

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3. Sehubungan itu, pihak kami memohon jasa baik pihak tuan supaya dapat membenarkan pelajar tersebut membuat kajian serta penyelidikan di tempat tuan/puan bagi memenuhi pengajian beliau di UPSI.

Sekian, untuk makluman.

" KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN "

Yang benar,

(PROFESOR DR. MAHZAN BIN ARSHAD)
Dekan
Institut Pengajian Siswazah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 1-4, BLOK E-8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA.

Telefon : 03-88846591
Faks : 03-88846579

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ruj. Kami : KP(BPPDP)603/5/JLD. 16(66)
Tarikh : 13 Jun 2014

Zainol Abidin Bin Ishak
134, Jalan Teja 1
Taman Bandar Baru
06400 Pokok Sena
Kedah

Tuan/Puan,

Kelulusan Khas Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah, Institut Pendidikan Guru, Jabatan Pendidikan Negeri Dan Bahagian-bahagian Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan tuan/puan untuk menjalankan kajian bertajuk :

"Kesan Kaunseling Kelompok REBT ke atas Aspek Motivasi, Aserti, Empati, Harga Diri dan kecerdasan Emosi dalam Kalangan Pelajar Salah Laku Disiplin" diluluskan dengan syarat:-

a) Digugurkan item di Bahagian B: Soalan nombor 64, 65, 66 dan 72.
b) Mendapat kebenaran bertulis dari ibu bapa atau penjaga sampel kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada cadangan penyelidikan dan instrumen kajian yang tuan/puan kemukakan ke Bahagian ini. **Kebenaran bagi menggunakan sampel kajian perlu dipohon dari Ketua Bahagian/Pengarah Pendidikan.**

3. Sila tuan/puan kemukakan ke Bahagian ini senaskhah laporan akhir kajian/laporan dalam bentuk elektronik berformat Pdf di dalam CD bersama naskhah *hardcopy* setelah selesai kelak. Tuan/Puan juga diingatkan supaya mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian ini sekiranya sebahagian atau sepenuhnya dapatan kajian tersebut hendak dibentangkan di mana-mana forum atau seminar atau diumumkan kepada media massa.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DR HJ ZABANI BIN DARUS)
Ketua Sektor
Sektor Penyelidikan dan Penilaian
b.p. Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY
اونيۏرسيتي ڤندديقن سلطان ادريس

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzuan, Malaysia
Tel : 6015-4811 7501/7506
Faks : 6015-4811 7297

Laman Web : www.upsi.edu.my

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia

Rujukan kami:UPSI/FPPM/600( )
Tarikh : 30 September 2013

Prof. Emeritus Dato' Dr Amir Awang,
Pusat Pengajian dan Perkhidmatan kaunseling dan Psikologi,
Kolej Universiti Insaniah,
Lebuhraya Sultanah Bahiyah,
05350, Alor Setar, Kedah Darul Aman.

YBhg. Prof/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/Puan,

PANEL PAKAR BAGI KESAHAN MODUL KAUNSELING KELOMPOK PENYESUAIAN REMAJA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Zainol Abidin Bin Ishak, No. Metrik P20111000908 adalah pelajar Doktor Falsafah (Bimbingan dan Kaunseling), Universiti Pendidikan Sultan Idris Tg. Malim Perak sedang membuat penyelidikan bertajuk "Kesan Kaunseling Kelompok REBT Terhadap Salah laku Disiplin Dalam Kalangan Remaja Sekolah". Sehubungan itu, berbesar hati memilih YBhg. Prof/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan dan Puan sebagai panel pakar bidang bagi menilai kesahan modul kajian ini.

3. Untuk makluman YBhg. Prof/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan dan Puan, Modul Kaunseling Kelompok Penyesuaian Remaja (KKPR) ini mengandungi enam tahap sesi kaunseling kelompok. Bersama ini, dilampirkan borang kesahan kandungan dan sinopsis cara perlaksanaan modul KKPR.

4. Kerjasama, sokongan dan masa YBhg. Prof/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan dan Puan amat saya hargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian.

"KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN"

Saya yang menjalankan tugas,

(PROF. MADYA DR. NOOR SHAH BIN SAAD)
Dekan
Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzuan, Malaysia
Tel : 6015-4811 7501/7506
Faks : 6015-4811 7297

Laman Web : www.upsi.edu.my

Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia

Rujukan kami:UPSI/FPPM/600( )
Tarikh : 30 September 2013

Prof. Dr. Najib Ahmad Marzuki,
Dekan Pusat Pengajian dan Pembangunan Sosial, (UUM-CAS)
Universiti Utara Malaysia,
06010 UUM Sintok.

YBhg. Prof/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/Puan,

PANEL PAKAR BAGI KESAHAN MODUL KAUNSELING KELOMPOK PENYESUAIAN REMAJA

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Zainol Abidin Bin Ishak, No. Metrik P20111000908 adalah pelajar Doktor Falsafah (Bimbingan dan Kaunseling), Universiti Pendidikan Sultan Idris Tg. Malim Perak sedang membuat penyelidikan bertajuk "Kesan Kaunseling Kelompok REBT Terhadap Salah laku Disiplin Dalam Kalangan Remaja Sekolah". Sehubungan itu, berbesar hati memilih YBhg. Prof/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan dan Puan sebagai panel pakar bidang bagi menilai kesahan modul kajian ini.

3. Untuk makluman YBhg. Prof/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan dan Puan, Modul Kaunseling Kelompok Penyesuaian Remaja (KKPR) ini mengandungi enam tahap sesi kaunseling kelompok. Bersama ini, dilampirkan borang kesahan kandungan dan sinopsis cara perlaksanaan modul KKPR.

4. Kerjasama, sokongan dan masa YBhg. Prof/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan dan Puan amat saya hargai dan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian.

"KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN"

Saya yang menjalankan tugas,

(PROF. MADYA DR. NOOR SHAH BIN SAAD)
Dekan
Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzuan, Malaysia
Tel : 6015-4811 7501/7506
Faks : 6015-4811 7297

